YŪSUF AL-QARAḌĀWĪ

BAGAIMANA BERINTERAKSI DENGAN AL-SUNNAH

Penerjemah

HUDA MOHSIN
JAWIAH DAKIR

ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA

YŪSUF AL-QARAḌĀWĪ

BAGAIMANA BERINTERAKSI DENGAN AL-SUNNAH

Penerjemah

HUDA MOHSIN
JAWIAH DAKIR

ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
1996

Cetakan Pertama 1994
Cetakan Kedua 1996

ISBN 976-940-048-4

Judul asal	:	*Kayfa Nata'amalu ma'a 'l-Sunnah al-Nabawiyyah*
Karya	:	Dr. Yusuf al-Qaradawi
Penerjemah	:	Dr. Huda Mohsin
	:	Dr. Jawiah Dakir
Penyemak	:	Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid

Diurusterbitkan oleh

BUDAYA ILMU SDN. BHD.
10-1, The Right Angle, Jalan 14/22
46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7557225 Fax: 03-7586439

KANDUNGAN

Prakata Cetakan Kedua ix
Prakata Cetakan Pertama x
Kata Penghantar xi

MUKADIMAH 1

BAB SATU:
KEDUDUKAN AL-SUNNAH-
KEWAJIPAN KITA TERHADAPNYA 5
- Kedudukan al-Sunnah dalam Islam 7
- Kewajipan Orang-orang Islam Terhadap al-Sunnah 13
- Prinsip-Prinsip Asas untuk Berinteraksi dengan al-Sunnah 20
- Al-Sunnah yang Dijadikan Rujukan dalam Tasyri' dan Pengarahan 22
- Menolak Hadith-Hadith Sahih Sama Seperti Menerima Hadith-Hadith Mawdu' 26
- Penolakan Hadith-Hadith yang Sahih Kerana Pemahaman yang Salah 31
- Pembaharuan Agama 34
- Islam Dibina Atas Lima Asas 36
- Antara Risiko Terburu-buru Menolak Hadith Sahih 39

BAB DUA:
AL-SUNNAH AL-NABAWIYYAH
SUMBER UNTUK FAQIH DAN DA'I 45
- Al-Sunnah dalam Bidang Fiqh dan Tasyri' 47
- Semua Fuqaha' Mengambil Hukum daripada al-Sunnah 52

- Kepentingan Hubungan di Antara Hadith dengan Fiqh 53
- Al-Sunnah dalam Bidang Dakwah dan Pengajaran 60
- Berhati-hati Ketika Menyelidik Hadith sebagai Dalil 67
- Kecacatan yang Banyak dalam Hadith Mengenai Nasihat 69
- Fatwa Ibn Hajar al-Haythami 72
- Mentahqiqkan Pendapat Dalam Periwayatan... 73
- Hakikat yang Wajib Diperhatikan 78
- Dua Syarat Lengkap bagi Penerimaan Riwayat Hadith Da'if 89
- Antara Kepintaran Pendakwah 93
- Benarkah Setiap Zaman itu Lebih Buruk daripada Sebelumnya? 97

BAB TIGA:
KAEDAH-KAEDAH MEMAHAMI AL-SUNNAH DENGAN SEBAIK-BAIKNYA 103
- Memahami al-Sunnah Menurut Perspektif al-Qur'an 105
- Menghimpun Hadith-Hadith yang Berkaitan dalam Satu Tajuk 125
- Penyelarasan atau Tarjih di Antara Hadith-Hadith yang Bertentangan 140
- Memahami Hadith Melalui Sebab Berlakunya Perkara yang Berkaitan dan Tujuan Hadith 156
- Membezakan di Antara Wasilah yang Dapat Berubah dengan Tujuan yang Tetap Bagi Sesebuah Hadith 175
- Membezakan di Antara Hakikat dengan Majaz Bagi Memahami Hadith 199
- Membezakan di Antara Yang Ghaib dengan Yang Nyata 224
- Penelitian kepada Makna Lafaz Hadith 232

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين

والصلاة والسلام على خاتم الأنبياء والمرسلين

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ۚ
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ

(٥٩) الحشر: ٧

PRAKATA CETAKAN KEDUA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana buku *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Sunnah* ini telah mendapat sambutan hangat daripada para pembaca. Hal ini tentunya berkait rapat dengan kandungannya yang padat dan mantap berhubung dengan bahasan mengenai Hadith. Jadi, sempena dengan Sambutan Ulang Tahun ke-25 Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), maka buku ini kami cetak sekali lagi bagi memenuhi permintaan para pembaca.

Pada cetakan kedua ini, kami telah membetulkan beberapa kesilapan yang terdapat pada cetakan pertama dahulu. Pembetulan ini melibatkan format, ejaan dan struktur ayat. Dengan demikian, kami harap agar bahasan yang terdapat di dalam buku ini dapat difahami dengan mudah oleh para pembaca.

Atas pandangan dan teguran membina para pembaca, kami ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Insya-Allah segala usaha kita ini kelak akan diberkati-Nya.

Penerbit

9 Rabi'u 'l-Awwal 1417
25 Julai 1996

PRAKATA CETAKAN PERTAMA

Puji-pujian untuk Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam untuk Junjungan kita, Muhammad s.a.w., para keluarga dan Sahabat Baginda.

Penerbitan buku *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Sunnah* karya seorang ilmuwan ternama, Syaykh Yusuf al-Qaradawi, menepati fenomena kebangkitan Islam semasa. Salah faham terhadap al-Sunnah bukan sahaja wujud di kalangan masyarakat, tetapi juga berlaku di kalangan sebahagian ilmuwan pada masa kini.

Al-Sunnah disalahertikan sebagai Sirah Rasulullah s.a.w. semata-mata. Al-Sunnah perlu dimurnikan konsepnya, justeru ia adalah sumber kedua selepas al-Qur'an al-Karim. Al-Sunnah adalah sumber ilmu dan kebudayaan. Segala perbahasan yang berkaitan dengan al-Sunnah hendaklah dianalisis menerusi metodologi yang serba komprehensif.

Penulisan semula al-Sunnah menurut kaedah yang saintifik akan dapat menghapuskan kekeliruan pelbagai pihak terhadap kedudukan dan peranan al-Sunnah dalam kehidupan seharian individu Muslim.

Semoga karya penting Syaykh Yusuf al-Qaradawi ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca. Kami mengucapkan tahniah kepada kedua-dua penerjemah. Semoga Allah s.w.t. merestui amal mulia ini.

Wassalam.

Dr. Muhammad Nur Manuty
Presiden
Angkatan Belia Islam Malaysia

KATA PENGHANTAR

Alhamdulillahi Rabb al-'Alamin, yang telah merelakan Islam sebagai agama kami, Muhammad sebagai Nabi, Petunjuk dan Rasul yang diutuskan dengan kebenaran kepada sekalian manusia, untuk memberi berita gembira dan peringatan, menyeru ke jalan Allah dengan izin-Nya, sebagai pelita yang menerangi, selepas beberapa zaman Rasul, setelah tersebarnya kesesatan, lalu ia taat kepada perintah Allah dengan menyampaikan Risalah, menunaikan amanah persis sebagaimana ia menerimanya, menerangkan kepada manusia apa yang diturunkan ke atas mereka, menjelaskan syari'at Allah, menunaikan segala kewajipannya sehinggalah lengkap agama itu bagi manusia dan sempurnalah nikmat ke atas mereka. Dan Allah telah merelakan Islam sebagai agama yang tetap untuk selama-lamanya yang tidak kunjung padam cahaya dan petunjuk-Nya dan tidak terhenti syari'at-Nya sehinggalah Allah menghancurkan bumi dan segala penghuninya.

Cahaya Risalah itu terang dan panji-panji-Nya tegak hingga hari kiamat. Allah menjelaskan sumber Nur-Nya sebagai tempat rujukan syari'at-Nya semasa Rasulullah s.a.w. masih hidup dan selepas Baginda wafat, supaya Kalimah-Nya tidak goyang dan hati (iman) manusia tidak berubah. Allah s.w.t. berfirman:

أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ

Terjemahan: *Hendaklah kamu semua taat kepada Allah dan hendaklah kamu semua taat kepada Rasul dan juga pemerintah daripada kalangan kamu.*

(*Surah al-Nisa' 4:59*)

Pemerintah atau Ulu al-'Amr itu ialah para ulama yang mampu mengetahui kebenaran. Allah s.w.t. berfirman:

لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ يَسْتَنۢبِطُونَهُۥ مِنْهُمْ

Terjemahan: *Dan tentulah o"ang-orang yang ingin mengetahui kebenaran (akan dapat) mengetahuinya daripada mereka (Rasul dan Ulu 'l-'Amr).*

(Surah al-Nisa' 4:83)

Dan para pemerintah itu ialah orang-orang yang diberikan hak/tanggungjawab untuk menjaga kepentingan umat dan diserahkan kuasa kepada mereka untuk melaksanakan syari'at-syari'at itu dan mereka sentiasa *iltizam* dengannya serta tidak menyeleweng daripadanya.

Taat kepada Allah s.w.t. dapat diumpamakan dengan taat kepada Kitab Allah (al-Qur'an), berpegang kepada hukum-hukum-Nya yang jelas tanpa ragu-ragu, mengikut segala perintah-Nya, menjauhkan segala larangan-Nya, menerima segala hukum-Nya yang tidak jelas (*mutasyabih*), mengambil pengajaran daripada segala perkhabaran-Nya, memahami jalan-jalan-Nya (petunjuk-Nya), taat kepada Rasulullah s.a.w. dengan mengikut segala suruhan dan Sunnahnya.

Semenjak kelahiran Islam dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dijadikan hujah yang sama tegak seperti berhujah dengan al-Qur'an, sebagai ikutan dan sumber ilmu pengetahuan bagi para imam orang-orang Islam dan para mujtahid, setiap orang Islam mengetahui melalui agama Allah s.w.t., secara kepastian akal dan naluri semula jadi (*al-bidahat al-fitriyyah*) mengetahui kehujahan al-Sunnah (*al-hujjiyyah al-Sunnah*) sama ada daripada perkataan-perkataan, perbuatan-perbuatan, dan pengakuan-pengakuan Rasulullah s.a.w., mengenai setiap yang bersangkutan dengan penyampaian Risalah (*al-tabligh*), pensyari'atan dan penerangan. Dan tidak sewajarnya bagi seseorang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya memperkatakan sesuatu yang bertentangan dengan yang demikian. Bagaimana mungkin seseorang Muslim memperkatakan

sesuatu yang lain daripada yang demikian, sedangkan al-Sunnah berkisar di sekitar al-Qur'an yang menerangkan perkara mujmal (hukum yang ringkas), mendetailkan penerangannya, menjelaskan ayat-ayatnya, menafsirkan huraiannya, melaksanakan/mempraktikan syari'atnya mengkhususkan sesuatu hukum yang umum dan *mentaqyid*kan (menghubungkaitkan) sesuatu hukum yang mutlak. Oleh itu, kehujahan al-Sunnah al-Nabawiyyah merupakan satu kemestian agama (*darurah diniyyah*) yang tidak disanggah oleh seorang pun daripada kalangan salaf.

Kemudian muncullah satu golongan baru yang berfahaman sempit, yang cetek ilmu pengetahuannya yang tidak mampu membezakan al-Sunnah yang thabit lagi pasti daripada Rasulullah s.a.w., dengan jalan sunnah-sunnah yang lepas dan berita-berita yang telah lalu, setakat mana kemungkinan berhujah dengan berita-berita yang dinukilkan (dipindahkan) daripada orang-orang terdahulu, dan apakah taraf/standard berhujah dengannya?

Bagaimanakah kedudukannya dengan cara-cara insan memahami sesuatu yang dapat dirasa oleh pancaindera lagi logik apabila dilihat dari segi penafiannya terlebih dahulu? Golongan baru ini menyangka bahawa perbincangan mengenai masalah (*qadiyah*) metodologi falsafah adalah merupakan perdebatan mengenai kehujahan al-Sunnah al-Nabawiyyah itu sendiri. Lalu setiap perdebatan metodologi falsafah akan memasuki bidang al-Sunnah dengan mengambil kira bahawa al-Sunnah itu adalah Hadith dan Hadith itu adalah perkhabaran. Lalu terjadilah perdebatan di sekitar *al-akhbar* tanpa mempedulikan perbezaan yang besar di antara Sunnah al-Nabawiyyah itu sendiri sebagai sunan dengan cara-cara menukilnya dan meriwayatkannya, sebagaimana ia tidak mengendahkan perbezaan di antara kaedah-kaedah meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. dengan kaedah-kaedah meriwayatkan daripada orang lain. Maka hasil daripada campur aduk itu berlakulah perdebatan yang hebat di sekitar kehujahan al-Sunnah itu sendiri, dan fenomena ini mendapat tempat yang meluas dalam pengajian Usul dan Hadith, yang mungkin dapat

dikhususkan kepada bidang-bidang yang bersangkutan dengan metodologi al-Sunnah, kaedah-kaedah memahaminya, penerangan mengenai pengajian dan pengajarannya serta pengajian-pengajian lain yang memudahkan orang-orang Islam pada setiap tempat dan masa untuk membina pemikiran, pemahaman, budaya, cara hidup dan kemasyarakatan mereka menepati objektif al-Sunnah serta mengambil faedah daripada pengajarannya.

Sesungguhnya kesangsian yang direka di sekitar kehujahan *khabar* secara umum dan *khabar* ahad secara khusus memberi kesan negatif yang berbahaya dalam melahirkan puak-puak dan perselisihan di kalangan orang Islam, serta mengubah pengajian Islam dalam bidang al-Sunnah pada satu-satu ketika kepada topik-topik perbahasan yang kebanyakannya tidak membawa kesan positif, bahkan kebanyakannya membawa kesan negatif dalam bidang pemikiran dan *praktikum* yang positif. Antara contohnya ialah masalah (*qadiyah*) kedudukan *al-Sunnah al-Nabawiyyah* di sisi al-Kitab dan masalah (*qadiyah*) al-Kitab menasakhkan al-Sunnah dan al-Sunnah menasakhkan al-Kitab. Lalu tenggelamlah pemikiran orang Islam dalam perkara-perkara yang tidak menambahkan pengetahuan dalam bidang pembenaran (*al-tawthiq*), periwayatan, pentashihan sanad-sanad dan pengkritikan. Maka apabila kita melihat kepada mutu kritikan matan, kaedah-kaedah pengkajian dan penganalisisannya, jelas terdapat perbezaan yang besar di antara usaha-usaha yang bersungguh-sungguh yang dicurahkan dalam bidang pengkritikan sanad dengan usaha yang terhad yang dicurahkan dalam bidang pengkritikan matan, penentuan kaedah-kaedah serta pertimbangan ilmiah dalam mengkaji dan menganalisisnya dan menjelaskan hubung kait Hadith-Hadith yang pelbagai jenis dengan kehendak masa, tempat, persekitaran dan kenyataan.

Para fuqaha' yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam bidang *tasyri'*, dapat mencapai objektif dan memenuhi kehendak/keperluan di atas, sekiranya penglibа-

tan mereka merangkumi setiap aspek al-Sunnah, cabang-cabang dan jenis-jenisnya. Tetapi mereka lebih mementingkan Sunnah Tasyri' (*al-Sunnah al-Tasyri'iyyah*) lalu terus mempraktiskan metodologi dalam periwayatannya.

Apabila keseluruhan *al-Sunnah al-Nabawiyyah* serupa dengan amalan Nabi yang jelas dalam setiap keadaan masa dan tempat yang merangkumi setiap aspek kemasyarakatan, ekonomi dan pemikiran, maka amat penting sekali kajian mengenai kaedah-kaedah memahami al-Sunnah dimasukkan dalam kebanyakan pengajian Usul dan Hadith. Ia merupakan satu usaha mempraktiskan manhaj Allah s.w.t. di atas muka bumi, dan al-Qur'an itu sendiri memandu ke arah melaksanakan manhaj tersebut menjadi kenyataan, di mana ia merangkumi setiap aspeknya yang bertepatan dengan manhajnya, menjadikan ia suatu huraian yang lengkap daripadanya supaya manusia kembali merujuk kepadanya buat selama-lamanya. Maka kebanyakan ayat al-Qur'an diturunkan bagi membetulkan perlaksanaannya, pengkritikannya, penganalisisannya, pentashihannya dan merujuk kepadanya. Hal ini jelas terdapat dalam kebanyakan ayat-Nya dalam surah-surah Ali 'Imran, al-Anfal dan lain-lain.

Institut Pemikiran Islam Antarabangsa sentiasa mengambil perhatian terhadap masalah memahami *al-Sunnah al-Nabawiyyah*, kaedah-kaedah pengkajiannya, penganalisisan setiap cabang ilmu pemahamannya, cara-cara menjadikannya sumber pengetahuan, tamadun dan kebudayaan Islam sebagai salah satu masalah penting daripada masalah pemikiran yang wajib diambil peduli oleh setiap Muslim, kerana batas-batas Usul Islam dan sumber-sumbernya, penjelasan masalah-masalah serta cara-cara memahaminya merupakan asas yang penting dalam membina pemikiran Muslim, membetulkan perjalanannya serta kembali mencorakkan pengetahuan, kebudayaan dan tamadun umat Islam.

Bagi merealisasikan semua itu, perlu kepada perancangan bagi menggerakkannya. Dalam hal ini terdapat beberapa cara seperti berikut:

1. Berusaha mengubah keutamaan pengajian Usul dan Hadith daripada masalah persejarahan yang terputus kepada pengajiannya yang bersinambungan (tidak terputus). Maka Institut ini berpendapat masalah kehujahan al-Sunnah merupakan satu masalah yang berkesinambungan, di mana tidak sepatutnya bagi seseorang Muslim yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya mengingkari kehujahan al-Sunnah. Sehubungan itu, Institut ini telah pun menghasilkan satu kajian ilmiah yang bermutu mengenai topik ini yang dikira sebagai satu kajian Usul yang penting dan menyeluruh dalam bidang kehujahan al-Sunnah, iaitu sebuah buku bertajuk, *Hujjiyyah al-Sunnah* oleh ulama Usul masa kini, al-Syaykh 'Abd al-Ghani 'Abd al-Khaliq rahimahullah. Institut ini menganggap karya seperti itu belum pernah dihasilkan oleh para pengkaji lain.
2. Berusaha menarik perhatian para pengkaji dalam bidang-bidang *al-Sunnah al-Nabawiyyah* ke arah lebih banyak menggunakan komputer bagi memudahkan pengkajian al-Sunnah di kalangan ulama dan pengkaji pelbagai bidang. Pihak Institut telah pun memulakan kempen kepada mereka yang terlibat dalam bidang ini bagi mencapai tujuan tersebut.
3. Memberikan perhatian dalam usaha menyusun al-Sunnah mengikut tajuk-tajuk tertentu serta mengambil manfaat daripada kursus-kursus yang berhubungan dengan bidang itu bagi mencapai objektif kita untuk menjadikan *al-Sunnah al-Nabawiyyah* sebagai sumber ilmu pengetahuan bagi manusia dan masyarakat tanpa membataskan penggunaannya sebagai sumber ilmu pengetahuan fiqh semata-mata.
4. Meminta para ulama supaya menulis tajuk-tajuk yang penting berhubung dengan al-Sunnah dan peranannya dalam membina kembali tamadun manusia dan membebaskan umat Islam daripada belenggu kemunduran. Hal ini telah dicadangkan kepada Prof. Syaykh Muhammad al-Ghazali, lalu beliau menulis

sebuah buku bertajuk, *al-Sunnah bayna ahl al-Fiqh wa ahl al-Hadith* (al-Sunnah di antara ahli Fiqh dan ahli Hadith), dalam usaha menghadapi masalah memahami al-Sunnah serta menerangkan perbezaan di antara pihak yang lebih menumpukan perhatian dalam memahami al-Sunnah dalam bentuk zahir sanad dan zahir riwayat, dengan pihak yang menumpukan perhatian ke arah kefahaman, tanggapan yang mendalam serta mengambil pengajaran daripada al-Sunnah. Pada pandangan Institut, Syaykh al-Ghazali lebih merupakan seorang yang tidak boleh disekat atau ditentukan apa yang hendak diperkatakannya, atau pandangan bagaimana yang hendak ditulisnya, atau tidak ada orang yang mampu/sanggup menyemak apa yang ditulisnya sebelum beliau menerbitkan bukunya. Maka timbullah perdebatan di sekitar apa yang ditulisnya berhubung dengan pendetailan al-Sunnah, contoh teladan dan model-model yang diperoleh al-Ghazali, dan hampir-hampir hilang lenyap tujuan utama penulisan itu kerana tenggelam dalam arena perdebatan di sekitar pendetailannya.

Sesungguhnya penulisan risalah/buku itu pertama-tamanya ditujukan kepada orang-orang yang tidak ada pengetahuan syar'i dan takwin ilmu, pakar-pakar sejarah, sirah, fiqh, bahasa dan yang membolehkan mereka memahami Hadith dengan cara yang betul. Mereka mendapati salah satu Hadith lalu mereka mencari-cari pengajaran yang ada di dalamnya tanpa mengetahui hakikatnya, dimensi-dimensi dan sebab-sebab *wurud*nya, tidak mengetahui mana yang dahulu dan mana yang kemudian, lalu mereka tergesa-gesa memahamkannya dengan kefahaman yang sempit lagi keliru, kemudian menyebarkannya kepada orang ramai. Apabila dikatakan kepada mereka, "Pemahaman kamu ini bertentangan dengan firman Allah s.w.t.", lalu mereka menjawab, "Al-Sunnah adalah kata pemutus

terhadap al-Qur'an dan ia menasakhkannya." Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Sesungguhnya riwayat ini bertentangan dengan riwayat yang lebih sahih daripadanya," mereka tidak mengetahui hakikat pertentangan itu dan tidak mengetahui cara-cara men*tarjih*, juga cara-cara dan batas-batas memahamkannya.

Demikian juga ia ditujukan kepada para ulama, pengkaji-pengkaji dan mereka yang memperhambakan diri (khidmat) dalam bidang *al-Sunnah al-Nabawiyyah* sebagai peringatan, amaran dan perhatian kepada mereka supaya menumpukan segala usaha mereka ke arah memahami dan mengenal pasti kaedah-kaedah memahami al-Sunnah. Tidak ada al-Sunnah tanpa memahami dan mengetahuinya secara mendalam, dan tidak ada pengetahuan yang mendalam, kemajuan umat Islam dan ilmu pengetahuan tanpa al-Sunnah.

5. Apabila pihak Institut melihat adanya kekeliruan di sekitar apa yang terdapat di dalam penulisan al-Ghazali, dan pemikiran orang ramai lebih banyak tertumpu kepada perdebatan hingga terkeluar daripada tujuan utama penulisan, lalu pihak Institut meminta Dr.Yusuf al-Qaradawi menyediakan sebuah buku mengenai "*kaedah memahami al-Sunnah*" dan sebuah lagi buku seperti itu mengenai "*al-Sunnah sebagai sumber ilmu pengetahuan*". Beliau bersetuju menyediakan kedua-dua buku tersebut, dan Institut membantu menerbitkan buku pertama dan diikuti buku yang kedua tidak lama lagi. Insya-Allah.

   Dalam satu perkembangan ilmiah ke arah pengkajian *al-Sunnah al-Nabawiyyah* dengan menumpukan perhatian kepada masalah kefahaman, pihak Institut telah pun mengadakan satu seminar kebangsaan dengan kerjasama Akademi Diraja bagi Kajian Tamadun Islam di Amman, Jordan yang diadakan sempena Muktamar Tahunan Ketujuh oleh Akademi, yang disertai oleh 126 orang ilmuwan, profesor dan

para pengkaji, bermula pada hari Isnin 19 Jun 1989 dan berakhir pada hari Khamis 22 Jun 1989. Temanya ialah "*al-Sunnah al-Nabawiyyah: Kaedahnya dalam membina ilmu pengetahuan dan tamadun*". Antara perbincangan yang penting adalah perbincangan mengenai buku yang ditulis oleh Prof. al-Ghazali dan kajian Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi sebagai tambahan kepada beberapa perbahasan yang dibentangkan sepanjang tiga hari seminar itu.

Institut berpendapat bahawa masalah memahami *al-Sunnah al-Nabawiyyah* dan penumpuan kepada kaedah memahaminya, batas-batas dan syarat-syarat kritikan matan dan masalah-masalah lain yang bersangkutan dengannya yang boleh membantu ke arah menjadikan al-Sunnah sebagai sumber kebudayaan, ilmu pengetahuan dan tamadun Islam, adalah merupakan masalah penting yang memerlukan usaha-usaha ilmiah, kajian-kajian yang serius, seminar-seminar dan muktamar yang lebih banyak supaya dapat membantu al-Sunnah memainkan peranan yang positif dalam membina penghidupan umat masa kini.

Sesungguhnya amatlah perlu masalah ini dimasukkan ke dalam program pengajian Hadith di universiti-universiti, maktab-maktab dan institut Islam sebagai mengambil tempat kepada pengajian masalah yang telah diatasi dan tidak memerlukan kajian lagi.

Setelah buku ini berhasil mencapai tujuannya dan sampai ke tangan orang ramai serta dapat diterima oleh akal (difahami), kita berharap ia akan menambahkan lagi perhatian orang-orang Islam terhadap masalah-masalah al-Sunnah, menyebarkannya, menetapkan kaedah-kaedah dan syarat-syarat memahaminya, menerangkan sebab-sebab pemahaman yang berbagai-bagai pada sesuatu masa, bagaimana berlakunya masalah kefahaman yang sempit dalam memahami al-Sunnah, apakah faktor-

faktornya, bagaimana menganalisis masalah dalaman yang membawa gejala campur aduk yang mengakibatkan meluasnya masalah memahami al-Sunnah? Apakah kesan masalah memahami al-Sunnah akibat lahirnya perdebatan mengenai kehujahan al-Sunnah?

Antara masalah yang perlu kepada kajian yang lebih mendalam dalam hal ini serta mempunyai hubungan langsung dengan isu memahami *al-Sunnah al-Nabawiyyah* dan pengkajiannya adalah seperti yang berikut:

PERTAMA:
SYARAT-SYARAT MEMAHAMI AL-SUNNAH

Apakah sebab-sebab masalah al-Sunnah itu menjadi masalah yang membawa kepada pemahaman yang berbeza-beza dan mengelirukan pada satu-satu ketika? Apakah dia pancaindera, sifat-sifat dan keistimewaan akal yang mampu memahami al-Sunnah serta mengamalkannya dengan baik? Apakah hubungan memahamkan al-Sunnah dengan Islamic Committed (*al-iltizam al-Islami*) seseorang dan bagaimanakah ia dapat mengatasi pandangan minoriti?

Bagaimanakah cara mengatasi masalah dalaman yang membawa kepada campur aduk dalam memahami al-Sunnah, yang pada pandangan kebanyakan pengkaji ia membawa kepada permulaan masalah kehujahan al-Sunnah secara *kulli* atau *juz'i*. Hal ini dapat mendorong ke arah medan perdebatan dan percanggahan pendapat, yang pada mulanya bukan menjadi tajuk perbincangan orang-orang Islam seperti yang saya ketahui.

KEDUA:
PERSELISIHAN DAN BERPUAK-PUAK

Bagaimana mengkategorikan puak-puak Islam? Apakah faktor/ciri-ciri puaknya dan pembahagiannya? Apakah aspek al-Sunnah yang menjadi punca perselisihan mereka – apakah faktor itu dari segi pemahaman, *hujah*, *dirayah* dan

riwayah? Bagaimana ia menggunakan al-Sunnah sebagai senjata di antara puak-puak Islam yang bermacam-macam? Bagaimana penjelasan mengenai kelahiran pendustaan, pandangan minoriti, arah metodologi dan apakah kesan-kesannya? Apakah hubungannya dalam masalah seni abstrak dalam ilmu *dirayah* (pengetahuan) dan *riwayah* (periwayatan)?

Demikian juga kemasukan sesetengah masalah material dalam pengajian al-Sunnah di kalangan ahli usul dan ahli-ahli ilmu kalam seperti dalam masalah kehujahan al-Sunnah, kedudukan al-Sunnah di sisi al-Qur'an, masalah menasakhkan al-Qur'an dengan al-Sunnah dan hubung kaitnya dengan al-Sunnah, ijtihad Rasulullah s.a.w. dan perdebatan mengenainya, percampuran *Sunnah Qawliyyah* (perkataan) dengan Nas al-Qur'an al-Karim dalam kajian-kajian yang berhubung dengannya, mengeluarkan hukum yang dibina di atas dua Nas (al-Qur'an dan al-Sunnah) dalam banyak masalah? Apakah kesannya kepada akal Muslim dari sudut pemikiran dan pendidikan? Apakah fakta sejarah yang melahirkan masalah itu? Apakah dalil logiknya dan kesan-kesannya dahulu dan sekarang? Apakah sebaik-baik jalan bagi menangani masalah-masalah ini dalam pengajian al-Sunnah masa kini dan cara menyusun kurikulumnya? Bagaimanakah cara hendak keluar daripada masalah ini dengan *tasawwur* yang dapat membantu menjelaskan pandangan Islam melalui kata sepakat kaum Muslimin, dan kembali ke arah merancang tamadun ummah?

KETIGA:
JARAK MASA, TEMPAT DAN MEMAHAMI AL-SUNNAH

Memang jelas di kalangan ahli usul - sebagaimana pada masa-masa lampau - yang mengambil kira dari segi masa, tempat dan periode-periode yang tertentu dalam masalah perbuatan Nabi, pengakuan-pengakuan dan pengalaman kemanusiaan dan kenabiannya, dan mengambilnya menjadi sebahagian daripada hukum-hukum. Apakah boleh bagi *al-*

Mutakhassisin menetapkan syarat-syarat mengkaji beberapa perkara yang ada dalam sesetengah perkataan Nabi, dan bagaimana? Apakah peranan kajian terhadap peristiwa-peristiwa semasa dalam menetapkan syarat-syarat dan asas-asasnya?

Kepelbagaian pendekatan di antara masalah *juz'i* tertentu yang diambil kira oleh ahli fiqh dan masalah pemikiran yang diambil kira oleh ahli-ahli fikir, ahli-ahli falsafah dan para komentator (pengkritik), serta masalah kemasyarakatan yang ditekan oleh ahli-ahli sosiologi, telah melahirkan metode-metode yang tertentu dalam memahami al-Sunnah dan beramal dengannya. Maka Hadith-Hadith yang berhubungan dengan masalah *juz'iyyah* tertentu pada pandangan ahli fiqh berlawanan dengan Hadith yang berhubungan dengan fenomena kemasyarakatan yang dikaji dan diperhalusi pemahaman dalam setiap aspek penganalisisan yang dilakukan oleh ahli sosiologi, dan bagaimana ia boleh dipisahkan daripada kemelut sejarah yang menampakkan adanya puak-puak yang berbagai-bagai dengan menggunakan Hadith-Hadith bagi sesuatu tujuan atau sebaliknya, dan kuat pegangan satu puak dengan setiap apa yang datang daripada mereka sahaja. Dan bagaimana boleh dikembalikan peraturan pemikiran yang menyeluruh yang mempunyai motif tertentu kepada pemikiran akal yang dapat diterima serta keluar daripada yang sempit ini selepas melalui pelbagai cara bagi mengumpulkan al-Sunnah dan *al-Rijal*, serta mengadakan kajian dan perdebatan ilmiah?

PERANAN AL-SUNNAH DALAM MENANGANI MASALAH UMMAH

Untuk membendung sifat-sifat negatif di kalangan umat Arab khususnya dan umat Islam umumnya yang membentuk pemikiran umat Islam masa kini, dapat dijelaskan dalam beberapa bentuk, antaranya:

a. Lerainya ikatan di antara umat dan kuatnya cengkaman semangat bertelagah dalam setiap aspek; pemikiran,

kemasyarakatan, puak-puak dan madhhab, politik serta menghidupkan pemikiran berpuak-puak di kalangan umat serta menyegerakannya apabila perlu.

b. Runtuhnya peraturan-peraturan kemasyarakatan, negeri dan cengkaman semangat keakuan atau semangat kekeluargaan, serta belenggu kekhuatiran dan ketakutan terhadap masa depan, kekecewaan dan putus asa pada masa sekarang, menyerah, membiarkan dan hilangnya keberangan dalam setiap perkara positif, serta belenggu sikap tidak peduli tanpa sebarang tindak balas dan meninggalkan kerja-kerja yang mustahak dan kembali kepada perdebatan yang membawa kepada pergaduhan dan perselisihan.

c. Hilangnya kefahaman yang asas terhadap masalah sosial umat yang sebenarnya, dan hubungannya dengan sejarah, pandangan yang sempit dalam penganalisisan terhadap masalah-masalah umat apabila berada dalam masalah *juz'i* tertentu, mendatar lagi luaran sahaja serta terbawa-bawa kepada berpidato, dan penerimaan akal Muslim dalam mengambil sesuatu tanpa kajian atau mengkaji tanpa sebab dan pelbagai kenyataan yang sukar dijelaskan.

Maka bagaimana mungkin *al-Sunnah al-Nabawiyyah* dapat berperanan dan untuk menghidupkan peranannya dalam membetulkan objektif ummah, memberikan pandangan yang jelas dan *tasawwur* yang betul yang membantu mencapai satu tafsiran yang dapat memuaskan hati dalam menjawab permasalahan ini, sedangkan terdapat di kalangan insan kemahuan bekerja dan dalam masyarakat Islam pula ada keupayaan dalam menyediakan nadi kemasyarakatan dan penyatuannya di sekitar objektif Islam yang membangkitkan semangat hidup dan harapan, serta menggesa ke arah bekerja bagi mengadakan budaya baru, masyarakat bekerja lagi berpandangan jauh bagi mengembalikan keperibadian ummah, dan menanamkan semangat ke arah tamadun dan sejarah orang-orang terdahulu yang gemilang.

BAHAYA MEMAHAMI AL-SUNNAH SECARA LITERAL

Pada zaman Rasulullah s.a.w., orang ramai mengamalkan al-Sunnah yang menepati setiap aspeknya, memahami al-Qur'an pada ketika itu dengan fahaman yang langsung, jelas dan mantap. Maka lahirlah satu ummah yang ideal yang tiada tandingnya, menjadi contoh teladan sebagai umat yang baik kepada generasi manusia. Apabila manusia telah jauh dari zaman *Risalah*, fahaman secara literal/lughawi memainkan peranan dalam memahamkan Nas-Nas berdasarkan pemikiran, kaedah-kaedah, tafsiran-tafsiran dan pemahaman yang berbagai-bagai, hingga ia menjadi satu-satunya cara untuk memahami dan menafsirkan Nas. Fenomena ini melahirkan satu pengetahuan yang literal yang semakin berkembang hingga menjadi satu aliran besar yang terkeluar daripada kehendak al-Sunnah yang bersesuaian dengan setiap zaman, tempat, perjalanan hidup dan sejarah, serta menyekat kemajuan umat Islam dengan adanya banyak faktor penghalang kemajuan, perdebatan, pemikiran yang sempit serta mengecilkan bidang-bidang/ruang Islam, mengadakan kesamaran dan kepercayaan-kepercayaan warisan, kepercayaan-kepercayaan karut dan hikayat-hikayat, prasangka terhadap kemungkinan berulangnya (kegemilangan) Hadith dalam setiap aspeknya beberapa kali,... dan ini adalah dalam kehidupan di dunia.

Bagaimana mungkin kajian-kajian baru mengenai al-Sunnah mampu mengatasi isu-isu ini serta menjauhkan pemikiran umat Islam daripada bahaya-bahayanya, dan menyelamatkan mereka daripada orang-orang yang mahu mengosongkan Islam daripada aspek kebudayaan dan ketamadunannya, serta membataskannya hanya dalam sebahagian akhlak perseorangan, *tasawwur* yang tertentu (tidak lengkap), berbentuk literal/lughawi yang semuanya tidak mungkin dapat membentuk satu masyarakat, satu ummah atau membangunkan tamadun.

AL-SUNNAH DAN RANCANGAN PEMBANGUNAN UMMAH

Tidak syak lagi bahawa umat kita sekarang amat perlu kepada rancangan pembangunan yang menyeluruh lagi lengkap untuk mengembalikan umat ini kepada kedudukannya sebenar dan kegemilangan tamadun masa lampau. Hal ini tidak berlaku tanpa mengukuhkan masyarakat Islam dengan syarat-syarat penting yang mesti ada bagi menyediakan tempatnya yang sebenar dan untuk memulakan usaha-usaha membina dan membentuk cara berfikir dan budaya umat ini.

Sesungguhnya pemikiran umat kita sekarang dipenuhi oleh salah satu daripada dua budaya: budaya yang diwarisi daripada sejarah setiap zaman dan persekitaran yang tertentu, dan budaya yang dibawa daripada luar yang dipraktikkan (diislamisasikan?) ataupun tidak. Dan pemikiran orang-orang Islam kini berdiri teguh di hadapan kedua-dua budaya tersebut dan ia diterima oleh akal yang lemah dan menerima kesan perbuatan tetapi tidak sampai kepada matlamat budaya, cukup dengan membawa keruntuhan dalam membangunkan negara, umat dan tamadun.

Sesungguhnya ikatan/perhubungan objektif-objektif dan metode perubahan masyarakat dengan agama dan kepercayaan umat Islam merupakan persediaan dan kekuatan seluruh umat termasuk kumpulan-kumpulan yang ada bagi membaharui pemikiran, kebudayaan dan tamadun umat Islam seperti yang dikehendaki, inilah persediaan yang besar yang dikehendaki dalam perubahan ini.

Untuk mengeluarkan pemikiran umat Islam daripada masalahnya sekarang dan beralih ke satu pandangan yang betul, mampu, lagi dapat menyumbangkan sesuatu, dan dapat menyahut seruan untuk kembali membangunkan pemikiran dan kebudayaan yang tersusun bagi umat Islam, tidak dapat tidak daripada kembali mengkaji sumber-sumber Islam yang tetap iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, dengan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam. Selain itu, perlu dibuka sudut pandangan Islam yang sesuai

untuk masa kini yang mampu mengamati setiap kesan dan aspeknya untuk mendapat idea tentang objektif-objektifnya dan mengetahui motif-motifnya, penjelasan setiap yang *kulli*, mengambil *manhaj* yang pasti untuk merealisasikan kehendak Islam dan membina kembali kegemilangan umat Islam.

Sesungguhnya al-Qur'an al-'Azim telah memberikan orang-orang Islam terdahulu *manhaj* berfikir yang mantap lagi berupaya untuk memahami, menafsirkan, membuat penganalisisan terhadap permasalahan umat Islam dan masyarakat serta mendalami rahsia setiap perkara. Di samping itu terdapat sunan-sunan, khususnya yang berhubung dengan tamadun yang besar dengan bentuknya yang asli yang tidak ragu-ragu tentang keasliannya, penyesuaiannya dengan apa yang berlaku, pengetahuan dan kemampuannya yang istimewa dalam menanggapi permasalahan dalaman di dalam masyarakat, cara-cara memajukannya dan faktor yang membawa kepada kemajuan-kemajuan serta penjelasan yang lengkap ke arah kemajuan sejarah.

Sesungguhnya Sunnah Rasulullah s.a.w. dan sirahnya, sejarah hidupnya, serta sejarah zaman awal para Sahabat merupakan penjelmaan yang nyata dalam cara-cara berfikir tersebut. Kini pemikiran umat Islam berinteraksi dengan al-Qur'an yang mulia dengan pengamatan dan pemahaman semasa yang betul, hasil kajian mengenai setiap *kulliyat*, tujuan dan objektifnya. Tujuannya adalah untuk sampai kepada cara-cara yang sempurna dalam membentuk satu peraturan dan ketetapan bagi menggerakkan kehidupan manusia yang sesuai dengan peredaran dunia dan kenyataan serta dapat menyelesaikan masalah pemikiran yang besar.

Apabila fahaman itu disandarkan kepada *al-Sunnah* dan pemahaman yang merangkumi tujuan-tujuan dan objektif-objektif perlaksanaan Nabi terhadap wahyu Ilahi dan sampai kepada kenyataan hidup insan dan beramal dengannya, maka sesungguhnya dinding-dinding kejahilan, kegelapan dendam dan permusuhan, pembaziran tenaga,

akan hilang dengan izin Allah daripada umat ini. Insan Muslim akan dapat mengatasi kelemahan sendiri supaya mereka berupaya meyakinkan manusia masa kini dengan kepercayaan yang dapat diterima akal dan kebudayaan. Di tangan mereka akan tercapai hidayah dan kejayaan hasil daripada pemahaman yang menyeluruh mengenai Islam, dan ketetapan-ketetapan itu berbeza daripada yang lain kerana ia mempunyai tujuan dan objektif tertentu.

Sesungguhnya, dengan izin Allah, buku ini akan menjadi tonggak dalam membina kaedah-kaedah memahami al-Sunnah, menyelesaikan banyak persoalan yang berhubungan dengan tajuk, mengalihkan perhatian kepada bidang yang lebih penting dalam mencontohi *al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Bidang ini telah tidak diberikan perhatian yang sewajarnya sama ada untuk meninggikan perbincangan ataupun untuk meningkatkan kajian ilmiah dan pembukuan atau meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Mudah-mudahan buku ini dapat menangani isu memahami al-Sunnah dan perdebatan mengenainya dengan bahasan dan kajian serta membantu membebaskan umat Islam daripada perdebatan yang berlarutan dan tidak berfaedah.

Kami memohon kepada Allah s.w.t. supaya mengurniakan pahala kepada penulisnya, memberi faedah kepada orang-orang Islam dan memasukkannya ke dalam neraca kebaikannya. Kami juga berharap semoga Institut Pemikiran Islam Antarabangsa dapat mencapai objektifnya dalam khidmatnya kepada umat Islam serta mengatasi masalah pemikiran mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengabulkan doa.

Dr. Taha Jabir al-'Alwani
Herndon - Virginia.
Rabi' al-Awwal 1411 H
Oktober 1990 M.

MUKADIMAH

Institut Pemikiran Islam Antarabangsa di Washington dan Akademi Diraja Bagi Kajian Tamadun Islam di Jordan telah menugaskan saya supaya menyediakan satu kajian atau buku mengenai cara-cara berinteraksi/beramal dengan al-Sunnah al-Nabawiyyah dengan kedudukannya sebagai sumber kedua dalam Islam selepas al-Qur'an. Kajian itu mencakup bidang fiqh, tasyri', pengadilan, dakwah, pendidikan dan pengarahan. Dengan tawfiq Allah s.w.t., saya pun memulakan penulisan atas tajuk bahasan ini yang panjangnya sangat relatif di mana topik ini seharusnya lebih panjang dan meluas, kerana bidang ini amat penting dan amat diperlukan.

Dalam kajian ini, saya tidak bermaksud untuk mensabitkan al-Sunnah dan menerangkan kehujahannya (al-Sunnah sebagai hujah) kerana itu termasuk dalam bidang yang lain. Saya telah pun menulis mengenainya sebagaimana orang lain juga telah menulis mengenainya, dan tulisan mereka lebih berfaedah dan lebih baik. Tetapi saya lebih banyak menekan mengenai penerangan prinsip-prinsip asas untuk berinteraksi dengan al-Sunnah yang suci, sama ada yang sama-sama diamalkan oleh para fuqaha' ataupun para pendakwah. Selain itu, saya juga menerangkan petunjuk-petunjuk dan syarat-syarat bagi memahami al-Sunnah sebagai satu pemahaman yang betul, jauh daripada pemahaman literal (*harfiyyah*) golongan yang berpegang kepada zahir lafaz dengan mengabaikan objektif-objektifnya, dan berpegang kepada bentuk lahir al-Sunnah dengan mengetepikan rohnya (pengajarannya). Kajian ini juga jauh

daripada cara-cara orang-orang yang bermudah-mudah dalam memahami al-Sunnah dan berpura-pura tahu seperti orang yang masuk ke rumah tanpa melalui pintu yang betul, dan orang-orang yang menceburkan diri mereka secara rambang ke dalam sesuatu yang tidak baik dengan memperkatakan sesuatu tentang Allah s.w.t. dan Rasul-Nya walhal mereka tidak mengetahuinya.

Saya telah berusaha menyusun buku ini menjadi sebuah buku ilmiah yang bermutu. Saya perkuatkan segala dakwaan dengan dalil-dalilnya, saya tidak berhujah melainkan dengan Hadith Sahih atau Hadith Hasan hingga saya tidak terperangkap kepada pendapat orang lain yang telah saya tolak. Saya merujuk kepada pendapat ulama-ulama Islam, khasnya ulama-ulama terdahulu supaya saya dapat diterangi dengan cahaya ilmu mereka, dan mendapat faedah daripada penat lelah mereka, sekalipun ada di antara mereka mengambil daripadanya dan menolak pula daripadanya, kecuali Rasulullah s.a.w. Oleh kerana itu, saya sentiasa berpegang kepada hukum-hukum yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, dan objektif-objektif syari'ah dan kaedah-kaedahnya, mengeluarkan hukum daripada penjelasan Nas-Nasnya, dan hukum-hukumnya yang khusus (*juz'i*) yang tidak terkira. Usaha saya ini adalah sebagai percubaan untuk mempertahankan al-Sunnah daripada musuh-musuh ketatnya dan daripada pembantu-pembantu mereka iaitu orang-orang yang berbuat buruk kepada al-Sunnah dengan pemahaman yang sempit, sekalipun mereka mempunyai niat yang baik serta ikhlas dan mereka menyangka mereka telah melakukan sesuatu yang baik.

Kerana itu saya sengaja membanyakkan contoh bagi tajuk-tajuk yang terlintas di hati saya, sehingga jelaslah permasalahan itu di hadapan para pembaca dengan sejelas-jelasnya, dan setiap contoh menjadi cahaya yang menerangi jalan yang benar.

Saya berharap saya telah pun memenuhi ataupun hampir-hampir memenuhi apa yang dikehendaki daripada saya, dan mudah-mudahan dengan apa yang saya tulis, saya tergolong ke dalam golongan yang adil yang membersihkan

ilmu kenabian daripada penyelewengan golongan pelampau, pendustaan para pendusta dan takwil orang-orang yang jahil, dan mudah-mudahan dengan itu saya mendapat syafa'at daripada Rasulullah s.a.w., penghulu segala Rasul dan penutup segala Nabi.

Segala puji-pujian bagi Allah kerana dengan nikmat-Nya telah berjaya segala amal soleh "yang menunjuki kami kepada syurga ini, dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kami petunjuk".

Yusuf al-Qaradawi
Doha,
Syawal 1409 H
Mei 1989 M

1

KEDUDUKAN AL-SUNNAH
Kewajipan Kita Terhadapnya dan Bagaimana Kita Berinteraksi Dengannya

- **Kedudukan al-Sunnah dalam Islam**
- **Kewajipan orang-orang Islam terhadap al-Sunnah**
- **Prinsip-prinsip asas untuk berinteraksi dengan al-Sunnah.**

KEDUDUKAN AL-SUNNAH DALAM ISLAM

Al-Sunnah adalah tafsiran praktis bagi al-Qur'an juga sebagai perlaksanaan yang real dan unggul bagi Islam. Rasulullah s.a.w. pula adalah pelaksana al-Qur'an dan penjelmaan bagi Islam.

Saya dapat memahami maksud di atas melalui Umm al-Mukminin 'A'isyah r.a. dengan keilmuan dan kecerdikannya serta pengalaman hidupnya bersama-sama Rasulullah s.a.w. Saya mendapat pengajaran yang terang dan jelas akan hal itu ketika beliau ditanya mengenai akhlak Rasulullah s.a.w. lalu beliau menjawab, خلقه كان القرآن *(Akhlaknya (Rasulullah) adalah al-Qur'an).*[1]

Sesiapa yang ingin mengetahui manhaj praktis Islam dengan ciri-ciri dan rukun-rukunnya, hendaklah ia mengetahui secara detail penjelmaannya dalam al-Sunnah al-Nabawiyyah sama ada *Sunnah Qawliyyah* (perkataan), *'Amaliyyah* (perbuatan) dan *Taqririyyah* (pengakuan).

MANHAJ YANG LENGKAP (SYUMUL)

Manhaj ini merupakan satu manhaj yang istimewa kerana ia begitu lengkap (syumul) bagi setiap aspek kehidupan manusia, baik dari segi 'panjangnya', 'lebarnya' dan 'dalamnya'. Yang dimaksudkan dengan 'panjang' di sini ialah jangka masa hidup seseorang yang merangkumi sepanjang

---

[1]Hadith riwayat Muslim dengan lafaznya (خلقه كان القرآن). Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i seperti yang terdapat dalam tafsir surah Nun oleh Ibn Kathir.

kehidupannya sejak lahirnya hinggalah ia mati, bahkan bermula dari masa janinnya hingga masa selepas matinya.

Dan yang dimaksudkan dengan 'lebar' ialah ruang yang meliputi jangkauan ufuqi (*horizontal*) yang merangkumi setiap aspek kehidupan yang dijalaninya dengan petunjuk Nabi (al-Sunnah) sama ada di rumah, di pasar, di masjid, di jalan, dan semasa bekerja. Aspek kehidupan itu juga meliputi hubungan dengan Allah s.w.t., hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan keluarga, dan hubungan dengan orang-orang lain sama ada Muslim atau bukan Muslim, bahkan hubungan di antara manusia dengan haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa.

Dan yang dimaksudkan dengan 'dalam' ialah ruang yang meliputi kelengkapan kehidupan manusia, iaitu meliputi tubuh, akal dan roh, termasuklah zahir dan batin, dan mencakup perkataan, perbuatan dan niat.

MANHAJ YANG SEIMBANG

Manhaj ini istimewa kerana seimbang, iaitu seimbang di antara rohani (spiritual) dengan jasmani (fizikal), akal dengan perasaan (hati), dunia dengan akhirat, idea dengan kenyataan, berfikir dengan bekerja, yang ghaib dengan yang nyata, kebebasan dengan tanggungjawab, individu dengan masyarakat dan di antara yang sunnah dengan yang bid'ah.

Manhaj ini adalah satu manhaj yang sederhana bagi umat yang sederhana juga. Kerana itu apabila Rasulullah s.a.w. melihat sesetengah Sahabatnya yang cenderung kepada melakukan sesuatu dengan melampau, dengan tegas Baginda mematahkan perbuatan mereka supaya kembali kepada kesederhanaan dan mengingatkan mereka supaya menghindari sikap melampau-lampau dan sikap berlebih kurang.

Kerana itu Baginda menolak perbuatan tiga orang Sahabat yang telah bertanya tentang ibadat Baginda, seolah-olah mereka mempersoalkannya, belum berpuas hati dengan ibadat mereka, lalu salah seorang daripada mereka berazam untuk berpuasa dan tidak berbuka sepanjang

tahun, seorang yang lain berazam untuk berjaga malam (untuk beribadat) tanpa tidur, dan yang ketiga berazam untuk memisahkan dirinya daripada perempuan dan tidak mahu berkahwin. Apabila Rasulullah s.a.w. mendapat tahu apa yang dikatakan oleh mereka itu, maka Baginda pun bersabda:

" أما أنى أخشاكم لله وأ تقاكم له، ولكنى أصوم وأفطر، وأ قوم وأرقد،
وأ تزوج النساء، فمن رغب عن سنتى فليس منى . "

Terjemahan: *Sesungguhnya aku lebih takut dan lebih bertaqwa kepada Allah daripada kamu, tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku beribadat malam serta tidur dan aku mengahwini wanita-wanita, sesiapa yang tidak mengikut Sunnahku, dia bukanlah daripada kalangan pengikutku.*[2]

Dan apabila Baginda melihat sikap melampau 'Abdullah bin 'Amru dalam berpuasa, beribadat malam dan membaca al-Qur'an, Baginda menggesanya supaya bersederhana dengan bersabda:

" ان لديك عليك حقا [أى فى الراحة] ولعينك عليك حقا [أى فى النوم]
ولأهلك عليك حقا [أى فى الإمتاع والمؤانسة] ولزورك عليك حقا
[أى فى الإكرام والمشاركة] فاعط كل ذى حق حقه . "

Terjemahan: *Sesungguhnya tubuh badanmu mempunyai hak ke atas kamu (iaitu untuk rehat), matamu mempunyai hak ke atas kamu (iaitu untuk tidur), isterimu mempunyai hak ke atas kamu (iaitu untuk bermesra dan bergurau senda) dan bagi teman-temanmu mempunyai hak ke atas kamu (iaitu untuk dihormati dan bergaul), maka berikan kepada setiap yang berhak akan haknya.*[3]

---

[2]Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Anas.
[3]Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab al-Sawm.

MANHAJ YANG MUDAH

Antara ciri keistimewaan manhaj ini ialah mudah dan senang. Sebahagian daripada tugas Rasulullah s.a.w. yang disebutkan di dalam kitab-kitab yang terdahulu iaitu Tawrat dan Injil, Allah s.w.t. berfirman:

يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ

Terjemahan: *Dia menyuruh mereka dengan yang ma'ruf, menegah mereka daripada yang mungkar, menghalalkan segala yang baik bagi mereka, mengharamkan segala yang buruk atas mereka dan membuang daripada mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka.*

(*Surah al-A'raf 7: 157*)

Tidak terdapat dalam Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. sesuatu yang menyusahkan manusia dalam urusan agama mereka atau sesuatu yang menyulitkan urusan dunia mereka, bahkan Baginda menyifatkan diri Baginda dengan sabdanya:

" انما أنا رحمة مهداة "

Terjemahan: *Sesungguhnya aku adalah satu rahmat yang diberikan petunjuk.*[4]

Setelah Allah s.w.t. berfirman:

[4]Diriwayatkan oleh Ibn Sa'd, al-Hakim dan al-Tirmidhi daripada Abu Salih secara mursal dan diriwayatkan oleh al-Hakim daripadanya daripada Abu Hurayrah secara mawsul, dan disahihkan olehnya mengikut syarat-syarat al-Bukhari dan Muslim serta disepakati oleh al-Dhahabi, dan juga disahkan oleh al-Albani ketika mentakhrijkan kitab *al-Halal wa 'l-Haram* Hadith no.1.

Terjemahan: *Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.* (*Surah al-Anbiya' 21:107*)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

" ان الله لم يبعثني معنتا ولامتعنتا، ولكن بعثني معلما ميسرا "

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan daku untuk menyusahkan dan manusia pun tidak susah, tetapi Dia mengutuskan daku sebagai petunjuk yang mudah.*[5]

Ketika Rasulullah s.a.w. mengutus Abu Musa dan Mu'adh ke Yaman, Baginda telah berpesan kepada kedua-duanya dengan satu pesanan yang pendek tetapi menyeluruh iaitu:

" ولا تعسرا، وبشرا ولا تنفرا، وتطاوعا ولاتختلفا "

Terjemahan: *Kamu berdua, mudahkanlah dan jangan menyusahkan, ajaklah dengan baik (gembirakan) dan jangan jadikan mereka menjauhkan diri, taatlah dan jangan kamu berdua ingkar.*[6]

Baginda juga bersabda sebagai guru kepada umatnya:

" يسروا ولا تعسروا، وبشروا ولا تنفروا "

Terjemahan: *Kamu permudahkanlah dan jangan mempersulitkan, ajaklah dengan baik (gembirakanlah) dan jangan kamu jadikan mereka menjauhkan diri.*[7]

dan Baginda bersabda mengenai Risalahnya:

" انى بعثت بحنيفية سمحة "

---

[5]Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab al-Talaq (1478).

[6]Muttafaq 'Alayh daripada Hadith Abu Musa dan Mu'adh - al-Lu'lu' wa 'l-Marjan (2130).

[7]Muttafaq 'Alayhi daripada Hadith Anas, al-Lu'lu' wa 'l-Marjan (1131).

Terjemahan: *Sesungguhnya aku diutuskan dengan agama yang mudah.*[8]

[8]Diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Abu Umamah dan di dalam sanadnya ada perawi yang da'if sebagaimana yang terdapat dalam *Majma' al-Zawa'id* (4/302). Al-Khatib dan lain-lainnya telah meriwayatkan daripada Jabir melalui tariq (cara) yang da'if dan dalam *Fayd al-Qadir*: Tetapi di sisinya terdapat tiga turuq yang tidak boleh menurunkan daripada taraf Hasan kerana sebab itu. Lihat, *Ghayah al-Maram* oleh al-Albani Hadith ke-8, disebutkan lafaznya oleh al-Hafiz dalam *al-Fath* (2 : 444) daripada al-Siraj melalui Tariq Abu al-Zinad daripada 'Urwah daripada 'A'isyah mengenai kisah permainan orang-orang Habsyah di halaman masjid dan di dalamnya disebutkan: "Supaya orang-orang Yahudi tahu bahawa dalam agama kita ada sesuatu yang menyukakan (menggembirakan), sesungguhnya aku diutuskan dengan agama yang mudah." Dan dijelaskan baginya apa yang diriwayatkan oleh Ahmad daripada Ibn 'Abbas, diajukan kepada Rasulullah s.a.w., "Apakah agama-agama yang paling disukai Allah?" Jawab Baginda, "Agama yang mudah." Al-Haythami berkata, "Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Tabrani dalam al-Kabir, al-Awsat dan al-Bazar, di dalamnya ada Ibn Ishaq, iaitu seorang mudallis, dan dia tidak berterus terang dalam meriwayatkan Hadith (1/60) dan al-Bukhari menggantungkannya dalam *Sahih*nya."

KEWAJIPAN ORANG-ORANG ISLAM TERHADAP AL-SUNNAH

Al-Sunnah al-Nabawiyyah adalah manhaj yang detail bagi kehidupan individu Islam dan masyarakat Islam, sebagaimana yang kita ketahui ia seperti penafsir al-Qur'an dan penjelmaan Islam.

Rasulullah s.a.w. adalah pernyataan al-Qur'an dan jelmaan Islam yang tergambar pada setiap kata-katanya, perbuatannya dan sirahnya, baik ketika bersendirian (sembunyi) mahupun semasa terang-terangan, sama ada ketika di dalam negeri atau bermusafir, ketika jaga dan tidur. Pernyataan dan jelmaan itu juga terserlah pada kehidupan yang khusus untuknya atau untuk umum, perhubungan dengan Allah s.w.t. dan dengan manusia, dengan kaum kerabat yang dekat dan yang jauh, para ketua dan juga musuh-musuh, ketika aman dan perang, ketika tenteram dan ketika ditimpa bencana.

Antara kewajipan orang Islam ialah mengetahui *Manhaj Nabawi* yang tersendiri yang terdapat di dalamnya ciri-ciri kesyumulan (lengkap), kesempurnaan (menyeluruh), seimbang dan mudah, yang terpancar di dalamnya erti ketuhanan yang utuh, kemanusiaan yang unggul dan keperibadian atau akhlak yang berasas.

Hal ini mewajibkan mereka mengetahui bagaimana hendak membetulkan kefahaman tentang al-Sunnah yang mulia ini dan bagaimana cara berinteraksi dengan sebaik-baik pemahaman sebagaimana amalan golongan terbaik umat ini, iaitu kalangan Sahabat dan para pengikut mereka.

Sesungguhnya masalah utama orang-orang Islam pada zaman ini ialah menghadapi krisis pemikiran yang pada pandangan saya mengatasi masalah dalaman.

Contoh yang paling jelas dalam krisis pemikiran ini ialah masalah memahami al-Sunnah dan berinteraksi dengannya, khususnya dalam sesetengah ajaran utama Islam, yang dapat ditanggapi oleh mata kasar dan menjadi harapan serta diceburi oleh umat manusia di timur dan barat, yang kebanyakannya didapati hasil daripada fahaman mereka yang buruk terhadap al-Sunnah.

WASPADA TERHADAP TIGA PENYAKIT

Telah diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. mengenai sesuatu yang ditujukan kepada ilmu pengetahuan kenabian dan Risalah yang ada di tangan para pembangkang, pendusta dan orang-orang yang jahil.

Inilah yang diriwayatkan oleh Ibn Jarir dan dilengkapkan dalam *Fawa'id*nya dan oleh Ibn 'Adi dan lain-lain daripada Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda:

" يحمل هذا العلم من كان خلف عدوله ، ينفون عنه تحريف الغالين
وانتحال المبطلين ، وتأويل الجاهلين "

Terjemahan: *Ilmu ini akan dipelihara daripada musuhnya dari setiap generasi. Mereka membersihkan daripada penyimpangan pelampau, pendustaan orang sesat dan ta'wilan orang jahil.*[9]

---

[9]Hadith ini disebut oleh Imam Ibn al-Qayyim dalam *Miftah Dar al-Sa'adah*, dan ia diperkuatkan kerana ada turuq yang banyak (1/163 dan 164), Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Demikian juga telah dijalankan kesahihannya dan kehasanannya oleh al-'Allamah Ibn al-Wazir, menurut apa yang dinukilkan daripada pentashihan Imam Ahmad terhadapnya, dan al-Hafiz Ibn 'Abd al-Barr telah memberi tarjih yang logik terhadap sanad-sanadnya, serta luas pengkajiannya serta sifat amanah mereka. Hal ini membolehkan kita berpegang kepada riwayatnya. Lihat: *al-Rawd al-Basim fi 'l-Dhabb 'an Sunnah Abi 'l-Qasim* (1: 21-23) Bayrut: Dar al-Ma'rifah. Lihat juga: *al-Rawd al-Basim fi Takhrij Fawa'id Tamam*.

Inilah tiga penukul penghancur yang setiap satunya sama-sama berbahaya terhadap warisan Nabi (al-Sunnah).

a. Penyelewengan Golongan Pelampau

Penyelewengan ini datang melalui cara yang melampau dan tokok tambah yang berubah daripada bentuk kesederhanaan (*al-wasatiyyah*) yang menjadi keistimewaan agama ini, berubah daripada konsep toleransi yang menjadi ciri agama yang mudah ini, dan berubah daripada konsep tidak menyulitkan yang merupakan ciri *taklif* syari'at ini.

Sesungguhnya sikap melampaulah yang telah membinasakan Ahli Kitab sebelum ini, yang telah melampaui batas dalam aspek aqidah, ibadat dan tingkah laku.

Al-Qur'an telah merakamkan hal demikian ketika Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا تَغْلُوا۟ فِى دِينِكُمْ غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوٓا۟ أَهْوَآءَ قَوْمٍ
قَدْ ضَلُّوا۟ مِن قَبْلُ وَأَضَلُّوا۟ كَثِيرًا وَضَلُّوا۟ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ﴿٧٧﴾

Terjemahan: *Katakanlah, "Wahai Ahli Kitab, janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batas) dengan cara tidak benar dalam agama kamu. Dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu orang-orang yang telah sesat dahulunya (sebelum kedatangan Muhammad) dan mereka telah menyesatkan kebanyakan (manusia) dan mereka sesat dari jalan yang lurus."*

(*Surah al-Ma'idah 5:77*)

Kerana ini Ibn 'Abbas telah meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w.:

" اياكم والغلو فى الدين ، فانما هلك من كان قبلكم بالغلوفى الدين "

Terjemahan: *Kamu jauhkanlah daripada bersikap melampau-lampau dalam agama, sesungguhnya telah*

binasa orang yang terdahulu daripada kamu kerana melampau dalam agama.[10]

Dan diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud r.a. daripada Rasulullah s.a.w.:

" هلك المتنطعون "

Terjemahan: *Telah binasa orang-orang yang melampaui batas.*

(Rasulullah s.a.w. mengucapkannya sebanyak tiga kali.)[11]

b. Pendustaan oleh Pendusta

Dalam hal ini terdapat pendustaan yang diserapkan oleh ahli-ahli pendusta ke dalam *manhaj al-Nabawi* yang sebenarnya bukan daripada Baginda. Mereka menampilkan rekaan-rekaan dan bid'ah ke dalamnya yang tidak dapat diterima oleh tabi'inya, ditolak oleh aqidahnya dan syari'atnya, dan jauh daripada prinsip agama mahupun cabangnya.

Apabila mereka gagal menyusupkan sesuatu (rekaan dan bid'ah) ke dalam al-Qur'an yang dipelihara di dalam dada orang-orang Islam, yang termaktub di dalam mashaf-mashaf dan sentiasa dibaca oleh orang-orang Islam, mereka menyangkakan bahawa usaha-usaha mereka untuk membuat pendustaan atau tokok tambah terhadap al-Sunnah adalah lebih mudah, yang membolehkan mereka berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda ..." tanpa sebarang keterangan. Tetapi para ulama besar umat Islam dan para pemelihara (pencinta) al-Sunnah telah mengambil langkah-

---

[10]Diriwayatkan oleh Ahmad, al-Nasa'i, Ibn Majah, al-Hakim, Ibn Khuzaymah dan Ibn Hibban daripada Ibn 'Abbas, sebagaimana di dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatih* (2680).

[11]Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab al-'Ilm di dalam *Sahih*nya (2670).

langkah yang sewajarnya untuk menghadapi mereka, dan menutup segala pintu pendustaan.

Para ulama besar tidak akan menerima sebuah Hadith pun tanpa sanad, dan mereka tidak akan menerima sanad-sanad tanpa menjelaskan perawi-perawinya satu-persatu, sehingga dikenali siapa dia dan diketahui riwayat hidupnya, bermula dari tarikh kelahirannya hingga saat kematiannya. Mereka juga ingin mengetahui, di mana dia mendengar riwayat? Siapa guru-gurunya? Siapa sahabat-sahabatnya dan siapa murid-muridnya. Setakat mana sifat amanah dan taqwanya? Bagaimana hafalan dan ingatannya (ke*dabit*an-nya)? dan setakat mana kesepakatannya dengan perawi-perawi *thiqah* yang masyhur atau periwayatan yang lemah (*gharib*) secara sendirian. Kerana itulah mereka mengatakan, "Al-Isnad sebahagian daripada agama, jika tanpa al-isnad, orang akan berkata mengikut kehendak masing-masing!"

Penuntut ilmu tanpa isnad seperti pencari kayu pada waktu malam!

Mereka juga tidak menerima sesebuah Hadith melainkan Hadith yang berhubung sanadnya daripada awalnya hingga akhir oleh perawi-perawi yang *thiqah* lagi adil dan *dabit*, tanpa kecacatan yang jelas atau tidak jelas dan selamat daripada *syadh* atau *'illah* (cacat) yang buruk.

Inilah ketelitian syarat-syarat dalam pengajian al-isnad yang menjadi panduan dan ikutan bagi sesetengah umat Islam dan yang telah didahului oleh umat yang maju zaman ini dalam meletakkan asas-asas metodologi ilmu sejarah.

c. Ta'wil Orang-Orang Jahil

Dalam hal ini terdapat ta'wilan yang buruk yang merosakkan hakikat Islam, yang memalingkan kebenaran daripada tempatnya yang sebenar, yang mengurangkan apa yang terkandung dalam Islam, hingga terkeluar daripada hukum-hukum dan ajaran-ajarannya yang dasar. Hal ini dapat dilihat pada percubaan *ahl al-batil* (pendusta) yang hendak memasukkan sesuatu yang bukan Islam ke dalam Islam,

ataupun melambat-lambatkan apa yang sepatutnya didahulukan dan mendahulukan apa yang sepatutnya dikemudiankan.

Inilah ta'wil yang buruk dan fahaman yang keji di kalangan orang jahil terhadap agama Islam, iaitu orang-orang yang tidak menghayati semangat agama dan tidak pula membuka mata mereka kepada kebenarannya, maka ilmu mereka tidak teguh untuk melihat kebenaran kerana mereka tidak terlepas daripada fahaman yang menyeleweng dan membelakangkan hukum-hukum yang tetap jelas atau *al-muhkamat*. Sebaliknya mereka mengikut hukum-hukum yang samar atau *al-mutasyabihat* dan mencipta fitnah dan ta'wilan-ta'wilannya kerana mengikut hawa nafsu yang menyesatkan daripada jalan Allah.

Ta'wil orang-orang jahil ialah mereka memakai pakaian ulama dan menzahirkan sikap hukama'. Inilah yang mesti kita berikan perhatian dan berwaspada serta merancang langkah-langkah yang perlu bagi menghindarkan diri daripada terlibat di dalamnya.

Kebanyakan puak yang musnah dan tersisih daripada umat Islam, aqidah dan syari'atnya, serta golongan yang sesat daripada jalan yang lurus, sesungguhnya kemusnahan mereka disebabkan oleh penta'wilan yang buruk dan keji.

Sehubungan dengan itu, kita petik satu ucapan jelas daripada Imam Ibn al-Qayyim yang ditulis di dalam *Kitab al-Ruh* mengenai kepentingan kefahaman yang betul (baik) tentang Hadith Rasulullah s.a.w., terjemahannya seperti yang berikut:

"Sepatutnya difahamkan maksud Hadith Rasulullah s.a.w. tanpa keterlaluan dan kecuaian. Janganlah diertikan (diandaikan) maksud percakapannya kepada yang bukan dimaksudkannya. Janganlah dikurangi maksudnya dan tujuan-tujuan kandungannya yang terdiri daripada petunjuk dan penerangan, sesungguhnya kecuaian dan penyimpangan maksud akan menyesatkan daripada maksud yang sebenar. Tiada

yang mengetahui melainkan Allah, bahkan fahaman yang buruk/salah yang menyimpang daripada maksud Allah dan Rasul-Nya merupakan punca segala bid'ah dan kesesatan yang dihidupkan di dalam Islam, juga punca segala kesalahan dalam memahami prinsip asas (al-usul) dan cabang (al-furu') hukum-hukum, dan tentunya ia membawa kepada objektif yang salah. Fahaman yang salah juga diakui dalam sesetengah perkara yang menjadi ikutan ramai dengan tujuan baik sedang orang yang diikuti bertujuan tidak baik. Apakah musibah yang terkena pada agama dan penganutnya (Islam)! Semoga Allah sentiasa memberi pertolongan. Apakah yang telah berlaku kepada golongan Qadariyyah, Murji'ah, Khawarij, Mu'tazilah, Jahmiyyah, Rawafid dan semua golongan ahli bid'ah, melainkan fahaman yang salah mengenai Allah dan Rasul-Nya, hingga jadilah urusan memahami agama terletak di tangan kebanyakan orang. Inilah dia sebab munculnya fahaman-fahaman (yang salah), di mana fahaman para Sahabat dan Tabi'in r.a. mengenai Allah dan Rasul-Nya ditinggalkan oleh mereka dan mereka tidak hiraukan ... hingga anda membaca al-Qur'an dari awal hingga akhir, anda tidak mendapati fahaman seperti golongan di atas memahami maksud daripada Allah dan Rasul-Nya sebagaimana yang sepatutnya walau dalam satu tempat pun. Ini kerana dia mengetahuinya daripada kebiasaan fahaman orang ramai dan menolak apa yang didatangkan kepada Rasulullah s.a.w. lantas terjadilah perkara yang sebaliknya, iaitu penolakan apa yang didatangkan kepada Rasulullah. Dia mengikut apa yang dipercayainya dan yang dipilihnya serta mengikuti orang yang disangka baik untuk dijadikan ikutan. Ketika itu kata-kata tidak berguna lagi. Semuanya akan ditolaknya, dan dipilihnya apa yang sesuai untuk dirinya dan berikan kepadanya apa yang disukainya. Dan pujilah Tuhan yang menghindarkan engkau daripada bala' ini."

PRINSIP-PRINSIP ASAS UNTUK BERINTERAKSI DENGAN AL-SUNNAH

Bagi menjauhkan diri daripada penokoktambahan orang-orang yang berdusta, penyelewengan para pelampau dan ta'wil orang-orang yang jahil, sewajarnyalah bagi orang-orang yang berinteraksi dengan al-Sunnah al-Nabawiyyah berpegang kepada beberapa perkara yang dianggap prinsip-prinsip asas dalam bidang ini.

Pertama: Bahawa ia mencari kebenaran mengenai kesabitan al-Sunnah dan kesahihannya berdasarkan pertimbangan-pertimbangan ilmiah yang mendalam yang telah ditentukan oleh para imam dalam bidang ini, yang merangkumi sanad dan matan sama ada Sunnah perkataan, perbuatan atau pengakuan.

Seorang pengkaji tidak terlepas daripada merujuk kepada para pakar dan orang yang berpengalaman dalam masalah ini. Mereka ini merupakan orang-orang yang bergiat dalam bidang Hadith dan menghabiskan usia mereka dalam mencari, mengkaji dan membezakan yang Sahih daripada yang *saqim*, dan yang *maqbul* (yang diterima) daripada yang *mardud* (yang ditolak). Allah s.w.t. berfirman:

Terjemahan:... *dan tidak ada yang dapat memberikan keterangan kepadamu sebagaimana yang diberikan oleh Yang Maha Mengetahui.*

(*Surah Fatir 35:14*)

Para ulama telah mengasaskan satu disiplin ilmu yang teguh akar umbinya, yang luas cabang-cabangnya bagi ilmu al-Hadith iaitu yang sama kedudukannya seperti ilmu *Usul al-Fiqh* dalam bidang fiqh. Dan ini telah terbukti dalam satu kumpulan ilmu pengetahuan al-Hadith yang telah diusahakan oleh al-'Allamah Ibn al-Salah, dengan membahagikan cabang-cabangnya hingga sampai enam puluh lima jenis. Selepas itu, al-Suyuti pula telah menambah dalam *Tadrib al-Rawi 'ala Taqrib al-Nawawi* hingga sampai sembilan puluh tiga jenis.

Kedua: Hendaklah ia mengelokkan pemahaman terhadap Nas al-Nabawi (al-Sunnah), mendalami selok-belok bahasa, aspek pembicaraan Hadith, sebab-sebab sampainya Hadith, memahami Hadith di bawah naungan al-Qur'an dan kandungan prinsip-prinsip umum, objektif-objektif yang menyeluruh dalam Islam, serta pentingnya membezakan di antara yang didatangkan kepada Rasulullah s.a.w. yang berbentuk penyampaian Risalah dengan yang sebaliknya (bukan Risalah). Dengan kata-kata lain, Sunnah yang berbentuk tasyri' dan Sunnah yang bukan tasyri', Sunnah tasyri' yang bersifat umum dan berterusan (sepanjang zaman) dengan yang bersifat khusus lagi tertentu untuk sesuatu masa sahaja hendaklah dibezakan. Sesungguhnya sebahagian daripada pemahaman yang salah terhadap al-Sunnah ialah percampuran di antara dua aspek yang tersebut di atas.

Ketiga: Memastikan kedudukan Nas-Nas Hadith yang bertentangan dengan Nas yang lebih kuat daripadanya, sama ada dengan Nas al-Qur'an atau Hadith-Hadith lain. Caranya ialah dengan mengemukakan sebanyak mungkin dalil al-Sunnah atau mensabitkan yang ia lebih sahih atau lebih menepati al-usul dan lebih sesuai dengan hikmah (tujuan) tasyri', atau lebih menepati objektif syari'at yang umum dan menyeluruh yang ada sifat *qat'i* (pasti/putus) kerana ia tidak mengambilnya daripada satu atau dua Nas bahkan mengambilnya daripada Nas yang banyak dan

terdapat hukum-hukum dengan terhimpunnya Nas-Nas di antara satu dengan yang lain, sebagai Nas yang diyakini lagi dipastikan kesabitannya.

AL-SUNNAH YANG DIJADIKAN RUJUKAN DALAM TASYRI' DAN PENGARAHAN

Al-Sunnah merupakan sumber kedua dalam Islam, dari sudut tasyri' dan pengarahannya. Ia menjadi rujukan ahli fiqh dalam mengistinbatkan hukum-hukum, juga menjadi rujukan para pendakwah dan pendidik dalam mendapatkan idea-idea yang jelas, nilai-nilai yang unggul, hukum-hukum yang pasti dan kaedah-kaedah yang menggalakkan ke arah kebaikan dan menjauhkan keburukan.

Bagi menunjukkan kepentingan tersebut, al-Sunnah itu semestinya disabitkan daripada Rasulullah s.a.w. di sisi agama kita, ini dapat dijelmakan dalam ilmu Hadith yang mana Hadith itu dapat dilihat dari sudut Sahih atau Hasan, yang Sahih menyamai martabat *Mumtaz* (cemerlang) atau *Jayyid Jiddan* (amat baik) pada perkiraan *Jami'i*, yang Hasan menyamai martabat *Jayyid* (baik) atau *Maqbul* (diterima), kerana itu Hadith Hasan yang bertaraf *a'la al-Hasan* (Hasan Tertinggi) hampir kepada Sahih dan yang bertaraf Hasan yang paling rendah hampir kepada *da'if*.

Para ulama Islam bersepakat mengenai syarat Hadith-Hadith yang dijadikan hujah dalam hukum-hukum syara' yang praktis, yang merupakan tonggak ilmu fiqh dan asas halal dan haram. Tetapi mereka berselisih pendapat mengenai Hadith-Hadith yang berhubungan dengan kelebihan beramal (*fada'il al-a'mal*), zikir-zikir (*al-adhkar*), *al-raqa'iq*, perkara yang menggemarkan dan menggerunkan (*al-targhib wa 'l-tarhib*) dan sebagainya yang tidak termasuk dalam bab *tasyri'* yang nyata. Sebahagian ulama salaf 'memudahkan' dalam periwayatannya serta tidak mementingkan *takhrij*nya.

Sikap 'memudahkan' atau tidak mengetatkan syarat Hadith bukanlah secara mutlak tetapi mempunyai bidang dan syarat-syarat tertentu. Tetapi kebanyakan mereka

menggunakannya secara tidak betul dan tersesat daripada jalan yang benar serta mengotorkan cahaya Islam yang suci. Kitab-kitab yang berhubung dengan nasihat-nasihat (*al-mawa'iz*), *al-raqa'iq* dan kitab-kitab tasawwuf banyak mengandungi Hadith-Hadith seperti ini.

Demikian halnya dengan sebahagian daripada kitab tafsir, sehingga ada di antaranya yang membawakan Hadith palsu (*Mawdu'*) yang masyhur mengenai kelebihan surah-surah di dalam al-Qur'an, yang kemudiannya telah didedahkan oleh imam-imam *al-Huffaz* mengenai kekurangannya (kecacatannya) serta menerangkan kesalahannya, sedangkan orang yang meriwayatkannya tidak mengambil kira kecacatan itu dan tetap memasukkan Hadith-Hadith palsu ke dalam halaman-halaman kitab mereka. Tetapi orang-orang seperti al-Zamakhsyari, al-Tha'labi, al-Baydawi, Isma'il Haqqi dan lain-lainnya telah tampil ke hadapan untuk mengeluarkan Hadith-Hadith yang dipalsukan itu.

Bahkan lebih daripada itu kita dapati satu penghuraian seperti yang dilakukan oleh pengarang tafsir *Ruh al-Bayan* yang berani memperkatakan Hadith dan dia berlagak seperti pembela, hingga dia berkata dalam nada yang tegas dan berani pada akhir tafsir surah al-Tawbah,

> *"Ketahuilah bahawa Hadith-Hadith yang disebut oleh pengarang al-Kasysyaf pada akhir-akhir surah ini, dan diikuti pula oleh al-Qadi al-Baydawi dan al-Mawla Abu al-Su'ud r.a. yang merupakan ahli-ahli tafsir terbaik: sesungguhnya banyak ulama telah memperkatakan mengenainya, ada yang menyokong, dan tidak ada yang menafikan berdasarkan apa yang telah ditentukan sifatnya seperti Imam al-San'ani dan lain-lainnya."*
>
> *"Kebanyakan bagi hamba yang fakir ini yang dimudahkan Allah s.w.t. kepadanya: bahawa keadaan Hadith-Hadith itu tidak bebas sama ada ia Sahih yang kuat atau saqim da'if, atau dusta yang mawdu'."*

Sekiranya Hadith itu Sahih yang kuat maka tidak ada perbincangan mengenainya. Sekiranya Hadith itu Da'if sanadnya, maka para ahli Hadith bersepakat bahawa Hadith yang Da'if harus beramal dengannya (dibuat hujah) pada perkara-perkara *al-targhib* dan *al-tarhib* (galakan dan amaran) sahaja seperti yang terdapat dalam kitab *al-Adhkar* oleh al-Nawawi, *Insan al-'Uyun* oleh 'Ali bin Burhan al-Din al-Hilbi, *al-Asrar al-Muhammadiyyah* oleh Ibn Fakhr al-Din al-Rumi dan lain-lain lagi.

Sekiranya Hadith itu mawdu' (palsu), maka ia akan dipertikaikan. Contohnya, al-Hakim dan lain-lain telah pun menyebutkan mengenai seorang lelaki di kalangan ahli zuhud yang memalsukan Hadith-Hadith mengenai kelebihan al-Qur'an dan surah-surahnya. Maka diajukan soalan kepadanya, "Kenapa kaulakukan ini?" Dia menjawab, "Aku lihat orang ramai telah tidak sukakan al-Qur'an, jadi aku mahu menggalakkan mereka agar menyukai al-Qur'an." Lalu dikatakan kepada lelaki itu, "Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Sesiapa yang membuat dusta atasku dengan sengaja maka dia telah menyediakan tempatnya di dalam neraka." Lalu lelaki itu menjawab, "Aku tidak berdusta kepadanya (Nabi) tetapi aku berdusta kerananya (kerana Nabi)." Maksudnya: Pendustaan kepada Rasulullah s.a.w. membawa kepada runtuhnya tonggak Islam dan rosaknya syari'at dan hukum-hukum Islam, tetapi tidaklah demikian halnya dengan pendustaan kerana Baginda, iaitu sebagai galakan untuk mencontohi suri syari'atnya dan mengikut teladan dan jalan-jalannya. Syaykh 'Izz al-Din bin 'Abd al-Salam berkata, "Percakapan merupakan penghubung kepada sesuatu tujuan/objektif. Setiap maksud yang terpuji yang dapat dicapai dengan berkata benar dan berdusta secara serentak, maka berdusta di sini adalah haram. Sekiranya objektif itu dapat dicapai dengan berdusta (tanpa berkata benar) maka berdusta adalah harus, jika hasil objektif itu bersifat harus;

dan wajib berdusta sekiranya hasil objektif bersifat wajib. Inilah penjelasannya."[12]

Tidak ada apa yang dapat kita lakukan melainkan kita mengucapkan *La hawla wa la quwwata* dan minta kembali merujuk (kepada yang benar).

Ada manusia yang berasa amat hairan bahawa kata-kata itu keluar daripada seorang yang menggolongkan dirinya ke dalam golongan ahli tafsir al-Qur'an, di mana sesetengah orang menyifatkannya sebagai orang yang pakar dalam bidang fiqh dan usul. Pakar apakah ini, yang sebenarnya dia jahil mengenai perkara yang lebih utama di sisi ulama yang sebenar?

Guru ini (pakar di atas) yang tergolong daripada kalangan ahli sufi seolah-olah tidak tahu bahawa Allah s.w.t. telah menyempurnakan agama-Nya bagi kita dan telah menyempurnakan nikmat-Nya ke atas kita. Jadi, kenapa pula kita masih memerlukan orang yang akan menyempurnakan agama kita, dengan mereka-reka hadith-hadithnya sendiri, seolah-olah dia dapat mengatasi Allah s.w.t. atau mengukuhkan apa yang ada di sisi Rasulullah s.a.w.? Dia memang jelas telah berdusta dengan berkata, "Aku berdusta kerana engkau (bagi pihak engkau) supaya dapat aku sempurnakan agamamu dan aku tampungkan apa-apa yang kurang dalam agamamu dengan cara aku rekakan beberapa buah hadith."

Adapun kata-kata Imam Ibn 'Abd al-Salam mengenai tajuk lain daripada ini berkenaan dengan kelonggaran berdusta yang diberikan dalam beberapa Hadith seperti Hadith berdusta ketika peperangan, ketika hendak mendamaikan dua pihak yang bertentangan, ketika hendak melepaskan orang yang tidak bersalah daripada orang zalim yang mengusirnya (dari negerinya) dan sebagainya telah

---

[12]Dinukilkan sebagai mungkar oleh al-Syaykh 'Abd al-Fatah Abu Ghaddah dalam ta'liqnya kepada *al-Ajwibah al-Fadilah* oleh al-Kanawi, al-Qahirah: Cet.II, 1984, hlm. 132 & 134.

disebutnya dalam tanggapannya. Kata-kata Ibn 'Abd al-Salam sendiri telah menolak dakwaan itu. Telah disebutkan (sebelum ini) bahawa setiap tujuan yang baik yang dapat dicapai melalui bercakap benar dan berdusta secara serentak maka berdusta di sini hukumnya haram. Di sini anda berkata, "Bahawa setiap amalan yang baik (*al-fada'il*) dapat dirangsang melalui hadith-hadith dusta dan setiap amalan yang cela keji dapat dijauhkan dengannya." Perkara ini sebenarnya dapat dicapai (tujuannya) melalui Hadith-Hadith Sahih dan Hadith Hasan tanpa rasa ragu sedikit pun. Maka pendustaan di sini hukumnya haram secara yakin, bahkan ia termasuk di antara dosa-dosa besar.

MENOLAK HADITH-HADITH SAHIH SAMA SEPERTI MENERIMA HADITH-HADITH MAWDU'

Apabila penerimaan hadith-hadith palsu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. merupakan suatu kesalahan, kekeliruan dan perkara yang berbahaya, maka samalah juga, merupakan suatu kesalahan jika menolak Hadith-Hadith Sahih lagi sabit. Penolakan yang dilakukan semata-mata kerana mengikut hawa nafsu, meninggi diri, menambah sesuatu ilmu terhadap Allah s.w.t. dan Rasul-Nya, berprasangka buruk terhadap umat Islam, ulama-ulamanya dan imam-imamnya dari kalangan generasi yang baik dan zaman gemilang.

Penerimaan hadith-hadith palsu bererti memasukkan ke dalam agama sesuatu yang bukan agama. Adapun penolakan Hadith-Hadith Sahih bererti mengeluarkan daripada agama sebahagian daripada agama, dan tidak syak lagi kedua-duanya ditolak lagi dikeji: menerima yang salah dan menolak yang benar.

Semenjak dahulu lagi orang-orang yang melakukan penyelewengan dan orang-orang yang melakukan bid'ah mempunyai pandangan yang samar-samar dan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas, yang telah diserang balik oleh para ulama dan ahli-ahli *tahqiq* dengan penolakan dan pembatalan.

Imam al-Syatibi telah berkata,"Boleh jadi golongan ahli bid'ah baru bertindak menolak Hadith-Hadith kerana hendak menimbulkan kesangsian dan syak wasangka terhadap Hadith, dan sesungguhnya syak wasangka telah dicela di dalam al-Qur'an, seperti firman Allah s.w.t.:

إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهْوَى ٱلْأَنفُسُ

Terjemahan: *Mereka tidak lain hanyalah mengikut sangkaan-sangkaan, dan apa yang diingini oleh hawa nafsu mereka.*

(*Surah al-Najm 53:23*)

dan firman-Nya pada ayat yang lain :

إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ﴿٢٨﴾

Terjemahan: *Mereka tidak lain hanyalah mengikut persangkaan sedangkan sesungguhnya persangkaan itu tiada berfaedah sedikit pun terhadap kebenaran."*

(*Surah al-Najm 53: 28*)

dan ayat-ayat lain yang bermaksud seumpamanya, hingga mereka menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah s.w.t. melalui penuturan Muhammad Nabi-Nya s.a.w. Pengharamannya di dalam al-Qur'an bukan melalui satu Nas sahaja. Tujuan mereka melakukan yang demikian adalah untuk mensabitkan (menguatkan) bagi diri mereka supaya buah fikiran mereka dianggap elok.

Prasangka yang dikehendaki di dalam al-Qur'an dan juga Hadith bukanlah seperti apa yang mereka sangkakan. Kita dapati prasangka mempunyai tempat dalam tiga perkara:

Pertama: Prasangka dalam bidang usuluddin. Para ulama usul tidak dapat lari daripadanya, kerana ada kemungkinannya untuk menolak ketika berlaku prasangka. Berbeza daripada prasangka dalam masalah furu' (cabang), ia dilakukan (dipraktiskan) oleh kalangan ahli syari'ah sebagai dalil menunjukkan keharusan penggunaannya.

Maka prasangka adalah dicela melainkan terhadap sesuatu yang bersangkutan dengan masalah furu'. Ini adalah benar sebagaimana telah disebutkan oleh para ulama mengenai masalah ini.

Kedua: Prasangka yang bermaksud *tarjih* (penjelasan) mengenai salah satu daripada dua perkara yang berlawanan tanpa dalil lain yang dapat ditarjihkan. Tidak syak lagi prasangka ini dicela kerana ia merupakan sebahagian daripada unsur menjatuhkan hukum (membuat hukum). Kerana itu di dalam al-Qur'an sikap ini dinyatakan sebagai mengikut hawa nafsu sebagaimana firman-Nya:

إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهْوَى ٱلْأَنفُسُ

Terjemahan: *Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan-sangkaan dan apa yang diingini oleh hawa nafsu mereka.*

(*Surah al-Najm 53: 23*).

Mereka seolah-olah cenderung untuk mencapai kepentingan dan hawa nafsu semata-mata, kerana itu ia tetap dicela. Berlainan daripada prasangka yang ada dalil, maka ia tidak pula dicela secara total kerana ia terlepas daripada unsur mengikut hawa nafsu. Dengan itu ia disabitkan dan hukum yang diperoleh daripadanya diamalkan jika layak diamalkan, sama seperti (hukum) yang serupa dengannya, seperti hukum furu'.

Ketiga : Prasangka ada dua jenis: *Pertama*, prasangka yang bersandar kepada perkara dasar yang qat'i (*asl qat'i*). Inilah prasangka-prasangka yang dipraktikkan dalam syari'at di mana ia ada berlaku, kerana ia telah disandarkan kepada dasar yang dimaklumi, iaitu daripada jenis yang belum diketahui. *Kedua*, prasangka yang tidak disandarkan kepada perkara yang sudah pasti, bahkan jika ia disandarkan kepada sesuatu yang tidak ada (*asl*) maka ia dicela, sama seperti yang disebut di atas. Sedangkan apabila ia disandar-

kan kepada prasangka yang sama, maka prasangka yang demikian sekiranya bersandar kepada yang sudah pasti, maka keadaannya seperti yang pertama, atau jika disandarkan kepada sesuatu yang bukan dasar, maka ia dicela. Maka secara keseluruhannya dapat dirumuskan: Satu khabar yang telah sah sanadnya, semestinya disandarkan sanadnya kepada sumber (*asl*) yang pasti (*qat'i*) dalam syari'at, ia wajib diterima, dan dari sudut ini kita menerimanya secara mutlak. Sedangkan prasangka orang-orang kafir yang tidak ada sandaran kepada sesuatu, hendaklah ditolak dan tidak perlu diambil kira pengajarannya. Inilah jawapan yang akhir yang diambil daripada sumber (*asl*) yang terdapat syarahnya di dalam kitab *al-Muwafaqat*.

Sesetengah orang yang sesat telah melampau dalam menolak Hadith-Hadith dan menolak pendapat orang-orang yang berpegang kepada pengajaran/hukum yang ada di dalamnya, sehingga mereka mengkategorikan pendapat itu sebagai bertentangan dengan akal (tidak logik) dan orang yang mengemukakan pendapat itu dianggap gila.

Abu Bakr bin al-'Arabi telah menceritakan daripada sesetengah orang yang ditemuinya di negeri sebelah timur bahawa terdapat orang-orang yang tidak percaya kepada *ru'yat* (melihat Allah). Ketika ditanya kepadanya, "Adakah orang yang berkata tentang sabitnya melihat Allah itu kafir atau tidak?" Dia menjawab, "Tidak, kerana dia memperkatakan sesuatu yang tidak masuk akal (tidak logik) dan sesiapa yang berkata sesuatu yang tidak masuk akal tidak menjadi kafir." Ibn al-'Arabi berkata, "Inilah kedudukan kita di sisi mereka! Maka berhati-hatilah untuk bersepakat dengan pendapat yang mengikut hawa nafsu. Kami berlindung kepada Allah daripada yang demikian itu dengan kelebihan-Nya."[13]

Imam Ibn Qutaybah telah menyebutkan di dalam bukunya, *Ta'wil Mukhtalif al-Hadith* tentang banyaknya kesamaran yang berbentuk *kulli* dan *juz'i* yang ditinggalkan

---

[13]al-Syatibi, *al-I'tisam*, jilid 1, hlm. 235-237.

oleh musuh-musuh al-Sunnah, dan memesongkan al-Sunnah dengan mengadakan kesamaran yang tidak henti-henti hingga sampai ke kemuncaknya.

Pada zaman kita ini telah lahir musuh-musuh al-Sunnah yang baru. Sesetengah mereka datang dari luar negara kita seperti misionari dan orientalis, dan yang lain datang dari dalam negeri sendiri, iaitu orang-orang yang meruntuhkan al-Sunnah secara langsung atau tidak langsung.

Musuh-musuh Hadith telah menggunakan senjata musuh dahulu kala dan menyesuaikan dengan senjata (cara) baru serta menyelaraskan dengan cara hidup zaman ini. Mereka ini datang dengan segala daya kekuatan yang ada untuk memusnahkan al-Sunnah, kitab-kitabnya, rijal-rijalnya dan metode-metodenya. Mereka perkuatkan dari setiap sudut dan aspek dengan segala daya kekuatan. Tetapi Allah s.w.t. telah menolong al-Sunnah daripada musuh-musuhnya masa kini yang membuat kesamaran dengan menampilkan hujah-hujah yang mantap kuat, dan orang-orang yang melakukan pendustaan dan penyelewengan dengan kebenaran-kebenaran yang jelas. Allah s.w.t. berfirman:

فَوَقَعَ ٱلْحَقُّ وَبَطَلَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١١٨﴾ فَغُلِبُوا۟ هُنَالِكَ وَٱنقَلَبُوا۟ صَٰغِرِينَ ﴿١١٩﴾

Terjemahan: *Kerana itu nyatalah yang benar dan batallah yang selalu mereka kerjakan. Maka mereka kalah di tempat itu dan jadilah mereka orang-orang yang hina.*

(*Surah al-A'raf 7:118 dan 119*)

Antara mereka itu ialah al-Faqih al-Syaykh 'Abd al-Ghani 'Abd al-Khaliq r.a. di dalam kitabnya yang bernilai bertajuk *Hujjiyyah al-Sunnah* dan al-Faqih pendakwah dan mujahid al-Syaykh Mustafa al-Siba'i r.a. dalam kitabnya yang bernilai dan amat berguna, *al-Sunnah wa Makanatuha fi 'l-Tasyri' al-Islami*, yang telah dijadikan Allah s.w.t. berada di tempat sebaik-baiknya di sisi-Nya.[14]

---

[14]Antara mereka itu ialah Dr. Muhammad Mustafa al-A'zami yang telah mengkritik buku Schacht, Syaykh 'Abd al-Rahman bin Yahya al-

Tetapi yang menarik perhatian di sini ialah penolakan terhadap al-Sunnah dan kesahihan Hadith-Hadith yang dibina atas fahaman salah yang ternyata dalam pemikiran orang-orang yang tidak mempunyai kepakaran. Hal ini menunjukkan kepada kita betapa pentingnya sikap berhati-hati, menyelidik dan mendalami ketika memahami al-Sunnah, serta kembali kepada sumber-sumbernya dan pakar-pakarnya, di mana soal ini akan diterangkan pada halaman-halaman akan datang.

PENOLAKAN HADITH-HADITH SAHIH KERANA PEMAHAMAN YANG SALAH

Antara 'penyakit' yang dihadapi oleh al-Sunnah ialah terdapatnya sesetengah orang yang tergesa-gesa membaca sesebuah Hadith lantas cepat-cepat mereka menyimpulkan maknanya mengikut pemahaman dan tafsirannya sendiri. Dengan makna yang dikhayalkannya menyebabkan dia menolak Hadith itu kerana mengandungi makna yang tidak dapat diterima oleh akalnya.

Jika diadili, didalami maknanya dan dikaji, nescaya dapat diketahui bahawa makna Hadith itu tidak seperti yang difahaminya, kerana ia telah meletakkan makna daripada fahamannya sendiri yang tidak sesuai dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, juga tidak selari dengan kehendak bahasa Arab, dan tidak diperkatakan oleh seorang bijak pandai pun sebelumnya. Dalam hal ini mari kita lihat kefahaman mereka terhadap Hadith:

Sesetengah mereka membaca Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Abu Sa'id al-Khudri dan al-Tabrani daripada 'Ubadah bin al-Samit yang berbunyi:

" اللهم أحيني مسكينا، وأمتني مسكينا، واحشرني في زمرة المساكين "

Mu'alimi al-Yamani pengarang kitab, *al-Anwar al-Kasyifah*, Syaykh Muhammad 'Abd al-Razzaq Hamzah pengarang kitab, *Zulumat Abi Rayyah*, Syaykh Muhammad Abu Syuhbah pengarang kitab, *Difa' 'ani 'l-Sunnah*, Dr. 'Ijaj al-Khatib dan kitabnya, *al-Sunnah Qabl al-Tadwin* dan demikian juga kitabnya daripada riwayat Abu Hurayrah dan lain-lain lagi.

Terjemahan: *Wahai Tuhan, hidupkan daku dalam keadaan miskin, matikan daku dalam keadaan miskin, dan kumpulkan daku (pada hari kiamat) dalam golongan orang yang miskin.*[15]

Maka mereka memahamkan 'miskin' di sini ialah miskin harta benda dan mengharap kepada orang lain. Hal ini menolak apa yang dipohon oleh Rasulullah s.a.w. supaya dijauhi daripada fitnah kefakiran,[16] dan permohonan Baginda kepada Allah supaya diberikan sifat menjauhkan diri daripada yang haram dan diberikan kekayaan.[17] Baginda pernah bersabda kepada Sa'd:

" ان الله يحب العبد الغنى التقى الخفى "

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah mengasihi hamba yang kaya, bertaqwa lagi tak menonjolkan diri.*[18]

dan Baginda bersabda kepada 'Amru bin al-'As:

" نعم المال الصالح للمرء الصالح "

Terjemahan: *Nikmat harta yang baik (soleh) adalah untuk orang yang soleh.*[19]

Oleh kerana itu, Hadith tersebut ditolak. Sedangkan yang sebenarnya, perkataan 'miskin' dalam Hadith itu bukan bermaksud fakir miskin. Bagaimana boleh begitu maksudnya, sedangkan Baginda telah memohon perlindungan Allah

---

[15]Lihat, *Sahih al-Jami' al-Saghir*, hlm. 1261, sesetengah mereka menyangka Hadith ini da'if, demikian Hadith daripada tariq 'A'isyah, tidak seperti dua tariq yang disebutkan.

[16]Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada 'A'isyah. *Ibid.*, hlm. 1288.

[17]Diriwayatkan oleh Muslim, al-Tirmidhi dan Ibn Majah daripada Ibn Mas'ud, Hadith yang sama, hlm. 1275.

[18]Diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim daripada Sa'd bin Abi Waqqas, Hadith yang sama, hlm. 1882.

[19]Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Hakim, ditashih dan disepakati oleh al-Dhahabi.

daripada kefakiran dan doa itu disertai dengan memohon perlindungan daripada kekufuran:

" اللهم انى أعوذبك من الكفر والفقر "

Terjemahan: *Wahai Tuhan sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada kekufuran dan kefakiran.*[20]

Dan Baginda telah dikurniai kekayaan oleh Allah s.w.t., sebagaimana firman-Nya:

وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَىٰ ﴿٨﴾

Terjemahan: *Dan Dia mendapati engkau sebagai orang yang kekurangan, lalu Dia memberikan (engkau) kecukupan.*

(*Surah al-Duha 93:8*)

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan 'miskin' di sini ialah *tawadu'* dan merendah diri. Al-'Allamah Ibn al-Athir berkata, "Bahawa yang dimaksudkan dengan 'miskin' ialah *tawadu'* dan merendah diri serta dia tidak termasuk dalam kalangan orang yang bongkak dan membesar diri."

Demikianlah hidup Rasulullah s.a.w. jauh daripada kehidupan yang menonjol-nonjol dan membesar-besarkan diri sekalipun dalam penampilannya dan rupanya. Baginda duduk sebagaimana hamba dan orang-orang fakir duduk dan Baginda makan sebagaimana mereka makan (tidak bermewah-mewah). Baginda tidak membezakan orang lain dengan Sahabat-Sahabat Baginda, malah Baginda bergaul bersama-sama mereka seolah-olah Baginda adalah salah seorang daripada mereka. Di rumahnya pula Baginda menggilap kasut sendiri, menampal baju, memerah susu dan sama-sama mengisar gandum dengan pengisar bersama jariah dan hamba Baginda.

---

[20]Diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Bayhaqi dalam bab al-Du'a' daripada Anas, *Sahih al-Jami'*, hlm. 1285.

Tatkala seorang lelaki masuk menghadap Rasulullah s.a.w. dengan ketakutan dan gementar, Baginda bersabda kepadanya:

" هون عليك ، فلست بملك ، انما أنا ابن امرأة من قريش كانت تأكـــل القديد بمكة "

Terjemahan: *Bertenanglah kamu, aku bukan raja, sesungguhnya aku seorang anak lelaki perempuan Quraisy yang makan roti kering di Makkah.*

PEMBAHARUAN AGAMA

Sesetengah mereka membaca Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Hakim serta di*tashih*kan oleh beberapa orang perawi daripada Abu Hurayrah secara *marfu*':

" ان الله يبعث لهذه الأمة على رأس كل قرن من يجدد لها دينهـــا "

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah akan mengutus kepada umat ini (umat Islam) seorang pembaharu terhadap agamanya setiap satu kurun (100 tahun).*[21]

Tajdid ialah memperbaharui agama dan mengubahnya supaya sesuai dengan zaman. Lalu dikatakan, "Agama tidak boleh diperbaharui. Agama adalah tetap dan tidak berubah. Sebenarnya perkembangan itu yang mesti menyesuaikan diri dengan agama."

Mereka menyangka bahawa 'pembaharuan' agama yang disebut dalam Hadith di atas bermaksud pada setiap zaman kita diberikan satu bentuk yang baru, membaiki/membetulkan prinsip-prinsip dan pengajaran-pengajarannya, yang selari dengan keperluan-keperluan orang ramai dan kemajuan yang mendadak, inilah tafsiran mereka. Maka Hadith yang sedang diperkatakan ini ditolak. Jika inilah

---

[21]Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitab, *"al-Malahim"* dalam *Sunan* no: 4270; al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, jilid 4, hlm. 522; al-Bayhaqi dalam *Ma'rifah al-Sunan wa 'l-Athar* dan lain-lain, disahihkan oleh al-'Iraqi dan al-Suyuti seperti dalam *Fayd al-Qadir*, jilid 2, hlm. 282.

maksud 'pembaharuan' maka apa yang dikatakan itu tidak benar.

Apa yang dimaksudkan dengan pembaharuan - seperti yang telah saya terangkan dalam kajian saya - ialah pembaharuan memahaminya, keimanan dan amalannya. Maka pembaharuan di sini ialah sesuatu yang dihubungkan dengan kembali semula kepada sesuatu yang telah ada/ berlaku semasa ia bermula dan menzahirkan sebagaimana mulanya dulu seolah-olah ia suatu yang baru, iaitu dengan lebih menguatkan daripada yang sedia ada (sekarang), membetulkan persis seperti yang dahulu, menampung apa-apa yang kurang, hingga ia kembali persis seperti dalam bentuknya yang awal dulu.

Maka pembaharuan bukanlah bermakna mengubah bentuk yang lama atau menggantikan dengan sesuatu yang lain dan diada-adakan lagi tergesa-gesa. Ini bukan pembaharuan. Kita ambil contoh mengenai perkara yang dapat dilihat.

Katakanlah, apabila kita mahu membaharui sesebuah bangunan lama yang mewarisi kesan-kesan sejarah, maka makna pembaharuannya ialah mengekalkan sifatnya, panoramanya dan keaslian bangunannya, serta setiap ciri-ciri khasnya. Selain itu, kita betulkan setiap faktor yang mencacatkan, mengelok pintu-pintu masuknya, serta memudahkan jalan masuk ke sana, di samping memberi pengenalan yang mudah dan seterusnya.... Bukannya satu pembaharuan dengan menghapuskan atau meruntuhkan sesuatu kemudian mendirikan sebuah binaan besar dalam bentuk baru.

Demikianlah pula agama, pembaharuannya bukanlah bermakna melahirkan satu bentuk baru daripadanya, bahkan pembaharuan bermaksud kembali semula kepada ajaran murni yang ada pada zaman Rasulullah s.a.w., para Sahabatnya dan orang-orang yang selepas mereka.[22]

---

[22]Lihat kajian kami, *Tajdid al-Din fi Daw' al-Sunnah* dalam bilangan II Majallah Markaz Buhuth al-Sunnah wa 'l-Sirah, Qatr, hlm. 29. Dan telah diterbitkan dalam kitab *Min Ajl Sahwah Rasyidah*, terbitan al-Maktab al-Islami, Bayrut.

ISLAM DIBINA ATAS LIMA ASAS

Saya berasa amat hairan apabila saya dengar pada zaman kita ini mengenai penolakan Hadith Sahih kerana kefahaman yang lemah, di mana sesetengah orang telah menolak Hadith yang masyhur yang dihafal oleh orang-orang Islam, tua dan muda, atau orang awam, iaitu sebuah Hadith yang diriwayatkan Ibn 'Umar r.a. dan perawi-perawi lain yang berbunyi:

" بنى الاسلام على خمس : شهادة أن لااله الا الله ، وأن محمدا رسول اللـه
واقام الصلاة، وايتاء الزكاة، وصوم رمضان ، وحج البيت لمن ا ستطـاع
اليه سبيـــــلا "

Terjemahan: *Islam dibina atas lima perkara iaitu mengaku bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad Rasul Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, puasa pada bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi orang-orang yang mampu.*

Orang yang beranggapan salah ini berhujah bahawa Hadith tersebut tidak menyebutkan jihad sedangkan jihad amat penting dalam Islam, inilah tanda da'ifnya Hadith itu. Demikian menurut pendapat mereka.

Jahil sungguh mereka, kerana jihad hanya wajib bagi sesetengah orang dan tidak pula bagi orang yang lain. Jihad tidak difardukan melainkan dalam keadaan-keadaan yang tertentu dan khusus, berbanding dengan lima perkara yang tercacat di dalam Hadith di atas yang merupakan satu kemestian bagi setiap manusia.

Sekiranya logik/alasan orang ini betul, nescaya wajib juga dia menolak ayat-ayat al-Qur'an yang menyifatkan orang-orang mukmin (*al-mu'minin*), orang-orang yang bertaqwa (*al-muttaqin*), hamba Allah (*'Ibad al-Rahman*), *al-Abrar*, orang-orang yang melakukan kebaikan (*al-Muhsinin*), *Uli 'l-Albab*, dan sebagainya mendapat puji-pujian Allah di dalam kitab-Nya serta menjanjikan mereka pahala yang besar, tetapi tidak pula menyifatkan mereka dengan jihad.

Bacalah mengenai sifat-sifat orang yang bertaqwa pada awal surah al-Baqarah ayat 2-5, orang-orang yang berbuat kebajikan dan orang-orang yang benar dalam ayat yang bermaksud: *bukanlah kebajikan itu....*; sifat orang-orang mukmin pada awal surah al-Anfal ayat 2-4; sifat-sifat golongan *Uli 'l-Albab* dalam surah al-Ra'd ayat 20-22; sifat-sifat orang mukmin yang mewarisi syurga Firdaus pada awal surah al-Mu'minun ayat 1-10; sifat-sifat hamba Allah (*'Ibad al-Rahman*) pada akhir-akhir surah al-Furqan ayat 63-77; sifat-sifat orang yang bertaqwa dan melakukan kebaikan dalam surah al-Dhariyat ayat 15-23; sifat-sifat orang yang mulia/pemurah di dalam syurga-syurga Allah dalam surah al-Ma'arij ayat 22-35; dan kesemua yang disebutkan di sini dan yang lain-lainnya ada di dalam Kitab Allah, tidak pula disebutkan jihad, maka apakah pandangan yang keterlaluan ini juga menolak ayat-ayat ini daripada Kitab Allah yang mulia?

Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah telah pun membentangkan sebab keterbatasan Islam dalam lingkungan lima perkara yang disebutkan, dan kenapa tidak disebutkan kewajipan-kewajipan asas yang lain, seperti jihad, berbakti kepada kedua ibu bapa, silaturahim dan lain-lain. Beliau menjelaskan:

> *"Dan daripada apa yang dipersoalkan mengenainya, bahawa apabila Allah telah mewajibkan amalan-amalan yang zahir lebih daripada lima perkara, kenapa pula dikatakan bahawa Islam di bina di atas lima perkara ini? Telah dijawab oleh sesetengah orang bahawa (kelima-lima perkara) ini merupakan setinggi-tinggi dan sebesar-besar syiar Islam, hamba yang melakukannya sempurnalah Islamnya, dan yang meninggalkannya melambangkan luputnya ikatan ketaatannya kepada Allah.*
>
> *Yang sebenarnya, Nabi s.a.w. menyatakan bahawa agama yang merupakan ketundukan hamba kepada Tuhannya secara total, yang mewajibkan ibadat hanya kepada Allah semata-mata, maka wajib*

di atas setiap orang yang mampu supaya menyembah Allah semata-mata dengan penuh ikhlas, dan inilah dia lima perkara. Adapun perkara yang lain-lain itu wajib dengan sebab-sebab kepentingan yang tertentu, maka wajibnya tidaklah menyeluruh ke atas semua orang. Bahkan, sama ada ia menjadi fardu kifayah seperti jihad, menyuruh berbuat yang baik dan melarang berbuat yang mungkar, serta perkara-perkara yang berhubungan dengan pemerintahan, hukum-hukum dan fatwa, pembacaan dan percakapan dan sebagainya. Dan sama ada ia wajib dengan sebab ia merupakan hak manusia (anak-anak Adam) yang ditetapkan kewajipan itu kepadanya. Kewajipan ini menjadi tidak wajib sekiranya digugurkan oleh si empunya hak.

Apabila telah terlaksana satu kemaslahatan (kepentingan) atau ada perlepasan, maka hak-hak hamba seperti membayar hutang, membalas ancaman mengembalikan harta yang dirampas, gadaian/pertaruhan, membanteras kezaliman demi mempertahankan nyawa, harta benda dan maruah, semuanya merupakan hak-hak manusia. Apabila ia selesai maka luputlah kewajipan itu. Ia menjadi wajib atas seseorang tetapi tidak pula atas orang lain; pada satu-satu ketika dan tidak pula ketika yang lain; tidak wajib ibadat yang tertentu kepada Allah ke atas setiap orang yang berupaya, kerana ia dikongsi bersama oleh orang-orang Islam, Yahudi dan Nasrani, berbanding dengan lima perkara itu kerana ia ditentukan untuk orang-orang Islam sahaja.

Demikian juga kewajipan menghubungkan silaturahim, hak-hak suami isteri, anak-anak, jiran-jiran, rakan kongsi, fakir-fakir miskin, serta kewajipan mengenai kesaksian, fatwa, kehakiman, pemerintahan, menyuruh berbuat yang baik dan menegah berbuat yang mungkar dan berjihad. Kesemua itu wajib dengan sebab-sebab yang ada pada sesetengah orang tetapi tidak pada sesetengah yang lain; untuk

mendapatkan kebaikan dan menolak kemudaratan. Sekiranya dapat dilaksanakan tanpa penglibatan orang ramai ia tidak wajib, tetapi jika melibatkan kepentingan ramai ia menjadi fardu kifayah. Sekiranya ia tertentu kepada individu sahaja ia hanya wajib atas Pulan tetapi tidak pula ke atas Pulan yang lain. Manusia tidak mungkin bersepakat dalam melaksanakan sesuatu amalan yang diwajibkan ke atas setiap orang yang berupaya melainkan yang lima perkara itu. Umpamanya, kewajipan isteri Zaid dan kaum kerabatnya tidak sama dengan kewajipan isteri 'Amru dan kaum kerabatnya, kewajipan ke atas (orang) ini tidak sama seperti kewajipan ke atas (orang) itu, berlainan dengan kewajipan puasa Ramadan, haji ke Baytullah, sembahyang lima waktu dan zakat. Zakat merupakan kewajipan berbentuk harta benda yang wajib dikeluarkan kerana Allah. Ada lapan golongan yang berhak menerimanya. Untuk melaksanakan kewajipan ini diwajibkan niat. Orang lain tidak harus melaksanakan bagi pihaknya tanpa mendapat izinnya. Orang-orang kafir tidak dituntut melaksanakannya. Hak-hak hamba (selain yang lima perkara itu) tidak disyaratkan niat dalam perlaksanaan bagi pihaknya. Sekiranya orang lain melaksanakan bagi pihaknya tanpa mendapat izinnya,maka ia telah terlepas daripada kewajipan melaksanakannya. Orang-orang kafir juga dituntut sama melaksanakannya.[23]

ANTARA RISIKO TERBURU-BURU MENOLAK SESEBUAH HADITH SAHIH

Sesungguhnya sikap terburu-buru menolak sesebuah Hadith yang terdapat kemusykilan menurut fahaman kita, sekalipun Hadith itu telah sabit Sahihnya, adalah

---

[23]Petikan daripada kitab *al-Iman* oleh Ibn Taymiyyah mengandungi *Majmu' al-Fatawa*, jilid 7, hlm. 314-316.

merupakan satu serkap jarang kerana membuat keputusan tanpa pertimbangan. Sikap itu tidak pernah diambil oleh orang-orang yang mendalam ilmunya malah mereka tidak berani melakukannya. Mereka mempunyai prasangka yang baik terhadap golongan salaf. Apabila telah sabit sesuatu Hadith mereka pun menerima Hadith itu dan mereka tidak menyalahi imam yang muktabar. Maka pastinya mereka tidak perlu mengkritik sama ada *syudhudh* atau *'illah* yang mencacatkan.

Orang alim lagi adil wajib memelihara Hadith dan mengkaji pengertian yang logik atau takwil yang munasabah. Inilah perbezaan di antara Mu'tazilah dengan ahli Sunnah dalam hal ini.

Golongan Mu'tazilah terburu-buru menolak setiap Hadith musykil yang bertentangan dengan penerimaan mereka dari segi ilmu dan agama. Manakala ahli Sunnah menggunakan akal mereka dalam melakukan takwil, mengumpulkan di antara Hadith-Hadith yang berbeza dan mentawfiq (menyelaraskan) di antara Hadith yang pada zahirnya bertentangan.

Kerana itu, Imam Abu Muhammad ibn Qutaybah (meninggal 267H.) telah menyusun kitabnya yang berjudul, *Ta'wil Mukhtalif al-Hadith* untuk menolak putar belit golongan Mu'tazilah mengenai sesetengah Hadith, yang mereka sangka ia bertentangan dengan al-Qur'an atau akal dan realiti atau kontras dengan Hadith-Hadith yang lain.

Kemudian muncul seorang ahli Hadith bermadhhab Hanafi iaitu Imam Abu Ja'far al-Tahawi (meninggal 321H) mengarang kitabnya, *Musykil al-Athar* dalam empat jilid, sebagai usaha untuk mencari takwil yang diterima terhadap Hadith yang mempunyai kemusykilan ini dan menjadikannya logik serta dapat diterima akal. Dari sini sewajarnyalah dilakukan pengkajian yang teliti dalam memahami sebuah Hadith yang benar-benar sabit daripada Nabi s.a.w. Selain itu, kita perlu berhati-hati sebelum menolak sesebuah Hadith hanya semata-mata dengan menggunakan akal yang mungkin berlaku kesilapan dalam memahaminya.

Lebih menjelaskan lagi keadaan ini ialah sesetengah Hadith yang diriwayatkan oleh Umm al-Mukminin 'A'isyah r.a. Beliau telah menolak sesetengah Hadith yang pada pendapatnya bertentangan dengan al-Qur'an atau dengan prinsip Islam yang tetap atau sebagainya, sedangkan Hadith-Hadith itu diriwayatkan oleh Sahabat yang tidak diragui sifat benar mereka, juga tidak diragui ketepatan ingatan mereka dan maksudnya jelas.

Sebagai contoh, perhatikan Hadith tentang *al-Hirrah* (kucing) dan riwayat mengenai balasan terhadap wanita yang menyeksanya hingga mati. Imam Ahmad ibn Hanbal r.h. telah meriwayatkan daripada 'Alqamah katanya, "Ketika kami bersama-sama 'A'isyah, Abu Hurayrah pun masuk lalu 'A'isyah berkata, 'Engkau yang meriwayatkan Hadith mengenai seorang wanita yang diseksa kerana mengikat seekor kucing dan tidak diberi makan dan minum.' Jawab Abu Hurayrah, 'Aku mendengarnya daripadanya,' yakni Rasulullah s.a.w. Lalu 'A'isyah bertanya, 'Adakah engkau tahu latar belakang wanita itu? Wanita itu kafir selain daripada perbuatan yang telah dilakukannya, sedangkan seorang mukmin lebih dimuliakan Allah daripada menyeksanya kerana seekor kucing! Apabila engkau meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w., maka telitilah bagaimana engkau meriwayatkan!'."[24]

'A'isyah membantah riwayat Abu Hurayrah mengenai Hadith ini dengan pengucapannya itu. Beliau menganggap Abu Hurayrah terlupa lafaz Hadith itu ketika dia mendengar daripada Rasulullah s.a.w.

'A'isyah berhujah bahawa seorang manusia mukmin diseksa kerana seekor kucing adalah keterlaluan, sedangkan seorang mukmin lebih dimuliakan Allah daripada memasukkannya ke neraka kerana seekor haiwan.

---

[24]Dikemukakan oleh al-Haythami dalam *Majma' al-Zawa'id* jilid 10, hlm. 190, dan dia berkata, "Diriwayatkan oleh Ahmad dan rijalnya rijal sahih. Adapun wanita yang masuk neraka dengan sebab mengurung kucing, telah diriwayatkan daripada Abu Hurayrah oleh al-Syawkani dan selain daripada kedua-duanya." Lihat: *Sahih al-Jami' al-Saghir*.

Semoga Allah mengampuni 'A'isyah. Di sini 'A'isyah telah lupa mengenai sesuatu motif yang amat penting, yang menunjukkan amalan yang dilakukan. Sekiranya seekor kucing dikurung hingga mati kelaparan, jelas menandakan kebekuan hati wanita itu serta kekejamannya ke atas makhluk Allah yang lemah. Sinar kasih sayang tidak ada di dalam hatinya. Tidak masuk syurga melainkan orang yang pengasih. Allah tidak mengasihi selain orang-orang yang pengasih. Sekiranya dia (wanita) mengasihi makhluk di bumi, nescaya dia akan dikasihi makhluk di langit.

Sesungguhnya Hadith ini dan Hadith yang mempunyai pengertian seumpamanya adalah menjadi kebanggaan Islam dalam bidang nilai-nilai kemanusiaan yang menghormati setiap makhluk yang bernyawa. Pelindung kepada setiap yang bernyawa akan mendapat ganjaran pahala.

Antara riwayat yang menyempurnakan lagi maksud Hadith ini ialah apa yang terdapat dalam sebuah Hadith lain yang diriwayatkan oleh al-Bukhari bahawa seorang lelaki telah memberi minum seekor anjing, maka Allah telah berterima kasih kepadanya dan mengampuni dosanya.

Seorang wanita pelacur pula telah memberi minum seekor anjing lalu Allah mengampuni dosanya.

Abu Hurayrah tidak bersendirian dalam meriwayatkan Hadith itu, hingga disangka dia tidak tepat mengingati lafaznya. Bagaimana boleh begitu sedangkan Abu Hurayrah merupakan Sahabat yang paling banyak menghafal Hadith secara mutlak?

Imam Ahmad, al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada Ibn 'Umar r.a. daripada Rasulullah s.a.w sabdanya:

" عذبت امرأة فى هرة حبستها حتى ماتت جوعا، فدخلت فيها النار،
قال الله : لا أنت أطعمتها، ولاسقيتها حين حبستها ، ولا أنت أرسلتها
فأكلت من خشاش الأرض "

Terjemahan: *Seorang wanita telah diseksa kerana seekor kucing yang dikurungnya hingga mati*

kelaparan. Dia dimasukkan ke neraka kerananya. Allah berfirman: engkau (wanita itu) tidak memberi makan dan minum ketika engkau mengurungnya dan engkau tidak melepaskannya supaya ia dapat makan rumput (lumut) di bumi.[25]

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Jabir daripada Rasulullah s.a.w.:

"عذبت امرأة فى هرة حبستها حتى ماتت جوعا فدخلت فيها النـــــار، قال الله : لا أنت أطعمتها، ولاسقتيهاحين حبستها، ولا أنت أرسلتها ، فأكلت من خشاش الأرض . "

Terjemahan: *Seorang wanita telah diseksa kerana seekor kucing yang diikatnya hingga mati dan tidak dilepaskannya supaya ia dapat makan rumput (lumut) di bumi.*[26]

Abu Hurayrah tidak bersendirian dalam meriwayatkan Hadith seperti itu dan sekiranya dia meriwayatkan secara bersendirian sekalipun tidak ada salahnya dalam hal-hal yang demikian.

---

[25] & [26]Lihat: *Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatihi.* dua buah Hadith hlm. 3995-3996.

2

AL-SUNNAH AL-NABAWIYYAH

Sumber untuk Faqih dan Da'i

- Al-Sunnah dalam bidang fiqh dan tasyri'
- Al-Sunnah dalam bidang dakwah dan pengajaran (al-tawjih)

AL-SUNNAH DALAM BIDANG FIQH DAN TASYRI'

Al-Sunnah merupakan sumber kedua bagi fiqh dan tasyri' selepas al-Qur'an. Kerana itu kita dapati pengkajian al-Sunnah dengan kedudukannya sebagai sumber dan dalil bagi hukum-hukum syarak, merupakan satu kajian yang luas bidangnya di dalam semua kitab usul fiqh dan dalam setiap madhhab. Imam al-Awza'i (meninggal 157H) berkata, "Al-kitab (al-Qur'an) lebih memerlukan al-Sunnah daripada al-Sunnah memerlukan al-Kitab (al-Qur'an).[1]

Yang demikian itu, kerana al-Sunnah adalah sebagai alat penerangan bagi al-Kitab. Al-Sunnahlah yang memperincikan apa-apa yang *mujmal* (ringkas), menghubungkaitkan apa-apa yang mutlak dan mengkhususkan apa-apa yang umum.

Inilah (sebabnya) yang menjadikan sesetengah orang berkata, "Al-Sunnah adalah kata pemutus bagi al-Kitab (al-Qur'an),"[2] atau dengan kata lain, al-Sunnah menerangkan maksud al-Qur'an. Tetapi Imam Ahmad tidak menerima ungkapan ini lalu berkata, "Aku tidak berani berkata demikian, tetapi aku berpendapat: al-Sunnah adalah penerang bagi al-Kitab."[3] Inilah pendapat yang benar (adil).

---

[1]al-Syawkani, *Irsyad al-Fuhul*, Mustafa al-Babi al-Halabi, t.th.) hlm. 33.

[2]*Ibid.*, sesungguhnya ia telah disampaikan kepada Yahya bin Abi Kathir dan dinyatakan oleh Ibn 'Abd al-Barr dalam *Jami'*, jilid 2. hlm. 192.

[3]Dinyatakan oleh Ibn 'Abd al-Barr dalam *Jami' Bayan al-'Ilm wa Fadlih*, (Bayrut: difotostat/ofset dari *al-Muniriyyah*, t.th.), jilid 2, hlm. 191, 192.

Dari satu segi al-Sunnah menerangkan al-Kitab, dan dari satu segi yang lain ia berkisar di atas paksi al-Kitab dan tidak terkeluar daripadanya.

Apa yang tidak dipertikaikan mengenainya ialah al-Sunnah itu adalah sumber bagi tasyri' mengenai hal-hal ibadat dan muamalat bagi setiap individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Imam al-Syawkani berkata, "Kesimpulannya, bahawa sabitnya penghujahan al-Sunnah dan menjadi satu sumber tasyri' hukum-hukum yang tersendiri, adalah satu kemestian agama, dan ini tidak disanggah kecuali oleh orang-orang yang tidak mempunyai ilmu dalam agama Islam."[4]

Sesiapa sahaja yang membaca kitab-kitab fiqh Islam, dalam apa madhhab sekalipun, akan mendapatinya penuh dengan penggunaan dalil-dalil al-Sunnah sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan. Dalam hal ini, semua pihak sependapat, baik dari kalangan yang dikenali dalam sejarah fiqh dengan nama *aliran al-Hadith* mahupun dari kalangan *aliran pemikiran (ahl al-Ra'y)*. Pada prinsipnya mereka menerima dari dua sudut. Hanya yang menjadi perselisihan ialah mengenai penjelasan (perincian) dan perlaksanaan, hasil daripada perbezaan pendapat mereka dalam menentukan syarat-syarat penerimaan Hadith dan beramal dengannya.

Sesiapa yang membaca kitab-kitab madhhab Hanafi yang mewakili *ahl al-Ra'y*- tentu akan mendapatinya penuh dengan Hadith-Hadith yang dijadikan sumber dalil oleh imam-imam mereka.

Sesungguhnya penelitian yang mendalam dan berhati-hati terhadap Hadith-Hadith yang terkandung di dalam kitab-kitab seperti kitab *al-Ikhtiyar Syarh al-Mukhtar* oleh Ibn Mawdud al-Hanafi al-Mawsili (meninggal 683H) yang menjadi teks dalam pengajian kami di peringkat menengah di Ma'had al-Azhar (yang saya maksudkan ialah penuntut madhhab Hanafi) atau seperti kitab *al-Hidayah* oleh al-

---

[4]*op. cit.* hlm 33.

Marghinani, teks bagi penuntut Hanafi di Fakulti Syari'ah al-Azhar dan syarahnya *Fath al-Qadir* oleh pendukung madhhab Hanafi, Kamal al-Din ibn al-Hammam, sudah cukup sebagai menguatkan kebenaran ini iaitu *ahl al-Ra'y* bergantung kepada dalil al-Sunnah sebagaimana *ahl al-Athar.*

Sesetengah orang pada zaman ini mengatakan, "Sesungguhnya Abu Hanifah tidak mengatakan Hadith-Hadith itu sahih melainkan 17 buah Hadith saja."

Ini adalah kata-kata yang tidak masuk akal bagi mereka yang kenal akan tabiat kebiasaan *aliran pemikiran Ilmiyyah* pada zaman itu, serta taraf pemikiran ulamanya. Manakala Abu Hanifah sendiri adalah lepasan *Madrasah Ilmiyyah* di Kufah yang bertembung di dalamnya pengajaran fiqh dan Hadith sekali gus, semenjak diasaskan oleh seorang Sahabat yang mulia iaitu 'Abdullah bin Mas'ud r.a. Madrasah ini telah bertambah beberapa ilmu dan kelebihan (standard) dengan kedatangan Amir al-Mukminin 'Ali bin Abi Talib r.a. yang berkata, "Allah merahmati anak Umm 'Abd (yakni 'Abdullah bin Mas'ud), sesungguhnya negeri ini penuh dengan ilmu."

Amat menghairankan apabila sesetengah mereka menyandarkan kepada Ibn Khaldun mengenai apa yang disebutkannya tentang Abu Hanifah. Ini merupakan sebahagian daripada kekeliruan sesetengah percakapan orang ramai yang menjadi musibah kepada kita, tanpa melihat secara menyeluruh segala apa yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun tentang tajuk (mengenai pendapat Abu Hanifah) hingga kepada susunan ayatnya sendiri.

Sekiranya kita rujuk kepada apa yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun, akan kita dapati beliau menyebutkan hal itu dalam bentuk kritikan, iaitu beliau tidak memujinya bahkan menyebut beberapa kritikannya. Antara lain inilah kata-kata Ibn Khaldun, yang disebutnya dalam fasal *'ulum al-Hadith* dalam *Muqaddimah*nya:

> "Ketahuilah juga bahawa imam-imam mujtahid berbeza banyak atau sedikit dalam meriwayatkan Ha-

dith. Abu Hanifah r.a. dikatakan bahawa riwayatnya berjumlah 14 buah Hadith hingga 50 buah Hadith sahaja, dan Imam Malik rahimahullah pula telah disahkan mengumpul Hadith yang terdapat di dalam kitab *al-Muwatta'* jumlahnya mencapai lebih kurang 300 buah Hadith, dan Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah di dalam *Musnad*nya berjumlah 30 ribu buah Hadith, dan kesemua mereka menunjukkan kesungguhan dalam bidang ini.

Orang-orang fanatik yang salah faham itu berkata, "Sesungguhnya sesetengah daripada mereka mempunyai sedikit ilmu tentang Hadith, dan kerana itu Hadith yang diriwayatkan olehnya tidak banyak." Tidak ada benarnya tuduhan ini kepada kalangan imam besar ini, kerana sesungguhnya syari'at diambil daripada al-Kitab (al-Qur'an) dan al-Sunnah, dan sesiapa yang mempunyai jumlah Hadith yang sedikit, sewajarnya bersungguh-sungguh dan bersingsing lengan untuk mendapatkan Hadith, supaya mereka dapat mengambil (hukum) agama daripada sumber-sumber yang Sahih, dan menghubungkaitkan hukum-hukum itu dengan orang yang menyampaikan daripada Allah, iaitu Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya mereka kurang meriwayatkan Hadith, justeru kritikannya terhadap periwayat, dan khususnya yang mengenai jalan Hadith itu terutama kritikan terhadap kecacatan perawi. Ini membawa kepada ijtihad untuk tidak mengambil Hadith-Hadith yang banyak kecacatan pada perawinya dan turuq sanad-sanadnya yang telah dikritik. Hal ini banyak berlaku, maka riwayat Hadith menjadi kurang (sedikit) kerana kelemahan turuq. Inilah sebabnya orang-orang Hijaz lebih banyak meriwayatkan Hadith berbanding dengan orang-orang Iraq, kerana Madinah merupakan tempat hijrah dan tempat tinggal para Sahabat. Bagi mereka yang berpindah ke Iraq, mereka lebih banyak menumpukan tenaga mereka dalam jihad. Imam Abu Hanifah mempunyai sedikit

riwayat Hadith kerana beliau memperketatkan syarat-syarat meriwayat dan mengambil Hadith, di samping beliau menghukumkan da'if kepada sesebuah Hadith apabila ia bertentangan dengan akal yang pasti (logik akal). Abu Hanifah telah mengambil jalan payah, maka sedikitlah Hadith yang diriwayatkan oleh beliau. Beliau tidak melakukan hal itu dengan sengaja. Ini menunjukkan beliau terdiri daripada Mujtahid yang unggul dalam ilmu Hadith yang madhhabnya menjadi pegangan para pengikutnya malah menjadikan Hadith sebagai ukuran diterima atau tidaknya ijtihad itu.

Adapun para ahli Hadith yang lain iaitu golongan jumhur, mereka melonggarkan syarat-syarat pengambilan Hadith, lalu banyaklah Hadith dan kesemuanya daripada ijtihad mereka. Para pengikut mereka selepas itu pula melonggarkan lagi syarat-syarat itu dan menjadi banyaklah riwayat Hadith mereka. Al-Tahawi banyak meriwayatkan Hadith dan menulis *Musnad*nya, yang nilainya cukup tinggi meskipun tidak menyamai *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, kerana syarat-syarat yang dipegang oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam kedua-dua kitab mereka telah diijmak oleh umat Islam seperti yang mereka katakan, manakala syarat-syarat al-Tahawi tidak disepakati oleh mereka seperti riwayat *al-Mastur al-Hal* dan lain-lain."[5]

Inilah apa yang dikatakan oleh al-'Allamah Ibn Khaldun mengenai Abu Hanifah dan madhhabnya, iaitu kata-kata seorang sejarawan yang ulung.

---

[5]Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, (Lujnah al-Bayan al-'Arabi t.th.) ed. II, ditahqiqkan oleh Dr. 'Ali 'Abd al-Wahid Wafi, jilid 3, hlm. 1143-1145.

SEMUA FUQAHA' MENGAMBIL HUKUM DARIPADA AL-SUNNAH

Boleh kita katakan di sini secara pasti bahawa semua fuqaha' Islam daripada berbagai aliran madhhab, pada setiap masa dan tempat malah mereka yang tidak mempunyai madhhab yang kekal ataupun sementara, sama ada mempunyai pengikut ataupun tidak, kesemuanya berpendapat bahawa berpegang dengan al-Sunnah dan mengambil hukum daripadanya, merujuk kepada hukum-hukumnya apabila ia (al-Sunnah) jelas untuk mereka, adalah merupakan satu bahagian daripada agama Allah, dan mereka tidak banyak berselisih pendapat dalam perkara ini. Sikap mereka hampir sama tanpa mengira aliran *ahl al-Ra'y* dan *aliran al-Hadith.*

Al-Bayhaqi telah meriwayatkan daripada 'Uthman bin 'Umar katanya, "Seorang lelaki datang menemui Imam Malik lalu bertanya kepadanya mengenai satu masalah, beliau pun berkata kepada lelaki itu, 'Rasulullah s.a.w. bersabda: Begini, begini. Lalu lelaki itu bertanya, 'Adakah engkau berpendapat begitu?' Jawab Imam Malik (dengan membaca ayat 63 dari surah al-Nur maksudnya), *"Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah-Nya takut akan ditimpa fitnah (cubaan) atau ditimpa azab yang pedih."*

Dan diriwayatkan daripada Ibn Wahb katanya, "Imam Malik berkata, 'Bukan menjadi sebahagian daripada cara orang yang meminta fatwa bertanya, 'Kenapa engkau katakan ini?' Memadai bagi mereka dengan berpegang kepada riwayat Hadith dan mereka menerimanya (riwayat itu)'."

Diriwayatkan daripada Yahya bin Daris katanya, "Aku menyaksikan Sufyan yang didatangi seorang lelaki lalu bertanya, 'Engkau tidak sependapat dengan Abu Hanifah?' Sufyan berkata, 'Apa halnya? Sesungguhnya aku mendengar beliau berkata, 'Aku berpegang kepada Kitab Allah, sekiranya aku tidak dapati, maka (aku berpegang) al-Sunnah Rasulullah s.a.w., kalau tidak ada juga aku berpegang kepada kata-kata Sahabat. Aku ambil pendapat mereka yang aku mahu dan aku tinggalkan pendapat yang

aku tidak mahu. Tetapi aku tidak keluar dari kata-kata mereka untuk mengambil kata-kata orang. Adapun apabila para Sahabat seperti Ibrahim, al-Sya'bi, Ibn Sirin, Ibn al-Musayyab dan lain-lain lagi dihadapkan dengan sebarang persoalan, mereka itu berijtihad, aku pun berijtihad seperti mereka juga.'."

Diriwayat daripada al-Rubayyi' katanya, "Imam Syafi'i pada suatu hari meriwayatkan sebuah Hadith. Lalu ditanya oleh seorang lelaki, 'Engkau ambil Hadith ini wahai Abu Abdullah?' Maka kata Imam Syafi'i, 'Apabila aku meriwayatkan sebuah Hadith Sahih daripada Rasulullah s.a.w. dan aku tidak berpegang kepadanya, maka aku mengaku kepada kamu bahawa akalku telah hilang!'."

Diriwayatkan daripada al-Rubayyi' juga, katanya, "Aku mendengar Imam Syafi'i berkata, 'Apabila kamu dapati di dalam kitabku sesuatu yang menyalahi Sunnah Rasulullah s.a.w., maka bawalah sebuah Sunnah Rasulullah s.a.w. kemudian tinggalkanlah apa yang telah aku katakan.'."[6]

KEPENTINGAN HUBUNGAN DI ANTARA HADITH DENGAN FIQH

Al-Sunnah menjadi sumber yang asas bagi fiqh. Para fuqaha' mestilah mendalami ilmu al-Hadith, sebagaimana ahli-ahli Hadith mestilah mahir dalam ilmu fiqh. Antara halangan ilmiah yang mesti dirobohkan ialah jurang perbezaan pendapat, di antara orang-orang yang bergiat dalam bidang fiqh dengan orang-orang yang bergiat dalam bidang Hadith. Inilah yang telah saya perjuangkan sejak bertahun-tahun lamanya.

Pada kebiasaannya, orang-orang yang bergiat dalam bidang fiqh tidak mahir dalam ilmu-ilmu mengenai *'ulum al-Hadith*, lebih-lebih lagi ilmu *al-Jarh wa 'l-Ta'dil*, yang menggariskan panduan lemah (da'if) dan kuatnya kepercayaan (*thiqah*) terhadap seseorang perawi. Kerana itu mereka banyak mengambil dalil daripada Hadith-Hadith yang tidak

---

[6]al-Suyuti, *Miftah al-Jannah*, hlm. 49 dan 50.

sabit di sisi imam-imam yang gigih dalam bidang Hadith, di samping itu pula mereka mensabitkannya dalam kitab-kitab mereka dan berhujah dengan Hadith-Hadith itu untuk menghasilkan hukum-hukum mengenai halal, haram, wajib dan sunat. Bahkan kadang-kadang mereka berdalilkan beberapa Hadith yang tidak mempunyai sumber dan tidak disebutkan di dalam mana-mana kitab pun dan tidak ada pula sanadnya!

Pada kebiasaannya pula, orang-orang yang bergiat dalam bidang Hadith kurang pandai dalam ilmu *al-fiqh* dan *usul al-fiqh*. Mereka tidak mampu mengeluarkan perbendaharaan setiap aspeknya, atau mengetahui pendapat imam-imam fiqh, kepelbagaian cara dan sebab-sebab perselisihan serta ijtihad mereka yang bermacam-macam. Jadi, setiap golongan itu amat berhajat kepada ilmu lain - selain bidang mereka - bagi melengkapkan apa yang telah ada pada mereka. Ahli fiqh mestilah mahir dalam bidang Hadith kerana hukum-hukum fiqh yang penting sabit melalui Sunnah, sedangkan ahli Hadith mesti berhajat kepada fiqh sehingga mereka faham apa yang terkandung di dalam Hadith. Dia bukan semata-mata sebagai orang yang menukil, atau memahamkannya mengikut makna yang salah.

Inilah perkara yang dititikberatkan oleh para ulama kita yang terdahulu. Mereka mengkritik orang-orang yang mencuaikan perkara di atas, sehingga ada diriwayatkan daripada sesetengah tokoh seperti Sufyan bin 'Uyaynah, bahawa mereka berkata, "Sekiranya urusan ini terletak di tangan kami nescaya kami pukul dengan pelepah tamar setiap ahli Hadith yang tidak belajar mendalami ilmu fiqh, dan setiap ahli fiqh yang tidak berusaha mendalami ilmu Hadith."

Hairannya terdapat kitab-kitab fiqh yang di dalamnya mengandungi Hadith-Hadith da'if sedangkan sudah disepakati bahawa Hadith da'if tidak boleh digunakan dalam masalah hukum-hakam, tetapi ia diterima oleh kebanyakan pendapat dalam masalah *al-fada'il* (kelebihan beramal), *al-targhib* (galakan) dan *al-tarhib* (peringatan).

Bahkan terdapat di dalam kitab-kitab fiqh, Hadith-Hadith yang terlalu *da'if, Hadith mawdu'* (palsu) dan Hadith yang tidak ada asalnya (sanadnya).

Faktor inilah yang mendorong sesetengah ahli Hadith yang ulung menyusun kitab-kitab yang men*takhrij*kan (mengeluarkan) Hadith-Hadith yang dijadikan *syahid* (hujah) oleh ahli fiqh. Inilah yang dilakukan oleh Ibn al-Jawzi dalam kitab, *al-Tahqiq fi Takhrij al-Ta'aliq*, yang telah diperelokkan oleh Ibn 'Abd al-Hadi melalui kitabnya, *Tanqih al-Tahqiq*.

Begitu juga sesetengah penghafal Hadith telah menyusun beberapa kitab yang men*takhrij*kan Hadith-Hadith daripada kitab-kitab yang masyhur dan tersebar luas seperti kitab, *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah* oleh al-Hafiz Jamal al-Din al-Zayla'i (meninggal 762H) yang telah dicetak beberapa kali dalam empat jilid. Manakala al-Hafiz Ibn Hajar meringkaskannya dalam kitabnya, *al-Dirayah fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*, selepas ditokok tambah dengan unsur akademik di dalamnya dan diterbitkan dalam satu juzuk.

Juga seperti kitab lain Ibn Hajar mengenai takhrij Hadith-Hadith iaitu, *Fath al-'Aziz fi Syarh al-Wajiz* iaitu kitab *al-Syarh al-Kabir* oleh al-Rafi'i ke atas kitab *al-Wajiz* oleh al-Ghazali. Ibn Hajar telah mentakhrij Hadith-Hadith di dalam kitabnya yang masyhur, *Talkhis al-Habir*.

Sesetengah ahli fiqh telah berdalilkan Hadith yang telah disabitkan da'if oleh ulama selepas mereka di mana mereka ini keberatan menjadikan Hadith lemah sebagai dalil. Tetapi orang yang telah tahu keda'ifan Hadith-Hadith itu tidak pula berasa keberatan untuk terus berhujah dengan Hadith-Hadith itu. Sewajarnyalah hukum yang dibuat berdasarkan Hadith yang lemah itu ditinggalkan, selagi masih ada dalil-dalil lain daripada nas-nas syarak, atau kaedah-kaedah am dan tujuan yang menyeluruh.

Sesiapa yang telah membaca kitab-kitab yang berhubung dengan *Takhrij al-Hadith* yang telah kita sebutkan bagi kitab-kitab fiqh yang masyhur dalam madhhab-madhhab yang diikuti, telah dijelas perkara itu seperti di dalam kitab, *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah* oleh al-Zayla'i,

kitab *Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith Syarh al-Rafi'i al-Kabir* oleh Ibn Hajar, kitab *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Manar al-Sabil* oleh al-Albani dan kitab *al-Hidayah fi Takhrij Ahadith al-Bidayah li Ibn Rusyd*, oleh Ahmad bin al-Sadiq al-Ghimari.

Saya perhatikan ketika saya menulis kitab, *Fiqh al-Zakat* beberapa Hadith yang dijadikan dalil dalam madhhab-madhhab yang diikuti. Hadith-Hadith itu tidak Sahih di sisi imam-imam Hadith seperti Hadith:

"Tidak ada zakat pada sayuran."

"Tidak dikenakan zakat pada harta sehingga ia cukup setahun."

"Tidak dicampurkan usyur dan cukai."

"Tidak ada hak pada wang/harta melainkan zakat (wajib)."

Hadith yang terakhir amat masyhur di kalangan ahli fiqh, yang telah disebutkan oleh sesetengah ahli fiqh yang ulung seperti al-Mawardi di dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, al-Syirazi di dalam *al-Muhadhdhab* dan Ibn Qudamah dalam *al-Mughni*. Al-Nawawi telah memperkatakan mengenainya di dalam *al-Majmu'* sebagai, "Hadith yang terlalu lemah yang tidak diketahui." Sebelumnya, al-Bayhaqi telah berkata di dalam *al-Sunan*, "Sahabat-sahabat kami meriwayatkannya dalam *al-Ta'aliq*. Aku tidak ingat sanadnya."

Hadith ini asalnya daripada riwayat al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Tabari dalam tafsirnya iaitu teks Hadith: "Dalam harta ada hak melainkan zakat." Kemudian berlaku kesalahan yang lama dalam sesetengah naskhah Ibn Majah, dan ditambah pada awal Hadith kalimah "tidak ada". Maka tersebar dan kekallah kesalahan itu, sebagaimana yang diberitahu mengenainya oleh al-Hafiz Abu Zur'ah bin al-Hafiz Zayn al-Din al-'Iraqi di dalam *Tarh al-Tathrib fi Syarh al-Taqrib* (Jilid 4 hlm. 18) dan diterangkan oleh al-'Allamah Ahmad Syakir dalam takhrijnya bagi *Tafsir al-Tabari* (al-Athar: 2527) yang mendatangkan dalil-dalil yang dapat diterima.[7]

---

[7]Lihat dalam kitab, *Fiqh al-Zakat*, Hasyiyah 3 dan 4 (Tab'ah al-Risalah) hlm. 966 dan 967.

Dalam banyak kitab fiqh dan bab-bab fiqh terdapat Hadith-Hadith dari jenis ini (da'if dan mawdu') yang tidak diketahui sanadnya oleh para Huffaz, dan Hadith yang dikatakan oleh al-Hafiz al-Zayla'i di dalam *Nasb al-Rayah* adalah gharib, iaitu satu istilah khas untuknya yang membawa maksud bahawa Hadith itu tidak ada sanad. Bagi al-Hafiz Ibn Hajar di dalam *al-Dirayah*, beliau mengatakan, "Aku tidak mendapatinya (sanadnya)," atau katanya, "Aku tidak fikir ia (Hadith) marfu'," dan beberapa istilah yang seumpama dengannya. Hal ini banyak terdapat dalam bab-bab (fiqh) hingga sangat menarik perhatian.

Saya telah membaca Hadith-Hadith dalam bab, *al-Dhaba'ih* (sembelihan) di dalam *al-Dirayah*, saya dapati di dalamnya lebih daripada 20 buah Hadith, yang sesetengahnya sahih, sesetengahnya da'if, sesetengahnya tidak diketahui oleh al-Hafiz (Ibn Hajar) atau didapati tidak ada sanad. Antara Hadith itu ialah:

" سنوا بهم [أى المجوس] سنة أهل الكتاب غيرناكحى نسائهم ولاآكل ذبائحهم "

Terjemahannya: *Lakukanlah ke atas mereka (yakni Majusi) Sunnah ahli Kitab selain menikahi perempuan-perempuan mereka dan jangan memakan sembelihan mereka.*

Kata Ibn Hajar, "Aku tidak dapati ada Hadith seperti lafaz ini."

" المسلم يذبح على اسم الله، سمى أو لم يسم "

Terjemahan: *Orang-orang Islam menyembelih atas nama Allah, sama ada ia menyebut basmalah ataupun tidak.*

Kata Ibn Hajar, "Aku tidak dapati ada Hadith seperti lafaz ini."

" جردوا التسمية "

Terjemahan: *Sebutlah dengan hanya nama sahaja.*

Kata Ibn Hajar, "Aku tidak dapati Hadith ini."

" الذكاة ما بين اللبة واللحيين "

Terjemahan: *Sembelihan yang betul ialah tempat di antara tengkuk dan dua tulang rahang.*

Kata Ibn Hajar, "Aku tidak dapati Hadith ini."

" أفر الأوداج بما شئت "

Terjemahan: *Potonglah urat-urat leher mengikut yang engkau mahu.*

Kata Ibn Hajar, "Aku tidak dapati Hadith ini."

" أن النبى صلى الله عليه وسلم نهى أن تنخع الشاه اذا ذبحت "

Terjemahan: *Bahawasanya Nabi s.a.w. melarang (memotong) urat putih (tulang sum-sum) kambing apabila menyembelihnya.*

Kata pengarang, "Yakni mengenakan pisau hingga ke urat putih." Kata Ibn Hajar, "Aku tidak dapati Hadith ini."

" انه نهى عائشة عن الضب حين سألته عن أكله "

Terjemahan: *Bahawa Rasulullah s.a.w. menegah 'A'isyah memakan al-dab (sejenis biawak) apabila beliau bertanya Rasulullah mengenainya.*

Kata Ibn Hajar, "Aku tidak jumpai Hadith ini."

" انه نهى عن بيع السرطان "

Terjemahan: *Bahawa Rasulullah menegah daripada menjual sotong.*

Kata Ibn Hajar, "Aku tidak dapati Hadith ini." Dan ada beberapa buah Hadith lain lagi.[8]

---

[8]Lihat, Ibn Hajar, *al-Dirayah fi Takhrij al-Hidayah*, Hasyim al-Yamani, jilid 2, hlm. 205-213.

Ini bukanlah satu ringkasan daripada kitab-kitab golongan *ahl al-Ra'y*, sebagaimana mereka menanamkan diri mereka, bahkan ia menyeluruh kepada kitab-kitab semua madhhab, yang terdapat di dalamnya Hadith-Hadith lemah dan juga Hadith-Hadith yang tidak ada sumbernya, sekalipun jumlahnya berbeza di antara satu madhhab dengan madhhab yang lain.

Mengenai kitab, *Talkhis al-Habir* oleh al-Hafiz Ibn Hajar, yang di dalamnya di*takhrij* Hadith-Hadith *Syarh al-Rafi'i li Wajiz al-Ghazali* - kedua-duanya imam madhhab Syafi'i - didapati jelas sekali kebenaran itu, di mana telah disebut lemahnya Hadith-Hadith yang dibuat hujah itu, meskipun dia bermadhhab Syafi'i juga, tetapi kebenaran adalah lebih berhak untuk diikuti (diterima).

Al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin al-Hasan al-Bayhaqi (meninggal: 408H) telah menulis mengenai perkara ini kepada Imam Abi Muhammad, 'Abdullah bin Yusuf al-Juwayni - bapa Imam al-Haramayn (meninggal: 438H) yang telah mengkritiknya dengan sopan mengenai sesetengah kesamaran Hadith rekaan yang dibawanya di dalam kitabnya, *al-Muhit*. Antara Hadith itu ialah Hadith pertama di dalam kitabnya, iaitu larangan mandi dengan air (panas) yang terkena matahari. Hadith itu tidak sahih.

Al-Bayhaqi telah bersikap adil. Beliau telah menolak sikap ahli-ahli Hadith di kalangan sahabatnya daripada madhhab Syafi'i yang bermudah-mudah kerana tidak membezakan di antara Hadith yang sah untuk berhujah dengannya dengan khabar-khabar (Hadith) yang tidak sah untuk berhujah dengannya. Mereka juga bermudah-mudah dalam meriwayatkan Hadith daripada perawi-perawi yang da'if dan yang tidak diketahui siapa mereka ... dan lain-lain seperti yang disebut di dalam risalahnya yang benar-benar logik dan padat.[9] Yang menarik perhatian penulis mengenai hal ini ialah: kitab-kitab usul al-fiqh sendiri tidak terlepas

---

[9]Lihat, al-Sayyid Ahmad Saqr, "Muqaddimah" dalam *Ma'rifah al-Sunan wa 'l-Athar*, al-Qahirah: al-Majlis al-A'la li 'l-Syu'un al-Islamiyyah (t.th.), hlm. 19-24.

daripada Hadith-Hadith yang lemah dan mawdu' (palsu) yang tidak ada sumbernya. Antara Hadith itu ialah:

" أصحابى كالنجوم بأيهم اقتديتم اهتديتم "

Terjemahan: *Sahabat-Sahabatku seperti bintang-bintang, kamu akan mendapat hidayah dengan berpegang kepada pendapat mereka.*

" ما رآه المسلمون حسنا فهوعندالله حسن "

Terjemahan: *Apa yang dilihat oleh orang-orang Islam sebagai baik maka baiklah di sisi Allah.*

" اختلاف أمتى رحمة "

Terjemahan: *Perselisihan di kalangan umatku merupakan satu rahmat.*

dan lain-lain lagi yang dapat ditemui oleh sesiapa saja yang membaca kitab-kitab usul yang terkenal di kalangan pengkaji.

AL-SUNNAH DALAM BIDANG DAKWAH DAN PENGAJARAN

Al-Sunnah al-Nabawiyyah merupakan satu sumber yang tidak ada kesudahannya, selepas al-Qur'an. Ia adalah khazanah yang tidak akan habis untuk dijadikan bahan dakwah bagi para pendakwah dalam syarahannya apabila dia bersyarah, dalam nasihatnya apabila dia memberi nasihat, dan dalam pengajarannya apabila dia mengajar.

Dalam al-Sunnah juga terdapat panduan-panduan yang jelas terang, hujah-hujah yang meyakinkan, hukum-hukum yang mantap kuat, kata-kata yang padat berisi, nasihat-nasihat yang berkesan, perumpamaan (contoh-contoh) yang dapat dijadikan pengajaran, cerita-cerita yang mempunyai motif, bermacam-macam suruhan dan larangan, janji baik dan janji buruk, galakan dan ancaman/peringatan, yang dapat melembutkan hati-hati yang keras, penggerak azam (jiwa) yang membangkitkan akal-akal yang lalai. Al-Sunnah berjalan seiring dengan al-Qur'an dalam pembicaraannya kepada setiap aspek yang ada pada manusia iaitu akal dan hatinya, ia berusaha untuk membentuk satu keperibadian Muslim yang sempurna, yang mempunyai akal yang cerdik, celik hatinya dan kuat jasmaninya.

Terdapat di dalam kitab-kitab al-Sunnah *'kekayaan yang bertimbun'* bagi pendakwah yang berjaya. Dia mengambil daripada al-Sunnah bagi menambah bekalan (ilmu)nya dan memenuhkan dadanya dengan ajaran serta amalan. Dengan al-Sunnah berserta pengetahuannya tentang al-Qur'an, dia dapat membentuk persediaan asasi untuk berdakwah.

Antara kitab utama yang sewajarnya dipegang dan dijadikan asas bagi seorang pendakwah ialah *al-Sahihayn* iaitu *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Kedua-duanya telah diterima oleh umat Islam, dan Hadith-Hadith yang terkumpul di dalam kedua-duanya tidak dikritik kecuali beberapa Hadith tertentu di mana kritiknya hanya terletak pada beberapa perkara dari segi bentuk lafaz dan balaghahnya.

Kemudian dia perlu memilih Hadith-Hadith daripada kitab-kitab al-Sunnah yang lain seperti kitab-kitab al-Sunan yang empat iaitu *Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah, Muwatta' Malik, Musnad Ahmad, Sunan al-Darimi, Sahih Ibn Khuzaymah, Sahih Ibn Hibban, Mustadrak al-Hakim, Musnad Abi Ya'la, Musnad al-Bazar, Mu'jam al-Tabrani* dan kitab-kitab lain yang diperkatakan oleh pengkritik tentang sahihnya atau hasannya Hadith-Hadith itu. Mereka menyarankan agar jangan sekali-kali berpegang kepada Hadith-Hadith yang lemah, munkar dan mawdu' (palsu), yang menyebabkan terjadinya sesuatu yang malang - iaitu menggunakan Hadith-Hadith tersebut untuk tujuan komersil seperti yang biasa berlaku di kalangan pemidato dan penceramah-penceramah agama.

Dengan limpah kurnia Allah s.w.t., lahirlah beberapa kitab al-Sunnah (Hadith) yang asasi yang telah ditahqiqkan, seperti kitab *Muwatta' Malik, Sahih Muslim* dan *Sunan Ibn Majah*, yang ditahqiq, diberi nombor dan diberi indeks (tajuk-tajuk) yang diusahakan oleh pendukung al-Sunnah, Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi rahimahullah. Demikian juga lahir kitab *Sunan Abi Dawud* dan *Sunan al-Tirmidhi* yang ditahqiq, diberi nombor dan indeks (tajuk-tajuk) oleh Ustaz al-Du'as.

Lebih besar daripada itu ialah usaha-usaha mentakhrijkan Hadith, menerangkan martabat Hadith dan mengasingkan yang sahih dari yang lemah. Maka lahirlah *Sahih Ibn Majah, Sahih al-Tirmidhi, Sahih al-Nasa'i* oleh ahli Hadith Syaykh Nasir al-Din al-Albani.[10] Beliau melakukan-

[10]Dicetak oleh al-Maktab al-Islami di Bayrut dan diterbitkan oleh Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabi li Duwal al-Khalij.

nya terhadap *Sahih Abi Dawud*, sebagaimana juga yang dilakukannya terhadap beberapa juzu' daripada *Sahih Ibn Hibban* yang ditahqiq dan ditakhrijkan oleh al-Syaykh Syu'ayb al-Arnawut.[11] Sebelum itu lahirlah Hadith yang diketahui berasal daripada *Sahih Ibn Khuzaymah* yang ditahqiqkan oleh Dr. Muhammad Mustafa al-A'zami dan ditakhrijkan oleh al-Albani.

Sebelum itu lahir *Musnad Ahmad* 15 juzu' yang ditahqiqkan dan ditakhrijkan oleh al-'Allamah Ahmad Muhammad Syakir, iaitu hampir 1/3 kitab. Sebelum itu al-Syaykh Ahmad 'Abd al-Rahman Albana telah menyusun *al-Musnad* mengikut tajuk-tajuk, syarah dan takhrijnya dalam 23 juzu'. Al-Syaykh Syakir berusaha mentakhrijkan Hadith daripada *Tafsir al-Hafiz Ibn Kathir*, memilih, menyusun dan mengeluarkan Hadithnya yang dinamakan *'Umdah al-Tafsir*, yang telah diterbitkan lima juzu' daripadanya tetapi beliau tidak berjaya menyempurnakannya.

Demikian juga, saudara lelakinya Mahmud Muhammad Syakir telah mentakhrijkan Hadith daripada beberapa belas juzu' Tafsir al-Imam al-Tabari (meninggal: 310H) suatu tahqiq dan takhrij Hadith-Hadith dan Athar-Athar. Kemudian saudara tuanya Syaykh Ahmad meninggal, al-Ustaz Mahmud menerbitkan dua juzu' selepas kematiannya. Kemudian usaha ilmiah besar ini terhenti.

Demikian juga lahir kitab *al-Musannaf* oleh 'Abd al-Razzaq al-San'ani (meninggal: 211H) dalam 11 juzu' yang ditahqiqkan oleh ahli Hadith India, Syaykh Habib al-Rahman al-A'zami. Begitu juga telah ditahqiqkan beberapa kitab kumpulan Hadith yang penting seperti *Misykat al-Masabih* oleh al-Khatib al-Tabrizi (meninggal: 737H) yang ditahqiqkan oleh al-Albani dan ditakhrijkannya secara ringkas. Juga seperti mengasingkan *al-Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatihi* oleh al-Suyuti daripada da'ifnya yang dilakukan oleh al-Albani. Dan seperti kitab *Jami' al-Usul* oleh Ibn al-Athir (meninggal: 606H) yang ditahqiqkan dan ditakhrijkan oleh 'Abd al-Qadir al-Arnawut.

---

[11]Diterbitkan oleh Mu'assasah al-Risalah di Bayrut.

Sebelum itu, lahir kitab *Majma' al-Zawa'id* oleh Nur al-Din al-Haytami (meninggal: 807H) sekalipun tiada tahqiq, dan istimewanya beliau menentukan Hadith-Hadith itu sama ada sahih atau da'if. Beliau juga telah menghimpunkan Hadith daripada *Musnad Ahmad*, *Musnad al-Bazar*, *Musnad Abi Ya'la* dan *Mu'jam al-Tabrani* yang tiga, yang Hadithnya tidak ada dalam *Kutub al-Sittah*.

Antara kitab penting yang telah dicetak ulang berkali-kali, tetapi tidak ditahqiqkan dan tidak ditakhrijkan ialah karangan Mustadrak al-Hakim (meninggal: 405H) dan ringkasannya oleh al-Dhahabi (meninggal: 748H). Sebagaimana telah ditahqiqkan dan ditakhrijkan beberapa kitab penting seperti kitab *Zad al-Ma'ad* oleh Ibn al-Qayyim (meninggal: 751H) ditahqiqkan oleh Syu'ayb al-Arnawut dan diterbitkan dalam bentuk *al-Risalah* dalam lima juzu' di mana satu juzu' untuk *fihris*/indeks. Juga seperti kitab *Riyad al-Salihin* oleh al-Nawawi (meninggal: 676H) merupakan sebuah kitab mulia yang besar faedahnya yang telah ditahqiqkan dan ditakhrijkan kesemuanya daripada al-Albani dan Syu'ayb al-Arnawut.

Selain itu, terdapat juga kitab-kitab takhrij yang lebih dulu wajib menjadi rujukan dan mengambil manfaat daripadanya, seperti kitab takhrij oleh al-Hafiz Zayn al-Din al-'Iraqi (806H) bagi Hadith-Hadith dalam kitab *al-Ihya'* karangan al-Ghazali (meninggal: 505H), yang dinamakan *al-Mughni 'an Haml al-Asfar fi Takhrij ma fi 'l-Ihya' min al-Akhbar*, dan ia dicetak dengan *hasyiyah* (ditulis di tepinya) kitab *al-Ihya'*, di mana para pembaca *al-Ihya'* mesti merujuk kepadanya, bagi mengetahui taraf Hadith yang dibuat hujah oleh al-Ghazali. Maka betapa banyak terdapat di dalamnya Hadith-Hadith yang sangat da'if, dan ada juga Hadith yang tidak ada sumbernya, tiga daripadanya dihukum sebagai Hadith palsu. Juga seperti yang ditakhrijkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani terhadap Hadith-Hadith dalam tafsir *al-Kasysyaf*, yang berguna untuk melihat betapa banyak Hadith yang sering diambil oleh ahli-ahli tafsir dan sering dinukilkan oleh sesetengah mereka daripada sesetengah yang lain.

Seterusnya terdapat syarah-syarah bagi kitab-kitab yang terkenal, yang paling besar ialah *Fath al-Bari fi Syarh al-Bukhari* oleh Ibn Hajar, iaitu yang diulas oleh al-Syawkani, "Tidak ada lagi Hijrah setelah al-Fath."

Walaupun begitu, terdapat syarah-syarah lain yang mendahuluinya dan lebih terkini daripadanya dan tidak ditahqiqkan yang sewajarnya diambil faedah daripada semuanya seperti syarah-syarah oleh al-Kirmani (meninggal: 676H), al-'Ayni (meninggal: 855H) dan al-Qastallani (meninggal: 923H). Ada juga terdapat syarah-syarah *Sahih Muslim* seperti syarah oleh al-Nawawi, *Syarah 'Iyad*, *Syarah al-'Ubbu* dan *Syarah al-Sanusi.*

Ada lagi syarah-syarah *al-Muwatta'* seperti syarah Abi al-Walid al-Baji (meninggal: 474H), iaitu *al-Muntaqa* dan syarah oleh al-Suyuti, iaitu *Tanwir al-Hiwalik.*

Syarah-syarah Sunan Abi Dawud pula antara yang terbesar ialah *Ma'alim al-Sunan* oleh Imam al-Khitabi (meningal: 388H) dan dikomentari oleh Ibn al-Qayyim yang dinamakan *Tahdhib Sunan Abi Dawud.* Antara kitab syarah baru oleh ulama India ialah *'Awn al-Ma'bud* oleh al-Diyanawi dan *Badhl al-Majhud fi Hall Abi Dawud* oleh al-Saharanfuri (meninggal: 1346H) dikomentari oleh Syaykh al-Hadith al-Kandahlawi, yang diberikan mukadimah oleh Sayyid Abi al-Hasan al-Nadwi, dan kitab *al-Munhil al-'Adhab al-Mawrud* oleh Syaykh Mahmud Khitab al-Subki pengasas al-Jam'iyyah al-Syar'iyyah, iaitu satu syarah sepuluh juzu' yang tidak dapat ditamatkan oleh beliau.

Syarah-syarah al-Tirmidhi pula antara yang paling besar dan lama ialah *'Aridah al-Ahwadhi* oleh Imam Abi Bakr ibn al-'Arabi (meninggal: 543H), dan yang baru ialah *Tuhfat al-Ahwadhi* oleh al-Mubarakfuri.

Tidak ada syarah bagi *Sunan al-Nasa'i* sebagaimana syarah *Abu Dawud* dan *al-Tirmidhi*, tetapi terdapat hashiyah (syarah tepi) oleh al-Suyuti dan sebuah lagi oleh al-Sindi (meninggal: 1139H) dan kedua-duanya dicetak bersama-sama (dalam sebuah kitab).

Juga terdapat syarah-syarah *Misykat al-Masabih* dan yang masyhurnya syarah oleh 'Ali al-Qari (meninggal:

1014H) dinamakan *Mirqat al-Mafatih*, ia dicetak dalam lima juzu'. 'Ali al-Qari juga mempunyai sebuah syarah Hadith yang dikumpul dinamakan *Mir'at al-Mafatih* oleh 'Ubaydillah al-Mubarakfuri, seorang ulama India.

Bagi kitab *Riyad al-Salihin* terdapat sebuah syarah terkenal iaitu *Dalil al-Falihin* oleh Ibn 'Ilan (meninggal: 1057H) dicetak dalam lapan juzu'.

Syarah Hadith oleh almarhum Dr. Subhi al-Salih dinamakan *Minhal al-Waridin*, dan sebuah lagi oleh Mustafa al-Khan dan rakan-rakannya diberi nama *Nuzhah al-Muttaqin*.

Bagi kitab *al-Adhkar* oleh al-Nawawi juga terdapat syarahnya oleh Ibn 'Ilan yang dinamakan *al-Futuhat al-Rabbaniyyah* dicetak dalam tujuh juzu'. Bagi kitab (al-Nawawi) yang kecil lagi masyhur *al-Arba'in al-Nawawiyyah* terdapat lebih daripada sebuah syarah, tetapi yang paling baik, luas dan berfaedah ialah syarah oleh Ibn Rajab al-Hanbali (meninggal: 795H) yang dinamakan *Jami' al-'Ulum wa 'l-Hikam*, dan beliau telah menambah Hadith-Hadith Arba'in (Hadith 40) menjadi 50 Hadith dan telah ditahqiqkan oleh Muhammad al-Ahmadi Abu al-Nur, sekalipun ia menyempurnakannya kemudiannya.

Antara kitab yang amat berfaedah yang mensyarahkan apa yang ada di dalam Hadith-Hadith dari segi rahsia-rahsia, hukum-hakam agama dan kemasyarakatan ialah sebuah kitab bernama *Hujjatu 'l-Lah al-Balighah* oleh al-Dihlawi (meninggal: 1176H).

Para pendakwah yang mempunyai pandangan yang luas mengetahui bahawa mereka lebih banyak memerlukan beberapa kitab dan bab-bab daripada sumber-sumber Hadith lebih daripada sumber yang lain.

Tidak syak lagi bahawa kitab-kitab dan bab-bab mengenai iman, tawhid, ibadat-ibadat, ilmu, adab, zuhud, riqaq, zikir, doa, al-Qur'an, kebajikan dan silaturahim, hal-ehwal akhirat, syurga dan neraka, sirah Rasulullah, cerita-cerita perangnya, sejarah dan sebagainya, lebih banyak menarik perhatian para pendakwah daripada Hadith-Hadith yang bersangkutan dengan hukum-hukum secara langsung. Sekiranya para pendakwah itu mempunyai kefahaman yang

meluas dan mendalam, nescaya mereka mengambil manfaat daripada Hadith-Hadith dalam setiap bab.

BERHATI-HATI KETIKA MENYELIDIK HADITH SEBAGAI DALIL

Sesuatu yang penting bagi seorang pendakwah ialah berhati-hati ketika menyelidik Hadith yang hendak dijadikan dalil dari sudut makna-maknanya, nilai dan grednya atau dari sudut kedudukan dan sikap. Pada kenyataannya wajib bagi setiap ulama berpegang kepada sumber-sumber yang dipercayai, mengelakkan berpegang kepada Hadith-Hadith yang diragui, munkar dan palsu yang tidak ada sumbernya, yang dimuatkan di dalam banyak kitab agama yang kita warisi. Ia kadang kala bercampur aduk dengan Hadith lain yang terdiri daripada Hadith sahih dan hasan, tanpa mengasingkan di antara dua perkara iaitu antara yang *maqbul* (diterima) dan *mardud* (ditolak).

Sesetengah orang terpedaya oleh kemasyhuran Hadith di kalangan orang ramai di samping masyhur terdapat di dalam kitab-kitab atau meniti di bibir-bibir manusia, lalu dia menyangka bahawa ini sudah memadai untuk menentukan kebenarannya lantas dia menghukum harus diambil dan diterima.

Telah dimaklumi di kalangan pentahqiq bahawa Hadith yang masyhur meniti di bibir manusia bahkan terdapat di dalam kitab-kitab ahli ilmu (ulama), yang dinukilkan oleh sesetengah mereka daripada sesetengah yang lain, adalah Hadith yang amat da'if, bahkan boleh jadi ia tidak ada sumber langsung atau ia Hadith Mawdu' (palsu).

Keadaan ini mendorong banyak ulama Hadith mengarang kitab untuk menerangkan nilai Hadith-Hadith masyhur yang meniti di bibir umum, antaranya ialah kitab oleh al-Zarkasyi (meninggal: 794H) yang dinamakan *al-Tadhkirah bi 'l-Ahadith al-Musytahirah*, kitab oleh Ibn al-Daiba', *Tamyiz al-Tayyib min al-Khabith fima Yadurru 'ala Alsinah al-Nas min al-Hadith*, kitab oleh al-Hafiz Ibn Hajar (meninggal: 852H) *al-Lali' al-Manthurah fi 'l-Ahadith al-*

Masyhurah, kitab oleh al-Suyuti (meninggal: 911H) *al-Durar al-Manthurah fi 'l-Ahadith al-Musytahirah*, kitab al-Sakhawi (meninggal: 902H) *al-Maqasid al-Hasanah fima Isytahara min al-Hadith 'ala 'l-Alsinah* yang telah diringkaskan oleh al-Zarqani (meninggal: 1122H). Dan sebuah kitab lebih besar ialah *Kasyf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas 'amma Isytahara min al-Hadith 'ala Alsinah al-Nas* oleh al-'Aljaluni (meninggal: 1162H).

Sebagaimana juga kitab-kitab khusus menerangkan Hadith-Hadith Mawdu' yang ditulis oleh Ibn al-Jawzi, al-Suyuti, al-Qari, al-Syawkani, al-Laknawi, Ibn 'Iraq, al-Albani dan lain-lain lagi amat penting dalam bidang ini.

Dan di dalam kitab-kitab tasawwuf, nasihat dan *al-raqa'iq* (kata-kata yang menawan hati) terdapat banyak Hadith jenis ini (mawdu') maka para pembaca perlulah berhati-hati.

Demikian juga di dalam kitab-kitab tafsir khususnya mengenai kelebihan surah-surah (surah al-Qur'an), kisah-kisah para nabi dan Salihin, sebab-sebab nuzul ayat, banyak Hadith tidak sahih kecuali sedikit sahaja yang sahihnya.

Dalam satu muktamar tidak lama dulu, seorang penulis kertas kerja mengambil sebagai dalil kisah Tha'labah bin Hatib dikatakan oleh para ahli tafsir sebagai sebab nuzul firman Allah s.w.t. :

Terjemahan: *Dan di antara mereka ada orang yang telah berikrar kepada Allah, 'Sesungguhnya jika Allah memberikan sebahagian kurnia-Nya kepada kami, pastilah kami bersedekah dan pastilah kami termasuk orang-orang yang soleh.' Maka setelah Allah memberikan kepada mereka sebahagian daripada*

kurnia-Nya, mereka kikir dengan kurnia itu dan berpaling, dan mereka memanglah orang-orang yang selalu membelakangi (kebenaran). Maka Allah menimbulkan kemunafikan pada hati mereka sampai kepada waktu mereka menemui Allah kerana mereka telah memungkiri Allah apa yang telah mereka ikrarkan kepada-Nya dan (juga) kerana mereka selalu berdusta.

(*Surah al-Tawbah 9:75-77*)

Sanad kisah di atas, sebagaimana yang dikatakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam *Takhrij al-Kasysyaf* adalah sangat da'if dan diragui (*wahn jiddan*).[12]

KECACATAN YANG BANYAK DALAM HADITH MENGENAI NASIHAT

Banyak terdapat kecacatan dalam Hadith mengenai nasihat dan khutbah-khutbah di masjid di kebanyakan negara Islam yang mereka pentingkan ialah Hadith-Hadith yang dapat melahirkan semangat, sekalipun Hadith itu tidak ada sanad yang sahih atau hasan, dan hampir setiap kali saya mendengar khutbah Jumaat atau kelas agama (ceramah agama) saya dapati banyak Hadith Da'if, bahkan ada yang sangat da'if dan boleh jadi juga mawdu'.

Saya pernah menghadiri pidato di sesetengah negara yang saya agak ia sempena memperingati sejarah nabi, kerana ia mengenang kembali keperibadian Nabi Muhammad s.a.w., sejarahnya yang suci serta kedudukan dan akhlaknya yang tinggi dan mulia, dan ia merupakan

[12]Kerana Hadith ini daripada riwayat 'Ali bin Yazid al-Alhani. Al-Bukhari telah mengatakan bahawa ia adalah Hadith munkar. Al-Nasa'i pula mengatakan, "Ia tidak thiqah." Al-Daruqutni berkata, "Hadithnya ditinggalkan (matruk)." Daripada al-Qasim, Abi 'Abd al-Rahman, beliau berkata bahawa Ahmad menyatakan mengenainya, "Yang diriwayatkan daripada 'Ali bin Yazid adalah pelik-pelik." Ibn Hibban pula berkata, "Apa yang diriwayatkan olehnya daripada Sahabat adalah *mu'adal* dan yang didapatinya daripada perawi yang thiqah banyak yang *maqlub*."

satu tajuk yang penuh terdapat hakikat-hakikat yang jelas di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Tetapi penceramah tidak menyebut Hadith-Hadith yang sahih dan hasan melainkan dua atau tiga buah saja. Ceramahnya dipenuhi 'hadith-hadith' yang diragui, munkar, mawdu' atau Hadith yang tidak diketahui sumbernya, sebagaimana yang dikatakan oleh ulama, "Tidak ada asal dan akar umbinya."

Saya sebutkan beberapa contoh 'hadith' seperti itu, terjemahannya seperti yang berikut:

"Awal pertama yang Allah jadikan ialah nur Nabi s.a.w."

"Dan sesungguhnya Allah menghidupkan (semula) kedua ibu bapanya dan kedua-duanya memeluk Islam di tangannya."

"Sesungguhnya sesiapa yang dinamakan dengan nama Muhammad, dia wajib mendapat syafa'atnya."

Dan beberapa 'hadith' yang luar biasa yang sering diceritakan ketika menyambut hari kelahiran Rasulullah s.a.w. Sementara 'hadith' yang pelik yang pernah saya dengar ialah mengenai kelebihan umat Muhammad s.a.w. iaitu:

" علماء أمتى كأنبياء بنى ا سرائيل "

Terjemahan: *Ulama-ulama dari kalangan umatku seperti nabi-nabi bani Isra'il.*

Hadith ini adalah antara 'hadith' yang telah dikenali mawdu'nya, dan di dalam kitab-kitab *Mustalah al-Hadith* ulama-ulama telah mengatakan ia sebagai makzub (dusta).

Penceramah yang disebutkan di atas telah mendatangkan dalil kesahihan 'hadith' itu dengan cerita yang dibawanya, kandungannya begini, "Bahawa Imam Abu Hamid

al-Ghazali telah bertemu dengan Sayyidina Musa a.s. di dalam mimpi atau di alam arwah, lalu dia (Musa) berkata kepadanya, 'Siapa namamu?' jawabnya (al-Ghazali), 'Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi .... hingga akhir.' Musa berkata, 'Aku bertanya mengenai namamu bukan keturunanmu.' al-Ghazali menjawab, 'Adapun engkau, ketika Allah bertanya engkau apa yang ada di tangan kanan engkau, engkau tidak katakan kepada-Nya, 'Ini tongkat' lalu engkau diam, bahkan engkau berkata, *'Ini adalah tongkatku, aku berteleku padanya, dan aku pukul daun dengannya untuk kambingku dan bagiku ada lagi keperluan yang lain padanya.'." (Terjemahan al-Qur'an surah Taha 20:18).*

Penceramah itu berkata seterusnya, "Al-Ghazali telah berdebat dengan Musa a.s. ...!!!" Penceramah berkenaan mensabitkan benar 'hadith' yang dusta. Demikianlah larisnya 'hadith-hadith' yang sebenarnya tidak laku kerana terdapat kepelikan cerita-cerita dan kisah-kisah yang melalaikan (menidurkan) dan unsur Isra'iliyyat dalam keghairahan membawa Hadith-Hadith yang baik ceritanya, daripada Hadith-Hadith yang sahih dan hasan, sepertilah wang palsu melenyapkan wang tulen, demikianlah analogi ahli ekonomi.

Sungguh ini ialah cerita dan penyakit lama, sehingga sesetengah ulama yang bertegas dalam periwayatan Hadith, dan para pencintanya di kalangan *ahli thiqah* dan *makrifah*, apabila mereka mengarang mengenai *al-Mawdu'at* (Hadith Palsu) yang berbentuk nasihat, mereka mengambil kelonggaran sehabis-habis longgar (syarat-syarat meriwayat), sebagaimana kita dapati perkara itu di dalam kitab-kitab Abi al-Faraj ibn al-Jawzi (meninggal: 597H) mengenai nasihat seperti kitab *Dham al-Hawa*, sedang ia bertegas dalam menulis kitab *al-Mawdu'at* dan *al-'Ilal al-Mutanahiyah* dan sebagainya.

Samalah halnya dengan al-Hafiz al-Naqad Syams al-Dhahabi yang banyak melonggarkan (syarat Hadith) dalam kitabnya, *al-Kaba'ir*, sebuah kitab yang terdapat banyak unsur nasihat.

Demikian juga al-Hafiz al-Mundhiri dalam kitabnya yang lengkap, *Targhib wa 'l-Tarhib*, beliau telah menyebut di dalamnya banyak Hadith yang diragui dan munkar bahkan mawdu' yang dapat beliau elakkan, tetapi beliau telah pun memberitahu perkara itu dengan isyarat-isyarat dan istilah-istilah yang disebutnya di dalam mukadimahnya, maka beliau tidak bersalah dalam hal ini, sekalipun jika pembaca terlalai terutamanya pembaca zaman kita. Inilah yang mendorong saya melakukan *takhrij* dan menyusun kitab *al-Muntaqa*, berisi Hadith-Hadith yang sahih dan hasan dalam dua juzuk, diterbitkan oleh Pusat Penyelidikan al-Sunnah dan al-Sirah di Qatar.

FATWA IBN HAJAR AL-HAYTHAMI

Sesungguhnya amat baik apabila al-'Allamah Ibn Hajar al-Haythami al-Faqih al-Syafi'i yang terkenal itu meminta secara terang-terangan daripada pemerintah-pemerintah pada zamannya supaya menegah setiap pembaca khutbah daripada menyembunyikan kecacatan Hadith-Hadith dan mencampurkan Hadith sahih dengan yang bukan Hadith.

Dalam kitab *al-Fatawa al-Hadithiyyah*nya beliau menjawab mengenai pembaca khutbah yang naik ke mimbar pada setiap Jumaat kemudian meriwayatkan banyak Hadith, dan tidak menerangkan sumber ambilannya dan tidak juga menyebut perawinya (dan disebutkan beberapa contoh Hadith mengenai itu), maka apakah yang wajib dilakukan kepada khatib tersebut? Ibn Hajar menjawab, "Hadith-Hadith yang disebutkan di dalam khutbahnya tanpa menerangkan perawinya atau siapa yang melafazkannya, adalah harus, dengan syarat dia mestilah daripada kalangan orang yang mengetahui (alim) mengenai Hadith, atau dia nukilkan Hadith itu daripada kitab yang pengarangnya juga demikian (alim dalam Hadith). Hadith yang dipetik dalam kitab yang pengarangnya tidak begitu alim tentang Hadith atau dalam khutbah-khutbah yang para penulisnya tidak demikian (alim tentang Hadith) maka itu tidak boleh. Sesiapa yang melakukannya merupakan satu

kesalahan yang wajib dikenakan denda yang berat ke atasnya. Hal ini banyak berlaku di kalangan pembaca khutbah. Mereka hanya membaca khutbah dengan Hadith-Hadith yang mereka hafal, tanpa ingin mengetahui sama ada Hadith-Hadith itu ada sumbernya atau tidak. Maka wajib pada pemerintah setiap negeri melarang pembaca-pembaca khutbah daripada melakukan yang demikian. Jika dia ingkar wajiblah pemerintah menegah khatib itu daripada membaca khutbah." Kemudian beliau menambah, "Khatib wajib menerangkan sandaran (sanad) dalam riwayatnya. Jika Hadith itu mempunyai sanad yang sahih, maka ia tidak boleh ditolak, jika tidak (sahih) haruslah ia ditolak, bahkan harus bagi pemerintah melucutkan jawatannya sebagai khatib, sebagai satu tindakan keras kepadanya daripada dia melakukan keburukan terhadap martabat al-Sunnah tanpa sebarang hak."[13]

Kita berharap fatwa ini dapat dilaksanakan ke atas mereka, jika tidak nescaya banyak orang yang menjauhkan diri daripada mereka kerana kejahilan mereka mengenai Hadith dan bercampurnya Hadith yang *maqbul* (diterima) dengan yang *mardud* (ditolak).

MENTAHQIQKAN PENDAPAT DALAM PERIWAYATAN HADITH DA'IF DALAM PERKARA AL-TARGHIB (GALAKAN) DAN AL-TARHIB (TEGAHAN)

Saya percaya sebab berleluasanya penggunaan Hadith-Hadith yang diragui, munkar dan mawdu' di kalangan sebahagian besar pemidato (pembaca khutbah), penceramah dan pendakwah ialah pendapat yang mengatakan bahawa kebanyakan ulama mengharuskan riwayat Hadith da'if dalam perkara kelebihan beramal, ibadat-ibadat, zuhud, *al-targhib wa 'l-tarhib* (galakan dan tegahan), cerita-cerita dan yang seumpamanya, iaitu perkara-perkara yang tidak bersangkutan dengan hukum syarak daripada ahkam yang lima iaitu halal, haram, makruh, wajib dan sunat.

---

[13]*Al-Fatawa al-Hadithah*, Lubnan: Dar al-Ma'rifah, t.th., hlm. 43-44.

Sehubungan dengan itu, Imam al-Mundhiri berkata di dalam mukadimah kitab *al-Targhib wa 'l-Tarhib*, "Bahawa para ulama membenarkan kelonggaran syarat Hadith dalam perkara *al-targhib wa 'l-tarhib*, sehingga terdapat kebanyakan daripada mereka mendatangkan Hadith mawdu' tanpa menerangkan kedudukannya.

Contohnya seperti apa yang dikatakan oleh al-Hakim dalam *Mustadrak*nya pada awal 'kitab al-du'a', "Adapun aku dengan kehendak Allah, meriwayatkan Hadith-Hadith (*al-akhbar*) yang tidak diriwayatkan oleh al-Syaykhayn (al-Bukhari dan Muslim) pada 'kitab al-da'awat' mengikut madhhab Abu Sa'id 'Abd al-Rahman bin Mahdi dalam penerimaannya." Kemudian beliau meriwayatkannya dengan sanadnya dihubungkan kepadanya dengan katanya, "Apabila kami meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. mengenai halal, haram dan hukum-hakam, kami perketatkan mengenai sanad-sanad dan kritik terhadap perawinya. Apabila kami meriwayatkan mengenai kelebihan beramal (*fada'il al-a'mal*), pahala dan seksa, perkara yang sunat/harus dan doa-doa, kami perlonggarkan syarat-syarat mengenai sanad-sanadnya."[14]

Al-Khatib meriwayatkan di dalam *al-Kifayah* dengan sanadnya daripada Ahmad, katanya, "Apabila kami meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. mengenai halal, haram, sunat-sunat dan hukum hakam, kami perketatkan mengenai sanad-sanadnya. Apabila kami meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. mengenai kelebihan beramal yang tidak melibatkan hukum atau menolak sesuatu hukum, kami longgarkan mengenai sanad-sanadnya."

Katanya lagi, "Hadith-Hadith mengenai *al-Raqa'iq* boleh juga dilonggarkan sanadnya hinggalah kepada Hadith yang mengenai hukum berhubung dengannya (dengan ibadat)."

Daripada Abi Zakariya al-'Anbari katanya, "Sesuatu *khabar* (Hadith) apabila ia didatangkan (diriwayatkan) dalam hal-hal tidak mengharamkan yang halal, tidak meng-

[14]*Al-Mustadrak*, jilid 1, hlm. 490.

halalkan yang haram dan tidak mewajibkan sesuatu hukum, dan ia adalah mengenai *targhib*, atau *tarhib* atau amaran tegas dan keras serta berlembut dan bermudah (sebagai galakan), wajib kita 'tutupkan mata' (tidak ambil berat sanadnya) dan longgarkan mengenai perawi-perawinya.[15]

Tetapi hingga setakat manakah batas 'menutup mata' dan melonggarkan syarat sanad ini?

Sesetengah orang memahami pernyataan ini bahawa Hadith mengenai galakan dan amaran itu boleh diterima sekalipun ia hanya diriwayatkan oleh seorang perawi yang jelas kesalahannya atau banyak meriwayatkan 'hadith' yang munkar atau ia dicap sebagai pendusta.

Bahkan sesetengah ahli sufi yang jahil telah mengharuskan riwayat Hadith Mawdu', 'hadith' yang direka, selagi ia menggalakkan kebaikan dan menegah serta menjauhkan keburukan. Bahkan mereka mengharuskan diri mereka mereka-reka 'hadith-hadith' mengenai kelebihan surah-surah al-Qur'an dan sesetengah amalan baik bagi tujuan tersebut.

Apabila dibacakan kepada mereka Hadith Mutawatir yang terkenal:

" من كذب على متعمدا فليتبوأ مقعده من النار "

Terjemahan: *Sesiapa membuat dusta ke atasku dengan sengaja maka ia menyediakan tempat duduknya daripada api neraka.*

Tanpa segan silu mereka menjawab, "Kami tidak membuat dusta ke atas Nabi, sesungguhnya kami berdusta kerananya (kerana Nabi)."

Ini merupakan satu kejahatan yang lebih buruk daripada dosa, kerana kata-kata mereka membawa pengertian bahawa agamanya (Nabi) itu ada kekurangan,

---

[15]Al-Khatib, *al-Kifayah*, al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.th. hlm. 134.

lalu mereka menyempurnakannya, sedangkan Allah s.w.t. telah berfirman:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ

Terjemahan: *Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu.*

(*Surah al-Ma'idah, 5:3*)

Berpunca dari sini, para pentahqiq Hadith telah menerangkan maksud 'melonggarkan sanad-sanad' dengan penerangan yang jelas seperti yang berikut:

Al-'Allamah Ibn Rajab al-Hanbali berkata dalam *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi* sebagai syarah kepada kata-katanya, "Setiap perawi sesebuah Hadith yang mengambil daripada perawi yang diragui atau perawi yang lemah kerana kecuaiannya (dalam meriwayatkan Hadith) atau kerana kesalahan yang banyak dalam meriwayatkan Hadith dan tidak diketahui pula Hadith itu melainkan daripada Hadith yang diriwayatkan olehnya, maka jangan berhujah dengan 'hadith' itu." Kata Ibn Rajab, "Adapun apa yang diperkatakan oleh al-Tirmidhi.... maksudnya ialah jangan berhujah dengannya (Hadith itu) dalam hal hukum-hukum syari'at, dan urusan-urusan amali, sekalipun sesetengah daripada mereka ada meriwayatkan Hadith mengenai ibadat, *al-targhib wa 'l-tarhib*, kebanyakan imam telah pun memberi kelonggaran dalam meriwayatkan Hadith-Hadith ibadat dan seumpamanya daripada perawi-perawi yang da'if, antara mereka ialah Ibn Mahdi dan Ahmad bin Hanbal."

Rawad bin al-Jarrah berkata, "Aku mendengar Sufyan al-Thawri berkata, 'Janganlah kamu ambil ilmu ini (Hadith) yang mengenai halal dan haram kecuali daripada ketua-ketua (imam-imam) yang masyhur dengan ilmu itu; merekalah yang tahu mana-mana Hadith yang ditambah atau dikurang. Adapun yang selain daripada itu tidak mengapa mengambilnya daripada para syaykh biasa.'."

Ibn Abi Hatim berkata, "Diriwayatkan oleh bapaku, yang diriwayatkan oleh 'Abdah katanya, 'Dikatakan kepada Ibn al-Mubarak dan diriwayatkan sebuah Hadith daripada

seorang lelaki - maka dikatakan: lelaki ini da'if, lalu beliau (Ibn al-Mubarak) berkata, 'Boleh meriwayatkan daripadanya mengikut ukuran ini atau seperti dalam perkara-perkara ini. Aku bertanya kepada 'Abdah, 'Seperti perkara apa?' jawabnya, 'Mengenai adab, nasihat, dan zuhud.'."

Ibn Mu'in berkata mengenai Musa bin 'Ubaydah al-Rabdhi - beliau adalah orang yang masyhur kuat beribadat, tetapi da'if dalam meriwayatkan (Hadith), "Hadithnya mengenai ibadat boleh diambil."

Ibn 'Uyaynah pula berkata, "Janganlah kamu dengar (ambil) Hadith daripada Baqyah - yakni Baqyah bin al-Walid - mengenai hal al-Sunnah, tetapi ambillah daripadanya (Hadith) mengenai pahala dan sebagainya."

Ahmad berkata mengenai Ibn Ishaq - maksudnya Muhammad bin Ishaq pengarang kitab *al-Sirah* yang masyhur, "Tulislah (ambillah riwayat) daripadanya mengenai hal-hal sejarah peperangan dan yang seumpamanya."

Ibn Mu'in berkata mengenai Ziyad al-Buka'i, "Tidak mengapa dengan Hadithnya mengenai sejarah peperangan adapun selain daripada itu jangan sekali-kali."

Ibn Rajab berkata, "Sesungguhnya boleh diriwayatkan Hadith-Hadith daripada orang-orang yang cuai yang tidak dituduh berdusta, mengenai *al-targhib wa 'l-tarhib*, zuhud, dan adab sopan. Adapun perawi yang dituduh berdusta, tinggalkan Hadith mereka. Demikian menurut pendapat Ibn Abi Hatim dan lain-lain."[16]

Sehubungan dengan pendapat-pendapat ini atau seumpamanya, kami jelaskan bahawa tidak seorang pun daripada imam-imam Hadith meriwayat Hadith-Hadith *al-targhib wa 'l-tarhib* daripada setiap jenis perawi, sekiranya mereka tidak dikenali atau dikenakan tuduhan ataupun kesalahannya cukup banyak.

Sebenarnya mereka mengharuskan mengambil riwayat sesetengah perawi yang kurang atau lemah hafalannya, sekalipun mereka bukan daripada imam-imam ilmu Hadith

---

[16]Ibn Rajab, *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi*, ditahqiqkan oleh Dr. Nur al-Din al-'Atar, jilid 1, hlm. 72-74.

yang masyhur yang mengetahui bertambah dan berkurang (sesuatu riwayat), seperti yang dikatakan oleh Imam al-Thawri.

Mereka ini tidak diragui mengenai sifat benar dan adil mereka, cuma diragui mengenai hafalan, kecermatan dan sikap berhati-hati mereka. Kerana itulah al-Hafiz Ibn Hajar menyebut tiga syarat bagi menerima Hadith yang da'if dalam hal ibadat dan galakan, yang dinukilnya daripada al-Hafiz al-Suyuti di dalam *Tadrib al-Rawi*:

Pertama: Disepakati mengenainya oleh para ahli, bahawa ia tidak bersangatan da'if. Sekiranya perawi itu dari kalangan pendusta dan yang dituduh berdusta meriwayat Hadith secara tunggal (sendirian) maka riwayatnya tertolak.

Kedua: Makna Hadith masih dapat digolongkan dalam suatu tema dasar umum yang diakui, maka wajib ditolak 'hadith' yang 'dikarang' tanpa sumber.

Ketiga: Tidak dii'tiqadkan sabitnya (Hadith) ketika mempraktikkannya, supaya ia tidak disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. kerana Baginda tidak menyebutnya. Ia diiktikadkan sebagai untuk berjaga-jaga.

Al-Suyuti berkata, "Dua yang terakhir itu adalah daripada Ibn 'Abd al-Salam, daripada rakannya Ibn Daqiq al-'Id, dan yang pertama dicatat oleh al-'Ala'i tentang kesepakatan mengenainya."[17]

HAKIKAT YANG WAJIB DIPERHATIKAN

Sebahagian daripada kewajipan saya di sini ialah mengingatkan bahawa hakikat yang berlaku menyentuh masalah orang ramai, di mana kebanyakan mereka salah faham, serta mengeruhkan kehidupan beragama mereka.

---

[17]*Tadrib al-Rawi 'ala Taqrib al-Nawawi*, ditahqiqkan oleh 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Latif, al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah, t.th., jilid 1, hlm. 298 dan 299.

Malangnya ia dilakukan oleh orang-orang yang masih bergiat membimbing umat Islam.

Sesetengah Ulama Menolak Hadith Da'if Walaupun Mengenai *al-Targhib wa 'l-Tarhib*.

Hakikat Pertama: Sebahagian ulama dahulu dan sekarang menyamakan (syarat) penerimaan di antara Hadith-Hadith mengenai *al-targhib wa 'l-tarhib*, ibadat-ibadat, zuhud dan sebagainya dengan Hadith-Hadith tentang hukum-hakam, di mana tidak diterima Hadith itu melainkan yang sahih dan hasan.

Ibn Rajab berkata di dalam kitab *Syarh al-'Ilal*, "Jelas apa yang telah dikatakan oleh Muslim (meninggal: 261H) di dalam mukadimahnya yang membawa maksud supaya jangan meriwayatkan Hadith-Hadith *al-targhib wa 'l-tarhib* melainkan daripada perawi yang diriwayatkan daripadanya Hadith tentang hukum-hakam."[18]

"Dalam mukadimah kitabnya, Muslim telah menolak para perawi Hadith-Hadith Da'if dan riwayat munkar."[19]

---

[18]Ibn Rajab, *op. cit.*, hlm. 74.

[19]Dalam mukadimah *Sahihnya*, Muslim berkata, "Semoga Allah merahmati engkau, jikalaulah tiada apa yang kita lihat banyaknya orang yang buruk perbuatan di kalangan orang yang mengaku dirinya ahli Hadith, mereka menyebarkan Hadith-Hadith Da'if dan riwayat-riwayat yang mungkar, dan mereka tidak berasa cukup dengan hanya Hadith-Hadith Sahih yang masyhur yang dinukilnya daripada perawi-perawi yang thiqah dikenali dengan sifat benar dan amanah, selepas mereka mengetahui dan mengakuinya dengan kata-kata mereka, mereka lebih banyak menumpukan usaha mereka terhadap orang-orang (perawi) yang bodoh di mana mereka itu adalah mungkar dan dinukil daripada orang-orang yang tidak diterima riwayatnya di mana riwayat mereka dicela oleh imam-imam Hadith... apa yang mudah atas kita ialah bersikap tawaqquf terhadap apa yang engkau soalkan mengenai perbezaan dan hasilnya. Tetapi kerana apa yang telah aku ajarkan engkau mengenai perbuatan orang yang menyebar khabar-khabar yang mungkar dengan sanad yang da'if lagi majhul dan dihidangkan kepada orang awam yang tidak mengetahui kecacatannya, maka hati kami menjadi senang apabila engkau jawab apa yang engkau persoalkan."

Zahirnya bahawa madhhab Imam al-Bukhari (meninggal: 256H) pun begitu juga. Ia merupakan madhhab Imam Yahaya bin Mu'in, pakar ilmu *al-Jarh u a 'l-Ta'dil*. Dan imam-imam yang terkemudian tergolong dalam madhhabnya iaitu Ibn Hazm daripada madhhab Zahiri (meninggal: 456H), Qadi Ibn al-'Arabi daripada madhhab Maliki (meninggal: 543H) dan Abu Syamah daripada madhhab Syafi'i.[20]

Dan daripada ulama masa kini ialah, Syaykh Ahmad Muhammad Syakir dan Syaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani.

Al-'Allamah Syakir berkata di dalam kitabnya, *al-Ba'ith al-Hathith* yang mensyarahkan *Ikhtisar 'Ulum al-Hadith* karangan Ibn Kathir, beliau berkata selepas menyebut bahawa sesetengah daripada mereka (ulama) mengharuskan riwayat da'if tanpa menerangkan keda'ifannya dengan syarat-syarat yang telah kita sebutkan, katanya, "Pada pendapat saya bahawa menerangkan kelemahan Hadith Da'if adalah wajib dalam setiap hal, kerana tanpa penerangan itu pembaca akan salah sangka bahawa itu adalah Hadith Sahih, lebih-lebih lagi apabila orang yang dinukil itu terdiri daripada ulama Hadith yang pendapat-pendapat mereka dijadikan rujukan dalam masalah itu. Sesungguhnya tidak ada perbezaan dalam meninggalkan riwayat yang da'if dalam masalah hukum-hakam atau masalah kelebihan beramal dan seumpamanya. Bahkan seseorang itu jangan berhujah melainkan dengan apa yang sahih daripada Rasulullah s.a.w. iaitu dengan Hadith Sahih dan Hadith Hasan."

Adapun apa yang telah dikatakan oleh Ahmad bin Hanbal, Ibn Mahdi dan Ibn al-Mubarak, "...Apabila kami meriwayatkan mengenai *al-fada'il* (kelebihan beramal) dan seumpamanya maka kami longgarkan syarat..." yang dimaksudkan oleh mereka dengan kata-kata itu - mengikut apa yang saya faham dan Allah Maha Mengetahui - ialah berpegang kepada Hadith Hasan yang tidak sampai ke taraf

[20]*Tadrib al-Rawi 'ala Taqrib al-Nawawi*, jilid 1, hlm. 298 dan 299.

sahih. Sesungguhnya pada zaman mereka, perbezaan di antara istilah Sahih dan Hasan belum mendapat kata putus yang jelas, bahkan kebanyakan ulama terdahulu hanya menyifatkan Hadith kepada Sahih dan Da'if sahaja."[21] (pengarang: dengan secara ringkas).

Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim juga mempunyai pendapat seperti di atas, maka dengan itu ditafsirkan apa yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa beliau mengambil Hadith Da'if dan didahulukan atau diutamakan daripada pendapat (*al-ra'y*) dan qiyas, ini dapat difahamkan bahawa yang dimaksudkannya ialah Hadith Hasan, kerana al-Tirmidhilah yang memperkenalkan istilah Hadith Hasan seperti yang dikenali sekarang.

Adapun Syaykh al-Albani telah banyak memasukkan Hadith jenis ini di dalam mukadimah beberapa kitabnya khususnya *Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatih* dan *Sahih al-Targhib wa 'l-Tarhib.*

Tiada Syarat yang Ditentukan oleh Ulama Jumhur

Hakikat Kedua: Sesungguhnya tiga syarat yang disyaratkan untuk mengharuskan riwayat Hadith Da'if mengenai perkara *al-targhib wa 'l-tarhib*, ibadat dan yang seumpamanya, tidak dianggap berat dari segi ilmiah. Sungguh malang. Maka banyaklah orang yang bergiat dalam bidang ini mengambil Hadith-Hadith mengenai zuhud dan ibadat tanpa membezakan di antara yang da'if dengan yang amat da'if. Mereka juga tidak mencela di bawah sumber syar'i yang sabit dengan al-Qur'an atau al-Sunnah yang sahih malahan mereka telah ditundukkan - seperti saya katakan sebelum ini - kerana terlalu suka kepada kesan-kesannya dan kepelikannya, walaupun Hadith itu keterlaluan atau telah jelas padanya tanda-tanda mawdu'.

---

[21]Al-Ba'ith al-Hathith, syarh *Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th., hlm. 91 dan 92.

Tegahan Meriwayatkan dengan Lafaz Pasti

Hakikat Ketiga: Para ulama telah memberi peringatan yang penting iaitu jangan berkata pada Hadith yang da'if, "Sabda Rasulullah s.a.w." dengan lafaz yang *jazam* dan pasti.

Ibn Salah telah berkata dalam bahagian 22 daripada kitab *'Ulum al-Hadith*, "Apabila engkau hendak meriwayatkan Hadith Da'if tanpa menyebut sanadnya, maka janganlah engkau kata, "Sabda Rasulullah s.a.w., begini, begini...," dan apa-apa lafaz pasti yang serupa itu, yang mana Rasulullah s.a.w. mengatakan demikian. Tetapi hendaklah engkau katakan, "Diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w., begini, begini," atau... "telah datang riwayat daripadanya...," atau "diriwayat oleh sesetengah mereka...," atau lafaz yang seumpamanya. Demikianlah hukum pada Hadith yang engkau ragui kesahihan dan keda'ifannya. Dan engkau katakan, 'Sabda Rasulullah s.a.w.' menurut Hadith yang jelas kepada engkau sahihnya dengan cara yang telah kami jelaskan dahulu. Allah yang Maha Mengetahui."[22]

Apa yang diperkatakan oleh Ibn Salah turut disepakati oleh al-Nawawi, Ibn Kathir, al-'Iraqi, Ibn Hajar dan semua pengarang kitab *Mustalah al-Hadith*.

Tetapi para pembaca khutbah, penceramah agama dan para pengarang yang meriwayatkan Hadith-Hadith Da'if tidak mengambil peduli terhadap peringatan ini dan mereka sentiasa meriwayatkan Hadith-Hadith mereka dengan lafaz, "Sabda Rasulullah s.a.w...."

Cukuplah dengan Hadith Sahih dan Hadith Hasan

Hakikat Keempat: Sesungguhnya dalam satu-satu tajuk jika telah ada pada kita atau lebih sebuah Hadith dari jenis sahih dan hasan, dan ada juga sebuah Hadith atau lebih dari jenis da'if, maka lebih baik kita bersikap berpada dengan Hadith yang ada pada kita (sahih dan hasan). Kita

---

[22] *Muqaddimah Ibn al-Salah wa Mahasin al-Istilah*, tahqiq 'A'isyah 'Abd al-Rahman, t.th. al-Hay'ah al-Masriyyah al-'Ammah li 'l-Kitab, hlm. 217.

tidak diminta memenuhkan ingatan kita dengan yang da'if, dengan itu kita dapat mengukuhkan yang sahih. Oleh sebab itu, ada riwayat daripada sesetengah Sahabat (yang mengatakan), "Apabila sesuatu kaum itu melakukan satu bid'ah, dengan itu mereka telah menghilangkan satu Sunnah." Perkara ini memang nyata.

Bertolak dari sini, al-Khatib meriwayatkan dalam *al-Kifayah* daripada Imam Ibn Mahdi katanya, "Tidak sewajarnya bagi seorang lelaki melibatkan dirinya bergiat dalam penulisan Hadith-Hadith Da'if,... bahawa sedikit masa yang dihabiskan untuk menulis Hadith daripada perawi yang da'if - adalah lebih baik dia habiskannya untuk menulis Hadith daripada perawi yang thiqah (terpercaya)."[23]

Keupayaan manusia dalam menghafal, mengingat, menguasai dan memahami amat terbatas, maka kalau begitu penumpuannya hendaklah kepada yang lebih utama, dan tidak ada perselisihan pendapat di antara dua orang bahawa yang sahih adalah lebih utama untuk diberikan tumpuan kesungguhan dan masa, daripada memberi tumpuan kepada yang da'if.

Amaran (Peringatan)
Melebih-lebihkan tentang Hadith al-A'mal

Hakikat Kelima: Hadith-Hadith mengenai ibadat dan *al-targhib wa 'l-tarhib* sekalipun ia tidak mengandungi hukum-hukum halal atau haram, kita dapati ia mengandungi selain daripada itu, yang mempunyai kepentingan dan pengajarannya. Sekalipun imam-imam kita yang terdahulu tidak memberi perhatian kepadanya, iaitu apa yang diatur mengenai 'penipuan nisbah' daripada yang telah ditentukan oleh Syari' yang Maha Bijak (Allah) bagi setiap kewajipan dan amalan, maka setiap amalan - yang disuruh atau yang ditegah - mempunyai timbangan dan harganya (balasan) yang ditentukan pada pandangan syarak, dinisbahkan dengan amalan-amalan yang lain.

[23]*al-Kifayah*, hlm. 133.

Tidak harus pula bagi kita melampaui batas-batas yang telah dihadkan oleh syarak, lalu kita turunkan kedudukannya ataupun menaikkan daripada darjatnya yang sebenar.

Dan yang lebih berbahaya ialah memberi nilai kepada sesetengah amal soleh, lebih tinggi daripada nilainya dan lebih daripada yang sepatutnya, dengan menambah besarkan pahala yang didapati daripadanya, hingga terlindung daripada apa yang lebih penting daripada itu dan lebih tinggi martabatnya pada pandangan agama.

Di sebalik itu pula, memberi keutamaan kepada sesetengah amalan yang ditegah dan membesarkan balasan seksanya melebihi amalan yang lain.

Sesungguhnya dasar membesar-besarkan dan melebih-lebihkan pahala kepada perkara *al-wa'd* (janji baik) dan seksa kepada perkara *al-wa'id* (janji buruk)) adalah memburukkan gambaran agama yang jelas pada pandangan para intelek yang bijak, di mana mereka menisbahkan apa yang didengar dan dibaca atas nama agama itu sedangkan agama tidak bertanggungjawab atas hal tersebut.

Unsur melampau ini terlalu banyak terutama mengenai perkara *al-tarhib* yang membawa sikap atau pandangan negatif, yang menjadikan banyak orang menjadi benci kepada Tuhan, melarikan diri daripada-Nya, dan jauh daripada rahmat-Nya.

Apa yang wajib ialah kita kekalkan martabat yang telah ditentukan oleh syarak terhadap amalan-amalan itu, tanpa kita lakukan dua unsur melampau iaitu terlalu longgar atau terlalu ekstrim (melampau), seperti kata Sayyidina 'Ali bin Abi Talib k.w., "Wajib kamu memilih jalan sederhana, di mana para ekstrimis akan kembali kepadanya."

Periwayatan Hadith Da'if Mengenai Fada'il al-A'mal

Hakikat Keenam: Para ulama yang mengharuskan riwayat Hadith Da'if dengan syarat-syaratnya mengikut ungkapan ulama-ulama terdahulu daripada mereka antaranya mereka longgarkan syarat sanad perawi-perawinya. Tujuan mereka ialah untuk mendorong kita melakukan amalan soleh yang

telah sabit kebaikannya melalui dalil-dalil syarak yang muktabar, atau menegah daripada melakukan amalan-amalan jahat yang keburukannya jelas melalui dalil-dalil syarak. Mereka tidak bermaksud untuk mensabitkan kebaikan atau keburukan amalan-amalan itu dengan Hadith Da'if. Tetapi banyak di kalangan orang awam - bahkan di kalangan ahli Hadith sendiri - tidak membezakan di antara keharusan meriwayatkan Hadith Da'if dengan segala syaratnya dan sabit beramal dengannya.

Kerana itu dapat kita lihat kebanyakan negara Islam meraikan malam nisfu Sya'ban, memperuntukkan malamnya untuk sembahyang malam dan siangnya untuk berpuasa, berdasarkan Hadith mengenainya yang diriwayatkan daripada Sayyidina 'Ali k.w. secara marfu':

" اذا كانت ليلة النصف من شعبان، فقوموا ليلها، وصوموا يومها،
فان الله تبارك وتعالى ينزل فيها لغروب الشمش الى السماء الدنيا،
ألا من مستغفر فأغفرله "

Terjemahan: *Apabila tiba malam nisfu Sya'ban, maka sembahyanglah kamu pada malam harinya, dan puasalah pada siangnya, sesungguhnya pada masa itu Allah s.w.t. turun ke langit dunia ketika tenggelam matahari, lalu Dia berfirman: 'Tidak ada di kalangan orang yang memohon ampun melainkan Aku ampunkan baginya'....*

(Hadith diriwayatkan oleh Ibn Majah)

Al-Mundhiri telah mengatakan keda'ifannya, begitu juga al-Busairi dalam *Zawa'id Ibn Majah* mengatakan ia da'if.[24]

Kita juga melihat kebanyakan negara Islam meraikan hari 'Asyura, menyembelih binatang sembelihan dan

[24]Hadith daripada Ibn Majah, no. 1388, di dalam sanadnya terdapat Abu Bakr bin 'Abdullah bin Muhammad bin Abi Sirah di mana Ahmad, Ibn Hibban, al-Hakim dan Ibn 'Addi telah menuduhnya memalsukan Hadith, seperti di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*.

dianggap sebagai hari raya atau sambutan bermusim. Mereka berbelanja kepada isteri dan kaum keluarga. Mereka berpegang kepada Hadith Da'if, bahkan mawdu' pada pandangan Ibn Taymiyyah dan orang lain, iaitu Hadith yang masyhur yang dikenal oleh hampir semua orang, iaitu:

" من أوسع على عياله وأهله يوم عاشوراء ، أوسع الله عليه سائرسنته "

Terjemahan: *Sesiapa yang melebihkan rezeki ke atas kaum keluarga dan isterinya pada hari 'Asyura', Allah akan tambahkan rezekinya sepanjang tahun.*

Al-Mundhiri berkata, "Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dan orang lain daripada *tariq* yang banyak daripada kalangan Sahabat." Dan al-Bayhaqi berkata, "Sanad-sanad ini sekalipun da'if jika dimasukkan sesetengahnya dengan yang lain jadilah ia kuat. Wallah a'lam."

Terdapat beberapa pendapat berhubung dengan pernyataan di atas. Ibn al-Jawzi, Ibn Taymiyyah dalam *Minhaj al-Sunnah* dan selain daripada kedua-duanya telah memutuskan bahawa Hadith ini adalah mawdu'. Al-'Iraqi dan lain-lain cuba mempertahankannya dan mensabitkan sebagai *hasan li-ghayrih*. Kebanyakan ulama terkemudian lebih berani menghukumkannya sebagai Hadith Mawdu'.

Apa yang lebih jelas bagi saya ialah bahawa Hadith itu adalah antara Hadith rekaan sesetengah orang yang jahil di kalangan ahli Sunnah untuk menolak perbuatan melampau golongan Syiah yang menjadikan hari 'Asyura sebagai hari berdukacita dan bersedih, lalu mereka mengubahnya menjadi hari berhias dan mandi-manda dan berbelanja lebih untuk kaum keluarga.

Kebanyakan fahaman yang bercampur aduk, bid'ah-bid'ah yang tersebar di kalangan kebanyakan orang Islam adalah dikembalikan kepada Hadith-Hadith Da'if, yang telah tersebar di kalangan mereka pada zaman silam dan telah sebati dalam pemikiran dan hati mereka. Mereka mengetepikan Hadith-Hadith yang Sahih yang wajib dipegang di samping al-Qur'an, sebagai asas kefahaman dan

tingkah laku, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Imam al-Syatibi dalam kitab *al-I'tisam*.

Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah r.a., mengemukakan pendapat yang jelas bagi menerangkan maksud kata-kata ulama, 'Beramal dengan Hadith Da'if dalam perkara *fada'il al-a'mal*, atau dalam *al-targhib wa 'l-tarhib*,' katanya:

> *"...apa yang wajib ke atas para ulama mengenai beramal dengan Hadith Da'if dalam fada'il al-a'mal bukanlah bermakna sabitnya sesuatu keharusan dengan Hadith yang tidak boleh dibuat hujah, sesungguhnya keharusan itu adalah satu hukum syarak dan ia tidak sabit melainkan dengan dalil syarak. Dan sesiapa yang mengkhabarkan (meriwayatkan) daripada Allah bahawasanya Dia menyukai satu amalan daripada beberapa amalan tanpa ada satu dalil syar'i, maka sesungguhnya dia telah mensyari'atkan dalam agama sesuatu yang tidak diizinkan oleh Allah, sebagaimana ia mensabitkan yang wajib dan yang haram. Kerana itu para ulama berselisih pendapat mengenai soal keharusan sebagaimana mereka berselisih pada hukum yang lain bahkan ia adalah asal agama yang disyari'atkan."*

Adapun maksud mereka ialah bahawa beramal dengan apa yang telah sabit perkara itu disukai Allah, atau sabit perkara itu dimurkai Allah dengan adanya nas atau ijma' seperti membaca al-Qur'an, bertasbih, berdoa, bersedekah, ibadat, ihsan/berbuat baik kepada manusia, benci kepada kebohongan, khianat dan seumpamanya ... apabila diriwayatkan sebuah Hadith mengenai kelebihan sesetengah amalan yang digemari (Allah) dan pahalanya, dan kemurkaan (Allah) terhadap sesetengah amalan dan seksaannya, maka ukuran pahala, seksa dan jenis-jenisnya, apabila diriwayatkan sebuah Hadith mengenainya yang kita tidak tahu bahawa ia mawdu', ia harus meriwayatkannya dan beramal dengannya... dengan erti kata bahawa diri kita mengharapkan pahala atau takut kepada seksaannya,

seperti seorang lelaki yang telah menjangka bahawa perniagaannya akan membawa keuntungan, tetapi menerima berita bahawa perniagaannya itu akan mendatangkan untung yang besar, berita itu jika benar akan memberi manfaat kepadanya dan jika tidak benar tidak pula memudaratkannya.

Demikianlah juga dengan perkara-perkara *al-targhib wa 'l-tarhib* yang melalui 'hadith-hadith' Isra'iliyyat dan mimpi-mimpi, kata-kata ulama salaf dan ulama-ulama serta kenyataan yang berlaku (peristiwa) di kalangan ulama dan yang seumpamanya termasuk ke dalam perkara-perkara yang dengannya tidak harus disabitkan hukum syarak, tidak juga diisbatkan hukum sunat dan selainnya, tetapi harus disebutkan mengenai *al-targhib wa 'l-tarhib*, perkara yang menjadi harapan dan perkara yang ditakuti. Maka perkara-perkara yang diketahui kebaikannya dan keburukannya melalui dalil-dalil syarak, ia mendatangkan manfaat dan mudarat, sama ada perkara itu sendiri benar atau tidak. Perkara yang telah diketahui salah dan mawdu' tidak harus kepadanya, kerana sesungguhnya bohong itu tidak sedikit pun berfaedah. Apabila sabit ia sahih, sabitlah hukum-hukum dengannya, dan apabila ia mengandungi dua perkara iaitu kemungkinan benarnya dan tidak mudarat kerana berdusta, Ahmad berkata, "Apabila datang (terdapat) *al-targhib wa 'l-tarhib* kami longgarkan sanad-sanad." Maksudnya ialah kami meriwayatkan mengenai perkara demikian dengan mendatangkan sanad-sanad, sekalipun yang meriwayatkannya bukan daripada perawi *thiqah* yang boleh berhujah dengan riwayat mereka. Demikian juga satu pendapat yang mengatakan bahawa beramal dengan riwayat-riwayat itu dalam perkara kelebihan beramal, iaitu beramal dengan amalan baik yang ada dalam riwayat itu seperti membaca al-Qur'an dan berzikir, dan menjauhkan amalan buruk dan dibenci yang terdapat dalam riwayat itu.

Apabila Hadith-Hadith Da'if mengenai *fada'il al-a'mal* mengandungi sesuatu ukuran dan batasan seperti: sembah-yang dalam waktu tertentu dengan ditentukan bacaan

tertentu, dan cara yang tertentu, yang demikian adalah tidak harus, kerana keharusan sifat tertentu ini tidak disabitkan dengan akal syar'i, tidak seperti kalau diriwayatkan, "Sesiapa yang masuk ke pasar hendaklah dia berkata, La-ilaha-illa-Allah maka baginya begini, begini...."[25] Sesungguhnya mengingati Allah (zikir) di pasar diharuskan kerana menjadikan orang-orang yang lain dapat mengingati Allah, sebagaimana Hadith yang bermaksud: "Seorang yang mengingati Allah di kalangan orang yang lalai seperti sebatang pokok yang hijau di antara pokok-pokok yang kering."[26]

Adapun penentuan kadar pahala yang diriwayatkan di dalamnya tidak menjejaskan sabitnya dan tidak menidakkan sabitnya (pahala).

Kesimpulannya: Bab ini memutuskan (boleh) diriwayatkan dan beramal dengannya dalam *al-targhib wa 'l-tarhib*, tidak dalam menentukan keharusan, keandaian kepercayaan mengenai balasannya iaitu kadar pahala dan seksanya adalah terhenti kepada dalil-dalil syarak.[27] Walau bagaimanapun, yang jelasnya dapat kita lihat banyak orang yang mensabitkan penentuan-penentuan dan kadar-kadar itu (pahala dan seksa) dengan Hadith yang da'if.

Dua Syarat lengkap bagi penerimaan riwayat Hadith Da'if

Hakikat Ketujuh dan terakhir: Apabila kita lihat pendapat ulama jumhur dalam mengharuskan riwayat da'if dalam perkara *al-targhib wa 'l-tarhib*, mereka mengharuskannya dengan tiga syarat. Maka yang sewajarnya - pada pandangan saya - kita himpunkan lagi kepada dua syarat

---

[25]Telah diterangkan bahawa Hadith ini da'if walau dengan cara turuq yang banyak.

[26]Satu bahagian daripada Hadith riwayat Abu Nu'aym dalam *al-Hilyah* daripada Ibn 'Umar. Al-'Iraqi telah menghukumkan Hadith ini da'if seperti dalam *Fayd al-Qadir*, jilid 3, hlm. 559.

[27]Shaykh al-Islam, Ibn Taymiyyah, *Majmu' Fatawa*, Riyadh: t.th., jilid 18, hlm. 65-68.

yang telah saya sebutkan kedua-duanya dalam kitab saya, *Thaqafah al-Da'iyyah*. Syarat-syarat itu ialah:

Pertama: Perkara itu jangan sampai yang melampau dan keterlaluan (*mubalaghat wa tahwilat*) yang ditolak oleh akal atau syarak ataupun bahasa. Para imam Hadith sendiri telah mengatakan bahawa Hadith Mawdu' dikenali dengan tanda-tanda yang ada pada perawi atau pada Hadith yang diriwayatkan.

Antara tanda-tanda yang ada pada Hadith yang diriwayatkan, bahkan tanda-tanda kepalsuan Hadith - ialah Hadith itu bertentangan dengan akal, tidak mungkin ditakwilkan, tidak dapat diterima oleh pancaindera dan kenyataan. Ataupun ia menafikan dalil-dalil al-Qur'an yang pasti (*qat'i*) atau Sunnah yang *mutawatir*, atau *ijma'* yang pasti, suatu percanggahan yang tidak mungkin bertemu di antara duanya yang kontras. Atau Hadith itu bercerita mengenai satu perkara yang besar yang memungkinkan banyak Sahabat menukilkannya, tetapi ternyata tidak, melainkan hanya diriwayatkan oleh seorang sahaja.

Antara contohnya ialah melampau dalam menyebut janji buruk yang lebih kepada perkara-perkara yang kecil, atau janji baik yang besar kepada perkara-perkara yang tidak ada nilai langsung. Perkara ini banyak terdapat dalam Hadith-Hadith mengenai kisah-kisah nabi (cerita-cerita).

Apa yang mendukacitakan kita ialah banyak di antara ahli Hadith yang tidak mempraktikkan kaedah-kaedah ini ketika mereka meriwayatkan mengenai *al-targhib wa 'l-tarhib* dan yang seumpamanya, dan boleh jadi tidak mengapa pada zaman mereka. Tetapi mengikut pemikiran zaman kita (sekarang), tidak dapat diterima segala perkara yang melampau dan mungkin mendatangkan fitnah terhadap agama Islam sendiri apabila Hadith-Hadith seperti itu dihubungkan kepada agama.

Antara Hadith yang ditolak dari segi bahasa, kebanyakannya ialah Hadith yang diriwayatkan oleh sesetengah pencerita, seperti Darraj Abu al-Samha mengenai tafsiran beberapa kalimah al-Qur'an yang mem-

punyai keterangan yang jelas dari segi bahasa, maka ia meriwayatkan beberapa tafsiran yang pelik-pelik dan amat jauh maknanya dari sudut bahasa. Antara Hadith Darraj iaitu Hadith daripada Abu al-Haytham daripada Abu Sa'id r.a. secara marfu': "Neraka wayl, satu lembah di neraka jahanam, orang kafir masuk ke dalamnya 40 tahun sebelum ia sampai ke dasarnya." Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Tirmidhi dengan lafaz yang sama kecuali dia berkata, "70 tahun." Padahal "wayl" adalah satu kalimah janji buruk yang menjanjikan kecelakaan yang dikenali sebelum dan sesudah Islam.

Antara contoh lain ialah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tabrani dan al-Bayhaqi daripada Ibn Mas'ud r.a. mengenai tafsir *'al-Ghayy'* dalam firman Allah s.w.t:

فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا

Terjemahan: *Maka mereka kelak akan menemui kesesatan.*

(*Surah Maryam 19:59*)

Katanya (Ibn Mas'ud), ia (*al-Ghayy*) adalah "sebuah lembah di dalam neraka jahanam." Dalam satu riwayat lain, ia adalah "sebatang sungai di dalam neraka jahanam."

Demikian juga Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dan lain-lain daripada Anas bin Malik r.a. yang berkata mengenai ayat:

Terjemahan: *Dan kami adakan untuk mereka tempat kebinasaan (neraka).*

(*Surah al-Kahf 18:52*)

katanya, "Satu kolam daripada nanah dan darah."

Antara Hadith yang lebih menghairankan lagi ialah Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abi al-Dunya daripada Syafi bin Mani': Bahawa di dalam neraka jahanam terdapat satu lembah yang dinamakan *Athama* yang di dalamnya

ada ular dan jengking ...." hingga akhir Hadith, yang menerangkan firman Allah s.w.t.:

Terjemahan: *...dan sesiapa yang melakukan demikian itu, nescaya dia mendapat (pembalasan) dosa (nya).*
(*Surah al-Furqan 25:68*)

Dan yang mendukacitakan kita ialah bahawa Imam al-Mundhiri telah pun menyebut Hadith-Hadith ini di dalam kitabnya, *al-Targhib wa 'l-Tarhib.* Kami menolaknya di dalam kitab kami, *al-Muntaqa min al-Targhib wa 'l-Tarhib.*

Kedua: Tidak bertentangan dengan dalil syarak lain yang lebih kuat daripadanya.

Contoh yang jelas dalam hal ini ialah Hadith-Hadith Da'if yang diriwayatkan mengenai keadaan 'Abd al-Rahman bin 'Awf yang masuk syurga dengan merangkak disebabkan kekayaannya.

Dikatakan bahawa Hadith-Hadith seperti ini termasuk di bawah bab Hadith-Hadith peringatan terhadap fitnah dan kongkongan kekayaan. Tetapi wajib pula kita ingat mengenai Hadith-Hadith Sahih yang menolak Hadith di atas iaitu yang mengatakan 'Abd al-Rahman bin 'Awf adalah salah seorang daripada 10 orang yang dijanjikan masuk syurga. Satu keistimewaan yang nyata dan sabit, dan melalui riwayat yang banyak mensabitkan bahawa beliau adalah di antara orang Islam yang terpilih di kalangan orang yang bertakwa dan beliau adalah contoh seorang kaya yang benar-benar bersyukur, kerana itu Rasulullah s.a.w. meredai beliau apabila Baginda wafat, dan Sayyidina 'Umar r.a. pula melantiknya sebagai salah seorang daripada enam orang ahli syura, dan pendapatnya mendapat keistimewaan, dan suaranya (undiannya) dipegang apabila keputusan undi sama banyak.

Al-Hafiz al-Mundhiri telah menolak Hadith yang diriwayatkan tanpa melalui sanad dan Hadith yang diriwayatkan sekumpulan Sahabat daripada Rasulullah s.a.w. bahawa 'Abd al-Rahman bin 'Awf r.a. masuk syurga merangkak

kerana banyak hartanya. Al-Mundhiri mengatakan Hadith itu adalah cakap-cakap yang tidak baik yang tidak dapat diterima, yang tidak sampai riwayatnya ke taraf hasan. Adapun hartanya adalah seperti yang disifatkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya:

" نعم المال الصالح للرجل الصالح "

Terjemahan: *Nikmat harta yang baik adalah untuk lelaki yang soleh.*,

Bagaimana tarafnya di akhirat menjadi berkurangan atau lebih rendah daripada orang kaya yang lain di kalangan umat Islam? Sesungguhnya tidak ditolak hak orang lain (orang kaya) sekalipun telah sahih bahawa orang-orang fakir itu mendahului orang-orang kaya (di akhirat) secara mutlak. Wallah a'lam.[28]

ANTARA KEPINTARAN PENDAKWAH

Sewajarnya bagi pendakwah tidak bercakap kepada orang ramai setiap Hadith yang diketahuinya sekalipun Hadith itu sahih. Al-'Allamah al-Qasimi telah berkata dalam kitabnya, *Qawa'id al-Tahdith*:

"Tidak semua Hadith Sahih boleh engkau ucapkan kepada orang awam. Buktinya ialah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Syaykhan (al-Bukhari dan Muslim) daripada Mu'adh r.a. katanya, 'Ketika aku di belakang Nabi s.a.w. di atas seekor keldai, Baginda bersabda, 'Wahai Mu'adh, apakah engkau tahu apakah hak Allah ke atas hamba-hamba-Nya dan apakah hak hamba-hamba ke atas Allah?', Aku berkata, 'Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.' Baginda bersabda, 'Sesungguhnya hak Allah ke atas

---

[28]Lihat, al-Mundhiri, *al-Targhib*, ditahqiqkan oleh Muhammad Muhy al-Din 'Abd al-Hamid, Hadith nombor 4576.

hamba-hamba ialah mereka menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu, dan hak hamba-hamba ke atas Allah ialah tidak mengazab sesiapa yang tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu.' Aku bertanya, 'Wahai Rasulullah, apakah boleh aku beritahu kepada orang ramai?' Rasulullah s.a.w. menjawab, '*Jangan engkau beritahu mereka, mereka akan menjadi malas (tidak beribadat).*'."

Dalam satu riwayat daripada kedua-dua (al-Syaykhan) daripada Anas, bahawa Nabi s.a.w. bersabda kepada Mu'adh ketika dia berada di belakang Baginda,

"Tidak seorang pun yang mengucapkan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad Rasul Allah benar-benar dari hatinya, kecuali Allah mengharamkan neraka ke atasnya." Mu'adh bertanya, "Wahai Rasulullah, apakah boleh aku beritahu kepada orang ramai agar mereka boleh bergembira?" Baginda menjawab, "Kalau begitu mereka akan menjadi malas." Mu'adh mengabarkan hal ini ketika dia hampir mati kerana dia takut berdosa. Dan diriwayatkan oleh al-Bukhari disandarkan kepada 'Ali r.a., "Mereka bercakap kepada orang ramai apa yang mereka ketahui, apakah mereka suka mendustai Allah dan rasul-Nya?" Dan Hadith yang seumpamanya dari perkataan Ibn Mas'ud, "Jangan engkau memperkatakan kepada satu kaum sebuah Hadith yang tidak difahami oleh akal mereka, takut kalau-kalau ia menjadi fitnah kepada sesetengah mereka." Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim.

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata, "Antara Hadith yang tidak boleh dipercakapkan kepada sesetengah orang tetapi boleh pula kepada sesetengah yang lain iaitu Hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad mengenai Hadith-Hadith yang zahir mengenai penderhakaan terhadap raja, daripada Imam Malik mengenai Hadith-Hadith sifat Allah, daripada Abu Yusuf mengenai perkara-perkara ghaib dan daripada orang sebelum mereka mengenai Abu Hurayrah sebagaima-

na yang diriwayatkan daripadanya mengenai *al-Jarabayn,*[29] yang dimaksudkan ialah berlakunya fitnah dan Hadith seumpamanya daripada Hudhayfah.

Al-Hasan juga mengecam Anas yang menyampaikan kepada al-Hajjaj kisah *al-'Arniyayn,*[30] kerana dia menjadikan kisah itu sebagai panduan untuk berpegang kepada Hadith secara melampau mengenai penumpahan darah, dengan membuat takwil yang salah.

Jika dilihat secara teliti bahawa zahir Hadith itu menguatkan bid'ah, yang tidak dimaksudkan pada asalnya. Maka amat dituntut agar jangan meriwayatkan Hadith itu kepada orang ramai yang mungkin akan berpegang kepada zahirnya." (bukan maksud sebenar Hadith-pent.).

Penegahan di sini adalah untuk satu-satu *maslahah* (kepentingan) bukan untuk mengharamkan. Mu'adh mengabarkan begitu kerana keumuman ayat *al-tabligh* (suruhan menyampaikan).

Sesetengah daripada mereka berkata, "Tegahan dalam sabda Rasulullah s.a.w., 'Jangan engkau beritahu mereka' adalah dikhususkan kepada sesetengah orang. Al-Bukhari berhujah dengan Hadith ini sebagai dalil bahawa orang alim hendaklah mengkhususkan sesuatu ilmu pengetahuan kepada satu kaum dan tidak kepada kaum yang lain, kerana bimbang kalau-kalau kaum lain itu tidak memahaminya." Telah dibawakan beberapa contoh Hadith *al-batlah*[31] (sihir

---

[29]Dalam *Musnad Ahmad* lafaznya berbeza daripada lafaz al-Bukhari dalam *Sahih.*

[30]Al-'Arniyayn ialah satu rombongan yang datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu mereka memeluk Islam, dan mereka jatuh sakit di Madinah. Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya mereka diberikan unta sedekah, mereka pun minum susu dan kencingnya lalu mereka pun sihat. Setelah itu mereka murtad dan membunuh gembala unta, serta melarikan unta-untanya.

Rasulullah s.a.w. pun mengutus kumpulan mencari jejak mereka, lalu (setelah ditangkap) mereka dibawa kepada Baginda, mata mereka dibutakan dan kaki mereka dipotong, kemudian mereka dipancung hingga mati. Hadith terdapat dalam *al-Sahihayn* dan selain kedua-duanya - rujuk *Fath al-Bari,* jilid 12, hlm. 98.

[31]Dikatakan ia batal apabila ia datang dengan kebatilan. Al-Batlah

syaitan) *al-mubahiyyah*[32] sebagai sekatan daripada meninggalkan kewajipan dan hukum, yang akan membawa kepada kerosakan dunia selepas kerosakan urusan (agama), di mana orang-orang yang apabila diberi khabar gembira, akan bertambah-tambahlah ibadat mereka.

Sesungguhnya telah dikatakan kepada Rasulullah s.a.w., "Adakah engkau masih (perlu) sembahyang malam sedangkan Allah telah mengampunkan dosa-dosa engkau?" Lalu jawab Baginda,[33] "Apakah tidak boleh aku menjadi hamba yang bersyukur?"

Dan kerana ini, saya cukup hairan terhadap pendirian beberapa pendakwah yang masih meriwayatkan kepada orang ramai Hadith mengenai lalat yang tenggelam di dalam minuman, dengan menenggelamkannya (untuk mendapatkan penawarnya - Pent.). Atau Hadith-Hadith Nabi Musa a.s. menampar Malaikat Maut. Ataupun Hadith:

" ان أبي وأباك في النار "

Terjemahan: *Sesungguhnya bapaku dan bapamu di dalam neraka.*

sebagai jawapan kepada orang yang bertanya, "Di manakah bapa saya?"

Ataupun Hadith-Hadith yang menjadi perselisihan di kalangan Salaf dan Khalaf di sekitar masalah sifat-sifat *al-khabariyyah* atau *al-fi'liyyah* bagi Allah s.w.t. Ataupun Hadith *al-fitan* yang diragui zahirnya tidak untuk mengadakan pembaikan (*Islah*), malah tidak mampu

---

ialah sihir dan syaitan. Di dalam *Musnad Ahmad* daripada Hadith Abi Umamah: "Bacalah al-Baqarah, sesungguhnya mengambilnya (sebagai bacaan amalan) menjadi barakah, meninggalkannya menjadi rugi dan sihir tidak berdaya (melawan)nya." Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab 'al-Salat'.

[32]Demikianlah asalnya, boleh jadi maksudnya *al-Ibahiyyah* (perkara yang dikatakan harus).

[33]Dikeluarkan (diriwayatkan) oleh al-Syaykhan, al-Tirmidhi dan al-Nasa'i, daripada Hadith al-Mughirah bin Syu'bah.

berbuat apa-apa bagi menentang kerosakan. Atau Hadith-Hadith lain yang maknanya dapat mempengaruhi orang ramai, sedangkan mereka tidak memerlukannya, dan tidak pula mengaturkan sesuatu hukum. Jikalau mereka tidak mendengar Hadith itu sepanjang hayat mereka pun, pasti tidak akan berkurang agama mereka.

Apabila seseorang pendakwah itu memerlukan Hadith-Hadith seperti ini kerana beberapa sebab, maka dia perlu meletakkannya pada tempat yang betul dan menerangkan serta menjelaskan keadaannya, dari sudut maknanya, di samping menghilangkan keraguan dan kekeliruan daripadanya.

Kami akan memberi contoh-contoh Hadith yang masyhur dan disalahfahamkan oleh orang ramai yang menggalakkan beberapa perkara yang berbahaya lantaran fahaman itu, iaitu Hadith daripada Anas yang akan dihuraikan di bawah:

BENARKAH SETIAP ZAMAN ITU LEBIH BURUK DARIPADA SEBELUMNYA?

Diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan sanadnya kepada al-Zubayr bin 'Addi katanya, "Kami datang kepada Anas bin Malik mengadu kepadanya mengenai apa yang kami temui daripada al-Hajjaj, lalu Anas berkata, 'Bersabarlah kamu, sesungguhnya setiap zaman itu ada kejahatan yang lebih teruk daripada sebelumnya, sehingga kamu menemui Tuhan kamu, aku mendengar daripada Nabi kamu.'."

Sesetengah orang mengambil Hadith ini sebagai satu pegangan untuk menegah sesuatu perbuatan, bukan untuk membetulkan dan membolehkannya. Mereka mendakwa bahawa Hadith itu menunjukkan segala hal itu dalam keadaan sentiasa menurun, jatuh dan mengikut hawa nafsu, dari satu tempat yang rendah ke tempat yang lebih rendah lagi, dari yang buruk berubah kepada yang lebih buruk lagi. Hinggalah sampai ke hari kiamat manusia tetap dalam kejahatan, sehingga mereka menemui Tuhan.

Satu golongan yang lain pula bersikap *tawaqquf* dalam menerima Hadith ini, kerana pada sangkaan mereka terdapat perkara-perkara yang berikut:

1. Menimbulkan putus asa dan kekecewaan.
2. Bersikap negatif dalam menghadapi golongan pemerintah yang zalim dan menyeleweng.
3. Menentang pemikiran ke arah pembangunan dan kemajuan.
4. Menafikan realiti sejarah umat Islam.
5. Menentang Hadith-Hadith mengenai kemunculan seorang khalifah yang memenuhi muka bumi dengan keadilan (al-Mahdi), mengenai turunnya 'Isa bin Maryam, dan tertegaknya negara Islam dan tingginya kalimah Allah di seluruh muka bumi.

Apa yang dapat kita katakan ialah: ulama-ulama kita yang terdahulu telah *tawaqquf* terhadap Hadith ini yang menyebut secara *itlaq*. Dimaksudkan dengan *itlaq* ialah apa yang difahamkan daripada Hadith, "Bahawa pada setiap zaman itu adalah keburukannya lebih daripada yang sebelumnya," di samping pada sesetengah zaman terdapat keburukan yang tidaklah seburuk zaman sebelumnya, walau tidak berlaku kecuali pada zaman 'Umar bin 'Abd al-'Aziz, iaitu zaman selepas al-Hajjaj, yang menerima pengaduan dengan mudah. Sesungguhnya kebaikan telah wujud pada zaman 'Umar bin 'Abd al-'Aziz, bahkan kalau dikatakan: keburukan berkurangan pada zamannya lebih baik daripada keburukan yang menonjol pada zaman sebelumnya.

Beberapa orang ulama menjawab masalah ini dengan beberapa jawapan:

a. Imam al-Hasan al-Basri membawa pengertian Hadith ini mengikut kebiasaan orang ramai. Beliau telah ditanya mengenai zaman 'Umar bin 'Abd 'Aziz selepas al-Hajjaj, lalu beliau menjawab, "Harus ada ketika, di mana orang ramai boleh bernafas dengan lega walaupun sementara."

b. Terdapat riwayat daripada Ibn Mas'ud r.a. mengenai kata-kata,"Tidak datang satu zaman ke atas kamu melainkan keburukannya lebih banyak daripada zaman sebelumnya. Aku tidak maksudkan seorang raja itu lebih baik daripada seorang raja yang lain, dan satu tahun itu lebih baik daripada satu tahun yang lain, tetapi (aku maksudkan) ulama-ulama dan para fuqaha' kamu akan pergi (meninggal) kemudian kamu tidak dapati pengganti mereka, dan datanglah satu kaum yang memberi fatwa mengikut pendapat mereka." Dalam satu lafaz lain daripada Ibn Mas'ud, "Maka mereka membunuh dan merosakkan Islam." Al-Hafiz Ibn Hajar telah menerangkan dalam *Fath al-Bari* tentang tafsiran Ibn Mas'ud mengenai makna kebaikan dan keburukan di sini, dengan kata-kata, "Inilah yang lebih utama untuk diikuti."

Tetapi pada kenyataannya tidak dapat dinafikan ada kesamaran (masalah-masalah) pada prinsip asasnya. Terdapat nas-nas yang menunjukkan bahawa Hadith-Hadith mengenai perkara ghaib berperanan dalam meninggikan panji-panji Islam dan menegakkan kalimahnya, paling tidak ia berlaku pada zaman al-Mahdi dan al-Masih pada akhir zaman, itu pun sudah memadai.

Sejarah telah menyaksikan kedatangan periode-periode yang penuh dengan kemalapan (beku) dan jumud selepas periode kebangkitan dan pembaharuan. Memadailah kita sebutkan di sini sebagai contoh beberapa orang ulama dan para reformis pada kurun yang kelapan Hijriyyah yang muncul selepas kejatuhan Khilafah Islam, dan merosotnya beberapa bidang (*ahwal*) dalam kurun ketujuh, seperti Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah, muridnya Ibn al-Qayyim dan semua muridnya di Syam, al-Syatibi di Andalus, Ibn Khaldun di Maghribi dan lain-lain yang terdapat biografi mereka di dalam kitab *al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah* oleh Ibn Hajar.

Pada zaman berikutnya kita dapati ulama seperti Ibn Hajar dan al-Suyuti di Mesir, Ibn al-Wazir di Yaman, al-Dahlawi di India, al-Syawkani dan al-San'ani di Yaman, Ibn

'Abd al-Wahhab di Najd dan lain-lain yang terdiri daripada ulama mujtahid dan reformis yang terkemuka.

Kerana itu Imam Ibn Hibban dalam *Sahih*nya berpendapat bahawa Hadith daripada Anas di atas bukanlah sesuatu yang umum (pengertiannya) berdalilkan Hadith-Hadith mengenai al-Mahdi yang akan memenuhkan (menyebarkan) keadilan di muka bumi selepas berleluasanya kezaliman.[34]

c. Dan kerana ini saya berpendapat bahawa sebaik-baik tafsiran bagi Hadith ini ialah apa yang telah dikatakan oleh al-Hafiz dalam *al-Fath* dengan kata-katanya, "Kemungkinan yang dimaksudkan dengan zaman itu ialah zaman Sahabat, atas dasar kepada mereka itulah ditujukan kata-kata itu, lalu ia khusus untuk mereka. Adapun orang-orang yang selepas mereka tidak termasuk dalam berita (khabar) yang disebutkan itu, tetapi para Sahabat memahamkannya secara umum. Maka kerana itulah dijawab demikian kepada orang yang ragu-ragu terhadap al-Hajjaj dan menyuruh mereka supaya bersabar, padahal kebanyakan mereka itu adalah dari kalangan Tabi'in."[35]

Berdasarkan tafsiran ini, maka kata-kata Ibn Mas'ud mungkin juga bermaksud begini, "Ia khusus tertentu untuk zaman orang-orang yang ditujukan kata-kata itu, iaitu para Sahabat dan Tabi'in, dan dia meninggal pada zaman 'Uthman r.a."

Adapun sangkaan orang yang menyangka bahawa Hadith itu membawa maksud menyeru supaya berdiam diri terhadap kezaliman, sabar terhadap paksaan dan penindasan, sukakan kemungkaran dan kerosakan serta membawa sikap negatif dalam menghadapi golongan *taghut* dan pelampau di muka bumi....maka ia ditolak melalui beberapa sudut:

[34]*Fath al-Bari*, jilid 16, hlm. 228.
[35]*Ibid.*

1. Bahawa orang yang berkata, "Bersabarlah kamu," ialah Anas r.a.. Ini bukan Hadith Marfu', malah telah diambil (diistinbatkan) sesuatu pengajaran/hukum daripadanya. Setiap pendapat seseorang boleh dipertikaikan atau diterima dan ditinggalkan, melainkan kata-kata Rasulullah s.a.w. yang ma'sum.

2. Bahawa Anas tidak menyuruh mereka supaya 'rela' terhadap kezaliman dan keburukan, tetapi menyuruh mereka supaya 'bersabar'. Ada perbezaan yang besar di antara kedua-dua perkara itu. Sesungguhnya rela terhadap kufur itu kufur namanya, dan suka kepada mungkar adalah mungkar. Adapun sabar, sedikit benar orang yang dapat terhindar daripadanya, sesungguhnya seseorang itu bersabar terhadap sesuatu sedangkan dia benci kepadanya, dan dia berusaha untuk mengubahnya.

3. Bahawa orang yang tidak memiliki kuasa untuk melawan kezaliman dan keburukan, tidak ada cara baginya melainkan menegahnya dengan cara bersabar, berhati-hati dan berusaha menyediakan peralatan. Selain itu, dia perlu mencari jalan untuk mendapat pertolongan daripada orang yang sama aliran (pemikiran), mengambil setiap peluang yang ada, untuk menghadapi kekuatan batil dengan kekuatan kebenaran dan mengalahkan orang-orang yang zalim dengan penolong-penolong yang adil.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabar selama tiga belas tahun di Makkah terhadap berhala-berhala dan penyembah-penyembahnya, Baginda bersembahyang di Masjid al-Haram dan tawaf di Ka'bah sedangkan di sekelilingnya ada 360 buah berhala. Bahkan pada tahun ketujuh Hijrah, Baginda tawaf bersama-sama Sahabatnya dalam Umrah Qada', Baginda melihatnya dan tidak menyentuhnya sehingga tiba waktu yang sesuai untuk memecahkannya iaitu pada hari pembukaan Makkah (*al-Fath*).

Kerana itu para ulama kita menyatakan bahawa sekiranya mencegah satu kemungkaran tetapi akan

menimbulkan satu kemungkaran yang lebih besar, maka wajiblah berdiam diri dahulu sehingga keadaan berubah.

Berdasarkan kenyataan ini, tidak sewajarnya difahamkan daripada pesanan supaya bersabar itu bermaksud tunduk kepada kezaliman dan penganiayaan, bahkan menunggu dan memerhati sehingga Allah s.w.t. menjatuhkan satu hukuman dan Dialah sebaik-baik pemberi hukuman.

4. Bahawa sabar itu tidak bererti menegah daripada memperkatakan perkara yang benar, menyuruh yang ma'ruf dan melarang yang mungkar terhadap orang-orang zalim yang menempatkan dirinya sebagai tuhan. Walaupun begitu, ia tidak wajib ke atas orang yang bimbang terhadap keselamatan dirinya, keluarganya dan orang-orang di sekelilingnya. Sebuah Hadith telah menyatakan:

" أفضل الجهاد كلمة حق عند سلطان جائر"

Terjemahan: *Sebaik-baik jihad ialah memperkatakan yang benar kepada pemerintah yang zalim.*

dan

" سيد الشهداء حمزة بن عبدالمطلب، ورجل قام الى امام جائرفأمره ونهاه فقتله "

Terjemahan: *Penghulu para syuhada' Hamzah bin 'Abd al-Muttalib merupakan seorang lelaki yang berhadapan dengan pemerintah yang zalim, dia menyuruhnya (melakukan yang ma'ruf) dan melarangnya (melakukan yang mungkar), lalu dia dibunuh.*

Kaedah-Kaedah Memahami al-Sunnah dengan Sebaik-Baiknya

- Memahami al-Sunnah menurut perspektif al-Qur'an.
- Menghimpunkan Hadith-Hadith yang berkaitan ke dalam satu tajuk.
- Membuat penyelarasan atau mentarjih Hadith-Hadith yang bertentangan.
- Memahami Hadith melalui sebab berlaku-nya perkara yang berkaitan dan tujuan Hadith.
- Membezakan di antara wasilah yang dapat berubah dengan tujuan yang tetap bagi sesebuah Hadith.
- Membezakan di antara hakikat dengan majaz bagi memahami sesebuah Hadith.
- Membezakan di antara yang ghaib dengan yang nyata.
- Penelitian kepada makna lafaz Hadith.

MEMAHAMI AL-SUNNAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QUR'AN

Memang menjadi kewajipan kita untuk memahami al-Sunnah dengan benar dan tepat, jauh daripada sebarang penyelewengan dan takwil yang karut, iaitu dengan cara al-Sunnah itu difahami menurut sorotan dan roh al-Qur'an yang telah diyakini kebenarannya dan keadilan hukumannya. Allah s.w.t. berfirman:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَّا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ

Terjemahan: *Kalimah Tuhan engkau itu telah sempurna kebenaran dan keadilannya. Tidak ada yang boleh mengganti kalimah-kalimah-Nya.*

(*Surah al-An'am 6:115*)

Al-Qur'an merupakan roh dan asas agama Islam. Ia merupakan ibu dan *dustur* asli, di mana segala undang-undang dalam Islam adalah dirujuk kepadanya. Al-Sunnah al-Nabawiyyah menjelaskan dustur ini. Ia juga menerangkan al-Qur'an secara teori dan praktiknya secara amali. Dengan ini peranan Rasul adalah untuk menjelaskan kandungan al-Qur'an yang diturunkan kepada manusia.

Tidak sekali-kali al-Sunnah yang menjelas dan menerangkan itu akan bertentangan dengan al-Qur'an yang dijelas dan diterangkan. Tidak sekali-kali yang furu' akan bertentangan dengan yang asal. Oleh kerana itu, penjelasan

Rasulullah s.a.w. hanya berada di sekitar pengajaran al-Qur'an dan tidak akan melebihinya.

Dengan ini tidak akan didapati al-Sunnah yang *sahih* bertentangan dengan ayat-ayat al-Qur'an yang *muhkamat* dan penjelasan-penjelasannya yang terang. Apabila terdapat orang yang menyangka adanya yang demikian, maka itu menunjukkan bahawa Hadith itu tidak sahih atau fahaman kita tidak betul atau pertentangan itu sebenarnya bukan pada hakikatnya. Inilah yang dimaksudkan memahami al-Sunnah dari perspektif al-Qur'an.

Dengan ini Hadith *al-Gharaniq* yang didakwa itu tidak syak lagi ditolak kerana ia bertentangan dengan al-Qur'an. Tentulah tidak benar boleh wujud Hadith yang seumpama ini sedangkan al-Qur'an mencela tuhan palsu. Allah s.w.t. berfirman:

أَفَرَءَيْتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾ وَمَنَوٰةَ ٱلثَّالِثَةَ ٱلْأُخْرَىٰٓ ﴿٢٠﴾ أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢١﴾ تِلْكَ إِذًا قِسْمَةٌ ضِيزَىٰٓ ﴿٢٢﴾ إِنْ هِىَ إِلَّآ أَسْمَآءٌ سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهْوَى ٱلْأَنفُسُ ۖ وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٢٣﴾

Terjemahan: *Adakah kamu melihat Lata dan 'Uzza, dan Manat yang ketiga. Adakah untuk kamu anak lelaki dan untuk-Nya anak perempuan. Kalau begitu ia merupakan pembahagian yang tidak adil. Itu hanya nama-nama yang kamu dan bapa-bapa kamu menamakannya. Allah tidak menurunkan kekuasaan tentang itu. Apa yang mereka ikuti hanyalah zan dan sesuatu yang digemari oleh nafsu, dan sesungguhnya telah datang kepada mereka kebenaran dari Tuhan mereka.*

(*Surah al-Najm 53 :19-23*)

Bagaimana dapat diterima oleh akal, al-Qur'an mencela dan mengingkari berhala-berhala ini kemudian terdapat 'hadith-hadith' yang memujinya pula? Contohnya:

" تلك العرانيق العلا، وان شفاعتهن لترتجى "

Terjemahan: *Itu adalah al-Gharaniq yang tinggi dan syafaat daripadanya adalah diharapkan.*[1]

Demikian juga 'hadith' tentang kaum wanita yang berbunyi:

" شاوروهن وخالفوهن "

Terjemahan: *Hendaklah kamu bermusyawarah dengan kaum wanita dan kemudian hendaklah bertindak berlawanan dengan hasil musyawarah.*

adalah Hadith palsu kerana bertentangan dengan firman Allah s.w.t. tentang peranan kedua ibu bapa terhadap anak mereka yang masih menyusu:

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا

Terjemahan: *Maka jika kedua-duanya hendak bercerai susu dengan keredaan dan permesyuaratan maka tiada kesalahan bagi kedua-duanya.*

(*Surah al-Baqarah 2 :233*)

Jika berlaku perbezaan pendapat di kalangan fuqaha' dan penafsir Hadith dalam memahami al-Sunnah maka yang lebih tepatnya ialah yang disokong oleh al-Qur'an. Perhatikanlah firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ جَنَّٰتٍ مَّعْرُوشَٰتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَٰتٍ وَٱلنَّخْلَ وَٱلزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُۥ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُتَشَٰبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۚ كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ

Terjemahan: *Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang menjalar dan yang tidak menjalar*

---

[1]Lihat: Muhammad al-Sadiq 'Urjun rahimahullah di dalam kitabnya, *Muhammad Rasulullah* di bawah tajuk, "Kisah al-Gharaniq".

(tanamannya), pohon kurma, tanaman-tanaman yang bermacam rasanya, zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Makanlah buah-buahnya ketika pohon itu berbuah dan berikan haknya pada hari memetik hasil.

(*Surah al-An'am 6:141*)

Ayat yang diturunkan di Makkah ini secara ringkas mahupun secara terperinci (*tafsil*), menerangkan bahawa setiap yang tumbuh dari bumi ada hak ke atasnya. Hak itu mestilah ditunaikan. Hak yang diijmalkan di dalam ayat ini di*tafsil*kan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah di bawah tajuk '*zakat*'.

Namun demikian terdapat sesetengah ulama yang menyatakan tumbuhan yang wajib dikeluarkan zakat hanya dari empat jenis sahaja iaitu biji-bijian dan buah-buahan, makanan yang mengenyangkan, makanan kering yang dapat disukat dan disimpan. Dengan ini tidak wajib dikeluarkan zakat segala jenis buah dan sayur-sayuran, tanaman kopi, teh, epal, mangga, kapas, tebu dan lain-lain yang memberi pulangan kepada tuannya beribu bahkan berjuta-juta ringgit.

Ketika saya menziarahi beberapa buah negara di Asia orang-orang komunis mendakwa bahawa fiqh Islam atau Syari'at Islam mengenakan zakat hanya kepada pekebun-pekebun kecil; yang kadang-kadang mereka hanyalah penyewa tanah sahaja, bukan pemilik, mereka hanya penanam-penanam jagung atau gandum, tetapi pemilik ladang kelapa sawit, getah, teh dan lain-lain dikecualikan daripada zakat.

Oleh itu, kita amat kagum dengan pendapat Imam Abu Bakr bin al-'Arabi ketua ulama madhhab Maliki pada zamannya. Di dalam kitabnya yang bernama *Ahkam al-Qur'an* beliau menjelaskan pendapat ulama madhhab yang tiga iaitu Imam Malik, Ahmad dan Syafi'i tentang benda-benda yang wajib dikeluarkan zakat dan yang tidak wajib dikeluarkan zakat daripada tanaman. Beliau juga

menjelaskan pendapat madhhab imamnya mengenai perkara ini. Kerana kematangan ilmunya dan keinsafannya, beliau telah menghukumkan bahawa pendapat-pendapat ulama tersebut adalah lemah. Kemudian beliau telah memuji pendapat Imam Abu Hanifah yang mewajibkan zakat pada semua benda yang dimakan sama ada mengenyangkan atau tidak. Hal ini telah diterangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. di dalam Hadithnya:

" وفيما سقت السماء العشر "

Terjemahan: *Pada tanaman yang airnya diperoleh daripada air hujan (zakatnya) satu persepuluh.*

Adapun pendapat Imam Ahmad yang mengatakan zakat itu disukat berdalilkan Hadith:

" ليس فيما دون خمسة أوسق "

Terjemahan: *Tidak ada zakat pada yang kurang daripada lima awsuq.*

Pendapat ini lemah. Ini ialah kerana apa yang dituntut oleh zahir Hadith bahawa zakat itu pada buah-buahan dan biji-bijian. Adapun untuk tidak mewajibkan zakat pada yang lain daripada yang dua ini, tidak termasuk di dalam Hadith. Adapun pendapat Imam Syafi'i yang hanya mewajibkan zakat pada perkara yang mengenyangkan, pendapat ini tidak ada asas yang dapat dirujuk. Mengenai maksud nas tersebut telah kami terangkan di dalam kitab *al-Qiyas*.

Allah s.w.t. telah menyebut nikmat-Nya pada makanan yang mengenyangkan dan buah-buahan. Allah mewajibkan zakat pada kesemuanya sama ada pada yang mempunyai banyak bentuknya seperti tamar, dan yang banyak jenisnya seperti tanaman.

Ibn al-'Arabi seterusnya berkata, "Jika ditanya mengapa tidak dinukilkan daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda pernah mengambil zakat daripada sayur-sayuran yang ditanam di Madinah dan di Khaybar?"

Jawabnya, "Tiada dalil pun, dan yang mengatakan dalil bukan sebenarnya dalil." Jika orang berkata, "Sekiranya Baginda pernah mengambilnya nescaya ada dinukilkan." Kami pula akan menjawab, "Apa pentingnya dinukilkan sedangkan al-Qur'an sudah cukup menangani perkara ini?"[2]

Adapun Hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w.:

" ليس فى الخضروات صدقة "

Terjemahan: *Tiada zakat pada sayur-sayuran.*

sanadnya da'if. Oleh itu Hadith yang seumpama ini tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh men*takhsis*kan umum al-Qur'an dan juga umum Hadith yang masyhur. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhi. Katanya, "Isnad Hadith ini tidak sahih. Tidak ada Hadith yang sahih daripada Rasulullah s.a.w. di dalam bab ini."[3]

Memang menjadi hak orang Muslim untuk *tawaqquf* pada Hadith yang pada pandangannya ia bertentangan dengan ayat al-Qur'an yang *muhkam* dan ia tidak mendapati sebarang takwil yang sesuai.

Saya telah *tawaqquf* pada sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan selainnya iaitu Hadith:

" الوائدة والموءودة فى النار ".

Terjemahan: *Perempuan yang menanam bayi perempuan hidup-hidup dan bayi yang ditanam itu, kedua-duanya dalam neraka.*[4]

Apabila saya membaca Hadith ini dada saya sebak dan berkata, "Mungkin Hadith ini da'if sebab tidak semua

---

[2]Lihat: Ibn al-'Arabi di dalam kitabnya, *Ahkam al-Qur'an.*

[3]Lihat: al-Tirmidhi, kitab al-Zakat, bab *"ma ja'a fi zakat al-khadrawat"*, dan *Sahih al-Tirmidhi bi syarh Ibn al-'Arabi* 3:132 dan 133.

[4]Abu Dawud nombor 4717 daripada Ibn Mas'ud, Ibn Hibban dan al-Tabrani daripada al-Haytham bin Kulib. Menurut al-Haithami, perawi-perawi Hadith ini adalah perawi-perawi Sahih.

Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam kitab *Sunan*nya adalah Hadith Sahih sebagaimana telah diketahui oleh ulama Hadith. Tetapi saya dapati ada ulama yang menghukumnya sahih."

Perkara yang sama juga berlaku apabila saya membaca Hadith:

" الوائدة والموءودة فى النار، الا أن تدرك الوائدة الاسلام فتسلم "

Terjemahan: ***Perempuan yang menanam bayi perempuan hidup-hidup dan bayi yang ditanam itu kedua-duanya di dalam neraka, kecuali perempuan yang menanam bayi itu memeluk Islam maka ia akan terselamat.***[5]

Maksudnya, perempuan yang menanam bayi itu ada peluang untuk selamat, tetapi bayi itu tidak ada peluang untuk selamat.

Di sini saya bertanya sebagaimana para Sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w. ketika mereka mendengar Baginda bersabda:

" اذا التقى المسلمان بسيفيهما، فالقاتل والمقتول فى النارقالوا : هـذا القاتل، فما بال المقتول ؟ قال : انه كان حريصا على قتل صاحبه "

Terjemahan: ***Apabila dua orang Muslim berbunuh-bunuhan dengan menggunakan pedang-pedang mereka, maka yang membunuh dan yang dibunuh kedua-duanya di dalam neraka. Para Sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w., "Pembunuh (jelas) tetapi bagaimana dengan yang dibunuh?" Baginda menjawab, "Dia juga berusaha untuk membunuh lawannya."***

---

[5]Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Nasa'i daripada Salmah bin Yazid al-Ja'fi seperti yang terdapat di dalam kitab *Sahih al-Jami' al-Saghir*.

Saya juga ingin bertanya, "Perempuan yang menanam bayi hidup-hidup itu memang dimasukkan ke dalam neraka, tetapi bagaimana dengan bayi yang ditanam?"

Menghukum bayi yang ditanam hidup-hidup itu di dalam neraka adalah bertentangan dengan firman Allah s.w.t.:

وَإِذَا ٱلْمَوْءُۥدَةُ سُئِلَتْ ﴿٨﴾ بِأَىِّ ذَنۢبٍ قُتِلَتْ ﴿٩﴾

Terjemahan: *Apabila bayi-bayi yang ditanam hidup-hidup itu ditanya dengan sebab dosa apakah ia dibunuh?*

(*Surah al-Takwir 81:8 dan 9*)

Saya sudah merujuk ulasan-ulasan Hadith ini untuk mengetahui pandangan ulama mengenainya tetapi tidak ada yang memuaskan. Begitu juga dengan Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Anas:

" ان أبى وأباك فى النار "

Terjemahan: *Sesungguhnya bapaku dan bapamu di dalam neraka.*[6]

Hadith ini diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. ketika Baginda ditanya oleh seorang lelaki, di manakah bapanya?

Di sini saya bertanya, "Apakah dosa 'Abdullah bin Abd al-Muttalib yang menjadikan dia penghuni neraka sedangkan beliau adalah daripada golongan ahli fitrah. Mengikut pendapat yang sahih, ahli fitrah terlepas daripada azab neraka."

Terlintas pada hati saya bahawa yang dimaksudkan dengan "bapaku" di dalam Hadith tersebut ialah bapa saudaranya, Abu Talib, yang menjaga Baginda setelah nindanya meninggal. Di dalam al-Qur'an perkataan bapa boleh membawa erti bapa saudara seperti pada firman Allah

---

[6]Diriwayatkan di dalam kitab, "*al-Iman*", Hadith nombor 347.

s.w.t. ketika mengisahkan anak-anak Nabi Ya'qub yang berkata:

قَالُواْ نَعْبُدُ إِلَٰهَكَ وَإِلَٰهَ ءَابَآئِكَ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ إِلَٰهًا وَٰحِدًا وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٣﴾

Terjemahan: *Kami menyembah Tuhan engkau dan Tuhan bapa-bapa engkau Ibrahim, Ismail dan Ishaq, Tuhan yang satu dan kami berserah kepada-Nya.*
(*Surah al-Baqarah 2 :133*)

Nabi Ismail adalah bapa saudara Nabi Ya'qub tetapi al-Qur'an menyebutnya bapa.

Tidak hairanlah Abu Talib termasuk dalam golongan ahli neraka kerana keengganannya mengucapkan kalimah Tawhid sehingga akhir hayatnya. Terdapat beberapa Hadith Sahih menyatakan bahawa dia adalah penghuni neraka yang menerima azab paling ringan.

Walau bagaimanapun ini adalah bertentangan dengan penggunaan makna bapa yang biasa. Dari satu sudut lagi apakah dosa bapa lelaki yang bertanya itu? Zahirnya bapa lelaki itu meninggal sebelum Islam.

Oleh kerana itu saya tawaqquf dahulu Hadith ini sehingga ternyata pada saya maksud atau tafsiran yang memuaskan.

Adapun Syaykh Muhammad al-Ghazali dengan tegas menolak Hadith ini kerana ia bertentangan dengan firman Allah s.w.t.:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

Terjemahan: *Kami tidak menyeksa (sesuatu kaum) sehingga Kami utuskan seorang rasul.*
(*Surah al-Isra' 17:15*)

dan

وَلَوْ أَنَّآ أَهْلَكْنَٰهُم بِعَذَابٍ مِّن قَبْلِهِۦ لَقَالُواْ رَبَّنَا لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ ءَايَٰتِكَ مِن قَبْلِ أَن نَّذِلَّ وَنَخْزَىٰ ﴿١٣٤﴾

Terjemahan: *Dan jikalau Kami binasakan mereka dengan azab sebelumnya (diutuskan Rasul) nescaya mereka berkata, "Ya Tuhan kami, kenapa Engkau tidak utuskan kepada kami seorang rasul supaya kami mengikut ayat-ayat Engkau sebelum kami terima dan mendapat kecelakaan."*

(*Surah Taha 20 :134*)

dan

أَن تَقُولُوا۟ مَا جَآءَنَا مِنۢ بَشِيرٍ وَلَا نَذِيرٍ ۖ فَقَدْ جَآءَكُم بَشِيرٌ وَنَذِيرٌ

Terjemahan: *...bahawa kamu berkata tidak datang kepada kami pembawa berita gembira dan tidak datang kepada kamu pembawa berita yang menakutkan, maka sesungguhnya telah datang kepada kamu pembawa berita yang menggembirakan dan pembawa berita yang menakutkan.*

(*Surah al-Ma'idah 5:19*)

Sebelum Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan, orang Arab belum menerima sebarang rasul. Hal ini dijelaskan oleh beberapa ayat al-Qur'an, antaranya Allah s.w.t. berfirman:

لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمْ فَهُمْ غَٰفِلُونَ ﴿٦﴾

Terjemahan: *Supaya engkau memberi peringatan kepada kaum yang bapa-bapa mereka belum pernah diberi peringatan, kerana itu mereka lalai.*

(*Surah Yasin 36:6*)

dan

لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّآ أَتَىٰهُم مِّن نَّذِيرٍ مِّن قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٣﴾

Terjemahan: *... supaya engkau memberi peringatan kepada kaum yang sebelum engkau tiada seorang pun yang memberi peringatan datang kepada mereka, mudah-mudahan mereka mendapat petunjuk.*

(*Surah Sajdah 32:3*)

dan

وَمَآ أَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمْ قَبْلَكَ مِن نَّذِيرٍ

Terjemahan: *Dan sebelum engkau Kami tidak mengutuskan kepada mereka orang yang memberi peringatan.*

(*Surah Saba 34:44*)

Pada Hadith-Hadith Sahih saya lebih mengutamakan tawaqquf tanpa menolaknya kerana saya khuatir terdapat makna atau maksud yang saya belum mengetahuinya.

Saya telah merujuk ulasan-ulasan Hadith *Sahih Muslim* selain ulasan al-Nawawi iaitu *Syarh al-Ubby* dan *al-Sanusi,* saya dapati mereka berdua sangat berhati-hati tentang zahir Hadith ini. Adapun Imam al-Nawawi telah memberi komentar terhadap Hadith ini dengan berkata bahawa Rasulullah s.a.w. menyebut Hadith ini kerana ketinggian peribadi Baginda untuk menghibur lelaki yang bertanya. Mereka sama-sama berasa susah (kerana kedua-dua bapa mereka di dalam neraka). Menurut Imam al-Nawawi lagi, Hadith ini menunjukkan bahawa orang yang mati kafir adalah di dalam neraka dan kaum kerabatnya yang karib tidak boleh memberi pertolongan kepadanya.

Al-Ubby berkata, "Pandangan al-Nawawi yang akhir ini begitu umum, oleh kerana itu seorang ulama yang bernama al-Suhayli membuat komentar, katanya, 'Kita tidak boleh berkata begitu, kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

" لا تؤذوا الأحياء بسب الأموات "

Terjemahan: *Janganlah menyakiti orang-orang yang hidup dengan mencela orang yang telah mati.*

dan Allah s.w.t. juga telah berfirman:

Terjemahan: *Bahawa orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasul-Nya mereka dilaknat oleh Allah dan Rasul-Nya di dunia dan di akhirat, dan Allah menyediakan untuk mereka azab yang amat menghinakan.*
(*Surah al-Ahzab 33:57*)

Rasulullah s.a.w. memperkatakannya kerana menyukakan hati lelaki itu. Dan telah disebut bahawa lelaki itu bertanya kepada Baginda yang bermaksud, *"Tuan, di mana pula bapa tuan?"* maka Baginda pun menjawab dengan menyebut sebagaimana Hadith tersebut.'."

Seterusnya al-Nawawi berkata, "Hadith ini menunjukkan bahawa orang-orang Arab penyembah berhala yang mati pada zaman *'fitrah'* ditempatkan di dalam neraka. Ini tidak boleh dikatakan orang-orang itu diazab sebelum sampai kepada mereka dakwah, kerana telah sampai kepada mereka dakwah Nabi Ibrahim dan rasul-rasul yang lain."

Pandangan al-Nawawi ini juga telah dikomentar oleh al-Ubby dengan katanya, "Perhatikanlah, engkau dapati perkataan ini bertentangan kerana orang-orang yang sampai kepada mereka dakwah mereka bukan ahli *fitrah*. Ahli *Fitrah* ialah mereka yang berada pada zaman dua orang rasul di mana tidak sampai kepada mereka dakwah rasul yang pertama dan mereka tidak bertemu dengan rasul yang kedua seperti orang-orang Arab yang tidak sampai kepada mereka dakwah Nabi Isa a.s. dan mereka tidak bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w."

Para fuqaha' apabila memperkatakan *'fitrah'*, yang mereka maksudkan ialah orang-orang yang hidup di antara zaman Nabi 'Isa a.s. dengan zaman Nabi Muhammad s.a.w. Jarak masa di antara kedua-duanya, menurut riwayat al-Bukhari daripada Salman ialah selama enam ratus tahun.

Apabila telah terdapat nas-nas yang *qat'i* menunjukkan sesuatu kaum itu tidak akan diazab kecuali setelah didatangkan "hujjah" iaitu rasul kepada mereka ternyatalah bahawa *Ahl al-Fitrah* tidak akan diazab.

Jika anda bertanya saya terdapat Hadith-Hadith Sahih yang menyatakan bahawa sesetengah *Ahl al-Fitrah* akan diazab seperti yang dinyatakan oleh Hadith ini dan Hadith:

" رأيت عمروبن لحى يجرقصبه فى النار "

Terjemahan: *Aku melihat Amru bin Luhay mengheret ususnya*[7] *di dalam neraka.*[8]

Soalan anda itu akan dijawab oleh 'Uqyl bin Abu Talib dengan tiga jawapan:

Pertama: Hadith-Hadith itu adalah '*khabar Ahad*', ia tidak boleh menentang nas yang *qat'i*.

Kedua: Azab itu khas hanya kepada mereka itu sahaja tidak kepada yang lain. Allahlah yang mengetahuinya.

Ketiga: Azab itu hanya kepada *Ahl al-Fitrah* yang telah menukar dan mengubah di mana perbuatan itu termasuk dalam kesesatan[9] yang tidak boleh dimaafkan.[10]

KETELITIAN UNTUK MENDAKWA SESEBUAH NAS HADITH ITU BERTENTANGAN DENGAN AL-QUR'AN

Di sini perlu kita memberi peringatan supaya jangan sewenang-wenangnya mengatakan sesebuah nas Hadith itu bertentangan dengan al-Qur'an tanpa mempunyai asas yang sah.

Golongan Mu'tazilah telah melakukan satu kesilapan terhadap teks-teks Hadith kerana mereka berani menolak Hadith-Hadith Sahih yang begitu banyak tentang adanya *syafa'at* di akhirat oleh Rasulullah s.a.w., para Anbiya', malaikat dan orang-orang mukmin yang soleh kepada *ahl al-tawhid* yang derhaka. *Ahl al-tawhid* ini dengan kemurahan Allah dan rahmat-Nya serta *syafa'at* daripada mereka itu

---

[7]Am'a'.

[8]Hadith Muttafaq 'Alayh daripada Abu Hurayrah, Hadith nombor 1816.

[9]Seperti menanam anak perempuan hidup-hidup dan sebagainya.

[10]Lihat: Syarh Ubbay dan al-Sanusi terhadap Muslim.

terus terselamat dari neraka, atau mereka masuk ke dalam neraka kemudian dikeluarkan dan akhirnya *ahl al-tawhid* ini masuk syurga.

Syafa'at ini adalah merupakan satu kemuliaan daripada Allah yang bersifat lebih Rahmat-Nya daripada Keadilan-Nya ke atas hamba-hamba-Nya. Allah membalas setiap kebaikan dengan sepuluh kali ganda atau hingga tujuh ratus kali ganda atau lebih. Allah juga telah membalas satu kejahatan dengan satu atau memaafkannya. Allah juga boleh menghapuskan dosa-dosa, oleh amalan-amalan seperti sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat, puasa pada bulan Ramadan, beribadat pada bulan Ramadan, bersedekah, menunaikan Haji dan Umrah, mengucap tasbih, tahlil, takbir, dan tahmid serta zikir-zikir lain dan doa. Selain itu, ujian Allah yang menimpa seseorang Muslim seperti kesusahan, dukacita atau sakit sehingga duri yang mengenai seseorang Muslim pun dapat menghapuskan dosa-dosa mereka. Allah s.w.t. juga menjadikan doa orang mukmin kepada si mati sama ada dia itu keluarganya atau bukan, akan memberi manfaat kepada si mati.

Memang merupakan satu kebenaran, Allah s.w.t. memuliakan hamba-Nya yang dipilih dengan memberi *syafa'at* kepada sesiapa saja yang dikehendakinya yang mati dalam kalimah tawhid. Hadith-Hadith yang berkaitan dengan ini amat banyak, antaranya:

" يخرج قوم من النار بشفاعة محمد صلى الله عليه وسلم فيدخلون الجنة
ويسمون الجهنميين "

Terjemahan: *Satu kaum dikeluarkan dari neraka dengan syafa'at Muhammad s.a.w. Mereka masuk ke dalam syurga dan mereka dinamakan al-Jahannamiyyin.*[11]

---

[11]Diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bukhari dan Abu Dawud daripada 'Umran bin Husayn seperti terdapat di dalam kitab *Sahih al-Jami' al-Saghir* nombor 8055.

" يخرج من النارقوم بالشفاعة كأنهم الثعارير "

Terjemahan: *Satu kaum dikeluarkan dari api neraka dengan syafa'at, mereka itu seolah-olahnya seperti sejenis tumbuh-tumbuhan yang bernama tha'arir.*[12]

" يدخل الجنة بشفاعة رجل من أمتى أكثر من بنى تميم "

Terjemahan: *Dengan syafa'at seorang daripada umatku masuk ke dalam syurga, lebih banyak daripada bani Tamim.*[13]

" يشفع الشهيد فى سبعين من أهل بيته "

Terjemahan: *Seorang yang mati syahid boleh memberi syafa'at kepada 70 orang daripada keluarganya.*[14]

" أسعدالناس بشفاعتى يوم القيامة من قال: [لااله الا الله] خالصا من قلبه "

Terjemahan: *Orang yang paling berbahagia mendapat syafa'atku pada hari kiamat ialah orang yang berkata, "La ilaha illa Allah" ikhlas dari lubuk hatinya.*[15]

" لكل نبى دعوة ، فأريد ان شاء الله ، أن اختبئ دعوتى شفاعة لأمتى يوم القيامة "

Terjemahan: *Setiap nabi mempunyai doa. Insya-Allah aku hendak menyimpan doaku untuk memberi syafa'at kepada umatku pada hari kiamat.*[16]

" لكل نبى دعوة ، دعا بها فاستجب ، فجعلت دعوتى شفاعة لأمتى يوم القيامة "

---

[12]Hadith Muttafaq 'Alayh daripada Jabir nombor 8058.

[13]Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan al-Hakim daripada Abdullah bin Abu al-Jud'a'. Rujukan yang sama (8069).

[14]Diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Abu Darda'. Rujukan yang sama (8093).

[15]Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Hurayrah. Rujuk *Sahih al-Jami'* hlm. 967.

[16]Hadith Muttafaq 'Alayh daripada Abu Hurayrah: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan* nombor 121.

Terjemahan: *Setiap nabi mempunyai doa. Apabila dia berdoa dengannya akan diperkenankan. Doaku itu, aku jadikan untuk memberi syafa'at kepada umatku pada hari kiamat.*[17]

Dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Sa'id r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

" فيشفع النبيون والملائكة والمؤمنون فيقول الجبار: بقيت شفاعتى ، فيقبض قبضة من النارفيخرج أقواما قد امتحشوا [أى احترقوا] فيلقون فى نهربأفواه الجنة يقال له : ماء الحياة "

Terjemahan: *Para nabi, malaikat dan orang-orang mukmin memberi syafa'at. Selepas itu Allah yang Maha Perkasa berfirman: "Selebihnya Syafa'at-Ku," lalu Allah mengeluarkan beberapa kaum dari neraka, mereka itu telah terbakar hangus. Mereka dicampakkan ke dalam sebuah sungai di tepi syurga bernama Ma' al-Hayat.*[18]

dan Hadith yang berbunyi:

" لكل نبى دعوة مستجابة ، فتعجل كل نبى دعوته ، وانى خبأت دعوتى شفاعة لأمتى يوم القيامة ، فهى نائلة ـ ان شاء الله ـ من مات من أمتى لايشرك بالله شيئا "

Terjemahan: *Setiap nabi mempunyai doa yang diperkenankan. Mereka telah berdoa tetapi aku tangguhkan doaku untuk memberi syafa'at kepada umatku pada hari kiamat. Insya-Allah ia akan*

---

[17]Hadith Muttafaq 'Alayh daripada Anas: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan* nombor 122.

[18]Hadith Muttafaq 'Alayh: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan* nombor 115.

mencakupi orang yang mati dari kalangan umatku yang tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu.[19]

Namun golongan Mu'tazilah telah menolak Hadith-Hadith ini kerana mereka lebih mengutamakan janji-janji buruk Allah daripada janji-janji baik-Nya, keadilan Allah daripada rahmat-Nya, akal daripada nas. Mereka menolak Hadith-Hadith tersebut sekalipun Hadith-Hadith tersebut kuat dan jelas. Hujah mereka ialah kerana Hadith-Hadith tersebut bertentangan dengan al-Qur'an yang menafikan adanya syafa'at daripada seseorang.

Sebenarnya sesiapa yang membaca al-Qur'an, dia akan mendapati apa yang dinafikan oleh al-Qur'an iaitu syafa'at syirik yang dipercayai oleh orang-orang Arab yang musyrik dan oleh penyeleweng-penyeleweng agama yang lain.

Orang-orang musyrik menyangka bahawa tuhan mereka yang lain daripada Allah atau yang mereka sekutukan bersama Allah dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah dan dapat menolak azab daripada mereka sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَٰٓؤُلَآءِ شُفَعَٰٓؤُنَا عِندَ ٱللَّهِ

Terjemahan: *Mereka menyembah yang lain daripada Allah yang tidak dapat memberi mudarat dan manfaat kepada mereka. Mereka berkata, "Tuhan-tuhan itu memberi syafa'at kepada kami di sisi Allah."*

(*Surah Yunus 10:18*)

Tetapi al-Qur'an telah membatalkan 'syafa'at yang palsu' ini. Sebenarnya tuhan-tuhan mereka tidak berupaya memberi sebarang pertolongan kepada mereka. Allah s.w.t. berfirman:

---

[19]Hadith diriwayatkan oleh Muslim, al-Tirmidhi dan Ibn Majah daripada Abu Hurayrah. Rujuk *Sahih al-Jami'* hlm. 5176.

أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ شُفَعَآءَ ۚ قُلْ أَوَلَوْ كَانُوا۟ لَا يَمْلِكُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾ قُل لِّلَّهِ ٱلشَّفَـٰعَةُ جَمِيعًا ۖ لَّهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Patutkah mereka (yang musyrik) mengambil pemberi syafa'at selain Allah? Tanyalah (hai Muhammad): "Apakah (kamu mengambilnya juga) meskipun mereka tidak mempunyai sesuatu dan tidak berakal?" Katakanlah (hai Muhammad): "Semua syafa'at itu kepunyaan Allah, bagi-Nya kerajaan langit dan bumi dan kamu akan dikembalikan kepada-Nya."*

(*Surah al-Zumar 39:43 dan 44*)

dan

وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لِّيَكُونُوا۟ لَهُمْ عِزًّا ﴿٨١﴾ كَلَّا ۚ سَيَكْفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمْ وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا ﴿٨٢﴾

Terjemahan: *Mereka mengambil tuhan selain daripada Allah supaya mereka mendapat kemuliaan. Tidak sekali-kali, mereka menjadi kafir dengan penyembahan mereka itu. Tuhan-tuhan yang lain daripada Allah itu akan bermusuhan dengan mereka.*

(*Surah Maryam 19: 81 dan 82*)

Benar, al-Qur'an telah menafikan bahawa tuhan-tuhan yang palsu itu mampu memberi syafa'at. Al-Qur'an juga menafikan bahawa orang musyrikin itu mempunyai pemberi syafa'at sebagaimana firman Allah s.w.t.:

مَا لِلظَّـٰلِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ يُطَاعُ ﴿١٨﴾

Terjemahan: *Orang-orang yang zalim itu tidak mempunyai teman dan tidak mempunyai pemberi*

'syafa'ah' yang diterima pertolongannya.

(*Surah Ghafir 40:18*)

Kerap kali al-Qur'an menggunakan lafaz *zulm* dengan maksud *syirik*, lafaz *zalimin* dengan maksud *musyrikin* kerana *syirik* itu merupakan kezaliman yang besar.

Al-Qur'an mengisbatkan syafa'at dengan dua syarat:

Pertama: Setelah Allah s.w.t. memberi keizinan kepada pemberi syafa'at untuk dia boleh memberi syafa'at. Tidak ada seorang pun yang terdaya mewajibkan kepada Allah suatu perkara pun. Allah s.w.t. berfirman dalam ayat al-Kursi:

مَن ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِندَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ

Terjemahan: *Siapakah yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izin-Nya?*

(*Surah al-Baraqah 2:255*)

Kedua: Syafa'at itu adalah untuk *'ahl al-tawhid'*, sebagaimana firman Allah s.w.t. tentang malaikat-Nya.

وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ارْتَضَىٰ

Terjemahan: ... *Mereka tidak berupaya memberi 'syafa'at' kecuali kepada orang yang diredai Allah.*

(*Surah al-Anbiya' 21:28*)

Dan firman Allah s.w.t. tentang orang-orang yang mendustakan hari kiamat:

Terjemahan: *Mereka itu tidak mendapat syafa'at daripada pemberi-pemberi syafa'at.*

(*Surah al-Muddaththir 74:48*)

menunjukkan bahawa terdapat banyak pemberi syafa'at. Selain pendusta-pendusta iaitu orang-orang kafir, mereka berhak mendapat syafa'at daripada pemberi-

pemberi syafa'at. Mereka itu ialah orang yang mati dalam iman.

Dengan ini terbukti bahawa al-Qur'an tidak menafikan adanya syafa'at (selain daripada Allah) sebagaimana yang dinafikan oleh sesetengah golongan tetapi apa yang dinafikan oleh al-Qur'an ialah adanya syafa'at sebagaimana yang didakwa oleh orang-orang musyrik dan para penyeleweng yang menyebabkan penganut-penganut agama menjadi rosak bergelumang dengan dosa-dosa besar dengan kepercayaan bahawa pemberi-pemberi syafa'at mereka akan melepaskan mereka daripada seksa sebagaimana yang dilakukan oleh raja-raja dan pemerintah-pemerintah yang zalim di dunia.

MENGHIMPUNKAN HADITH-HADITH YANG BERKAITAN DALAM SATU TAJUK

Memang merupakan satu kemestian bagi memahami al-Sunnah dengan kefahaman yang benar secara mengumpulkan Hadith-Hadith Sahih yang berkaitan di bawah satu tajuk. Hadith-Hadith yang *mutasyabih* hendaklah dirujuk mengikut maksud Hadith-Hadith yang muhkam. Hadith-Hadith yang *mutlaq* hendaklah dihubungkan dengan Hadith-Hadith yang *muqayyad*. Hadith-Hadith yang umum hendaklah ditafsirkan dengan Hadith-Hadith yang khusus. Dengan demikian akan jelaslah maksud Hadith-Hadith tersebut dan tidak bercanggah sesamanya.

Apabila telah diketahui bahawa al-Sunnah itu menafsirkan al-Qur'an dan menerangkannya iaitu memperincikan ayat-ayat al-Qur'an yang *mujmal* dan menerangkan ayat-ayat yang (*mubham*) kesamaran, menghuraikan ayat-ayat al-Qur'an yang umum, mengikat ayat-ayat al-Qur'an yang *mutlaq*. Jika ini berlaku di antara ayat-ayat al-Qur'an dengan al-Sunnah maka, perkara ini juga lebih-lebih lagi perlu diberi perhatian terhadap al-Sunnah dengan al-Sunnah.

Sebagai contoh, Hadith mengenai melabuhkan pakaian dan balasan seksa kepada perbuatan itu. Pemuda-pemuda yang bersemangat dalam agama, mereka amat mencemuhi orang-orang yang tidak menyingkatkan pakaian mereka di atas buku lali. Pemuda-pemuda ini amat menekankan perkara ini sehingga mereka menjadikannya sebagai salah satu daripada syiar Islam atau salah satu daripada fardu asas. Apabila mereka ternampak seorang da'i atau seorang

ulama tidak menyingkatkan pakaiannya di atas dua buku lali sebagaimana yang mereka lakukan, mereka akan menganggap orang itu kurang beragama.

Jika mereka merujuk kepada semua Hadith yang berkaitan dengan masalah ini dan memahaminya dengan cara yang menyeluruh berasaskan prinsip-prinsip Islam mengenai kehidupan harian seorang mukallaf, nescaya mereka mengetahui maksud sebenar Hadith-Hadith tersebut. Mereka pasti akan bersikap sederhana, tidak menyalahkan orang lain dan mereka tidak menyempitkan perkara yang diluaskan oleh Allah s.w.t.

Perhatikan sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Dhar r.a. daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

" ثلاثة لايكلمهم الله يوم القيامة : المنان ، الذى لايعطى شيئا الا منه
والمنفق سلعته بالحلف الكاذب ، والمسبل ازاره "

Terjemahan: *Ada tiga golongan yang Allah tidak akan berkata (memberi rahmat) kepada mereka pada hari kiamat: Orang yang mengungkit-ungkit; yang apabila dia memberi sesuatu, dia akan mengungkit-ungkitnya; orang yang melariskan barang-barang jualannya dengan sumpah palsu/bohong*[20] *dan orang yang melabuhkan pakaiannya (melebihi dua buku lali).*[21]

Dalam sebuah Hadith lain daripada Abu Dhar juga:

" ثلاثة لايكلمهم الله يوم القيامة، ولاينظر اليهم ولايزكيهم ولهم عذاب أليم
قال : فقراها رسول الله صلى الله عليه وسلم ثلاث مرات قال : أبوذرخابوا
وخسروا من هم يارسول الله ؟ قال : المسبل والمنان ، والمنفق سلعته
بالحلف الكاذب "

Terjemahan: *Ada tiga golongan yang Allah tidak akan berkata (memberi rahmat) kepada mereka pada hari*

[20]Usaha untuk melariskan jualan.

[21]Hadith diriwayatkan oleh Muslim pada kitab, *"al-Iman"*, di dalam *Sahihnya*.

kiamat, dan Allah juga tidak akan melihat mereka dan tidak akan menyucikan mereka, bagi mereka azab yang amat menyakitkan. Kata Abu Dhar, "Baginda mengulangnya tiga kali." Abu Dhar berkata, "Mereka menyesal dan rugi. Siapakah mereka wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: Orang yang melabuhkan pakaiannya, orang yang mengungkit-ungkit (pemberian) dan orang yang melariskan barang-barang dengan sumpah bohong.[22]

Apakah yang dimaksudkan dengan melabuhkan pakaian di dalam Hadith ini? Adakah ini termasuk siapa sahaja yang melabuhkan pakaian sekalipun itu merupakan adat bagi kaumnya tanpa sebarang tujuan *takabur* atau *riya'*?

Mereka cuba berhujah dengan Hadith yang terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah:

" ما أسفل من الكعبين من الازار فهو فى النار "

Terjemahan: *(Orang yang melabuhkan) pakaian hingga di bawah dua buku lali adalah di dalam neraka.*[23]

Maksud yang sama juga terdapat di dalam *Sunan al-Nasa'i*.

" ما تحت الكعبين من الازارففى النار"

Terjemahan: *(Orang yang melabuhkan) pakaian hingga di bawah dua buku lali adalah di dalam neraka.*[24]

Maksud Hadith itu ialah di bawah dua buku lali orang yang melabuhkan pakaiannya, maka dia adalah di dalam neraka, sebagai balasan atas perbuatannya. 'Pakaian' di dalam Hadith itu melambangkan badan pemakainya.[25]

[22]*Ibid.*

[23]Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab, *"al-Libas"*, bab *ma asfala min al-ka'bayn fahuwa fi 'l-nar*, Hadith nombor 5787.

[24]Diriwayatkan oleh al-Nasa'i di dalam kitab, *"al-Zinah"*, bab *ma tahta al-ka'bayn min al-izar*, 8/208.

[25]*Fath al-Bari*, jilid. 1, hlm. 257, Dar al-Fikr.

Bagi orang yang membuat kajian dengan mengumpulkan Hadith-Hadith yang berkaitan dengan tajuk ini maka dia akan menyokong pendapat al-Nawawi, Ibn Hajar dan lain-lain yang mengatakan Hadith yang mutlak ini hendaklah dikaitkan dengan Hadith yang ada menyebut *takabur* dan *ria'*. Inilah yang telah disepakati oleh ulama bahawa perbuatan ini akan dibalas dengan seksaan.[26]

Perhatikan Hadith-Hadith yang terdapat di dalam kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* mengenai perkara ini.

Imam al-Bukhari telah meriwayatkan Hadith daripada Abdullah bin 'Umar daripada Rasulullah s.a.w. dalam bab *"Man jarra izaruhu min ghayr khuyala'"*:

" من جرثوبه خيلاء لم ينظر الله اليه يوم القيامة . قال أبوبكر: يارسول الله ان أحد شقى ازارى يسترخى، الا أن أ تعاهد ذلك منه، فقال النبى صلى الله عليه وسلم : لست ممن يصنعه خيلاء "

Terjemahan: *Sesiapa yang mengheret pakaiannya dengan bermegah-megah, Allah tidak akan melihatnya (memberi rahmat) pada hari kiamat. Abu Bakr bertanya, "Wahai Rasulullah, salah satu daripada tepi kainku labuh kecuali aku terpaksa menjaganya." Nabi s.a.w. menjawab: Engkau bukan daripada orang yang melakukan untuk bermegah-megah.*[27]

Dalam bab ini juga al-Bukhari ada meriwayatkan daripada Abu Bakrah katanya, "Telah berlaku gerhana matahari, ketika itu kami berada bersama Rasulullah s.a.w. lalu Baginda bangun dengan segera sambil mengheret pakaiannya hingga sampai di masjid."[28]

Dalam bab: "*Man jarra thawbahu min al-khuyala'* " al-Bukhari ada meriwayatkan daripada Abu Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

---

[26]*Ibid.*
[27]*Ibid.*, Hadith nombor 5784.
[28]*Ibid.*, Hadith nombor 5785.

" لاينظـرالله الى من جرازا ره بطـرا "

Terjemahan: ***Allah tidak melihat (tidak memberi rahmat) kepada orang yang mengheret pakaiannya dengan bermegah-megah.***[29]

Daripada Abu Hurayrah juga, Rasulullah s.a.w. atau Abu al-Qasim s.a.w. bersabda:

" بينما رجل يمشى فى حلة ، تـعجبه نفسه ، مرجل جمته ، اذخسف الله بـه الأرض ، فهويـتجـلجل الى يوم الـقيامة "

Terjemahan: ***Sedang seorang laki-laki berjalan memakai pakaian yang amat indah dia takjub dengan dirinya, dan rambut ubun-ubunnya, lalu Allah menenggelamkannya ke dalam bumi. Orang itu terus masuk ke dalam bumi hingga hari kiamat.***[30]

Daripada Ibn 'Umar, Rasulullah s.a.w. bersabda:

" بينما رجل يجـرازاره، اذ خسـف بـه ، فهـو يتجلجـل فـى الأرض الـى يـوم الـقيامة "

Terjemahan: ***Sedang seorang lelaki mengheret pakaiannya tiba-tiba dia ditelan bumi bersama pakaiannya. Orang itu terus masuk ke dalam bumi hingga hari kiamat.***[31]

Hadith yang sama juga ada diriwayatkan oleh Abu Hurayrah. Imam Muslim juga ada mengambil Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah ini dan Hadith yang sebelumnya. Manakala Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar itu telah diriwayatkan oleh Muslim melalui beberapa

[29] *Ibid.*, Hadith nombor 5788.
[30] *Ibid.*, Hadith nombor 5789.
[31] *Ibid.*, Hadith nombor 5790.

tariq, antaranya bermaksud, "Aku mendengar dengan kedua-dua telingaku ini Rasulullah s.a.w. bersabda":

" سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم بأذنى هاتين يقول : من جرازاره
لايريد بذلك الا المخيلة ، فان الله لاينظر اليه يوم القيامة "

Terjemahan: *Sesiapa yang mengheret pakaiannya semata-mata kerana bermegah-megah, Allah tidak akan melihatnya (memberi rahmat) pada hari kiamat.*[32]

Dalam riwayat ini jelas larangan itu hanya kepada orang-orang yang bermegah-megah sahaja tidak kepada orang lain. Oleh itu ia tidak perlu kepada takwil.

Imam al-Nawàwi seorang yang terkenal di kalangan pengkaji dengan pandangannya yang lebih mirip kepada mengambil yang lebih utama, jauh daripada melakukan kecuaian, beliau berkata:[33] Adapun sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, *"Orang yang melabuhkan pakaiannya,"* makna Hadith itu ialah orang yang melabuhkan pakaian dan mengheretnya dengan bermegah-megah sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Hadith lain yang bermaksud, *"Allah tidak melihat kepada orang yang mengheret pakaiannya dengan bermegah-megah."* Bermegah-megah *(al-Khuyala')* adalah *takabur*. Hadith-Hadith yang umum tentang masalah ini hendaklah dikhususkan dengan Hadith-Hadith yang ada kaitannya dengan bermegah-megah. Oleh itu maksud tegahan di dalam Hadith ini ialah bagi orang yang mengheret pakaiannya dengan bermegah-megah. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. mengharuskan Abu Bakr r.a. mengheret pakaiannya dan bersabda kepadanya, *"Engkau bukan daripada kalangan mereka,"* ini ialah kerana Abu Bakr mengheret pakaiannya tidak kerana bermegah-megah.

Menurut Ibn Hajar dalam menjelaskan Hadith-Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari mengenai balasan seksa

---

[32]*Sahih Muslim* dengan Syarh al-Nawawi, hlm. 795.
[33]*Ibid*, hlm. 305.

kerana melabuhkan kain/pakaian dan mengheret pakaian, "Bahawa melabuhkan pakaian kerana bermegah-megah adalah dosa besar. Adapun melabuhkannya bukan kerana bermegah-megah menurut zahir Hadith adalah juga haram, tetapi Hadith-Hadith yang melarang itu hendaklah dikaitkan dengan Hadith-Hadith yang ada menyebut tentang bermegah-megah. Oleh itu, tidak haram mengheret dan melabuhkan pakaian jika tidak bertujuan bermegah-megah.

Menurut al-Fakih Ibn Abd al-Bar difahamkan daripada Hadith tersebut bahawa mengheret pakaian bukan kerana hendak bermegah-megah adalah tidak akan diazab, tetapi walau bagaimanapun mengheret jubah dan pakaian-pakaian lain adalah dicela dalam setiap ketika.[34]

Pandangan yang mengatakan larangan melabuhkan pakaian dengan tujuan bermegah-megah di dalam Hadith tersebut merupakan larangan yang bersangatan sehingga orang yang melabuhkan pakaian itu termasuk salah satu daripada orang yang tidak akan disapa oleh Allah (tidak diberi rahmat), dan Allah tidak akan melihat mereka, Allah tidak akan mensucikan mereka dan bagi mereka azab yang amat pedih. Kerana kerasnya larangan itu, Rasulullah s.a.w. telah mengulangnya sebanyak tiga kali sehingga Abu Dhar berkata, "Mereka itu celaka dan rugi." Kemudian beliau bertanya, "Siapakah mereka wahai Rasulullah?" Ini semua menunjukkan perbuatan mereka itu termasuk dalam perkara haram dan dosa yang besar.

Hal yang demikian sepatutnya tidak berlaku kecuali pada perkara asas yang mesti dijaga oleh syari'at Islam, iaitu agama, diri, akal, kehormatan, keturunan dan harta. Perkara-perkara ini merupakan asas dalam syari'at Islam.

Setakat memendekkan kain atau pakaian adalah termasuk dalam adab dan kesempurnaan yang menjadikan kehidupan lebih elok dan pandangan lebih tinggi. Adapun melabuhkan dan memanjangkan pakaian tanpa tujuan buruk itu lebih layak dimasukkan ke dalam '*makruh tanzih*'.

---

[34]*Fath al-Bari*, jilid 10 hlm. 263.

Apa yang lebih ditekankan dan diambil perhatian oleh agama ialah niat dan tujuan di sebalik perbuatan yang zahir. Apa yang sangat ditentang oleh agama di sini ialah bermegah-megah, 'ujub, takabur, berbangga-bangga dan yang seumpamanya. Sifat-sifat ini merupakan penyakit-penyakit hati dan jiwa yang menyebabkan orang yang memilikinya – walaupun hanya sebesar atom – tidak akan masuk syurga. Inilah yang menguatkan hujah bahawa larangan melabuhkan pakaian adalah untuk orang yang hendak bermegah-megah sebagaimana terdapat di dalam Hadith yang lain.

Di samping itu bentuk pakaian ada hubungan yang kuat dengan adat resam sesuatu bangsa yang kadangkala berbeza di antara satu dengan yang lain dengan sebab perbezaan cuaca panas dan sejuk, kaya dan miskin, mampu atau tidak, jenis pekerjaan mereka, taraf hidup dan lain-lain.

Syarak hanya berperanan untuk memberi garis panduan yang tertentu untuk menegah perkara-perkara yang melampau dari segi yang lahir atau dari segi batinnya menegah daripada bermegah-megah, sombong dan yang seumpamanya. Perkara ini ada dijelaskan di dalam babnya.[35]

Kitab *Sahih al-Bukhari*[36] pada awal *Kitab al-Libas* telah mencatat: Bab firman Allah s.w.t.:

مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ

Terjemahan: *Siapakah yang mengharamkan hiasan Allah yang dikurniakan kepada hamba-Nya?*

(Surah al-A'raf 7:32)

dan sabda Rasulullah s.a.w.:

" كلوا وا شربوا وألبسوا وتصدقوا فى غير ا سرا ف ولامخيلة "

[35]Lihat kitab kami, *al-Halal wa 'l-Haram, fasal al-malbas wa 'l-zinah.*
[36]*op.cit.* hlm. 252.

Terjemahan: *Makanlah, minumlah, berpakaianlah dan bersedekahlah, tanpa melebih-lebih dan bermegah-megah.*[37]

Kata Ibn 'Abbas, "Makanlah dan pakailah apa yang engkau suka selama engkau tidak disalahkan oleh dua perkara, melampau-lampau dan bermegah-megah."[38]

Ibn Hajar memindahkan pendapat gurunya, al-Hafiz al-'Iraqi di dalam *Syarh al-Tirmidhi* katanya, "Pakaian yang menyentuh bumi dipakai secara bermegah-megah tidak syak lagi adalah haram." Jika dikatakan pakaian yang labuh lebih dari kebiasaan, pendapat yang mengatakan haram tidak jauh dari kebenaran tetapi orang ramai telah membiasakan untuk melabuhkan pakaian mereka, jadilah setiap orang itu mempunyai adat masing-masing. Walau bagaimanapun perbuatan itu jika dilakukan dengan tujuan bermegah-megah adalah haram, dan jika dilakukan semata-mata kerana adat kebiasaan tidak haram selama tidak sampai kepada perbuatan mengheret pakaian yang sememangnya ditegah.

Al-Qadi 'Iyad telah memetik pendapat ulama, "Pakaian yang melebihi kebiasaan dan adat dari segi panjang dan luasnya, adalah tidak disukai (makruh)."[39]

Dari keterangan di atas ternyata adat itu mempunyai kesan di dalam hukum sebagaimana yang dikatakan oleh al-Hafiz al-'Iraqi. Tidak mengikut adat kebiasaan menjadikan seseorang itu biasanya *masyhur*. Pakaian yang masyhur adalah dicela oleh syarak. Kebaikan itu terletak pada kesederhanaan.

Orang yang hendak memendekkan pakaiannya bertujuan kerana mengikut al-Sunnah, menjauhi sifat bermegah-megah, menjauhi khilaf ulama dan hendak berpegang de-

---

[37]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan cara Mu'allaq: menggunakan *sighah al-jazam*, *al-Fath*, jilid 10, hlm. 253.

[38]Kata al-Hafiz Ibn Hajar, "Hadith ini dikatakan Mawsul oleh Ibn Abi Syaybah dalam karangannya." *Ibid.*

[39]*Al-Fath*, hlm. 262.

ngan yang lebih utama; insya-Allah akan mendapat pahala dengan syarat dia tidak memaksa orang lain berbuat demikian. Orang ini berpuas hati dengan pendapat ulama-ulama yang telah diperkatakan di atas. Setiap mujtahid mendapat pahala dan setiap orang mendapat pahala mengikut apa yang diniatkan.

Jika kita berpegang kepada sebuah Hadith sahaja tanpa melihat kepada Hadith-Hadith yang lain, dan tanpa melihat kepada nas-nas yang lain yang ada kaitannya dengan tajuk, biasanya membawa kepada kesalahan, jauh daripada kebenaran dan maksud Hadith tersebut.

Sebagai contoh lihat Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam kitab *"al-Muzara'ah"* di dalam *Sahih*nya daripada Abu Umamah al-Bahili, ketika beliau melihat alat pertanian (bajak), katanya, "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

" لايدخل هذا بيت قوم الا أدخله الله الذل "

Terjemahan: *Tidak masuk alat ini ke dalam rumah sesuatu kaum kecuali Allah akan memasukkan ke dalam rumah itu kehinaan.*[40]

Zahir Hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. membenci kerja membajak tanah dan menanam tanaman yang membawa kepada menghina orang-orang yang bekerja dalam bidang itu. Sesetengah orientalis mengambil peluang ini untuk memburuk-burukkan pandangan Islam terhadap pertanian.

Persoalannya, adakah zahir Hadith ini yang dikehendaki? Adakah Islam itu membenci pertanian dan bercucuk tanam?

Inilah yang ditentang oleh beberapa nas yang jelas lagi sahih. Orang-orang Ansar kebanyakannya adalah petani. Rasulullah s.a.w. tidak sekali-kali menyuruh mereka berhenti daripada bertani bahkan al-Sunnah menerangkan

[40]Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam kitab. *"al-Muzra'ah"*.

hukum mengenai pertanian, penyiraman air, menghidup-kan bumi yang mati dan yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab. Pendetailan mengenai perkara-perkara ini boleh didapati di dalam kitab-kitab fiqh.

Antara Hadith mengenai kelebihan bercucuk tanam ialah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain daripada Rasulullah s.a.w.:

" ما من مسلم يغرس غرسا، أويزرع زرعا، فيأكل منه طير أو انسـان
أو بهيمة الا كان له به صدقة "

Terjemahan: *Seseorang Muslim yang menanam sejenis tanaman, atau mencucuknya kemudian tanaman itu dimakan oleh burung, manusia atau binatang, itu merupakan sedekah daripada orang itu.*[41]

dan Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Jabir berbunyi:

" ما من مسلم يغرس غرسا الا كان ما أكل منه له صدقة ، وما سرق منه له
صدقة، وما أكل السبع منه فهو له صدقة وما أكلت الطير فهو له صدقـة
ومايرزؤه أحد [أى ينقصه ويأخذ منه] الا كان له صدقة "

Terjemahan: *Seseorang Muslim yang menanam sejenis tanaman, apa yang dimakan daripadanya merupakan sedekah baginya, apa yang dicuri orang merupakan sedekah baginya, apa yang dimakan oleh binatang merupakan sedekah baginya, apa yang dimakan burung merupakan sedekah baginya, apa yang diambil oleh manusia merupakan sedekah baginya.*[42]

---

[41]Hadith ini disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Anas: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*, hlm. 1001.

[42]*Sahih Muslim*, kitab al-Musaqat, bab *fadl al-zar' wa 'l-ghars* nombor 1552.

Jabir meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. masuk ke kebun Umm Ma'bad lalu bersabda yang bermaksud, "Wahai 'Umm Ma'bad, siapa yang menanam pohon kurma ini? Adakah orang Muslim atau kafir?" Umm Ma'bad menjawab, "Orang Muslim," lalu Baginda bersabda, "Setiap orang Muslim yang bercucuk tanam, lalu dimakan manusia, binatang dan juga burung, itu adalah merupakan sedekah baginya hingga hari kiamat."[43]

Penanam mendapat pahala kerana buah yang ditanamnya diambil orang sekalipun dia tidak ada niat bersedekah. Contohnya, apa yang dimakan binatang buas dan burung, juga apa yang dicuri orang dan yang diambil tanpa izin darinya.

Tanaman itu merupakan sedekah yang berpanjangan untuk penanamnya selama mana ada makhluk yang mendapat manfaat daripada tanaman itu.

Maka kelebihan apakah yang lebih besar daripada kelebihan pertanian dan apakah galakan untuk bertani lebih kuat daripada galakan ini? Inilah yang kita dapati ulama dahulu berkata, "Pertanian itu merupakan usaha yang paling utama."

Antara galakan yang paling kuat untuk bercucuk tanam ialah Hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad di dalam *Musnad*nya, dan al-Bukhari di dalam kitabnya, *al-Adab al-Mufrad* daripada Anas:

" ان قامت الساعة وفى يـد أحدكم فسيلة، فان ا ستطـاع ألا تقوم [أى الساعة]
حتى يغرسها ، فليغرسهـا "

Terjemahan: *Sekiranya berlaku kiamat sedangkan di tangan seorang daripada kamu ada benih pokok tanaman, jika dia sanggup menanamnya sebelum berlakunya kiamat, hendaklah dia menanamnya.*[44]

---

[43]*Ibid.*

[44]Hadith diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Bukhari.

Pada pendapat saya, Hadith ini memberi penghormatan yang besar kepada usaha untuk meng*'imarah*kan dunia, sekalipun perbuatan itu tidak memberi manfaat kepada penanam dan kepada orang lain. Seseorang itu tidak mendapat manfaat daripada tanamannya ketika berlaku kiamat.

Hadith di atas merupakan galakan untuk bercucuk tanam dan mengeluarkan hasil selagi seseorang itu masih mempunyai nafas. Manusia dijadikan untuk mengabdikan diri kepada Allah kemudian bekerja untuk membangunkan bumi. Seseorang itu akan sentiasa beribadat kepada Allah di samping bekerja sehinggalah dunia ini musnah.

Inilah yang difahami oleh para Sahabat dan orang-orang Islam di beberapa kurun yang pertama dan inilah yang mendorong mereka untuk membangunkan bumi dengan bercucuk tanam dan menghidupkan bumi yang mati.

Ibn Jarir meriwayatkan daripada 'Imarah bin Khuzaymah bin Thabit katanya, "Aku mendengar 'Umar bin al-Khattab berkata kepada bapaku, 'Apakah yang menghalang engkau untuk menanam di kebun engkau?' Bapaku menjawab, 'Aku orang tua, besok lusa aku akan mati,' lalu 'Umar berkata kepadanya, 'Aku amat berharap supaya engkau menanam di kebun engkau itu.' Kemudian aku melihat 'Umar bersama-sama bapaku menanam di kebun itu."[45]

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Abu al-Darda' bahawa seorang lelaki lalu berhampiran dengannya, ketika itu dia sedang menanam semasa tinggal di Damsyik. Lelaki itu bertanya, "Adakah engkau melakukan perkara ini sedangkan engkau Sahabat Rasulullah?" Abu Darda' menjawab, "Jangan engkau berkata begitu kepadaku kerana aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

" من غرس غرسا لم يأكل منه ادمى ولاخلق من خلق الله ، الا كان له بـه صدقة "

[45] *Al-Jami' al-Kabir* oleh al-Suyuti. Lihat: *al-Sahihah* oleh al-Albani, jilid 1, hlm. 12.

Terjemahan: *Sesiapa yang menanam sesuatu tanaman kemudian tanaman itu dimakan oleh manusia atau makhluk Allah yang lain, itu merupakan sedekah kepadanya.*[46]

Jika demikian besarnya kelebihan bercucuk tanam maka apakah tafsiran Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang disebut Abu Umamah di atas?

Imam al-Bukhari meriwayatkan Hadith itu dalam bab: "Peringatan akibat menggunakan alat pertanian atau melampaui batas yang disuruh."

Al-Hafiz Ibn Hajar di dalam kitabnya, *Fath al-Bari*, berkata, "Al-Bukhari telah membuat pengelasan di antara al-Hadith Abu Umamah dengan Hadith yang terdahulu mengenai kelebihan bercucuk tanam dengan salah satu daripada dua perkara: sama ada Hadith yang mencela alat pertanian iaitu apabila alat itu digunakan oleh penggunanya, maka dia menjadi lalai dan meninggalkan perkara yang sepatutnya ditunaikan seperti meninggalkan kewajipan berjihad, atau sama ada pengguna itu tidak meninggalkan kewajipannya tetapi dia menggunakan alat itu dengan melampau dari batasan yang sepatutnya."

Ada sesetengah pengulas Hadith berpendapat, "Tegahan itu ialah kepada orang yang tinggal berhampiran dengan musuh. Orang ini apabila sibuk dengan bercucuk tanam, mereka akan meninggalkan latihan berperang seperti menaiki kuda. Ini akan menyebabkan musuh menjadi agresif. Mereka itu sepatutnya mestilah membuat latihan berkuda dan saudara-saudara mereka yang lain bertanggungjawab memberikan makanan sekadar yang diperlukan oleh mereka."[47]

Jalan yang sebaik-baiknya untuk memahami maksud Hadith yang menghina alat penting pertanian itu ialah

---

[46]Menurut al-Haythami, Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Tabrani.

[47]*Fath al-Bari*, jilid 5, hlm. 402.

oleh Ahmad dan Abu Dawud daripada Ibn 'Umar daripada Rasulullah s.a.w.:

" اذا تبايعتم بالعينة وأخدتم أذناب البقرورضيتم بالزرع ، وتركتم الجهاد،
سلط الله عليكم ذلا ، لاينزعه، حتى ترجعوا الى دينكم "

Terjemahan: *Apabila kamu berjual beli dengan cara al-'aynah,*[48] *sentiasa berada pada ekor lembu, kamu sudah cukup dengan bercucuk tanam dan meninggalkan jihad, maka Allah akan menjadikan kehinaan menguasai kamu, Allah tidak akan mencabutnya sehingga kamu kembali kepada ajaran agama kamu.*[49]

Hadith di atas menerangkan sebab-sebab sesuatu umat itu ditimpa kehinaan ialah sebagai balasan kepada mereka kerana cuai terhadap urusan agama dan tidak menjaga hal-hal agama yang wajib dijaga.

Orang yang berjual beli secara *'aynah* menunjukkan dia telah bermudah-mudah pada perkara yang amat dilarang oleh Allah dan selalu diperangi oleh Allah dan Rasul-Nya. Pelakunya telah makan riba, dengan melakukan helah yang pada zahirnya halal tetapi batinnya jelas haram.

Begitu juga halnya dengan 'orang yang sentiasa berada pada ekor lembu' dan memadai dengan bercucuk tanam. Perkara ini menunjukkan mereka akan terus bercucuk tanam dan hanya melakukan perkara-perkara khusus untuk kepentingan mereka sahaja dan meninggalkan perkara penting yang berkaitan dengan ketenteraan.

Jangan tinggalkan jihad kerana jihad itu merupakan perkara yang amat penting. Dengan sebab-sebab ini maka sesuatu ummah itu akan ditimpa kehinaan selama mereka tidak kembali kepada suruhan agamanya.

---

[48]Salah satu cara berjual beli dengan berhelah untuk makan riba.
[49]al-Albani, *al-Silsilah al-Ahadith al-Sahihah* nombor 11.

PENYELARASAN ATAU TARJIH DI ANTARA HADITH-HADITH YANG BERTENTANGAN

Pada asasnya nas-nas syarak yang sahih tidak akan bercanggah di antara satu dengan yang lain, kerana kebenaran itu tidak sekali-kali bercanggah. Jika diandaikan ada percanggahan, maka sebenarnya, percanggahan itu hanya pada zahir sahaja, tidak pada hakikat. Oleh itu kita mestilah menghilangkan percanggahan yang didakwakan itu.

Jika percanggahan itu dapat dihilangkan dengan cara menyelaraskan (*tawfiq*) di antara nas-nas itu, yang bererti menerima semua nas itu, maka ini hendaklah didahulukan daripada *tarjih*, kerana *tarjih* bererti mengambil satu nas dan meninggalkan nas yang lain.

PENYELARASAN DIDAHULUKAN SEBELUM TARJIH

Penyelarasan hendaklah didahulukan daripada *tarjih*. Menyelaraskan Hadith-Hadith Sahih yang pada zahirnya bertentangan adalah merupakan perkara yang amat penting bagi memahami al-Sunnah dengan sebaik-baiknya. Begitu juga menyelaraskan di antara nas-nas dan meletakkan setiap nas itu pada tempatnya yang sebenar yang menjadikan nas-nas itu selaras di antara satu dengan yang lain dan menjadikan sesuatu nas itu menyempurnakan yang lain juga merupakan perkara yang penting.

Kami sebutkan (Hadith-Hadith Sahih sahaja) kerana Hadith-Hadith Da'if dan lemah tidak termasuk dalam perbincangan ini. Oleh itu, apabila Hadith-Hadith ini ber-

tentangan dengan Hadith Sahih ia tidak perlu diselaraskan kecuali pada bab *al-Tanazul wa 'l-Tabarru'*.[50]

Ini menjadikan para ulama *muhaqqiqun* menolak Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmidhi daripada Umm Salamah yang mengharamkan perempuan melihat lelaki sekalipun lelaki itu buta dengan Hadith yang diriwayatkan oleh Sayyidatina 'A'isyah dan Hadith yang diriwayatkan oleh Fatimah binti Qays. Kedua-duanya terdapat di dalam kitab Hadith Sahih iaitu: Daripada Umm Salamah r.a. katanya, "Aku berada bersama-sama Rasulullah s.a.w. dan bersama-sama Baginda ada Maymunah kemudian datang Ibn Umm Maktum. Perkara ini berlaku setelah kami diperintahkan supaya berhijab. Rasulullah s.a.w. bersabda, *"Hendaklah kamu berhijab darinya."* Kami menjawab, "Wahai Rasulullah, tidakkah dia itu buta; tidak dapat melihat dan mengenali kami?" Rasulullah s.a.w. menjawab, *"Adakah kamu berdua buta? Tidakkah kamu dapat melihatnya?"*[51]

Hadith tersebut walaupun telah dihukumkan sahih oleh al-Tirmidhi tetapi dalam sanadnya terdapat perawi yang bernama Nabhan, bekas hamba Umm Salamah. Dia seorang yang tidak dikenali. Tidak ada ulama yang menghukumnya *thiqah* kecuali Ibn Hibban sahaja. Oleh itu, al-Dhahabi menyebutnya dalam kitab *al-Mughni* sebagai salah seorang daripada perawi-perawi yang lemah.

Hadith ini bertentangan pula dengan Hadith yang terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang menunjukkan harus seorang wanita melihat seorang lelaki ajnabi. 'A'isyah r.a berkata, "Rasulullah s.a.w. menutup aku dengan selindangnya, ketika itu aku melihat orang-orang Habsyah bermain di masjid."[52]

---

[50]Adapun Hadith-Hadith yang tidak ada sanad dan tidak ada asal begitu juga Hadith-Hadith Palsu, tidak boleh digunakan kecuali hanya untuk menerangkan kepalsuannya dan sifatnya yang bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.

[51]Abu Dawud, nombor 4112, al-Tirmidhi, nombor 1779.

[52]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dan lain-lain dengan beberapa lafaz tetapi maksudnya sama. Lihat: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*, nombor 513.

Kata Qadi 'Iyad, "Hadith ini menunjukkan harus bagi perempuan melihat lelaki ajnabi kerana apa yang ditegah kepada mereka ialah melihat kecantikan dan berseronok-seronok dengannya."

Satu tajuk yang disebutkan oleh al-Bukhari untuk Hadith ini ialah: Bab wanita melihat lelaki Habsyah dan lainnya tanpa menimbulkan sebaran; prasangka.[53]

Keharusan perempuan melihat lelaki itu disokong oleh Hadith yang diriwayatkan oleh Fatimah binti Qays bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya ketika beliau telah dicerai untuk selama-lamanya.:

" عندى فى بيت ابن أم مكتوم ، فانه رجل أعمى تضعين ثيابك ولايراك "

Terjemahan: *Hendaklah engkau tinggal di rumah Ibn Umm Maktum (semasa 'iddahmu) kerana dia orang buta. Dia tidak dapat melihat engkau ketika engkau membuka pakaian.*

Pada mulanya Baginda menyuruh Fatimah pergi ke rumah Umm Syarik, kemudian Baginda bersabda, maksudnya: *"Banyak Sahabatku pergi ke rumahnya, oleh itu pergilah ke rumah Ibn Umm Maktum."* ...Hadith yang diriwayatkan oleh Umm Salamah itu ada kelemahan dan tidak dapat disejajarkan dengan Hadith-Hadith Sahih tersebut.

Daripada bab *al-tanazul wa 'l-tabarru'* boleh dilakukan penyelarasan di antara Hadith Da'if dengan Hadith Sahih sekalipun itu tidak wajib.

Kata Imam al-Qurtubi dan lainnya mengenai Hadith yang diriwayatkan oleh Umm Salamah di atas, "Jika Hadith di atas ditakdirkan sahih, itu adalah untuk memberi tekanan kepada isteri-isteri Baginda kerana kedudukan mereka, sebagaimana Baginda memberi tekanan kepada mereka mengenai hijab. Inilah yang diisyaratkan oleh Abu Dawud dan lain-lain. Adapun Hadith Sahih dan *sabit* Rasulullah s.a.w. menyuruh Fatimah binti Qays pergi ke

[53]*Fath al-Bari*, jilid 2 hlm. 445.

rumah Umm Syarik kemudian Baginda bersabda kepadanya, "Banyak Sahabatku pergi ke rumahnya, oleh itu pergilah ke rumah Ibn Umm Maktum kerana dia seorang yang buta, sekiranya engkau membuka pakaian dia tidak melihat engkau."

Kata al-Qurtubi lagi, "Sesetengah ulama mengambil pengajaran daripada Hadith ini bahawa harus bagi wanita melihat tubuh lelaki seperti harus bagi lelaki untuk melihat wanita, seperti kepala dan tempat digantung anting-anting. Tetapi aurat tidak boleh dilihat."

"Adapun sebab Baginda menyuruh Fatimah berpindah dari rumah Umm Syarik ke rumah Ibn Umm Maktum kerana itu adalah lebih baik baginya daripada terus tinggal di rumah Umm Syarik, sebab rumahnya banyak didatangi orang lelaki yang kelak akan melihatnya. Sedangkan di rumah Ibn Umm Maktum tidak ada seorang pun akan melihatnya, dan tentulah lebih mudah bagi Fatimah menjaga pandangannya kepada Ibn Umm Maktum. Oleh itu, Baginda memberi kelonggaran kepadanya. Wallah a'lam."[54]

HADITH-HADITH MENGENAI PEREMPUAN MENZIARAHI KUBUR

Selain Hadith-Hadith mengenai melabuhkan pakaian ialah Hadith-Hadith mengenai larangan terhadap wanita menziarahi kubur. Contohnya, Hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrah, "Bahawa Rasulullah s.w.t. melaknat perempuan yang banyak menziarahi kubur." Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad, Ibn Majah dan al-Tirmidhi. Menurut al-Tirmidhi, "Hadith ini Hadith Hasan Sahih." Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ibn Hibban di dalam *Sahih*nya.[55] Beliau juga meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas dan Hasan bin Thabit dengan lafaz, "Perempuan-perempuan yang menziarahi kubur."[56]

---

[54]*Tafsir al-Qurtubi*, jilid 12, hlm. 228, Dar al-Kutub al-Misriyyah.

[55]Lihat: al-Tirmidhi dalam bab *"al-Jana'iz"*, nombor 1056, Ibn Majah, nombor 1576 dan Ahmad, nombor 338.

[56]Lihat: *Takhrij al-Hadith*, hlm. 761.

Hadith-Hadith ini juga disokong oleh beberapa Hadith lain yang menegah wanita menghantar mayat ke kubur. Daripada kandungan Hadith-Hadith inilah difahamkan larangan terhadap wanita menziarahi kubur.

Di samping terdapat Hadith-Hadith yang melarang wanita menziarahi kubur, terdapat pula beberapa Hadith lain yang memberi keizinan kepada wanita menziarahi kubur sama seperti keizinan kepada kaum lelaki. Contohnya Hadith:

" كنت نهيتكم عن زيادة القبورفزوروها "

Terjemahan: *Aku pernah menegah kamu menziarahi kubur, kini ziarahilah.*[57]

dan

" زوروا القبور فانها تذكرة الموت "

Terjemahan: *Hendaklah kamu menziarahi kubur kerana itu dapat mengingati mati.*[58]

Dengan demikian, wanita boleh menziarahi kubur kerana mereka termasuk dalam keizinan am daripada Hadith-Hadith di atas.

Antara Hadith yang berhubung dengan perkara ini ialah Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim, al-Nasa'i dan Ahmad daripada 'A'isyah katanya, "Bagaimana akan kuucapkan kepada mereka wahai Rasulullah apabila menziarahi kubur?" Baginda bersabda:

" السلام على أهل الديار من المؤمنين والمسلمين ، ويرحم الله المستقدمين منا والمستأخرين ، وانا — ان شاء الله — بكم للاحقون "

Terjemahan: *Katalah, "Keselamatan kepada penghuni kubur dari kalangan orang mukmin dan Muslim. Allah*

---

[57]Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Hakim daripada Anas seperti dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir*, nombor 4584.

[58]Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim, Hadith nombor 976 dan 977.

memberi rahmat kepada orang dahulu dan yang kemudian. Kami insya-Allah akan mengikuti kamu."[59]

Selain itu ialah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Anas, "Bahawa Rasulullah s.a.w. lalu berhampiran seorang wanita yang sedang menangis berhampiran sebuah kubur, Baginda bersabda:

" اتقى الله واصبرى "

Terjemahan: *Hendaklah engkau bertaqwa kepada Allah dan bersabar.*

Jawab wanita itu, 'Biarkanlah aku begini, kerana engkau tidak menerima musibah sebagaimana yang menimpa diriku.' Rupa-rupanya dia tidak mengenali Rasulullah s.a.w."[60] Apa yang ditegah oleh Rasulullah s.a.w. kepada wanita itu ialah tangisannya, bukan menziarahi kubur.

Antara Hadith yang mengizinkan wanita menziarahi kubur juga ialah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Hakim bahawa Fatimah anak perempuan Rasulullah s.a.w. menziarahi kubur bapa saudaranya, Hamzah, pada setiap Jumaat, dia bersembahyang dan menangis di situ.[61]

Sekalipun Hadith-Hadith yang memberi keizinan itu lebih kuat dan lebih banyak daripada Hadith-Hadith yang menegah tetapi kedua-dua kumpulan Hadith itu dapat diselaraskan. Caranya ialah larangan yang tersebut di dalam Hadith itu sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Qurtubi adalah kepada wanita-wanita yang terlampau kerap menziarahi kubur. Katanya lagi, "Sebabnya mungkin perbuatan itu membawa kepada berkurangnya dia memberi hak dan perhatian kepada suami, berlaku pendedahan

---

[59]Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam bab *"al-Jana'iz"*, nombor 974.

[60]Hadith ini disepakati sebagaimana terdapat di dalam kitab *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan* diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Hadith nombor 533.

[61]Tersebut di dalam kitab, *Nayl al-Awtar*, jilid 4, hlm. 166.

aurat, meraung-raung di atas kubur dan yang seumpamanya. Jika tidak berlaku demikian itu maka diizinkan bagi wanita menziarahi kubur, kerana mengingati mati adalah perlu bagi kaum lelaki dan wanita."

Menurut al-Syawkani, "Pendapat inilah yang sepatutnya dipegang untuk menyelaraskan di antara Hadith-Hadith yang pada zahirnya bertentangan."[62]

Apabila dua buah Hadith atau beberapa buah Hadith yang pada zahirnya bertentangan itu tidak dapat diselaraskan maka hendaklah digunakan *al-tarjih* di antara Hadith-Hadith tersebut. Salah satu daripada Hadith-Hadith itu hendaklah di*tarjih*kan dengan menggunakan sebab-sebab *tarjih* yang telah disebut oleh ulama. Sebab-sebab *tarjih* itu telah disebut oleh al-Hafiz al-Suyuti di dalam kitabnya lebih daripada seratus sebab.

Tajuk mengenai pertentangan dan *al-tarjih* (*al-ta'arud wa 'l-tarjih*) merupakan salah satu daripada beberapa tajuk penting yang termasuk dalam pembicaraan usul fiqh, usul Hadith dan 'ulum al-Qur'an.

HADITH MENGENAI AL-'AZAL

Cuba kita lihat Hadith-Hadith mengenai 'azal. Seorang lelaki melakukan 'azal dari isterinya ketika jimak. Maksudnya ialah lelaki itu memancutkan mani di luar faraj isteri supaya isteri tidak mengandung dari perbuatannya.

Marilah kita lihat beberapa Hadith yang disebut oleh Abu al-Barakat ibn Taymiyyah (datuk Ibn Taymiyyah) di dalam kitabnya yang masyhur, *al-Muntaqa min Akhbar al-Mustafa*, bab *Ma Ja'a fi 'l-'Azal*. Daripada Jabir r.a katanya:

" كنا نعزل على عهد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وسلم ، والقرآن ينزل "

Terjemahan: *Kami melakukan 'azal pada zaman Rasulullah s.a.w. sedangkan pada masa itu al-Qur'an sedang diturunkan.*

---

[62]*Nayl al-Awtar*, jilid 4, hlm. 166.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Dalam satu nas lain yang diriwayatkan oleh Muslim, katanya:

" كنا نعزل على عهد رسول الله صلى الله عليه وعلى اله وسلم فبلغه ذلك فلم ينهنا "

Terjemahan: ***Kami melakukan 'azal pada zaman Rasulullah s.a.w. Perkara itu sampai kepada Baginda tetapi Baginda tidak menegahnya.***

Daripada Jabir r.a. bahawa seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. seraya berkata, "Aku mempunyai seorang hamba perempuan. Dia adalah khadam kami. Aku 'mendatanginya' tetapi aku tidak suka dia hamil." Lalu Baginda bersabda:

" اعزل عنها ان شئت ، فانه سيأتيها ما قدر لها "

Terjemahan: ***Kalau engkau mahu engkau boleh melakukan 'azal. Apa yang ditakdirkan kepadanya akan berlaku juga ke atasnya.***

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad, Muslim dan Abu Dawud.

Daripada Abu Sa'id r.a. katanya, "Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. dalam Perang Bani Mustalaq. Kami mendapat tawanan wanita berbangsa Arab. Kami telah lama meninggalkan isteri dan kami telah merindui wanita. Kami hendak melakukan 'azal lalu kami bertanya Rasulullah s.a.w. mengenai perkara itu." Baginda bersabda:

" ما عليكم ألا تفعلوا ، فان الله عزوجل قد كتب ماهوخالق الى يوم "

Terjemahan: ***Tidak mengapa jika kamu tidak lakukan, bahawasanya Allah s.w.t. telah menetapkan apa yang akan Dia jadikan sehingga hari kiamat.***

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Daripada Abu Sa'id juga katanya, "Orang-orang Yahudi berkata 'azal itu merupakan penanaman anak secara tidak langsung (*al-maw'udah al-sughra*). Rasulullah s.a.w., menjawab:

" كذبت يهود، ان الله عزوجل لوأراد أن يخلق شيئا لم يستطع أحد أن يصرفه "

Terjemahan: *Orang Yahudi berdusta, bahawasanya Allah s.w.t. jika hendak menjadikan sesuatu tidak seorang pun yang boleh menghalang-Nya.*

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad.

Manakala di dalam *Sunan Abu Dawud* pula diriwayatkan: "Bahawa seorang lelaki berkata, 'Wahai Rasulullah, aku mempunyai seorang hamba perempuan, aku melakukan 'azal darinya, aku tidak suka dia hamil sedangkan aku hendak melakukan apa yang dilakukan oleh lelaki lain namun orang Yahudi pula berkata bahawa 'azal itu penanaman bayi yang kecil.'... ."

Ibn al-Qayyim berkata di dalam kitabnya, *Zad al-Ma'ad*, "Cukuplah bagi engkau kesahihan sanad ini kerana semua perawinya *thiqah* lagi *hafiz*."

Daripada Usamah bin Zayd r.a. bahawa seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu berkata, "Aku melakukan 'azal kepada isteriku." Rasulullah s.a.w. bertanya, "Kenapa engkau melakukan perbuatan itu?" Lelaki itu menjawab, "Aku kasihan kepada anaknya, atau kepada anak-anaknya." Rasulullah s.a.w. menjawab, "Kalau itu memberi mudarat nescaya ia telah memudaratkan orang Parsi dan Rom." Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim.

Daripada Judamah[63] binti Wahab al-Usdiyyah katanya, "Aku datang bersama orang ramai menemui Rasulullah s.a.w. Sabda Baginda, 'Aku bercita-cita hendak melarang

---

[63]Lihat mengenainya di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*, jilid 12, hlm. 405 dan 406.

dari melakukan *ghilah* tetapi aku melihat orang Parsi dan Rom melakukan *ghilah* tetapi tidak membahayakan sedikit pun kepada anak mereka.' Kemudian mereka bertanya mengenai 'azal, Rasulullah s.a.w. menjawab, 'Itu adalah penanaman anak secara tidak langsung. Perbuatan itu termasuk di dalam firman Allah s.w.t.: *'Apabila kanak-kanak yang ditanam itu ditanya ...'.*" *(Terjemahan al-Qur'an surah al-Takwir 81:8).* Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim.

Daripada 'Umar ibn al-Khattab katanya, "Rasulullah s.a.w. menegah melakukan 'azal daripada perempuan yang merdeka kecuali dengan izinnya." Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibn Majah.[64] Sanadnya tidak berapa kuat, kerana terdapat perawi yang bernama Ibn Lahi'ah. Dia terkenal sebagai perawi yang dipertikaikan.

Walaupun demikian, Hadith ini disokong oleh Hadith lain yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Bar, Ahmad dan al-Bayhaqi daripada Ibn 'Abbas, "Bahawa Nabi Muhammad s.a.w. menegah 'azal daripada perempuan yang merdeka kecuali dengan izinnya." Hadith ini terdapat di dalam kitab *Nayl al-Awtar.*

Daripada zahir Hadith-Hadith yang telah disebutkan di atas jelaslah bahawa tidak dilarang melakukan 'azal, kecuali daripada perempuan merdeka hendaklah dengan izinnya dan keredaannya kerana dia mempunyai hak untuk berseronok-seronok. Ini adalah pendapat kebanyakan fuqaha'. Zahir ini bertentangan dengan potongan akhir Hadith yang diriwayatkan Judamah binti Wahab di atas. Di dalam Hadith itu jelas dinyatakan bahawa 'azal itu merupakan pembunuhan anak secara tidak langsung.

Terdapat sesetengah ulama yang cuba menyelaraskan di antara Hadith ini dengan Hadith-Hadith yang mengizinkan 'azal. Larangan itu adalah berbentuk *tanzih*. Ini adalah cara al-Bayhaqi. Manakala ulama lain pula ada yang menghukumkan bahawa Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah tersebut adalah da'if kerana ia bertentangan

---

[64]*Al-Muntaqa*, jilid 2 hlm. 561-564, Dar al-Ma'rifah, Bayrut.

dengan Hadith-Hadith yang banyak sumbernya. Menurut al-Hafiz, "Pendapat yang akhir ini membawa kepada Hadith-Hadith Sahih tidak diakui kesahihannya, sedangkan Hadith-Hadith itu boleh diselaraskan." Ada pula golongan yang mendakwa bahawa Hadith itu dimansuhkan. Pendapat ini ditolak kerana tidak diketahui bila ia dimansuhkan.

Menurut al-Tahawi, mungkin Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah itu adalah menyetujui pendapat *Ahl al-Kitab* pada perkara yang belum diturunkan wahyu, selepas itu barulah diturunkan wahyu yang mendustakan pendapat Yahudi tersebut. Pendapat ini ditolak oleh Ibn Rusyd dan Ibn al-'Arabi dengan alasan Rasulullah s.a.w. tidak pernah mengharamkan sesuatu kerana mengikut Yahudi selepas itu mendustakan mereka pula.

Dari kalangan ulama ada juga yang men*tarjih*kan Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah kerana Hadith itu terdapat di dalam kitab Hadith Sahih. Jadi, Hadith-Hadith yang lain adalah da'if kerana sanadnya bertentangan dan terdapat *idtirab* (tidak tetap). Pendapat ini ditolak oleh al-Hafiz dengan alasan perkara itu hanya boleh dilakukan pada sebuah Hadith sahaja, tidak pada Hadith yang menjadi kuat disebabkan oleh sokongan Hadith yang lain. Hadith yang berbentuk begini boleh diterima untuk diamalkan. Sebenarnya Hadith-Hadith itu boleh diselaraskan.

Ibn Hazm men*tarjih*kan Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah sedangkan Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah menunjukkan kepada tegahan. Katanya lagi, "Sesiapa yang mendakwa sesuatu itu diharuskan setelah ia diharamkan maka hendaklah dia menerangkan sebabnya."

Pendapat Ibn Hazm ini ditolak dengan alasan Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah itu tidak jelas menunjukkan tegahan kerana tidak semestinya yang dinamakan pembunuhan secara tidak langsung yang disebut secara kiasan itu benar-benar menunjukkan haram.

Ibn al-Qayyim telah membuat penyelarasan di antara Hadith-Hadith itu dengan kata-katanya, "Yang didustakan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap orang Yahudi itu ialah pen-

dapatnya yang mengatakan bahawa 'azal itu tidak sekali-kali dapat menyebabkan kehamilan. Mereka menyamakan di antara memutuskan keturunan dengan membunuh anak. Baginda memberitahu, apabila Allah s.w.t. hendak menjadikan makhluk-Nya maka tidak ada seorang pun yang dapat menghalangn-Nya. Pada hakikatnya, jika Allah s.w.t. tidak mahu menjadikannya, ia tidak dinamakan membunuh anak. Jadi, ungkapan 'pembunuhan secara tidak langsung' seperti yang terdapat pada Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah itu adalah kerana orang itu melakukan 'azal untuk mengelakkan kehamilan. Tujuannya itu disamakan dengan membunuh anak. Cuma perbezaan di antara kedua-duanya itu ialah pembunuhan secara langsung (*al-wa'd*) adalah dengan perbuatan membunuh yang merangkumi dua perkara iaitu tujuan dan perbuatan. Adapun *al-'azal* hanyalah tujuan sahaja. Oleh itu, perbuatan itu disifatkan sebagai tidak langsung *(khafi)*."

Penyelarasan yang dibuat oleh Ibn al-Qayyim ini cukup kuat. Beliau juga menghukum Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah itu sebagai Hadith Da'if. Ertinya, tambahan yang terdapat pada akhir Hadith yang diriwayatkan oleh Judamah itu adalah da'if kerana penambahan itu hanya diriwayatkan oleh Sa'id bin Abu Ayyub daripada Abu al-Aswad. Hadith itu juga ada diriwayatkan oleh Malik dan Yahya bin Ayyub daripada Abu al-Aswad tetapi kedua-duanya tidak menyebut penambahan itu. Penambahan itu juga bertentangan dengan Hadith-Hadith yang terdapat di dalam tajuk ini. Penambahan itu juga tidak terdapat pada kitab Hadith Sunan Empat (*al-Sunan al-Arba'ah*).[65]

Al-Hafiz al-Bayhaqi telah meriwayatkan di dalam *al-Sunan al-Kubra* banyak Hadith dan Athar yang jelas mengharuskan 'azal. Beliau telah mengkhususkan satu bab bagi orang yang membenci 'azal dan orang yang mempunyai pendapat yang berbagai-bagai mengenainya. Beliau juga

---

[65]*Nayl al-Awtar*, jilid 6, hlm. 346-350. Dar al-Jil.

telah meriwayatkan Hadith yang membenci perbuatan itu. Di dalamnya, beliau telah menyebut Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Judamah binti Wahab. Kata al-Bayhaqi mengenai Hadith ini, "Kami telah meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Hadith-Hadith yang bertentangan dengan ini. Perawi-perawi yang meriwayatkan keharusan 'azal adalah lebih banyak dan lebih hafaz. Sahabat-Sahabat Rasulullah s.a.w. yang mengharuskan 'azal ialah Sa'd bin Abu Waqqas, Zayd bin Thabit, Jabir bin Abdullah, Ibn 'Abbas, Abu Ayyub al-Ansari dan lain-lain. Pendapat yang mengharuskan 'azal adalah lebih diutamakan. Dengan ini, tegahan melakukan perbuatan itu oleh sesetengah ulama bukan berbentuk haram tetapi berbentuk *tanzih*. Wallah a'lam.[66]

NASAKH DI DALAM HADITH

Sebahagian daripada perkara yang berkaitan dengan pertentangan di dalam Hadith ialah masalah nasakh atau nasikh dan mansukh. Ilmu nasakh ini ada kaitan dengan 'Ulum al-Qur'an dan 'Ulum al-Hadith.

Terdapat sebahagian ahli tafsir yang mengatakan amat banyak terdapat nasakh di dalam al-Qur'an, sehingga di antara mereka ada yang mengatakan satu ayat yang dinamakan *ayat al-Sayf* menasakhkan lebih dari 100 ayat al-Qur'an. Tetapi mereka bertelingkah tentang apakah yang dinamakan *ayat al-Sayf* itu?

Dalam Hadith pula ulama-ulama Hadith mengguna ilmu nasakh ini apabila mereka tidak dapat menyelaraskan Hadith-Hadith yang bertentangan dan tidak mengetahui manakah Hadith yang kemudian.

Mereka mendakwa bahawa nasakh di dalam Hadith adalah lebih sempit penggunaannya daripada nasakh di dalam al-Qur'an, sedangkan yang sepatutnya adalah sebaliknya kerana pada asalnya al-Qur'an diturunkan

---

[66]*al-Sunan al-Kubra*, jilid 7, hlm. 328-332.

adalah untuk selama-lama. Adapun al-Sunnah itu adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa dan perkara-perkara ranting, kerana Rasulullah s.a.w. merupakan ketua umat Islam dan Baginda mentadbir urusan mereka setiap hari.

Banyak Hadith yang didakwa telah dinasakhkan tetapi setelah dikaji ternyata ia tidak mansukh.

Ada Hadith yang berbentuk *'azimah* dan ada pula Hadith yang berbentuk *rukhsah*. Kedua-dua bentuk itu mempunyai hukum masing-masing dan kekal pada tempatnya.

Terdapat sesetengah Hadith yang berkaitan dengan keadaan tertentu, dan Hadith yang lain pula berkaitan dengan keadaan yang lain maka perbezaan keadaan itu bukan menunjukkan kepada nasakh. Contohnya, Hadith yang melarang menyimpan daging korban lebih daripada tiga hari kemudian terdapat pula Hadith yang mengizinkannya. Ini bukan *nasakh* tetapi tegahan itu dalam satu keadaan dan keizinan itu dalam keadaan yang lain sebagaimana yang kami terangkan pada tempatnya dalam perbincangan ini.

Di sini elok saya sebutkan apa yang telah dinukil oleh al-Hafiz al-Bayhaqi di dalam kitabnya, *Ma'rifat al-Sunan wa 'l-Athar* dengan sanadnya daripada Imam Syafi'i rahimahullah katanya, "Selagi Hadith-Hadith itu boleh diamalkan, hendaklah diamalkan. Janganlah yang satu itu menghalang yang lain untuk diamalkan. Jika Hadith-Hadith itu bertentangan maka pertentangan itu ada dua bentuk:

Pertama: Sebuah Hadith yang menasakhkan dan Hadith yang lain pula dinasakhkan. Hendaklah kita beramal dengan Hadith yang menasakhkan dan meninggalkan Hadith yang dinasakhkan.

Kedua: Hadith-Hadith itu bertentangan di antara satu dengan yang lain yang tidak diketahui manakah yang menasakhkan dan manakah yang dinasakhkan mansukh. Kita tidak boleh mengambil yang satu dan meninggalkan yang lain kecuali kita mempunyai sebab yang kuat mengapa kita mengambilnya. Sebab-sebab itu ialah kerana Hadith itu

lebih kuat (*thabit*) daripada yang lain, kerana kandungan Hadith itu lebih hampir dengan kitab Allah s.w.t. atau Sunnah Rasulullah s.a.w., kerana Hadith itu lebih utama sebagaimana yang diketahui oleh ulama, kerana Hadith itu lebih sahih menurut *qiyas* atau kerana kebanyakan Sahabat Rasulullah s.a.w. berpegang padanya."

Al-Bayhaqi juga meriwayatkan dengan sanadnya daripada Syafi'i katanya, "Kesimpulannya, tidak boleh diterima kecuali Hadith yang kuat/*thabit*. Begitu juga saksi itu tidak boleh diterima kecuali setelah benar-benar diketahui adil. Apabila sesebuah Hadith ini tidak diketahui dan perawinya tidak diterima, ia adalah seperti tiada, kerana tidak *thabit*."

Kata al-Bayhaqi lagi, "Sesiapa yang membaca kitabku ini hendaklah dia mengetahui bahawa al-Bukhari iaitu Abu 'Abdullah, Muhammad bin Ismail dan Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi r.a. kedua-duanya telah mengumpulkan Hadith ke dalam dua buah kitab yang mengandungi Hadith-Hadith Sahih sahaja. Sebenarnya masih banyak lagi Hadith Sahih yang tidak terdapat di dalam kedua-dua kitab ini. Kita hendaklah meletakkan Hadith-Hadith itu menurut sebagaimana yang telah digariskan oleh kedua-dua orang ulama Hadith tersebut di dalam kitab mereka.

Sebahagian daripada Hadith-Hadith itu telah diriwayatkan oleh Abu Dawud iaitu Sulayman bin al-Asy'ath al-Sajastani, sebahagian lagi diriwayatkan oleh al-Tirmidhi iaitu Abu 'Isa, Muhammad bin 'Isa. Sebahagian lagi diriwayatkan oleh al-Nasa'i iaitu Abu 'Abd al-Rahman, Ahmad bin Syu'ayb. Sebahagian lagi diriwayatkan oleh Ibn Khuzaymah iaitu Abu Bakar, Muhammad bin Ishaq rahimahumullah. Setiap mereka meriwayatkan Hadith di dalam kitab mereka mengikut ijtihad masing-masing.

Hadith-Hadith yang diriwayatkan itu ada tiga jenis:

Pertama: Hadith-Hadith yang telah disepakati oleh ulama akan kesahihannya. Hadith berbentuk itu tidak boleh seorang pun menentang selama Hadith itu tidak dinasakhkan.

Kedua: Hadith-Hadith yang telah disepakati oleh ulama akan keda'ifannya. Hadith berbentuk ini tidak boleh seorang pun berpegang kepadanya.

Ketiga: Ḥadith-Hadith yang berlaku *khilaf* di kalangan ulama dari segi kesahihannya. Sesetengah ulama menghukumkan Hadith itu da'if kerana sebahagian daripada perawinya cacat (*majruh*) sedangkan ulama yang lain tidak mengetahui kecacatan itu. Mungkin juga sebab yang dianggap cacat oleh seorang ulama tidak dianggap cacat oleh ulama yang lain, atau tidak disepakati tentang terputus sanad Hadith itu. Mungkin juga terdapat perawi memasukkan perkataan perawi lain di dalam nas Hadith itu, atau sanad sesebuah Hadith itu termasuk di dalam sanad Hadith lain yang tidak disedari oleh sebahagian ulama.

Bahagian yang ketiga ini yang menjadi kewajipan ulama Hadith mutakhir membuat kajian tentang perselisihan pendapat mereka dan berusaha untuk mengetahui cara mereka menerima sesebuah Hadith atau menolaknya. Kemudian mereka hendaklah memilih pendapat yang lebih kuat. *Wa bi 'l-Lahi 'l-tawfiq*."[67]

---

[67]Al-Bayhaqi, *Ma'rifat al-Sunan wa 'l-Athar*, jilid 1, hlm. 101-103.

MEMAHAMI HADITH MELALUI SEBAB BERLAKUNYA PERKARA YANG BERKAITAN DAN TUJUAN HADITH

Untuk memahami *al-Sunnah al-Nabawiyyah* dengan sebaik-baiknya hendaklah dilihat kepada sebab-sebab khusus mengapa Hadith itu berlaku atau Hadith itu berlaku kerana sebab-sebab tertentu sama ada terdapat di dalam nas dengan cara *istinbat* atau dapat difahami dari kejadian bahawa Hadith itu berlaku mengenainya.

Orang yang benar-benar membuat penelitian yang mendalam akan mendapati ada Hadith yang hanya mengenai keadaan-keadaan yang tertentu sesuai untuk *maslahah* ketika itu atau untuk mengelakkan bencana ketika itu atau untuk membetulkan keadaan yang berlaku ketika itu.

Ini bererti hukum yang terdapat di dalam Hadith itu sekalipun zahirnya umum dan berkekalan tetapi setelah diteliti ia diasaskan kepada satu sebab (*'illah*) yang menjadikan hukum itu terhapus dengan terhapusnya *'illah* itu dan hukum itu ada dengan sebab ada *'illah* itu.

Untuk memahami persoalan ini, diperlukan kefahaman yang mendalam, penelitian yang sehalus-halusnya - mengkaji nas secara menyeluruh, memahami tujuan syari'at dan hakikat agama bersikap berani untuk mempertahankan kebenaran sekalipun perkara itu bertentangan dengan apa yang telah diamalkan dan diwarisi oleh orang ramai. Perkara ini tidak mudah. Ia telah dilakukan oleh Ibn Taymiyyah yang telah menentang ulama-ulama zamannya sehingga beliau dihumban ke dalam penjara beberapa kali dan meninggal di dalamnya.

Untuk memahami Hadith dengan betul tidak dapat tidak mesti difahami perkara-perkara yang berkaitan dengan Hadith tersebut iaitu mengetahui bahawa Hadith itu diucapkan bagi membetulkan dan menerangkan keadaan-keadaan tertentu. Dengan demikian akan dapat diketahui maksud Hadith dengan tepat, tidak hanya dengan agak-agak sahaja atau hanya dengan memahami zahir Hadith yang tidak dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w.

Para ulama telah menjelaskan bahawa antara faktor penolong bagi memahami al-Qur'an dengan baik ialah mengetahui sebab sesuatu ayat al-Qur'an itu diturunkan supaya tidak berlaku sebagaimana yang berlaku kepada pelampau-pelampau Khawarij dan lain-lain yang mengambil ayat-ayat yang diturunkan kepada orang musyrikin kemudian mereka gunakan ayat itu kepada orang Muslimin. Ibn 'Umar menganggap mereka adalah seburuk-buruk makhluk Allah kerana perbuatan mereka yang menyelewengkan kitab Allah daripada apa yang telah diturunkan.[68]

Jika mengetahui sebab diturun sesebuah ayat al-Qur'an itu amat penting untuk orang yang mahu memahami dan menafsirnya, maka memahami sebab mengapa sesebuah Hadith itu berlaku tentu lebih penting lagi. Ini ialah kerana al-Qur'an itu bersifat umum dan abadi. Bukan caranya untuk memperkatakan pendetailan dan makna *furu'* kecuali sekadar untuk mengambil beberapa prinsip dan pengajaran daripadanya.

Adapun al-Sunnah adalah untuk membetulkan masalah-masalah *furu'* dan semasa. Oleh itu, ia mempunyai pengkhususan dan pendetailan yang tidak ada pada al-Qur'an.

Tidak dapat tidak mestilah dibezakan di antara yang khas dengan yang am, yang sementara dengan yang kekal, yang *juz'i* dengan yang *kulli*. Setiap sesuatu mempunyai hukum masing-masing. Oleh itu, kita perlu melihat pada

[68]Lihat apa yang dikatakan oleh al-Syatibi di dalam *al-Muwafaqat*nya.

sebab, perkara-perkara yang berkaitan atau sebab-sebab dan lain-lain bagi memahami Hadith dengan tepat oleh orang yang diberi *tawfiq* oleh Allah s.w.t.

TENTANG HADITH YANG BERMAKSUD:
"KAMU LEBIH MENGETAHUI URUSAN DUNIA KAMU."[69]

Hadith di atas telah dijadikan pegangan oleh sesetengah orang untuk tidak mahu melaksanakan hukum-hukum syarak mengenai ekonomi, politik, pengurusan dan lain-lain lagi. Menurut mereka, perkara-perkara tersebut adalah dari urusan dunia di mana kita lebih mengetahui mengenainya dan Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyerahkan kepada kita untuk mengurusnya.

Adakah ini sebenarnya yang dimaksudkan oleh Hadith itu? Tidak sekali-kali, kerana antara tujuan diutuskan Rasul adalah untuk menetapkan kepada manusia kaedah-kaedah mengenai keadilan, hak dan tanggungjawab serta kewajipan mereka di dalam dunia supaya mereka tidak sesat dan mereka mempunyai ukuran nilai yang tetap. Dalam hal ini Allah s.w.t. berfirman:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَٰتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَٰبَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah mengutus beberapa orang Rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan Kami turunkan kitab dan neraca bersama mereka supaya manusia melaksanakan keadilan.*

(*Surah al-Hadid 57:25*)

Dengan ini terdapat nas-nas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang mengajar manusia berjual beli, bersyarikat,

[69]Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim bersumber daripada 'A'isyah dan Anas r.a. pada kitab, *"al-Manaqib"* di dalam *Sahih*nya. Hadith nombor 2363.

gadai, sewa, hutang dan lain-lain. Ayat yang paling panjang diturunkan ialah mengenai hutang. Allah s.w.t. berfirman:

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berhutang sesuatu untuk masa tertentu hendaklah kamu menulisnya. Hendaklah orang yang pandai dari kalangan kamu menulisnya dengan adil.*
(*Surah al-Baqarah* 2:282)

Hadith yang bermaksud: "*Kamu lebih mengetahui urusan dunia kamu*" ditafsirkan melalui sebab berlakunya Hadith tersebut iaitu kisah mengenai pendebungaan tamar. Dalam perkara ini Rasulullah s.a.w. memberi isyarat kepada mereka mengenai perkara yang *zanni* berkaitan dengan pendebungaan tamar sedangkan Baginda bukan ahli dalam pertanian. Baginda telah dilahirkan di satu tempat yang tidak mempunyai usaha pertanian. Pada pandangan orang Ansar, isyarat Baginda itu merupakan wahyu atau perutusan agama yang mesti dipatuhi, oleh itu mereka pun meninggalkan pendebungaan. Setelah mereka tinggalkan amalan tersebut hasil buah tamar mereka menerima kesan yang buruk, maka Rasulullah s.a.w. memberitahu mereka bahawa apa yang dikatakan oleh Baginda kepada mereka itu hanyalah merupakan satu andaian sahaja. Jadi, janganlah Baginda disalahkan kerana andaian itu. Seterusnya Baginda pun bersabda:

" أنتم أعلم بأمر دنياكم "

Terjemahan: *Kamu lebih mengetahui urusan dunia kamu.*

TENTANG HADITH YANG BERMAKSUD: *"AKU BERLEPAS DIRI DARIPADA SEORANG MUSLIM YANG TINGGAL BERSAMA-SAMA ORANG-ORANG MUSYRIKIN."*

Contoh yang lain untuk memahami Hadith dengan melihat kepada sebab berlaku perkara-perkara yang berkaitan dan tujuan ialah Hadith ini:

" أنا برئ من كل مسلم يقيم بين أظهر المشركين لاتتراءى نارهما "

Terjemahan: *Aku berlepas diri daripada seorang Muslim yang tinggal bersama-sama dengan orang musyrikin yang api kedua-duanya tidak dapat dilihat di antara satu dengan yang lain.*[70]

Sesetengah orang memahami dari Hadith di atas ialah larangan secara umum tinggal di negeri orang kafir tanpa kecuali, sedangkan pada zaman ini tentulah amat perlu berbuat demikian kerana belajar, berubat, bekerja, berniaga, urusan diplomatik dan lain-lain khususnya pada zaman yang serba moden dan mudah yang seolah-olahnya dunia ini luasnya hanya seperti sebuah kampung besar sahaja (*global village*).

Sebenarnya Hadith di atas sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasyid Rida diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk mewajibkan orang mukmin berhijrah dari negeri orang musyrikin untuk menolong Baginda. Hadith ini telah diriwayatkan oleh *ahl al-Sunan.* Abu Dawud telah meriwayatkan Hadith ini daripada Jarir bin 'Abdullah. Katanya lagi, ada sekumpulan ulama yang tidak menyebut Jarir. Mereka meriwayatkan Hadith ini secara *mursal.* Itulah yang telah diriwayatkan oleh al-Nasa'i secara ringkas. Al-Tirmidhi juga telah meriwayatkan Hadith ini secara *mursal.* Kata al-Tirmidhi, inilah yang lebih sahih. Menurut al-

[70]Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam kitab *"al-Jihad"*. Hadith nombor 1645. Hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Tirmidhi di dalam kitab, *"al-Siyar"*, *Hadith* nombor 1604.

Bukhari, Hadith Mursal tersebut adalah sahih, walau bagaimanapun Hadith itu tidak terdapat di dalam *Sahih*nya dan Hadith itu tidak mencukupi syarat-syaratnya. Hukum berhujah dengan Hadith Mursal adalah masyhur perselisihannya di kalangan ulama sebagaimana terdapat di dalam ilmu *Usul al-Fiqh*. Hadith yang sepenuhnya ialah seperti berikut: Rasulullah s.a.w. telah mengutus sariyyah (bala) tenteranya kepada suku Khath'am. Beberapa orang dari kalangan mereka terus bersujud untuk menyelamatkan diri. Walaupun begitu pasukan tersebut tetap membunuh mereka.

Apabila berita itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., Baginda memberikan kepada mereka separuh diyat sedangkan mereka orang Islam kerana mereka telah membinasakan diri mereka dan mereka telah menggugurkan separuh daripada hak mereka[71] kerana mereka tinggal bersama-sama dengan orang musyrikin yang memusuhi Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Tinggal bersama-sama orang musyrikin yang seperti ini adalah amat dilarang kerana membawa kepada maksud tidak memberi pertolongan kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya, sedangkan Allah s.w.t. telah menjelaskan mengenai mereka dengan firman-Nya:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا ۚ وَإِنِ اسْتَنصَرُوكُمْ
فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمُ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ

Terjemahan: *Dan mereka yang beriman tetapi tidak berhijrah, kamu tidaklah wajib memberi sedikit pun perlindungan kepada mereka sehingga mereka berhijrah. Jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam agama hendaklah kamu memberi pertolongan*

---

[71]Imam al-Khitabi berpendapat mengenai digugurkan 1/2 diat katanya, "... kerana mereka telah merosakkan diri mereka, disebabkan tinggal bersama dengan orang kafir. Mereka itu seolah-olah orang yang binasa disebabkan jenayah diri sendiri dan jenayah orang lain yang menjadikan separuh daripada bahagian diatnya gugur."

kecuali kepada kaum yang kamu mempunyai perjanjian dengan mereka.

(*Surah al-Anfal 8:72*)

Allah s.w.t. telah menggugurkan hak pertolongan kepada orang Islam yang tidak berhijrah kerana hijrah pada ketika itu adalah wajib.[72] Oleh itu makna Hadith:

" أنا برئ من كل مسلم يقيم بين أظهر المشركين "

Terjemahan: *Aku berlepas daripada seorang Muslim yang tinggal bersama-sama dengan orang musyrikin.*

ialah aku berlepas diri daripada keselamatan darahnya apabila dia dibunuh, kerana perbuatannya tinggal bersama-sama orang musyrikin yang memusuhi negara Islam, dan mendedahkan diri kepada penumpahan darah.

Oleh kerana itu, apabila situasi yang diperkatakan Hadith itu telah berubah, *'illah* yang terdapat di dalam Hadith itu, tidak ada sama ada *'illah* itu untuk mendatangkan *maslahah* atau untuk menolak kerosakan maka hukum yang terdapat pada nas ini juga ternafi. Hukum itu menurut *'illah*nya, jika *'illah* itu ada, hukum itu ada. Jika *'illah* itu tidak ada, hukum itu tidak ada.

HUKUM MENGENAI PEREMPUAN MUSAFIR BERSAMA MAHRAM

Antara Hadith mengenai perkara ini ialah Hadith yang terdapat di dalam kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas dan selainnya daripada Rasulullah s.a.w. yang bersabda:

" لاتسافر امرأة الا ومعها محرم "

Terjemahan: *Seseorang perempuan tidak boleh musafir kecuali berserta dengan mahramnya.*[73]

---

[72]Lihat al-Qur'an surah al-Anfal 8:72.

[73]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Lihat: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*. Hadith nombor 850 dan tiga Hadith sebelumnya.

'Illah tegahan ini ialah kerana bimbang pada keselamatan wanita yang bermusafir sendirian tanpa ditemani oleh suaminya atau *mahramnya* lantaran ketika itu orang bermusafir dengan menaiki unta atau keldai. Pada umumnya mereka akan merentas padang pasir yang luas dan tidak terdapat sebarang kampung atau bangunan. Dalam keadaan yang seumpama ini, kalaupun wanita itu tidak ditimpa bencana ke atas dirinya tetapi namanya menjadi buruk.

Tetapi apabila keadaan telah berubah seperti pada zaman kita ini, di mana orang yang bermusafir menaiki kapal terbang yang penumpangnya seratus orang atau lebih, atau menaiki kereta api yang membawa penumpang ratusan orang, tidak lagi dibimbangi terhadap keselamatan kaum wanita, apabila mereka bermusafir sendirian. Maka menurut syarak, bermusafir dalam keadaan itu tidak ditegah. Perbuatan ini juga tidak bertentangan dengan Hadith, bahkan disokong oleh Hadith Marfu' yang diriwayatkan oleh 'Adi bin Hatim sebagaimana yang terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari* ini:

" يوشك أن تخرج الظعينة من الحيرة تقدم البيت [أى الكعبة] لازوج معها "

Terjemahan: *Akan berlaku seorang wanita yang bersuami keluar dari al-Hirah menuju ke Ka'bah dan suaminya tidak bersamanya.*[74]

Hadith ini pada hakikatnya diperkatakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk memberi kepujian kepada Islam yang akan tersebar, cahayanya akan memancar ke seluruh alam, keamanan terdapat di atas muka bumi, jadi harus bagi perempuan bermusafir tanpa disertai *mahram*nya. Inilah yang telah diistinbatkan oleh Ibn Hazm.

Tidak syak lagi, terdapat ulama yang mengharuskan perempuan mengerjakan Haji tanpa *mahram* dan tanpa

---

[74]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab, "*'Alamat al-Nubuwwah fi 'l-Islam*".

suami sekiranya dia pergi bersama dengan beberapa orang wanita yang dapat dipercayai. Sayyidatina 'A'isyah r.a. dan beberapa orang isteri Rasulullah s.a.w. yang lain, pada zaman Sayyidina 'Umar r.a., telah mengerjakan ibadat Haji tanpa disertai *mahram* tetapi mereka pergi bersama dengan Sayyidina 'Uthman dan Abd Rahman bin 'Awf r.a. Demikian tercatat di dalam *Sahih al-Bukhari.*

Sesetengah ulama malah berpendapat bahawa cukup dengan ditemani oleh seorang wanita yang dapat dipercayai *(thiqah).* Sesetengah ulama lain pula menyatakan seseorang wanita itu boleh bermusafir seorang diri jika perjalanannya aman. Penulis kitab *al-Muhadhdhab* dari madhhab Syafi'i mengakui kebenaran pendapat ini.

Ini adalah dalam perkara musafir untuk menunaikan ibadat Haji dan Umrah. Sesetengah pengikut madhhab Syafi'i mengqiyaskan dengan musafir dalam semua hal.[75]

ḤADITH MENGENAI PARA A'IMMAH ITU DARIPADA ORANG QURAISY

Ibn Khaldun telah menafsirkan Hadith:

" الأئمة من قريش "

Terjemahan: *A'immah (pimpinan) itu daripada orang Quraisy.*[76]

bahawa Rasulullah s.a.w. melihat kepada orang Quraisy pada masa itu mempunyai kekuatan dan kekeluargaan yang melayakkan mereka memegang jawatan khalifah atau raja. Oleh itu, jika ternyata Baginda mensyaratkan orang Quraisy, itu hanya semata-mata untuk mengelakkan pergaduhan kerana mereka mempunyai keluarga yang banyak dan kuat, maka kita menganggap itu adalah *'illah* mengapa kepimpinan itu daripada orang Quraisy. Dengan ini, kita mensyaratkan orang yang hendak menjadi pemimpin

[75]Lihat: *Fath al-Bari*, jilid 4, hlm. 446.

[76]Ahmad, *al-Musnad*, perawi-perawi Hadith thiqah. al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id*, jilid 5, hlm. 192.

kepada orang-orang Islam hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai keluarga yang banyak dan kuat supaya orang lain mudah mengikut dan bersatu pendapat serta pemerintahan menjadi stabil.[77]

CARA PARA SAHABAT DAN TABI'IN MELIHAT SUDUT *'ILLAH* DAN SUASANA NAS

Kaedah melihat *'illah* dan suasana nas Hadith telah dilakukan oleh Sahabat r.a. dan orang-orang yang mengikut mereka. Mereka tidak beramal dengan zahir Hadith apabila mereka mengetahui Hadith itu untuk menyelesaikan satu masalah tertentu pada zaman Rasulullah s.a.w. Kemudian keadaan telah berubah dari apa yang berlaku pada zaman Baginda.

Sebagai contoh bahawa Rasulullah s.a.w. telah membahagikan tanah Khaybar kepada orang-orang Islam yang membukanya, tetapi Sayyidina 'Umar tidak berbuat demikian di Iraq dan beliau membiarkannya di tangan tuan tanah itu dengan dikenakan *Kharaj* ke atas tanah itu supaya terus menjadi sumber harta kepada generasi Muslim. Dalam masalah ini Ibn Qudamah berpendapat, "Rasulullah s.a.w. membahagikan tanah Khaybar itu adalah pada zaman permulaan Islam. Ketika itu umat Islam amat memerlukan tanah dan merupakan *maslahah* pada ketika itu, tetapi setelah itu muncul *maslahah* lain untuk tidak membahagikan tanah, itulah yang wajib dilaksanakan."[78]

SIKAP SAYYIDINA 'UTHMAN MENGENAI UNTA YANG HILANG

Rasulullah s.a.w. apabila ditanya mengenai unta yang terlepas daripada tuannya, Baginda menegah daripada mengambil unta itu seraya bersabda:

---

[77]Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, ditahqiqkan oleh Dr. Ali Wafi, *Lujnah al-Bayan al-'Arabi*, jilid 2, hlm. 695 dan 696.

[78]Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jilid 2, hlm. 598, Mesir: Nasr al-Thaqafah al-Islamiyyah.

" مالك ولها؟ تدعها ، فان معها حذاءها وسقاءها ، ترد الماء، وتأكل الشجر، حتى يجدها ربها "

Terjemahan: *Apa kaitan engkau dengannya, biarkan ia mencari minuman dan makanan (daun-daun pokok), sehinggalah tuannya menemuinya semula.*[79]

Perkara ini berterusan pada zaman Rasulullah s.a.w., zaman Abu Bakr r.a. dan zaman 'Umar bin al-Khattab r.a. Unta-unta yang sesat dibiarkan sahaja, tidak ada seorang pun yang mengambilnya sehingga ditemui oleh tuannya kerana mengikut suruhan Rasulullah s.a.w., selagi unta-unta itu dapat menyelamatkan dirinya, dapat minum dan mendapatkan air dan selagi *'kasutnya'* yang membolehkan ia terus berjalan jauh masih ada.

Pada zaman 'Uthman bin 'Affan r.a. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Malik dalam kitab *al-Muwatta'* disebut bahawa Ibn Syihab al-Zuhri berkata, "Unta-unta yang sesat tidak bertuan pada zaman 'Umar bin al-Khattab r.a. dibiarkan banyak, tiada seorang pun yang mengambilnya sehingga pada zaman 'Uthman bin 'Affan r.a. Beliau menyuruh supaya unta-unta itu diiklankan kemudian dijual. Apabila tuannya datang harganya diberi kepadanya."[80]

Keadaan berubah sedikit selepas 'Uthman r.a. Sayyidina 'Ali bersetuju dengan beliau tentang harus mengambil unta sesat untuk dijaga bagi pihak tuannya, tetapi jika mendatangkan kerugian kepada tuan unta itu, maka bolehlah unta itu dijual dan harganya diserahkan kepadanya. Beliau juga berpendapat, harus dipelihara unta itu dan perbelanjaan mengurusnya diambil daripada harta Baitulmal. Apabila tuannya datang, hendaklah diberi kepadanya.[81]

---

[79]Al-Syawkani, *Nayl al-Awtar*, jilid. 5, hlm. 338. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

[80]Malik, *al-Muwatta'*, jilid 3, hlm. 129.

[81]Muhammad Yusuf Musa (Dr.), *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Fiqh al-Sahabah wa 'l-Tabi'in, hlm. 83-85.

Apa yang dilakukan oleh 'Uthman dan 'Ali tidak sekali-kali untuk menentang Hadith Nabi, tetapi kedua-duanya melihat kepada maksud nas Hadith tersebut. Oleh itu, apabila akhlak manusia sudah berubah, jiwa mereka sudah banyak yang kotor bahkan ada yang sanggup mengambil harta orang lain dengan jalan yang haram, ini menjadikan jika unta dan lembu yang sesat itu dibiarkan nescaya binatang-binatang itu akan hilang dan sudah tentu merugikan tuannya. Ini sudah tentu bukan maksud Rasulullah s.a.w. sewaktu Baginda melarang daripada mengambil unta yang sesat. Sudah tentu mencegah perkara yang buruk ini perlu dilakukan.

NAS-NAS HADITH YANG DIASASKAN KEPADA 'URUF DAPAT BERUBAH

Antara yang dapat dimasukkan dalam perbincangan yang telah lalu ialah melihat kepada nas yang diasaskan kepada *'uruf* (adat kebiasaan) yang terdapat pada zaman Nabi. Kemudian *'uruf* itu berubah pada zaman ini maka tidak menjadi kesalahan jika dilihat pada maksud nas Hadith tanpa berpegang kepada nas itu secara literal (*harfi*).

Dalam masalah ini para ulama mengetahui pendapat Imam Abu Yusuf mengenai perkara-perkara yang ada riba yang disebut oleh Hadith, "Gandum dengan gandum, sesukat sama dengan sesukat." Begitu juga dengan sya'ir (bijirin), tamar dan garam. Adapun emas dan perak, Baginda menyebut dengan, "Timbang dengan timbang."

Abu Yusuf berpendapat, sesuatu daripada perkara di atas menggunakan sukatan atau timbangan adalah diasaskan kepada *'uruf*. Ia berubah dan orang ramai menjual tamar atau garam dengan cara timbang bukan sukat, seperti yang berlaku sekarang maka hendaklah kita berpegang kepada *'uruf* yang baru. Seseorang itu boleh menjual tamar dengan timbang sekalipun berbeza sukatannya.

Pendapat ini bertentangan dengan pendapat Imam Abu Hanifah sebagaimana terdapat di dalam kitab-kitab madh-

hab Hanafi, bahawa sesuatu yang telah dinaskan oleh Rasulullah s.a.w. haram melebih atau mengurang secara sukat maka pengharaman itu adalah pada yang disukat, sekalipun orang ramai telah tidak menggunakan penyukat lagi. Begitu juga telah dinaskan haram melebih atau mengurang secara timbang maka pengharaman itu adalah pada yang ditimbang, sekalipun orang ramai telah meninggalkan jualan secara timbangan.

Menurut pendapat ini, tamar, garam, gandum buah dan gandum (sya'ir) mestilah disukat selama-lamanya hingga hari kiamat. Ini tentulah menyusahkan orang ramai sedangkan itu bukan matlamat syarak, oleh kerana itu pendapat yang benar ialah pendapat Abu Yusuf.

Satu daripada beberapa contoh yang menunjukkan bahawa nas itu kadangkala diasaskan kepada *'uruf* kemudian berubah ialah ketika Rasulullah s.a.w. telah menetapkan dua *nisab* bagi zakat wang. Pertama, dengan perak, kadarnya ialah sebanyak 200 dirham iaitu 595 gram. Kedua, dengan emas kadarnya ialah 20 *mithqal* atau dinar iaitu 85 gram. Ketika itu nilai satu dinar ialah 10 dirham.

Saya telah menjelaskan di dalam kitab saya *Fiqh al-Zakat* bahawa Rasulullah s.a.w. tidak bermaksud mengadakan dua *nisab* yang berbeza bagi zakat, bahkan satu *nisab* sahaja. Sesiapa yang memiliki *nisab* itu dianggap kaya dan wajib mengeluarkan zakat. Baginda menetapkan dua jenis mata wang itu kerana dua jenis itulah yang digunakan pada masa itu. Penetapan kadar itu adalah berasaskan *'uruf* yang berlaku pada masa itu. *Nisab* yang ditetapkan adalah sama banyak iaitu 200 dirham.

Pada zaman kita ini sekiranya keadaan berubah, nilai perak turun dengan teruk berbanding dengan emas maka tidak boleh lagi kita tetapkan *nisab* bagi kedua-duanya kerana nilainya amat berbeza. Misalnya, kita katakan *nisab* wang emas 85 gram dan *nisab* wang perak 595 gram, sedangkan nilai emas berlipat kali ganda berbanding dengan nilai perak. Jadi, tentu tidak munasabah jika kita berkata kepada seorang yang memiliki wang Dinar Jordan atau Pound Mesir, "Engkau ini kaya jika dikira nilai wang

engkau ini dengan perak," sedangkan kepada orang yang memiliki berkali-kali ganda banyaknya dari jumlah wang tersebut kita katakan, "Engkau ini miskin jika dikira nilai wang engkau ini dengan emas."

Untuk mengelakkan daripada berlaku perkara seperti ini, hendaklah kita tetapkan satu *nisab* sahaja bagi wang, dengan itu dapat kita ketahui had minimum bagi seseorang yang dianggap kaya oleh syarak dan wajib mengeluarkan zakat. Inilah pendapat Syaykh Abd al-Wahhab Khallaf dan Syaykh Abd al-Rahman Hasan rahimahullah ketika mereka menyampaikan ceramah mengenai zakat di Damsyik, Syria, pada tahun 1952. Mereka telah menetapkan dengan *nisab* emas sahaja.

Pendapat inilah yang saya pilih dan saya sokong dalam kajian saya mengenai zakat.[82]

PERUBAHAN AL-'AQILAH PADA ZAMAN 'UMAR IBN AL-KHATTAB R.A.

Satu daripada contoh yang diasaskan kepada *'uruf* semasa, kemudian berubah selepas itu ialah Rasulullah s.a.w. telah menetapkan *diyat* bagi orang yang membunuh dengan tidak sengaja dan yang menyerupai sengaja adalah kepada *'aqilah*, iaitu *'asabah* (keluarga terdekat) lelaki yang membunuh. Sesetengah fuqaha' berpegang kepada zahir Hadith tersebut dan mereka telah mewajibkan *'aqilah* adalah kepada *'asabah* selama-lamanya. Mereka tidak melihat bahawa Rasulullah s.a.w. menetapkan hukum kepada *'asabah* adalah kerana pada masa itu mereka merupakan pembantu dan penolong.

Sesetengah fuqaha' lain seperti Abu Hanifah mempunyai pendapat yang berbeza bersandarkan apa yang telah dilakukan oleh 'Umar r.a. yang telah menggantikan tempat *'aqilah* itu kepada *Ahli Diwan* (kumpulan tentera). Ibn Taymiyyah telah membahaskan perkara ini di dalam kitabnya, *al-Fatawa*, katanya, "Rasulullah s.a.w. menetap-

---

[82]Lihat: *Fiqh al-Zakat*, jilid 1, hlm. 261-265.

kan *diyat* kepada *'aqilah* iaitu orang yang memberi pertolongan dan bantuan kepada seseorang pada masa Baginda ialah ahli *'asabah*nya, tetapi pada zaman 'Umar r.a. mereka yang memberi pertolongan dan bantuan adalah *Ahli Diwan*.

Oleh kerana itu, para fuqaha' telah berbeza pendapat berasaskan peranan *'aqilah* itu, apakah mereka ditetapkan oleh syarak atau mereka menolong dan membantu seseorang dengan tidak ditetapkan. Ulama yang berpegang kepada pendapat pertama tidak memindah *diyat* itu daripada kaum keluarga kerana mereka itulah *'aqilah* pada zaman Rasulullah s.a.w. Adapun ulama yang berpegang kepada pendapat kedua mengatakan *'aqilah* itu pada setiap tempat dan masa adalah kepada orang yang memberi pertolongan dan bantuan kepada seseorang. Oleh kerana pada zaman Baginda, yang memberi pertolongan dan bantuan kepada seseorang itu ialah kaum kerabatnya maka *'aqilah* adalah kepada mereka, kerana pada masa itu belum lagi wujud *Diwan*.

Setelah 'Umar r.a. mengadakan *Diwan* maka setiap tentera bagi setiap bandar bantu-membantu dan tolong-menolong di antara satu dengan yang lain sekalipun mereka itu bukan keluarga. Merekalah yang dianggap sebagai *'aqilah*. Inilah pendapat yang lebih sahih di antara dua pendapat itu. Jadi, *'aqilah* itu berubah mengikut keadaan.

Jika seseorang itu tinggal di daerah sebelah barat dan di sana terdapat orang yang membantu dan menolongnya maka bagaimana *'aqilah*nya orang yang tinggal di daerah sebelah timur di bawah pemerintahan lain, sekalipun mereka itu kaum kerabatnya? Mungkin khabar beritanya telah terputus daripada mereka, sedangkan segala warisan itu boleh disimpan untuk orang yang jauh. Rasulullah s.a.w. telah menetapkan hukum kepada wanita yang membunuh bahawa *'aqilah*nya kepada *'asabah*nya dan warisannya untuk suami dan anaknya. Jelaslah bahawa ahli waris bukan *'aqilah*."[83]

---

[83]*Majmu' Fatawa*, Ibn Taymiyyah, jilid 19, hlm. 255 dan 256.

MENGENAI ZAKAT FITRAH

Kita telah maklumi bahawa Rasulullah s.a.w. mengeluarkan zakat fitrah dan Baginda menyuruh supaya dikeluarkan zakat fitrah itu selepas sembahyang subuh, dan sebelum sembahyang Hari Raya Puasa.

Pada ketika itu masa memang mencukupi untuk mengeluarkan zakat dan menyampaikannya kepada yang berhak kerana masyarakat pada ketika itu masih kecil dan mereka tidak mempunyai sebarang masalah untuk mengenali orang-orang yang memerlukan zakat kerana rumah mereka berdekatan.

Keadaan ini berubah pada zaman Sahabat kerana masyarakat kian meluas, rumah-rumah mereka telah berjauhan, penduduk telah bertambah banyak maka masa di antara sembahyang subuh dengan sembahyang Hari Raya sudah tidak cukup untuk mengeluarkan zakat dan menyampaikannya kepada yang berhak. Oleh kerana itu mereka mengeluarkan zakat fitrah sehari atau dua hari sebelum Hari Raya.

Pada zaman para imam yang menjadi ikutan, terdiri daripada para fuqaha' mujtahidin, masyarakat telah bertambah besar dan bertambah *complicated.* Mereka mengharuskan mengeluarkan zakat pada pertengahan bulan Ramadan seperti dalam madhhab Hanbali, dan pada awal bulan Ramadan seperti dalam madhhab Syafi'i.

Para ulama juga tidak membataskan makanan yang dikelaskan zakat hanya pada yang dinaskan oleh Hadith-Hadith sahaja bahkan mereka mengkiaskan juga pada makanan yang utama pada sesebuah negeri. Bahkan sesetengah ulama mengharuskan untuk dikeluarkan zakat dengan harga terutamanya jika itu lebih memberi manfaat kepada orang fakir. Ini adalah madhhab Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya kerana maksud mengeluarkan zakat adalah untuk memberi kesenangan kepada orang miskin pada hari yang mulia itu. Sedangkan maksud itu dapat dicapai dengan nilai wang. Kadangkala mengeluarkan zakat dengan wang lebih menepati matlamat daripada

makanan terutamanya pada zaman kita ini. Hal ini menepati maksud Hadith dan melaksanakan tuntutannya. Inilah yang dikatakan *fiqh* yang sebenar.

AL-SUNNAH ANTARA LAFAZ DAN ROH ATAU ANTARA ZAHIR DAN MATLAMAT

Kadangkala dengan semata-mata berpegang kepada al-Sunnah secara *harfi*, seseorang itu tidak dapat melaksanakan roh dan tujuan al-Sunnah, bahkan dia menentang al-Sunnah sekalipun pada zahirnya dia berpegang kepadanya. Sebagai contoh, orang yang terlalu berkeras tidak mahu mengeluarkan zakat dengan nilai wang sedangkan cara itu telah ditetapkan oleh madhhab Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya yang juga merupakan pendapat 'Umar bin 'Abd al-Aziz dan lain-lain dari *Fuqaha' al-Salaf*.

Mereka itu berhujah bahawa Rasulullah s.a.w. mewajibkan zakat itu pada jenis-jenis makanan yang tertentu iaitu tamar, kismis, gandum dan sya'ir. Oleh itu, kita mestilah berpegang kepada apa yang telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. Sebenarnya, kita tidak boleh menentang al-Sunnah dengan hanya berpegang kepada pendapat (*al-ra'y*) sahaja.

Sebenarnya, sekiranya mereka meneliti secara mendalam nescaya mereka dapati bahawa mereka telah menentang Rasulullah s.a.w. sekalipun pada zahirnya mereka mengikutnya. Maksudnya, mereka telah berpegang kepada jasad al-Sunnah tetapi mereka telah meninggalkan rohnya. Rasulullah s.a.w. menyuruh para Sahabat mengeluarkan zakat pada benda-benda tersebut kerana meraikan keadaan yang ada pada masa itu lalu Baginda mewajibkan zakat fitrah pada makanan yang dimakan oleh orang ramai pada masa itu. Ini akan memudahkan kepada si pengeluar zakat dan lebih memberi manfaat kepada orang yang menerimanya.

Pada masa itu wang lebih sukar didapati oleh orang-orang Arab khususnya bagi orang-orang kampung, sedangkan mengeluarkan zakat makanan adalah lebih

mudah bagi mereka dan orang-orang miskin pula memerlukannya. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. menyuruh mereka mengeluarkan zakat daripada benda yang mudah bagi mereka. Dengan itu, Baginda memberi kemudahan mengeluarkan zakat *al-aqt* iaitu susu kering yang telah dibuang kejunya, bagi orang yang memilikinya dan mudah mengeluarkannya, seperti pemilik unta, kambing dan lembu bagi penduduk kampung.

Apabila keadaan berubah, dan wang mudah didapati, sedangkan makanan berbeza keadaannya, atau orang fakir tidak memerlukan makanan pada Hari Raya tetapi apa yang diperlukan oleh mereka ialah perkara lain untuk diri dan keluarganya, maka ketika itu penggunaan wang adalah lebih mudah dan lebih memberi manfaat kepada yang menerima. Perbuatan ini adalah dikira beramal dengan roh ajaran Rasulullah s.a.w.

Jika hendak semata-mata beramal dengan *zahir nas*, maka kita ambil contoh sebuah bandar seperti Kaherah yang mempunyai penduduk lebih daripada 10 juta orang Islam. Jika mereka dikehendaki mengeluarkan 10 juta cupak gandum *qamh* atau gandum *sya'ir* atau mereka dikehendaki mengeluarkan tamar atau kismis, maka dari manakah mereka hendak memperolehnya? Ini adalah amat menyusahkan mereka untuk memperoleh bahan-bahan itu dari merata-rata kampung. Allah s.w.t. telah menghilangkan kesusahan dalam agama-Nya. Allah s.w.t. menghendaki kemudahan kepada hamba-Nya – bukan kesusahan.

Kalaupun mereka boleh mendapati jenis-jenis gandum itu dengan mudah tetapi apalah gunanya kepada orang fakir kerana gandum-gandum jenis itu belum menjadi roti yang memerlukan kepada kisaran, diuli sehingga menjadi roti. Tidakkah lebih baik mereka membeli sahaja roti dari kedai?

Kita akan menyusahkan orang fakir sekiranya kita berikan mereka biji-biji gandum *qamh* dan *sya'ir* kerana mereka terpaksa menjualnya dan siapa pula yang akan membelinya? Sedangkan orang di sekeliling mereka tidak memerlukan biji gandum.

Ada orang yang memberitahu saya bahawa ulama-ulama di negeri tempat mereka tinggal menegah mereka mengeluarkan zakat dengan wang. Mereka yang hendak mengeluarkan zakat akan membeli satu cupak tamar atau satu cupak beras dengan harga 10 ringgit misalnya, kemudian orang itu memberikannya kepada orang fakir selepas itu orang fakir itu pula menjualnya kepada tuan kedai yang sama, dengan harga tujuh atau lapan ringgit.

Sebenarnya apa yang diperlukan oleh orang fakir ialah wang. Dia akan mendapat nilai zakat yang lebih sekiranya orang yang mengeluarkan zakat itu terus memberikan wang kepadanya. Dialah yang menanggung kerugian perbezaan di antara harga yang dibeli oleh orang yang mengeluarkan zakat, dengan harga yang dijualnya. Persoalannya, adakah syari'at itu hanya merupakan "rupa bentuk" sehingga ke tahap ini?

Adakah dengan menyusahkan manusia sampai ke tahap ini dinamakan benar-benar mengikut al-Sunnah? Atau itu sebenarnya suatu penentangan terhadap roh al-Sunnah yang sentiasa berseru, "Hendaklah kamu memudahkan, jangan menyusahkan."

Satu soalan lagi kepada mereka yang enggan mengeluarkan zakat fitrah dengan wang, kenapa mereka mengharuskan pengeluaran zakat daripada makanan yang tidak ada dalam nas Hadith, apabila makanan itu merupakan makanan asasi sesebuah negeri? *Ta'wil* kepada nas atau *qiyas* kepada nas yang diterima dan diikuti daripada imam-imam mereka, kenapa mereka tidak persoalkan? Ya, pada pandangan kami, itu adalah *qiyas* yang *sahih* dan *ta'wil* yang boleh diterima.

Persoalannya, mengapa mereka menolak zakat fitrah dengan wang, sedangkan tujuannya adalah untuk mengelakkan orang-orang miskin daripada meminta-minta pada Hari Raya. Tidakkah dengan mengeluarkan zakat dengan wang lebih berhasil maksud daripada mengeluarkan zakat dengan makanan?

MEMBEZAKAN DI ANTARA WASILAH YANG DAPAT BERUBAH DENGAN TUJUAN YANG TETAP BAGI SESEBUAH HADITH

Salah satu daripada sebab kesilapan untuk memahami al-Sunnah ialah terdapat sesetengah orang yang tidak membezakan di antara matlamat dan tujuan yang tetap, yang merupakan matlamat bagi sesebuah Hadith dengan *wasilah* yang sementara yang ada kaitan dengan sesuatu tempat yang bertujuan untuk menyampaikan kepada matlamat tersebut. Mereka ini hanya menumpukan kepada *wasilah* yang seolah-olahnya ia merupakan matlamat, sedangkan bagi orang yang benar-benar faham *al-Sunnah* dan hikmat-hikmatnya, apa yang penting adalah matlamat, iaitu yang tetap dan kekal sedangkan *wasilah* boleh berubah mengikut tempat, masa, adat dan lain-lain.

Ini dapat kita lihat pada mereka yang membelajari al-Sunnah yang berkaitan dengan perubatan menurut Rasulullah s.a.w. (*al-tibb al-Nabawi*) mereka hanya menumpukan kepada ubat, makanan, akar-akar, biji-bijian dan lain-lain yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk mengubati sesetengah penyakit pada badan.

Mereka mengemukakan beberapa Hadith Masyhur seperti Hadith:

" خير ما تداويتم به الحجامة "

Terjemahan: *Sebaik-baik yang kamu gunakan untuk berubat ialah berbekam.*

" خير ما تداويتم به الحجامة والقسط البحرى "

Terjemahan: *Sebaik-baik yang kamu gunakan untuk berubat ialah berbekam dan al-qist al-bahri.*

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Nasa'i daripada Anas.

" عليكم بهذا العود الهندى فان فيه سبعة أ شفية "

Terjemahan: *Hendaklah kamu menggunakan al-'Ud al-Hindi kerana padanya terdapat tujuh penyem-buhan.*[84]

" عليكم بهذه الحبة السوداء ، فان فيها شفاء من كل داء، الا السام وهوالموت "

Terjemahan: *Hendaklah kamu menggunakan lada hitam kerana padanya terdapat penyembuhan daripada sebarang penyakit kecuali al-Sam iaitu maut.*[85]

" فى الحبة السوداء شفاء من كل داء الا السام [أى الموت]

Terjemahan: *Terdapat pada al-Habbah al-Sawda' penyembuhan daripada sebarang penyakit kecuali mati.*[86]

" اكتحلوا بالاثمد، فانه يجلو البصر، وينبت الشعر"

Terjemahan: *Hendaklah kamu bercelak dengan al-ithmid kerana ia menerangkan penglihatan dan menumbuhkan rambut.*[87]

---

[84]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Umm Qays di dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir.*

[85]Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Ibn 'Umar. Juga diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan Ibn Hibban, daripada Abu Hurayrah dan Ahmad, daripada 'A'isyah. Rujuk, *Sahih al-Jami' al-Saghir.*

[86]Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam *Sahih* kedua-duanya. Terdapat dalam *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan,* Hadith nombor 1430.

[87]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada Ibn 'Abbas. Menurut al-Tirmidhi, Hadith ini adalah Hadith Hasan Gharib.

Pada pendapat saya, apa yang disebut dalam Hadith-Hadith ini dan yang seumpamanya bukanlah merupakan roh perubatan Nabi (*al-Tibb al-Nabawi*) tetapi rohnya ialah pengajaran kesihatan dan kehidupan manusia, menjaga keselamatan dan kekuatan jasad. Selain itu, ialah kewajipan untuk berehat apabila penat, makan apabila lapar, berubat apabila sakit, kerana berubat tidak sekali-kali bertentangan dengan beriman kepada Qada' dan Qadar dan tidak bertentangan dengan tawakal kepada Allah s.w.t., kerana bagi setiap penyakit ada ubatnya. Mengakui Sunnatullah tentang adanya jangkitan penyakit, mengadakan kawalan untuk kesihatan, mengambil berat tentang kebersihan manusia, kebersihan rumah dan tempat tinggal serta kebersihan jalan. Larangan mengotorkan air dan bumi, mengawal penyakit sebelum berubat, diharamkan memakan atau meminum sesuatu yang memudaratkan seperti meminum sesuatu yang memabukkan dan memakan sesuatu yang mendatangkan bahaya, dilarang merosakkan badan sekalipun untuk beribadat kepada Allah s.w.t., disyari'atkan *rukhsah* untuk memelihara badan, dituntut menjaga kesihatan diri baik zahir dan batin dan lain-lain yang menunjukkan kepada hakikat perubatan Rasulullah s.a.w. yang sesuai bagi setiap masa dan tempat.

Setiap cara berubah dari satu masa ke satu masa, dari satu keadaan kepada satu keadaan, oleh itu apabila terdapat nas mengenai salah satu daripada cara-cara tersebut, itu adalah untuk menjelaskan cara yang sesuai pada masa itu dan tidak sekali-kali kita hanya terikat kepadanya.

Bahkan sekiranya kita mendapati satu nas al-Qur'an yang menjelaskan satu cara yang sesuai bagi satu tempat atau satu masa, ini tidak sekali-kali bererti kita hanya menggunakan cara itu sahaja dan tidak boleh memikirkan cara lain yang lebih canggih, sesuai dengan zaman dan tempat. Tidakkah al-Qur'an telah menyatakan:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ

Terjemahan: *Hendaklah kamu menyediakan kekuatan dan kelengkapan berkuda semampu kamu untuk menentang mereka dengannya, kamu dapat menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan yang lain dari mereka.*

(*Surah al-Anfal 8:60*)

Dalam hal ini, tidak seorang pun yang mengambil fahaman bahawa membuat persediaan untuk menentang musuh hanyalah dengan kuda kerana hendak mengikut nas al-Qur'an, tetapi orang yang waras dan faham bahasa Arab serta faham syarak akan mengatakan bahawa 'kuda' pada zaman ini ialah senjata moden seperti kereta kebal, kereta perisai dan lain-lain.

Nas-nas yang menyatakan kelebihan kuda dan pahalanya yang besar seperti Hadith:

" الخيل معقود بنواصيها الخير الى يوم القيامة : المغنم والأجر"

Terjemahan: *Terikat pada leher kuda itu kebaikan hingga hari kiamat iaitu mendapat kemenangan (ghanimah) dan pahala.*

sepatutnya didapati pada alat-alat moden yang menggantikan tempat kuda bahkan alat-alat moden ini lebih mengatasi kuda berlipat kali ganda. Begitu juga dengan Hadith yang menyatakan kelebihan memanah:

" من رمى بسهم فى سبيل الله فله كذا وكذا "

Terjemahan: *Sesiapa yang memanah dengan satu batang anak panah kerana perang pada jalan Allah ia akan mendapat pahala begini-begini.*

Ini juga termasuk orang yang menggunakan senapang automatik, meriam, roket dan senjata-senjata moden yang lain.

Saya percaya Rasulullah s.a.w. menentukan kayu siwak untuk membersihkan gigi adalah termasuk dalam bahasan ini. Maksudnya ialah untuk membersihkan mulut supaya disukai Allah s.w.t., sebagaimana yang disebut di dalam Hadith:

" السواك مطهرة للفم مرضاة للرب "

Terjemahan: *Bersiwak itu membersihkan mulut dan mendatangkan keredaan Allah.*

Persoalannya, adakah siwak itu yang dimaksudkan oleh Hadith atau kerana kayu itu boleh didapati dengan mudah di negeri Arab pada masa itu? Rasulullah s.a.w. menerangkan sesuatu yang dapat menyampaikan kepada tujuan dan benda itu tidak menyusahkan. Di negara yang tidak mudah untuk mendapatkan kayu itu, bolehlah digunakan alat lain, yang dapat dibuat bagi menampung keperluan jutaan manusia, contohnya seperti berus gigi.

Perkara seumpama ini telah diperkatakan oleh para fuqaha'. Tersebut di dalam kitab *Hidayah al-Raghib*, fiqh Hanbali, alat yang digunakan untuk menggosok gigi itu boleh dari kayu *arak*, *arjun*, *zaitun* dan lain-lain, yang tidak melukakan, tidak mudarat dan tidak hancur.

Makruh menggunakan alat-alat yang mendatangkan mudarat seperti kayu rumah, *rihan*, *tarfa'* dan yang seumpamanya. Orang yang tidak menggunakan alat yang ada batang tidak mengikut al-Sunnah. Syaykh Abdullah al-Bassam telah memetik pendapat Imam Nawawi, "Seseorang yang bersiwak dengan apa jenis alat pun yang dapat menghilangkan bau mulut dapat dinamakan bersiwak, seperti menggunakan perca dan jari tangan, sepertimana dinyatakan dalam madhhab Abu Hanifah."

Di dalam kitab *al-Mughni* ada disebut, "Sekiranya seseorang itu tidak dapat beramal dengan keseluruhan al-Sunnah maka janganlah dia meninggalkan keseluruhannya. Inilah pendapat yang sahih."[88]

---

[88]Syaykh Abdullah al-Bassam, *Nayl al-Ma'arib*, jilid 1, hlm. 40.

Dengan ini dapat kita ketahui bahawa pada zaman ini berus dan ubat gigi boleh menggantikan kayu *arak* untuk digunakan di rumah kita selepas makan dan ketika hendak tidur.

Termasuk dalam perbahasan ini juga ialah Hadith-Hadith yang berkaitan dengan adab makan, kelebihan menjilat pinggan, jari tangan dan yang seumpamanya.

Imam Nawawi di dalam kitabnya, *Riyad al-Salihin*, ada menyebut beberapa buah Hadith mengenai perkara ini. Antaranya Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Ibn Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

" اذا أكل أحدكم طعاما، فلايمسح أصابعه حتى يلعقها أويلعقها "

Terjemahan: *Apabila seseorang daripada kamu makan makanan, maka janganlah menyapu jari-jari tangannya sehingga terlebih dahulu ia menjilatnya/mengulumnya.*[89]

Imam Muslim ada meriwayatkan daripada Ka'ab bin Malik r.a. katanya:

" رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يأكل بثلاث أصابع ، فاذا فرغ لعقها "

Terjemahan: *Aku melihat Rasulullah s.a.w. makan dengan tiga jarinya. Apabila Baginda selesai makan Baginda menjilatnya/mengulumnya.*[90]

Muslim juga meriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya dijilat jari-jari tangan dan pinggan seraya bersabda:

" انكم لا تدرون فى أى طعامكم البركة "

---

[89]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*. Hadith nombor 1320.

[90]Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim di dalam *Sahih Muslim*, Hadith nombor 2032.

Terjemahan: *Kamu tidak tahu yang mana satu makanan kamu mempunyai berkat.*[91]

Daripada Anas r.a. katanya:

" رسول الله صلى الله عليه وسلم اذا أكل طعاما لعق أصابعه الثلاث "

Terjemahan: *Rasulullah s.a.w. apabila Baginda makan, Baginda menjilat tiga jarinya.*

dan sabdanya:

" اذا سقطت لقمة أحدكم فليأخذها وليمط عنها الأذى ، وليأكلها ولايدعها للشيطان ، وأمرنا أن نسلت القصعة [أى تمسحها] "

Terjemahan: *Apabila makanan seseorang daripada kamu jatuh maka hendaklah kamu mengambilnya dan hendaklah membuang kekotoran yang ada padanya, lepas itu hendaklah memakannya dan janganlah memberi peluang kepada syaitan mendapatkannya.*

Baginda juga menyuruh para Sahabat membersihkan pinggan dan bersabda:

" انكم لاتدرون فى أى طعامكم البركة "

Terjemahan: *Kamu tidak tahu yang mana satu makanan kamu mempunyai berkat.*[92]

Orang yang semata-mata melihat kepada lafaz Hadith ini akan memahami bahawa beramal dengan *Sunnah Nabawiyyah* adalah dengan makan dengan tiga jari tangan, menjilat jari selepas makan dan menjilat atau menyapu pinggan setelah makan. Apabila dia melihat orang makan dengan sudu dan garpu dia akan berasa jijik dan benci

---

[91]*Ibid.*, nombor 2033.
[92]*Ibid.*, nombor 2034.

kerana menurut pandangannya perbuatan ini bertentangan dengan al-Sunnah dan menyerupai orang kafir. Sebenarnya pengajaran yang didapati daripada Hadith-Hadith di atas ialah Rasulullah s.a.w. adalah amat *tawadu'*, menghargai nikmat makanan yang dikurniakan oleh Allah, mengajar dengan bersungguh-sungguh supaya nikmat itu tidak terbuang dengan sia-sia, seperti makanan yang masih tinggal di pinggan dan makanan yang terjatuh.

Sesetengah orang tidak mahu berbuat demikian kerana hendak menunjukkan mereka itu kaya dan mewah dan supaya mereka itu tidak dianggap seperti orang miskin dan papa yang terpaksa berbuat demikian.

Rasulullah s.a.w. menganggap meninggalkan makanan adalah memberi peluang kepada syaitan. Ajaran Baginda s.a.w. itu merupakan pendidikan jiwa, akhlak dan sekaligus pendidikan dari segi ekonomi. Jika ajaran Rasulullah s.a.w. itu diamalkan nescaya kita tidak akan melihat setiap kali makan, atau setiap hari, makanan akan dicampakkan ke bakul sampah. Jika dikumpul dari seluruh umat Islam jumlahnya bernilai berjuta ringgit setiap hari, maka berapa banyakkah dalam masa sebulan, apatah lagi dalam masa setahun?

Inilah ajaran yang terkandung dalam Hadith di atas.

Mungkin terdapat orang yang tidak mahu duduk di atas kerusi, hanya duduk di atas lantai atau di tanah sahaja, tidak mahu makan dengan sudu dan garpu, hanya dengan tangan sahaja, kemudian menjilatnya kerana mengikut lafaz al-Sunnah. Sebenarnya cara itu tidak bersifat *tawadu'*, tidak menunjukkan sebagai seorang yang *syukur* dan tidak menunjukkan akhlak yang baik dalam menggunakan nikmat makanan, sedangkan inilah yang merupakan matlamat utama kepada adab-adab makan.

Antara perkara yang amat menghairankan pernah saya dengar ialah apa yang diceritakan oleh seorang ulama kepada saya ketika beliau pergi ke sesetengah negara Islam di Asia, beliau mendapati dalam bilik air mereka banyak batu kecil. Beliau pun bertanya kepada mereka, untuk apakah batu-batu itu? Mereka menjawab, kita gunakan

untuk *istinjak* kerana menghidupkan al-Sunnah. Kalau begitu mereka kenalah menghampar masjid dengan kulit tamar, atau membuat atap dengan daun tamar, malah memakai pelita, kerana hendak menghidupkan al-Sunnah! Sedangkan masjid mereka dihiasi dengan sejadah dan lampu yang mahal-mahal.

TIMBANGAN MAKKAH DAN SUKATAN MADINAH

Hadith mengenai perkara ini ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

" الوزن وزن أهل مكة ، والميكال مكيال أهل المدينة "

Terjemahan: *Dalam hal timbangan ikutilah timbangan penduduk Makkah dan dalam hal sukatan ikutilah sukatan penduduk Madinah.*[93]

Jika kita menggunakan bahasa moden, Hadith ini mengandungi pengajaran yang terkehadapan dinisbahkan kepada zaman Hadith ini diucapkan. Matlamat pengajaran Hadith ini untuk menyatukan timbangan dan sukatan yang digunakan oleh orang ramai dalam jual beli dan perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan pengukuran barang. Ini adalah merujuk kepada alat ukuran yang paling tepat yang digunakan oleh manusia pada zaman itu.

Memandangkan bahawa penduduk Makkah adalah ahli perniagaan mereka menggunakan emas dan perak dalam berjual beli. Ukuran yang penting dalam timbangan ialah menggunakan *'awqiyyah, mithqal, dirham, daniq* dan lain-lain. Memang merupakan matlamat mereka untuk menjadikan ukuran-ukuran mereka ini tepat. Oleh itu, tidaklah hairanlah jika ukuran mereka itu dijadikan ukuran yang muktamad dan menjadi rujukan kepada semua, ketika mereka bertengkar. Maka tidak hairanlah Rasulullah s.a.w. menjelaskan, maksudnya: *"Dalam hal timbangan ikutlah timbangan penduduk Makkah."*

---

[93]Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Dawud, di dalam kitab, *"al-Buyu'"*, Hadith nombor 3340.

Begitu juga, apabila penduduk Madinah yang merupakan petani, memiliki biji-bijian dan buah-buahan, mereka berusaha sedaya upaya supaya sukatan mereka, cupak, gantang dan lain-lain tepat, untuk menyukat hasil tanaman mereka, seperti buah kurma dan anggur. Apabila mereka berjual beli mereka menggunakan sukatan. Jadi tidak hairanlah jika Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya menggunakan sukatan mereka (Madinah).

Apa yang perlu dijelaskan di sini ialah Rasulullah s.a.w. menetapkan timbangan penduduk Makkah dan sukatan penduduk Madinah itu tidak lebih dari hanya alat untuk mengetahui ketepatan sahaja. Alat itu boleh berubah mengikut keadaan masa dan tempat. Ia bukan merupakan perkara *ta'abbudi* yang tetap dan tidak boleh berubah.

Dengan ini jelas bagi orang yang berakal bahawa matlamat Hadith di atas adalah untuk menyatukan ukuran yang tepat yang diketahui oleh manusia pada masa itu.

Pada zaman ini orang-orang Islam tidak teragak-agak tentang pengharusan menggunakan ukuran-ukuran lain yang tepat dan mudah seperti kilogram, dan ini tidak sekali-kali dianggap bertentangan dengan Hadith. Oleh itu, orang-orang Islam telah menggunakannya dan tidak ada seorang pun yang menentang.

Begitu juga menggunakan ukuran matrik untuk mengetahui panjang sesuatu. Matlamat kesemua ini adalah untuk mengetahui ketepatan dan penyatuan yang digunakan oleh orang ramai. "Hikmah itu adalah sesuatu yang sentiasa dicari oleh orang mukmin, apabila dia mendapatinya dia adalah lebih berhak dengannya."

MELIHAT ANAK BULAN UNTUK MENGETAHUI AWAL BULAN

Perbincangan yang sama juga ialah mengenai melihat anak bulan untuk mengetahui masuk bulan yang lain berdasarkan Hadith Sahih yang masyhur:

" صوموا لرؤيتة [أى الهلال] وأفطروا لرؤيته، فان غم عليكم فأقدروا له "

Terjemahan: *Hendaklah kamu berpuasa kerana melihat anak bulan dan hendaklah kamu berbuka kerana melihatnya. Jika anak bulan itu terlindung dari kamu hendaklah kamu perkirakan.*

Dalam Hadith yang lain Baginda bersabda:

" فان غم عليكم فأكملوا عدة شعبان ثلاثين "

Terjemahan: *Maka jika anak bulan itu terselindung dari kamu hendaklah kamu genapkan bilangan bulan Sya'ban tiga puluh hari.*

Dalam masalah ini seorang faqih boleh berkata Hadith ini menunjukkan satu matlamat dan menentukan cara.

Matlamat Hadith ini jelas iaitu supaya orang-orang Islam berpuasa sepanjang bulan Ramadan dan jangan ada yang tertinggal, atau jangan mereka berpuasa sekalipun satu hari pada bulan yang lain, sama ada dalam bulan Sya'ban atau Syawal. Baginda telah menunjukkan masuknya sesuatu bulan dan habisnya sesuatu bulan dengan cara yang dapat difahami oleh orang ramai dan tidak menyusahkan mereka dalam agama.

Ru'yah dengan mata merupakan cara yang mudah dan mampu dilakukan oleh orang ramai pada masa itu. Oleh kerana itu Hadith telah menentukan cara itu. Jika Rasulullah s.a.w. menyuruh mereka menggunakan cara lain seperti menggunakan hisab sedangkan umat ketika itu masih *ummi*, tidak tahu menulis dan membaca, nescaya menyusahkan mereka, sedangkan Allah s.w.t. menghendakkan kepada umat ini kemudahan bukan kesusahan. Rasulullah s.a.w. juga telah menyifatkan dirinya:

" ان الله بعثنى معلما ميسرا ، ولم يبعثنى معنتا "

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah mengutuskan aku sebagai guru yang memberi kemudahan, dan Dia*

tidak mengutuskan aku sebagai orang yang keras dan kasar.[94]

Sekarang telah terdapat cara lain yang lebih tepat kepada maksud Hadith di atas dan jauh daripada berlaku kesilapan dan pendustaan untuk mengetahui awal bulan; caranya pula mudah dan senang didapati, dan dalam keupayaan umat, kerana telah terdapat banyak pakar ilmu falak, geologi dan fizik. Ilmu mereka dalam bidang ini sudah sampai ke taraf antarabangsa, zaman ini manusia sudah sampai ke bulan dan telah membuat kajian mengenainya. Jika beginilah keadaannya maka mengapa kita masih tidak bergerak dari cara lama ini sedangkan cara bukanlah merupakan tujuan, dan kita telah melupakan matlamat yang dituntut oleh Hadith?

Jika Hadith Rasulullah s.a.w. memperakui bermulanya awal bulan baru hanya dengan pengakuan seorang atau dua orang yang mengaku melihat anak bulan dengan cara penglihatan mata, memandangkan pada masa itu cara inilah yang boleh dilakukan dan yang sesuai, maka bagaimana pula Baginda boleh menolak cara yang lebih tepat yang tidak boleh berlaku sebarang kesilapan atau pendustaan? Cara ini telah sampai ke peringkat yakin. Cara ini juga dapat menyamakan semua umat Islam di barat atau di timur. Cara ini juga dapat menghindarkan perbezaan sehingga tiga hari di antara sebuah negara dengan negara yang lain tentang tarikh mula berpuasa dan berhari raya.[95] Perkara seperti ini sepatutnya tidak berlaku sama ada menurut kaca mata ilmu atau kaca mata agama. Tidak boleh diputuskan hanya satu sahaja yang betul dan yang lain salah tanpa dibahaskan terlebih dahulu.

---

[94]Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dan lain-lain.

[95]Pada bulan Ramadan tahun ini (1409H), permulaannya bertepatan dengan 6 April 1989, hari Khamis bagi negara-negara Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Bahrain dan Tunisia. Manakala di Mesir, Jordan, 'Iraq, Algeria dan Maghribi permulaan Ramadan jatuh pada hari Jumaat. Sedangkan di Pakistan, India, Oman, Iran dan lain-lain, mereka menetapkan awal Ramadan pada hari Sabtu!

Menggunakan cara *hisab* yang diyakini benar bagi mengetahui masuk sesuatu bulan adalah merupakan perkara yang wajib diterima sebagai *Qiyas Awlawi*, dengan erti kata, bahawa al-Sunnah yang telah disyari'atkan cara yang lebih rendah, kerana itu masih mengandungi syak dan kemungkinan, iaitu cara ru'yah tidak sekali-kali menolak cara yang lebih tinggi dan lebih sempurna untuk mencapai maksud. Cara ini juga menjauhkan umat daripada perbezaan yang amat sangat bagi menentukan permulaan berpuasa, berhari raya dan berkorban binatang sembelihan. Cara ini juga membawa kepada persamaan dari sudut ibadat dan menunaikan syi'ar yang berkaitan dengan agama serta berhubung rapat dengan kehidupan dan kerohanian. Cara itu ialah dengan menggunakan hisab yang diyakini benarnya.

Seorang ulama dan ahli Hadith yang terkenal, Syaykh Ahmad Syakir rahimahullah mempunyai satu pandangan dalam masalah ini. Beliau berpendapat bahawa masuk sesuatu bulan itu adalah dengan hisab falak kerana hukum yang menggunakan ru'yah itu mempunyai sebab (*'illah*) yang telah dinaskan oleh al-Sunnah sedangkan *'illah* itu sudah tidak wujud lagi sekarang, oleh itu hukum itu pun tidak wujud juga. Kita telah maklum bahawa sesuatu hukum itu mengikut *'illah*nya dari segi ada atau tiada.

Memang elok jika dinukil pendapat Syaykh Ahmad Syakir, kerana pendapatnya itu cukup kuat. Beliau berkata di dalam risalahnya, *Awa'il al-Syuhur al-'Arabiyyah:*

> "Memang tidak diragui lagi bahawa orang Arab sebelum Islam dan pada permulaan Islam mereka belum mengetahui ilmu falak dengan mendalam. Mereka merupakan umat yang *ummi*, tidak tahu menulis dan tidak tahu mengira, jika terdapat pun orang yang mengetahui ilmu ini mereka hanya mengetahui tentang asas dan luaran sahaja. Mereka hanya mengetahui dengan cara melihat dan mengikuti atau dengan cara mendengar. Ilmu mereka tidak dibina di atas kaedah-kaedah hisab dan juga tidak diasaskan

kepada bukti-bukti yang kuat, yang menunjukkan asas-asas yang yakin. Oleh kerana keadaan mereka seperti itu, Rasulullah s.a.w. menjadikan asas untuk mengetahui masuk sesuatu bulan bagi melakukan ibadah dengan cara yang diyakini yang dapat dilihat dan mampu dilakukan oleh setiap orang atau sekurang-kurangnya mampu oleh kebanyakan mereka, iaitu menggunakan penglihatan mata kepala. Cara ini lebih tepat untuk mengetahui waktu ibadat dan menunaikan syi'ar. Cara inilah yang dapat membawa kepada keyakinan dan ketepatan menurut kemampuan mereka. *"Allah s.w.t. tidak mentaklif seseorang kecuali mengikut kemampuannya."*

Tidak merupakan hikmat syarak untuk menetapkan anak bulan dengan menggunakan hisab dan falak sedangkan mereka tidak mengetahui mengenainya pada masa itu. Kebanyakan mereka adalah orang kampung yang tidak sampai kepada mereka berita-berita dari bandar kecuali setelah mengambil masa beberapa lama. Oleh kerana itu, jika Baginda menyuruh mereka menggunakan hisab dan falak nescaya akan menyusahkan mereka. Penduduk kampung tidak mengetahui mengenainya. Penduduk kota pula tidak mahir mengenainya kecuali semata-mata mengikut orang-orang yang mengetahui ilmu hisab. Sedangkan kebanyakan orang atau semua yang mengetahui ilmu ini adalah daripada kalangan *ahl al-Kitab*.

Selepas itu orang Islam mula meneroka dunia, mereka menguasai pelbagai bidang ilmu, mereka juga mahir dalam pelbagai teknologi, mereka juga telah menerjemahkan ilmu orang-orang terdahulu, mereka mendalaminya dan dapat mengungkapkan rahsia yang tersembunyi di dalamnya. Selepas itu mereka wariskan ilmu itu kepada orang yang kemudian. Sesetengah ilmu itu ialah ilmu falak dan ilmu kaji bintang.

Kebanyakan para fuqaha' dan *muhaddith*, tidak mengetahui ilmu falak atau mereka hanya mengeta-

hui sesetengah daripada prinsip-prinsipnya sahaja. Kebanyakan mereka atau sebahagian daripada mereka tidak percaya kepada orang yang mengetahui ilmu ini atau sekurang-kurangnya mereka tidak suka kepada orang ini.

Sesetengah mereka pula melontarkan tohmahan kepada orang yang mengetahui ilmu ini bahawa orang ini telah menyeleweng atau telah melakukan *bid'ah*. Mereka menyangka ahli ilmu falak itu mengetahui sesuatu dengan cara ghaib (*ilmu nujum*). Oleh itu mereka telah bersangka buruk kepada orang yang memiliki ilmu ini dan juga kepada ilmu falak itu sendiri.

Terdapat dari kalangan fuqaha' dan ulama yang mengetahui ilmu ini tetapi mereka tidak dapat mengetahui kedudukan sebenar hubungannya dengan agama dan fiqh. Mereka hanya memberi isyarat kepada ilmu ini dengan takut-takut.

Beginilah keadaan para ulama terhadap ilmu falak dan ilmu kiraan bintang, kerana pada ketika itu ilmu tersebut belum tersebar luar sebagaimana ilmu agama, dan pada ketika itu juga asas ilmu ini belum teguh di sisi ulama.

Syari'at yang mulia dan bersih ini akan terus kekal sehingga Allah s.w.t. mengizinkan dunia ini binasa. Syari'at ini adalah untuk sekalian umat dan untuk setiap masa. Oleh kerana itu, terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah beberapa isyarat yang halus bagi perkara-perkara yang akan berlaku. Apabila perkara itu berlaku ia akan ditafsirkan dan diketahui, sekalipun orang-orang zaman dahulu menafsirkan bukan pada yang sebenarnya.

Perkara yang kita bincangkan ini ada diberi isyarat di dalam al-Sunnah. Al-Bukhari telah meriwayatkan daripada 'Umar r.a. daripada Rasulullah s.a.w., Baginda bersabda:

" انا أمة أمية ، لانكتب ولانحسب ، الشهر هكذا وهكذا ، يعنى مرة تسعة

" وعشرين ، ومرة ثلاثين "

Terjemahan: *Kami adalah umat yang ummi, kami tidak menulis dan mengira. Satu bulan itu adalah sekian sekian, maksudnya, kadangkala dua puluh sembilan dan kadangkala tiga puluh.*[96]

Dalam riwayat yang lain, oleh Imam Malik di dalam *al-Muwatta'*[97], al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, Rasulullah s.a.w. bersabda:

" الشهر تسعة وعشرون ، فلاتصوموا حتى تروا الهلال ، ولاتفطروا حتى تروه ، فان غم عليكم فأقدروا له "

Terjemahan: *Satu bulan itu adalah dua puluh sembilan, maka jangan kamu berpuasa sehingga kamu melihat anak bulan dan jangan kamu berhari raya sehingga kamu melihatnya. Jika dilindungi awan hendaklah kamu perkirakannya.*

Ulama-ulama dahulu benar dalam menafsirkan makna Hadith ini tetapi mereka tersalah di dalam menta'wilkannya. Antara pendapat yang paling lengkap dari kalangan mereka ialah perkataan al-Hafiz Ibn Hajar.[98] "Bahawa yang dimaksudkan dengan kiraan (*al-hisab*) di dalam Hadith adalah kiraan bintang dan perjalanannya. Orang Arab tidak mengetahui mengenainya kecuali sedikit sahaja. Oleh itu Baginda menetapkan hukum berpuasa dan lainnya dengan ru'yah supaya mereka tidak menghadapi kesusahan dalam pengiraan. Hukum menggunakan ru'yah ini terus berkekalan sekalipun setelah terdapat di kalangan mereka orang yang me-

---

[96]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, di dalam kitab, *"al-Sawm"*.
[97]Lihat: *al-Muwatta'*, jilid 1, hlm. 269.
[98]Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, jilid 4, hlm. 108 dan 109.

ngetahui ilmu kiraan bintang dan perjalanannya (*al-hisab*)." Ibn Hajar menambah lagi, "Bahkan menurut zahir Hadith, hukum itu tidak bergantung langsung dengan hisab. Ini dijelaskan oleh Hadith yang terdahulu iaitu, '*Jika dilindungi awan, hendaklah kamu cukupkan bilangan tiga puluh hari.*'." Baginda tidak berkata, "*Tanyalah kepada ahli hisab.*" Hikmat disuruh cukupkan bilangan tiga puluh hari ketika terlindung, kerana bilangan itu disepakati oleh semua *mukallaf* dan ini menjauhkan sebarang perselisihan di kalangan mereka.

Menurut Ibn Hajar lagi, terdapat satu kaum iaitu *al-Rawafid*,[99] mereka merujuk kepada ahli hisab dalam keadaan tersebut. Dan ada dinukil bahawa sesetengah fuqaha' telah bersetuju dengan pendapat mereka itu.

Kata Ibn Hajar lagi, "Al-Baji berkata, 'Ijmak *al-Salaf al-Salih* adalah merupakan kelemahan hujah mereka yang mahu menunjukkan kepada ahli hisab.' Ibn Bazizah berkata, 'Madhhab yang mahu merujuk kepada ahli hisab adalah madhhab yang salah, kerana syari'at telah menegah daripada mendalami ilmu bintang kerana ilmu itu hanya agakan dan tekaan sahaja, tidak membawa kepada yakin atau zan yang kuat, di samping itu sesuatu perkara jika merujuk kepadanya nescaya sukar kerana orang yang mengetahui mengenainya hanya sedikit sahaja.'."

Tafsiran Ibn Hajar yang menghendaki supaya menggunakan ru'yah bukah *hisab* adalah benar, tetapi *ta'wil*nya yang mengatakan, "Hukum menggunakan ru'yah ini terus berkekalan sekalipun selepas mereka dapati orang yang mengetahui ilmu bintang dan perjalanannya," adalah salah, kerana suruhan menggunakan ru'yah adalah mempunyai '*illah* yang

[99]Saya tidak tahu siapakah yang dimaksudkan dengan 'Rawafid'.

dinaskan, *'illah* itu ialah 'ummah' yang diterangkan oleh Hadith, *"Ummah yang tidak tahu menulis dan mengira."* Sebagaimana termaklum bahawa *'illah* itu mengikut *ma'lul* dari segi ada atau tiadanya. Dalam hal ini, apabila ummah itu sudah tidak ummi lagi, yakni mereka sudah dapat menulis dan membaca, dengan erti, pada keseluruhan mereka terdiri daripada orang yang tahu ilmu ini sehingga dengannya mereka yakin dapat mengira awal bulan. Keyakinan mereka menggunakan hisab ini sama atau lebih kuat daripada menggunakan ru'yah. Jika mereka telah sampai ke tahap ini kerana mereka sudah tidak lagi ummi wajiblah mereka menggunakan yang lebih diyakini dan hendaklah mereka menggunakan hisab untuk mengetahui anak bulan. Mereka tidak boleh menggunakan ru'yah kecuali bagi orang yang tidak sampai kepada mereka perkhabaran yang sahih daripada ahli hisab, seperti orang yang tinggal di pedalaman.

Apabila wajib menggunakan hisab maka wajiblah menggunakan hisab yang sebenar bagi anak bulan. Oleh itu, awal bulan adalah bermula pada malam yang nampak anak bulan walau satu *lahzah* setelah terbenam matahari."[100]

Menurut Syaykh Ahmad Syakir lagi, "Pendapat ini bukanlah merupakan pendapat yang baru bahawa berbeza hukum kerana berbeza keadaan *mukallaf*. Perkara yang seperti ini banyak didapati dalam syari'at yang dapat diketahui oleh ahli ilmu dan selain mereka. Contohnya seperti dalam masalah ini: Maksud Hadith, *"Jika dilindung oleh awan hendaklah kamu perkirakannya,"* dan dalam riwayat lain yang bermaksud, *"...jika terlindung ke atas kamu hendaklah kamu sempurnakan bilangan tiga puluh."* Para ulama menafsirkan riwayat yang *mujmal*, *"Hendaklah kamu perkirakannya,"* dengan riwayat yang

---

[100]Ini adalah pendapat ahli astronomi.

terperinci, *"Maka sempurnakanlah bilangan tiga puluh."* Tetapi seorang ulama besar dalam madhhab Syafi'i, bahkan ketua ulama pada zamannya bernama Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Umar bin Surij[101] telah menyelaraskan dua riwayat tersebut. Beliau menjadikan dua riwayat itu dalam dua keadaan yang berlainan. Maksud sabda Baginda, *"Hendaklah kamu perkirakannya,"* bermaksud, hendaklah kamu mengira dengan hisab. Hadith ini ditujukan khas kepada orang yang dikurniai Allah s.w.t. ilmu ini. Manakala maksud sabda Baginda, *"Hendaklah kamu cukupkan bilangan,"* ditujukan kepada orang awam.[102]

Syaykh Ahmad Syakir seterusnya berkata, "Pendapatku ini hampir sama dengan pendapat Ibn Surij. Hanya dia mengatakan, apabila anak bulan terlindung dan tidak dapat dilihat maka hukum menggunakan hisab adalah kepada orang-orang tertentu, kerana pada masa itu bilangan orang yang mengetahui ilmu ini masih sedikit, dan perkataan mereka belum dipercayai. Pada masa itu juga penyampaian berita dari sebuah negeri ke sebuah negeri masih sukar apabila sabit masuk bulan di dalam sesebuah negeri. Pendapatku ini menghendaki supaya menggunakan hisab yang teliti dan dipercayai kebenarannya. Semua manusia perlu menerima realiti ini kerana pada hari ini alat perhubungan amat mudah didapati. Penggunaan ru'yah adalah hanya kepada masyarakat yang sedikit yang tidak sampai berita kepada mereka dan mereka ini tidak

---

[101]Beliau meninggal dunia tahun 306H. Beliau salah seorang daripada murid Abu Dawud yang masyhur dengan kitabnya, *Sunan Abu Dawud*. Abu Ishaq al-Syirazi di dalam kitab, *Tabaqat al-Fuqaha'*, hlm. 79, menyifatkan Abu al-'Abbas adalah seorang ulama besar madhhab Syafi'i dan salah seorang imam kepada orang-orang Islam. Beliau lebih utama daripada semua ulama Syafi'i sehingga mengatasi al-Mazni. Riwayat hidup beliau terdapat dalam *Tarikh Baghdad*, jilid 4, hlm. 228-240 dan *Tabaqat al-Syafi'i* oleh Ibn al-Subki, jilid 2, hlm. 67-96.

[102]Lihat: Syarh al-Qadi, Abu Bakr bin al-'Arabi 'ala al-Tirmidhi, jilid 4, hlm. 111-113 dan *Fath al-Bari*, jilid 4, hlm. 104.

mendapati sesuatu yang boleh dipercayai untuk mengetahui ilmu falak dan kedudukan matahari dan bulan.

Pada pandanganku, pendapatku ini amat sederhana, hampir dengan pandangan fiqh yang benar, dan hampir dengan pemahaman yang tepat terhadap Hadith-Hadith yang terdapat dalam masalah ini."[103]

Inilah yang telah ditulis oleh al-'Allamah Ahmad Syakir lebih dari setengah kurun yang silam iaitu pada bulan Dhul Hijjah 1357 bersamaan Januari 1939.

Pada ketika itu ilmu falak belum sampai pada tahap yang telah dicapai sekarang ini. Pada masa ini manusia sudah sampai ke bulan dan menjelajah ke angkasa. Ilmu ini pula telah sampai ke peringkat yang begitu detail, nisbah kesalahannya satu berbanding seratus ribu.

Makalah ini telah ditulis oleh seorang ulama Hadith. Hidup beliau untuk berkhidmat dengan Hadith dan menyebarkan al-Sunnah. Beliau benar-benar merupakan seorang salaf, seorang pengikut al-Sunnah, bukan seorang pelaku bid'ah, beliau tidak memahamkan bahawa *salafiyyah* itu *jumud* sebagaimana yang dikatakan oleh sesetengah golongan, bahkan *salafiyyah* yang sebenar ialah kita mengikut manhaj mereka, kita berijtihad untuk zaman kita sebagaimana mereka berijtihad untuk zaman mereka. Kita hendaklah menyelesaikan masalah kita dengan pemikiran kita, bukan dengan pemikiran mereka dan tidak terikat kecuali dengan hukum syarak yang *qat'i* dan nas-nasnya yang *muhkam*.

Namun demikian saya telah terbaca satu makalah panjang dalam bulan Ramadan tahun ini (1409) yang ditulis oleh salah seorang Syaykh yang berkedudukan tinggi.[104]

---

[103]Risalah. *Awa'il al-Syuhur al-'Arabiyyah*. Maktabah Ibn Taymiyyah, hlm. 7-17.

[104]Beliau ialah Samahah al-Syaykh Salih bin Muhammad al-Lahidan, Ketua Majlis Kehakiman Tertinggi di Mahkamah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah. Tulisan ini tersebar di akhbar *'Ukaz* dan lain-lain pada 21 Ramadan 1409.

Beliau memberitahu bahawa Hadith Sahih yang bermaksud, *"Kami umat yang ummi, tidak tahu menulis dan mengira,"* menunjukkan penafian hisab, dan umat Muhammad tidak boleh menggunakan selain daripada itu.

Jika apa yang dikatakan oleh Syaykh ini benar, Hadith tersebut juga menafikan tulisan, dan umat Muhammad di larang menulis kerana Hadith tersebut mengandungi dua perkara yang menjadikan orang Arab pada zaman Baginda itu ummi iaitu tidak pandai menulis dan mengira.

Dari dahulu sampai sekarang tidak terdapat seorang ulama pun mengatakan bahawa menulis itu tidak baik kepada umat Muhammad, bahkan menulis itu merupakan perkara yang dituntut sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijma'.

Orang yang pertama menyebarkan tulisan ialah Rasulullah s.a.w. sebagaimana termaklum daripada sirah dan pendirian Baginda terhadap orang tawanan dalam Perang Badar.

Dalil yang dibawa oleh orang yang menentang penggunaan hisab ialah, bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mensyari'atkan kita menggunakan hisab dan Baginda tidak menyuruh menggunakannya, tetapi Baginda menyuruh menggunakan ru'yah dan berpegang kepadanya bagi menetapkan masuk sesuatu bulan.

Pendapat ini tidak tepat kerana dua perkara:

Pertama: Tentulah tidak rasional Rasulullah s.a.w. menyuruh ummah menggunakan hisab pada ketika mereka masih ummi; tidak tahu menulis dan mengira. Baginda akan mensyari'atkan cara yang sesuai dengan masa dan tempat, iaitu menggunakan ru'yah yang mampu oleh semua manusia pada ketika itu, tetapi sekiranya terdapat cara yang tepat dan jauh dari salah dan silap maka al-Sunnah tidak menegah penggunaannya.

Kedua: Al-Sunnah telah menyuruh ummah menggunakan hisab dalam keadaan mendung (terlindung) iaitu Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam kitab *al-Sawm*, di dalam *Sahih*nya melalui sanad yang dinamakan 'rantaian

emas' iaitu daripada Malik daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. menyebut mengenai Ramadan dan bersabda:

" لاتصوموا حتى تروا الهلال ، ولاتفطروا حتى تروه، فان غم عليكم فاقدروا له "

Terjemahan: *Jangan kamu berpuasa sehingga kamu melihat anak bulan, dan jangan kamu berhari raya sehingga kamu melihatnya, maka jika terlindung oleh awan hendaklah kamu mengkadarkannya/(mengira-kan).*[105]

Anggaran yang disuruh ini termasuk menggunakan hisab bagi orang yang mengetahuinya dan telah sampai kepada tahap yang menenangkan jiwanya dari segi kesahi-hannya. Pada zaman ini ilmu hisab sudah sampai ke tahap yang meyakinkan kebenarannya sebagaimana termaklum bagi orang yang mengetahui ilmu ini. Manusia kini telah mengetahui ilmu yang sebelum ini tidak diketahuinya.

Beberapa tahun yang silam saya telah menyeru supaya kita berpegang kepada hisab falak yang diyakini sekurang-kurangnya untuk menafikan, tidak untuk meng*ithbat*kan. Tujuannya untuk mengurangkan perbezaan yang sering berlaku setiap tahun bagi menentukan awal puasa dan awal hari raya, sehingga kadangkala berbeza sampai tiga hari di antara sebuah negara Islam dengan negara Islam yang lain. Apa yang dimaksudkan dengan berpegang kepada hisab pada menafikan ialah kita terus berpegang kepada menetapkan anak bulan menggunakan ru'yah kerana berpegang kepada pendapat kebanyakan fuqaha' pada masa ini, tetapi jika menurut hisab, anak bulan tidak dapat dilihat kerana belum dapat dilihat disebabkan anak bulan belum

---

[105]Qadara maknanya qaddara. Daripada perkataan ini Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: *"Maka kami menganggarkan, sebaik-baik yang menganggarkan adalah Kami." (Surah al-Mursalat 77:23).*

lagi ada dalam mana-mana negara Islam, sepatutnya ketika itu sebarang pengakuan melihat anak bulan tidak boleh diterima. Ini kerana pada hakikatnya menurut ilmu matematik yang diyakini, anak bulan belum ada, oleh itu dakwaan mereka melihat anak bulan adalah bohong. Bahkan, dalam keadaan yang seperti ini tidak boleh diminta orang ramai melihat anak bulan. Mahkamah Syar'iyah, majlis fatwa atau pejabat agama tidak boleh memberi ruang kepada sesiapa pun untuk membuat pengakuan melihat anak bulan.

Pendapat inilah yang telah saya utarakan dalam fatwa, pengajaran, kuliah dan lain-lain, kemudian dengan kehendak Allah s.w.t. saya dapati pula telah diterangkan secara panjang lebar oleh salah seorang ulama besar fiqh, madhhab Syafi'i iaitu Imam Taqiyuddin al-Subki yang meninggal dunia pada tahun 756H. Menurut para ulama, beliau telah sampai ke martabat mujtahid.

Imam al-Subki telah menyebut dalam fatwanya, "Apabila hisab menafikan yang dilihat dengan mata, maka wajiblah bagi Qadi menolak saksian seorang yang mengaku melihat anak bulan." Kata al-Subki lagi, "Ini ialah kerana hisab itu diyakini *(qat'i)*, sedangkan saksi dan berita itu *zanni*. Zan tidak boleh menolak sesuatu yang yakin (*qat'i*) apatah lagi untuk didahulukan."

Al-Subki juga menyebut, "Qadi hendaklah melihat pengakuan seseorang saksi yang di hadapannya walau dalam apa masalah sekalipun. Jika dia mendapatinya bertentangan dengan yang dapat dirasai oleh pancaindera atau bertentangan dengan yang dapat dilihat oleh mata, hendaklah dia menolaknya. Keterangan tersebut boleh diterima dengan syarat apa yang dikatakan itu harus dari segi pancaindera, akal dan syarak. Jika menurut hisab anak bulan tidak dapat dilihat maka mustahil untuk memperkatakan adanya, kerana anak bulan itu mustahil ada dan syarak tidak membawa sesuatu yang mustahil."[106]

---

[106]Lihat: *Fatawa al-Subki*, Maktabah al-Quds, jilid 1, hlm. 219-220.

Oleh itu, pengakuan saksi itu dianggap tekaan, salah atau bohong.

Bagaimanakah agaknya kalau al-Subki hidup hingga sekarang ini dan beliau dapat melihat sendiri kemajuan ilmu falak sebagaimana yang telah kami nyatakan sebahagiannya.

Syaykh Ahmad Syakir ketika membicarakan tajuk ini di dalam risalahnya itu ada menyebut bahawa seorang Syaykh yang masyhur Syaykh Muhammad Mustafa al-Maraghi, salah seorang Syaykh al-Azhar, semasa beliau menjadi ketua mahkamah tinggi syar'iyah mempunyai pendapat yang sama dengan al-Subki tentang ditolak pengakuan seseorang yang melihat anak bulan jika menurut hisab anak bulan tidak dapat dilihat. Kata Syaykh Ahmad Syakir, "Saya dan beberapa orang kawan adalah antara orang yang menentang pendapat Syaykh al-Maraghi tetapi sekarang ini saya mengakui beliau benar."

Dan saya menambah pula, wajib menetapkan anak bulan dengan hisab dalam semua keadaan kecuali bagi orang yang sukar mengetahui hasilnya.[107]

---

[107]Risalah, *Awa'il al-Syuhur al-'Arabiyyah*, hlm. 15.

MEMBEZAKAN DI ANTARA HAKIKAT DENGAN MAJAZ BAGI MEMAHAMI HADITH

Bahasa Arab mengandungi banyak *majaz* (kiasan). *Majaz* itu pula sebagaimana terdapat dalam ilmu *balaghah* lebih kuat daripada hakikat. Rasulullah s.a.w. adalah orang Arab yang paling tinggi bahasanya. Perkataan Baginda pula merupakan wahyu. Oleh itu, tidaklah hairan jika Hadith Baginda itu banyak mengandungi *majaz* yang menerangkan sesuatu maksud dengan bahasa yang amat indah.

Apa yang dimaksudkan dengan *majaz* di sini merangkumi *majaz* dari segi bahasa, akal, *isti'arah*, *kinayah* dan *isti'arah tamthiliyyah* (seterusnya lafaz atau ayat yang tidak menunjukkan makna yang asal.) *Majaz* dalam perkataan diketahui melalui sanad-sanad yang menunjukkan kepadanya sama ada tanda-tanda itu dari percakapan atau perbuatan. Misalnya percakapan dan perbualan dengan binatang, barang dan tumbuh-tumbuhan, misalnya seperti kata-kata orang Arab, "Papan bertanya kepada paku, kenapa engkau memecahku?" Paku menjawab, "Tanyalah kepada yang memukulku."

Perkara yang seperti ini merupakan perbandingan dan ini bukan merupakan pendustaan dalam berita. Imam al-Raghib al-Asfahani di dalam kitabnya, *al-Dhari'ah ila Makarim al-Syari'ah* menulis, "Perkataan itu apabila berbentuk perbandingan adalah untuk *i'tibar* bukan untuk memberitahu. Oleh itu, pada hakikatnya ia tidak bohong. Orang-orang yang menjaga perkataannya tidak usah takut untuk menggunakannya."

Beliau seterusnya memberikan contoh sebuah cerita yang masyhur, di mana singa, serigala dan musang berkongsi berburu. Ketiga-tiga binatang itu telah mendapat seekor keldai, kijang dan arnab. Singa itu pun berkata kepada serigala, "Bahagilah buruan kita ini." Serigala menjawab, "Telah dibahagi, keldai untukmu, kijang untukku dan arnab untuk musang." Singa itu pun menerkam ke arah serigala lalu melukakannya.

Kemudian singa berkata kepada musang pula, "Bahagilah." Jawab musang, "Telah dibahagi. Keldai untuk makan tengah harimu, kijang untuk selepas tidur rehatmu dan arnab untuk makan malammu." Singa pun bertanya, "Siapa yang mengajarmu pembahagian ini?" Jawabnya, "Baju merah yang terdapat pada serigala."

Kata al-Raghib seterusnya, Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ هَٰذَآ أَخِى لَهُۥ تِسْعٌ وَتِسْعُونَ نَعْجَةً وَلِىَ نَعْجَةٌ وَٰحِدَةٌ

Terjemahan: *Bahawasa ini adalah saudaraku, dia mempunyai sebanyak 99 ekor anak kambing dan aku mempunyai seekor sahaja.*

(*Surah Sad 38:23*)

adalah merupakan perbandingan (*tamthil*) dalam kisah Nabi Dawud a.s..

Termasuk dalam perbandingan juga ialah kata-kata kebanyakan ahli tafsir dalam menafsirkan firman Allah s.w.t.:

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ

Terjemahan: *Kami bentangkan amanah kepada langit, bumi dan gunung semuanya enggan dan takut untuk memikulnya, tetapi manusia sanggup memikulnya.*

(*Surah al-Ahzab 33:72*)

Kadangkala suatu percakapan itu mesti difahami secara *majaz*, jika tidak, akan membawa kepada kesilapan dan kekeliruan. Misalnya, ketika Rasulullah s.a.w. bersabda kepada isteri-isteri Baginda:

" ا سرعكن لحوقا بى أطولكن به "

Terjemahan: *Orang yang paling cepat mengikut aku ialah yang paling panjang tangannya.*

Isteri-isteri Baginda memahami kata-kata Baginda itu menurut makna asalnya. Menurut 'A'isyah r.a., mereka mengukur siapakah yang paling panjang tangannya. Dalam satu riwayat mereka mengambil sebatang kayu untuk mengukur siapakah dari kalangan mereka yang lebih panjang tangannya. Sebenarnya, apa yang dimaksudkan oleh Baginda ialah siapakah di antara mereka yang lebih banyak melakukan kebaikan. Inilah yang dibuktikan oleh kenyataan. Isteri Baginda yang mula-mula menyusul Baginda ke alam baqa' ialah Zainab binti Jahsy. Beliau rajin bekerja dan banyak bersedekah.[108]

Perkara ini sebagaimana berlaku pada al-Sunnah berlaku juga pada al-Qur'an. 'Adi bin Hatim telah melakukan kesalahan untuk memahami firman Allah s.w.t. mengenai puasa:

فَٱلْـَٔـٰنَ بَـٰشِرُوهُنَّ وَٱبْتَغُوا۟ مَا كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمْ ۚ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ
ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتِمُّوا۟ ٱلصِّيَامَ إِلَى ٱلَّيْلِ ۚ

Terjemahan: *Sekarang hendaklah kamu berseronok-seronok dengan isteri-isteri kamu dan carilah apa yang ditetapkan oleh Allah kepada kamu. Hendaklah kamu makan dan minum sehingga ternyata kepada*

---

[108]Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam bab *"Fada'il al-Sahabah"*, Hadith nombor 2453.

kamu di antara benang putih dengan benang hitam iaitu fajar. Kemudian sempurnakan puasa sehingga malam.

(*Surah al-Baqarah 2:187*)

Al-Bukhari meriwayatkan daripada 'Adi bin Hatim katanya, "Setelah turun ayat yang bermaksud: *Hendaklah kamu makan dan minum...*, aku pun pergi mendapatkan dua tali, satu berwarna putih dan satu berwarna hitam. Aku letakkan kedua-dua tali itu di bawah bantal. Aku melihat kepada kedua-dua tali itu. Apabila telah siang jelaslah yang putih dengan yang hitam, aku pun tidak makan dan minum. Apabila pagi aku pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan aku memberitahu Baginda. Setelah mendengar apa yang telah kubuat, Baginda menjawab, *"Lebarnya bantalmu!"* Sebenarnya yang dimaksudkan oleh ayat itu ialah *putih siang* dan *kegelapan malam.* Maksud, *"Lebarnya bantalmu"* kerana ia dapat memuatkan kegelapan malam dan keputihan siang. Ini memerlukan bantal yang lebar, selebar masyrik dan maghrib.[109]

Contoh yang lain pula ialah Hadith Qudsi yang masyhur:

ان تـقرب عبدى الـى بشـبر تـقربت اليـه ذراعـا ، وان تـقرب الـى ذراعـا
تـقربت اليه باعا وان أتانى يمشى أتيه هرولـة "

Terjemahan: *Apabila hamba-Ku hampir kepada-Ku satu jengkal, Aku hampir kepadanya satu hasta dan jika dia hampir kepada-Ku satu hasta Aku hampir kepadanya satu depa. Jika dia datang kepada-Ku dengan berjalan, Aku datang kepadanya dengan berlari-lari anak.*[110]

Golongan Mu'tazilah telah menimbulkan prasangka buruk kepada ulama Hadith kerana mereka meriwayatkan

---

[109]Lihat: *Tafsir Ibn Kathir*, jilid 1, hlm. 221.

[110]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Lihat: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*. Hadith nombor 1721-1746.

Hadith-Hadith yang seperti ini. Menurut mereka, Hadith ini telah menyerupakan Allah s.w.t. dengan makhluk dari segi hampir, berjalan dan berlari-lari anak. Ini tidak layak dengan kesempurnaan Allah s.w.t.

Imam Ibn Qutaybah telah menolak pendapat mereka melalui kitabnya, *Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith* dengan katanya, "Hadith ini merupakan perbandingan. Apa yang dimaksudkan oleh Hadith ialah, 'Sesiapa yang bersegera melakukan taat kepada-Ku, Aku membalas pahala kepadanya dengan lebih segera. Kecepatan itu dibandingkan dengan berjalan kaki dan berlari-lari anak.' Contoh lain ialah firman Allah s.w.t.:

وَٱلَّذِينَ سَعَوْا۟ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَحِيمِ

Terjemahan: *Mereka yang bersegera (al-sa'y) untuk melemahkan ayat-ayat Kami, mereka itu penghuni neraka.*

(*Surah al-Hajj 22:51*)

Makna *al-sa'y* ialah bersegera/cepat ketika berjalan kaki. Ayat itu tidak bermaksud mereka terus berjalan tetapi mereka bersegera dengan niat dan amalan mereka. Wallah a'lam."[111]

Sesetengah Hadith menimbulkan musykil khususnya di kalangan kaum terpelajar moden jika Hadith itu diberi makna mengikut lafaznya yang asal. Tetapi jika Hadith itu diberi maknanya yang *majaz*, maka akan hilanglah kemusykilan itu dan terserlahlah maksudnya.

Sebagai contoh, cuba perhatikan Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurayrah daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

" ا شتكت النار الى ربها، فقالت : يارب أكل بعضى بعضا فأذن لها بنفسين : نفس فى الشتاء، ونفس فى الصيف فهو أشد ما تجدون من الحر، وأشد ما تجدون من الزمهرير"

[111]Ibn Qutaybah, *Ta'wil Mukhtalaf al-Hadith*, Dar al-Jail, Bayrut, hlm. 224.

Terjemahan: *Neraka telah mengadu kepada Tuhan-nya, katanya, "Sebahagian daripadaku memakan yang lain." Lalu Allah mengizinkan kepadanya dua kali bernafas pada musim sejuk dan sekali bernafas pada musim panas. Itulah yang kamu rasai kepanasan yang amat sangat pada musim panas dan kesejukan yang amat sangat pada musim sejuk.*[112]

Pada zaman moden ini, para pelajar di sekolah membelajari ilmu geografi mengenai perubahan-perubahan musim: musim panas, musim sejuk dan sebagainya. Perubahan ini berlaku adalah menurut hukum alam atau *sunan kawniyyah* dan sebab-sebab lain yang telah diketahui oleh kalangan pelajar.

Memang kita juga telah ketahui bahawa sebahagian dunia ada yang amat sejuk dan ada pula yang amat panas. Pada tahun 1988 yang lalu, saya berziarah ke Australia, di sana saya dapati musim sejuk yang amat sejuk. Pada tahun berikutnya, saya berziarah ke Amerika Selatan, di sana saya dapati musim panas yang amat panas.

Hadith di atas hendaklah kita fahami secara *majaz* dan perbandingan yang menunjukkan di dalam neraka itu terdapat pelbagai jenis azab; terlampau panas dan terlampau sejuk.

Sama dengan Hadith di atas juga ialah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurayrah daripada Rasulullah s.a.w., sabdanya:

" ان الله خلق الخلق، حتى اذا فرغ من خلقه ، قالت الرحم : هذا مقام العائذ بك من القطيعة قال : نعم اما ترضين ان أصلى من وصلك ، وأقطع من قطعك ؟ قالت : بلى يارب قال : فهولك : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: فاقرءوا ان شئتم [فهل عسيتم ان توليتم ان تفسدوا فى الأرض وتقطعوا أرحامكم "

[112]Al-Bukhari dan Muslim, dalam *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*. Hadith nombor 359.

Terjemahan: *Allah menjadikan makhluk, setelah selesai Allah menjadikannya maka al-rahim (hubungan kekeluargaan) berkata, "Ini. kedudukan orang yang berlindung kepada-Mu daripada orang yang memutuskan silaturahim." Allah menjawab, "Ya, tidakkah engkau reda bahawa Aku hubungkan orang yang menghubungi engkau dan Aku putuskan orang yang memutuskan engkau?" Al-rahim menjawab, "Ya, wahai Tuhanku." Allah berfirman kepadanya, "Itu bahagian engkau." Rasulullah s.a.w. bersabda, "Bacalah jika kamu suka firman Allah: Adakah kemungkinan jika kamu berpaling, kamu akan melakukan kerosakan di atas muka bumi dan memutuskan silaturahim... ."*[113]

Persoalannya, adakah perkataan *al-rahim* yang bererti kekerabatan di dalam Hadith ini *majaz* atau hakikat? Ada pelbagai pendapat dalam bab perbandingan.

Ibn Abu Jumrah di dalam kitab, *Syarh Mukhtasar al-Bukhari,* ketika mensyarahkan maksud Allah s.w.t. menghubungkan kepada orang yang menghubungkan silaturahimnya: Hubungan daripada Allah s.w.t. adalah *kinayah* atau kiasan daripada keagungan keihsanan-Nya. Allah s.w.t. memberitahu manusia dengan sesuatu yang dapat mereka fahami. Perkara yang paling besar nilainya yang diberikan oleh yang mengasihi kepada yang dikasihi ialah 'hubungan' iaitu hampir kepadanya, dan memberi apa yang dihajatinya, serta menolongnya dalam segala hal, sedangkan perkara-perkara ini mustahil pada Allah s.w.t. Maka apa yang dimaksudkan dengan 'hubungan' daripada Allah s.w.t. ialah keagungan *ihsan* Allah s.w.t. kepada hamba-Nya. Jika makna 'hubungan' daripada Allah s.w.t. adalah seperti di atas maka makna 'putus' juga adalah *kinayah* daripada diharamkan mendapat ihsan daripada Allah s.w.t.

---

[113]Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab, *"al-Adab"*, *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*, hlm. 1655.

Al-Qur'an menuturkan apa pun yang hendak dituturkan olehnya sama ada *majaz* atau hakikat, *tamthil* atau lainnya. Jadi, maksud Hadith tersebut ialah, "Jika silaturahim itu berakal dan dapat berkata-kata nescaya ia akan berkata demikian."

Termasuk dalam perbincangan *kinayah, majaz* dan tamthil ialah firman Allah s.w.t.:

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا ... ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Jika Kami turunkan Qur'an ini kepada bukit nescaya kamu akan melihat bukit itu khusyu'.... Perbandingan-perbandingan itu Kami nisbahkan kepada manusia agar mereka berfikir.*

(*Surah al-Hasyr 59:21*)

Jadi, maksud Hadith tersebut adalah menerangkan kepentingan menghubungkan silaturahim. Ia adalah seperti bandingan orang yang berlindung kepada Allah s.w.t. maka Allah s.w.t. memberi perlindungan kepadanya, dan orang yang dilindungi Allah s.w.t. tidak akan terhina.

Saya percaya penggunaan ta'wil yang seumpama ini, iaitu mengatakan Hadith tersebut adalah berbentuk *majaz* tidaklah jauh daripada pandangan agama dengan syarat ta'wil itu benar dan dilakukan dengan ilmu. Di samping itu terdapat sebab yang memastikan untuk dilakukan ta'wil dan mengeluarkan nas itu daripada hakikat kepada *majaz* kerana bertentangan dengan akal yang waras, dan kesahihan syarak serta ilmu pengetahuan yang telah diyakini benarnya. Faktor-faktor itu menolak untuk diberikan makna yang asal kepada Hadith tersebut.

Di sini akan timbul pertanyaan, "Adakah wujud tegahan sebenar atau *mani' haqiqi* daripada memberikan makna yang asal kepada Hadith itu atau tidak?" Ini adalah merupakan perkara yang mesti dihalusi kerana satu perkara yang dianggap tidak mungkin oleh akal seseorang atau satu golongan tertentu dianggap mungkin oleh yang lain.

Ta'wil tanpa sebab yang munasabah adalah ditolak. Ta'wil yang menyeleweng adalah ditolak. Begitu juga, memberi makna sesebuah nas kepada maknanya yang asal sedangkan ia bertentangan dengan akal yang waras dan kesahihan syarak serta ilmu pengetahuan yang telah diakui benarnya atau bertentangan dengan kenyataan tetap juga ditolak.

Kadangkala menolak penggunaan *majaz* akan membuka ruang fitnah kepada golongan yang menggunakan akal, sedangkan Islam telah mengajar mereka bahawa tidak ada pertentangan di antara nas yang sahih dengan akal yang waras.

Hadith lain yang ada kaitan dengan perbincangan ini ialah yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Ibn 'Umar r.a. katanya, "Rasulullah s.a.w. bersabda:

" اذا صار أهل الجنة الى الجنة، وأهل النار الى النار، جئ بالموت حتى
يجعل بين الجنة والنار، ثم يذبح ثم ينادى مناد : يا أهل الجنة ، لا موت،
يا أهل النار لا موت ، فيزداد أهل الجنة فرحا الى فرحهم، ويزداد أهل
النارحزنا الى حزنهم "

Terjemahan: *Apabila penghuni syurga telah berada di dalam syurga dan penghuni neraka telah berada di dalam neraka, maka didatangkan mati dan diletakkan di antara syurga dan neraka kemudian mati itu pun disembelih. Kemudian berserulah si penyeru, 'Wahai penghuni syurga, kamu tidak akan mati, wahai penghuni neraka kamu tidak akan mati.' Penghuni syurga bertambah gembira dan penghuni neraka bertambah dukacita.*"[114]

Menurut Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id di dalam *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan lain-lain:

---

[114]*Al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*. Hadith nombor 1812.

" يؤتى بالموت كهيئة كبش أملح "

Terjemahan: *Mati itu dibawa datang seperti keadaan kambing kibas yang berbelang hitam dan putih.*[115]

Lihat! Apakah yang difahamkan daripada Hadith ini? Bagaimana mati itu boleh disembelih? Qadi Abu Bakar ibn al-'Arabi *tawaqquf* mengenai Hadith ini, katanya, "Terdapat kemusykilan pada Hadith ini kerana ia bertentangan dengan akal. Mati mempunyai *'ard*, dan *'ard* itu tidak mungkin bertukar menjadi benda yang dapat disembelih."

Kata Ibn al-'Arabi lagi, "Ada segolongan manusia telah mengingkari Hadith ini dan menolaknya. Segolongan lagi menyatakan Hadith ini merupakan *tamthil*. Pada hakikatnya tiada penyembelihan. Golongan yang lain pula mengatakan penyembelihan itu adalah hakikat sebenarnya."

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, "Sesetengah ulama mutakhir merestui pendapat akhir ini."

Menurut al-Maziri, "Mati itu adalah *'ard.*"

Menurut golongan Mu'tazilah pula, mati itu tiada *ma'na*. Menurut kedua-dua pendapat ini, mati itu bukan kibas dan bukan jasad. Ia merupakan *tamthil* dan *tasybih*. Menurutnya lagi, kemungkinan Allah s.w.t. menjadikan maut itu sebagai jasad kemudian jasad itu disembelih. Ini merupakan *tamthil* bahawa mati itu tidak akan datang kepada penghuni syurga.

Al-Qurtubi di dalam kitabnya, *al-Tadhkirah* memberi pendapat yang lebih kurang sama.

Menurut Ibn al-'Arabi, "Ta'wil-ta'wil ini dilakukan kerana para ulama tidak mahu memberi makna Hadith ini menurut makna asal dari segi bahasa, kerana ia bertentangan dengan akal."

Menggunakan ta'wil adalah cara yang baik berbanding dengan terus mengingkari dan menolak Hadith tersebut. Hadith itu telah *thabit* menerusi beberapa jalan yang sahih

---

[115]*Ibid.*, Hadith nombor 1811.

daripada beberapa orang Sahabat. Hadith itu boleh dita'wilkan, oleh itu amat tidak tepat untuk menolaknya.

Walau bagaimanapun, al-Hafiz Ibn Hajar di dalam kitabnya, *Fath al-Bari*, menukil pendapat yang tidak disebut nama orangnya. Katanya, "Tidak mustahil Allah menjadikan *'ard* daripada jasad sebagaimana yang telah thabit di dalam *Sahih Muslim* sebuah Hadith berbunyi:

" ان البقرة وأل عمران تجيئان كأنهما غمامتان "

Terjemahan: *Bahawasanya surah al-Baqarah dan surah Ali 'Imran kedua-duanya datang seolah-olah kedua-duanya awan mendung.*

dan Hadith-Hadith lain yang seumpamanya.[116]

Syaykh Ahmad Muhammad Syakir dalam *takhrij*nya terhadap *Musnad Ahmad* setelah beliau menukil daripada kitab, *Fath al-Bari* tentang kemusykilan Ibn al-'Arabi dan percubaannya untuk menta'wilkan Hadith tersebut berkata, "Ini menyusahkan dan hanya semata-mata agakan terhadap perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah jua. Kewajipan kita adalah beriman sebagaimana yang *warid*, kita tidak boleh mengingkari dan menolaknya. Hadith tersebut adalah sahih. Makna Hadith tersebut juga *thabit* di dalam *Sahih al-Bukhari* daripada riwayat Abu Sa'id al-Khudri dan di dalam *Sunan Ibn Majah* dan *Sunan Ibn Hibban* daripada riwayat Abu Hurayrah."

Beliau seterusnya menyatakan bahawa alam ghaib yang ada di sebalik benda (*maddah*) tidak dapat diketahui oleh akal yang terikat dengan jisim di atas muka bumi ini, bahkan akal lemah untuk mengetahui hakikat *maddah* yang sepatutnya dapat diketahui. Jadi, bagaimana pula akal dapat menghukum sesuatu yang ada di luar kemampuan dan kekuasaannya?

Syaykh Ahmad Syakir seterusnya berkata, "Pada zaman moden ini kita dapat mengetahui *maddah* bertukar kepada

---

[116]Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, jilid 2 hlm. 421.

kuasa dan kadangkala kita mengetahui kuasa bertukar kepada *maddah* dengan usaha, sedangkan kita tidak mengetahui apa yang akan berlaku selepas itu. Ini semua menunjukkan bahawa akal manusia lemah dan terbatas. *Maddah*, kuasa, *'ard* dan *jawhar* adalah istilah untuk mengenali hakikat-hakikat tersebut. Memang baik bagi manusia jika mereka beriman dan beramal soleh kemudian perkara-perkara yang ghaib hendaklah diserahkan kepada Allah s.w.t. yang mengetahui perkara-perkara ghaib, mudah-mudahan mereka akan selamat pada hari kiamat."[117]

قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

Terjemahan: *Katakan (ya Muhammad), "Sekiranya laut itu menjadi dakwat bagi (menulis) kalimah Tuhanku nescaya laut itu kering sebelum habis kalimah Tuhanku. Sekalipun Kami bawakan tambahan dakwat yang seumpamanya."*

(*Surah al-Kahfi 18:109*)

Pendapat Syaykh Ahmad Muhammad Syakir tentang penjelasan sebab keengganan menta'wil nas-nas hukum dalam perkara ghaib adalah diasaskan kepada logik yang kukuh dan memuaskan. Namun demikian, khususnya dalam masalah ini, ia tidak dapat diterima kerana keengganan menggunakan *ta'wil* di dalam Hadith ini tidak ada sebab yang munasabah. Sebagaimana kita sedia maklum, menurut akal dan nas, bahawa mati itu adalah perpisahan manusia daripada kehidupan, ia bukan kambing kibas dan bukan lembu dan seterusnya bukan haiwan bahkan mati itu adalah makna sebagaimana yang dikatakan oleh orang-orang dahulu iaitu mati merupakan *'ard*, ia tidak mungkin bertukar menjadi jasad atau haiwan

---

[117]*Al-Musnad*, jilid 8, hlm. 240 dan 241. Hadith nombor 5993.

kecuali secara *tamthil*. Inilah yang lebih dapat diterima untuk berhadapan dengan pemikiran zaman moden.

Ungkapan berbentuk *majaz* sebagaimana terdapat di dalam Hadith yang menceritakan sesuatu perkara terdapat juga di dalam Hadith berbentuk Hukum. Oleh itu, para fuqaha' wajib mengetahuinya. Ulama telah mensyaratkan, seorang mujtahid hendaklah pakar dalam bahasa Arab sehingga dia dapat memahami maksudnya yang berbagai-bagai sebagaimana yang dapat difahami oleh orang Arab tulen pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para Sahabat sekalipun dengan cara yang berbeza. Orang sekarang harus membuat kajian yang teliti dengan memahami kaedah-kaedahnya manakala orang dahulu memahami dengan cara spontan (*saliqah*).

Mengabaikan pemisahan di antara *majaz* dengan hakikat membawa kepada berlaku pelbagai kesilapan sebagaimana yang kita saksikan kepada mereka yang cepat memberi fatwa lantas menghukumkan haram, wajib, bid'ah, fasiq dan kadang-kadang menghukumkan kafir dengan nas-nas yang kita terima kesahihannya tetapi kita tolak zahir nas tersebut.

Sebagai contohnya, cuba perhatikan Hadith yang dijadikan dalil haram secara mutlak seorang lelaki bersalam dengan seorang wanita iaitu Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tabrani:

" لأن يطـعن أحدكم بمخيط من حديد خير من أن يمس امرأة لاتـحل له "

Terjemahan: *Bahawa jika seseorang kamu ditikam dengan jarum besi, itu adalah lebih baik daripada dia menyentuh (yamussu) seorang wanita yang tidak halal baginya.*[118]

Al-Albani di dalam *takhrij*nya terhadap kitab, *al-Halal wa 'l-Haram* dan juga di dalam kitab, *Sahih al-Jami' al-Saghir* menggolongkan bahawa Hadith ini adalah bertaraf Hasan.

---

[118]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Haythami di dalam *al-Mujma'*.

Jika kita terima Hadith ini sebagai Hadith Hasan sedangkan ia tidak masyhur pada zaman para Sahabat dan murid-murid mereka, maka Hadith ini jelas tidak menunjukkan haram lelaki bersalam dengan wanita. Menurut bahasa al-Qur'an dan al-Sunnah perkataan sentuh atau *massa* bukan hanya semata-mata persentuhan kulit dengan kulit tetapi maknanya menurut Ibn 'Abbas yang digelar sebagai *Turjuman al-Qur'an* bahawa *massa, lamasa* dan *mulamasah* adalah kiasan atau *kinayah* daripada bersetubuh. *Massa* dengan erti kata ini dapat dilihat pada firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُّونَهَا

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi wanita-wanita mu'minah kemudian kamu mentalak mereka sebelum kamu sentuh (tamassu) mereka, maka tiadalah ke atas mereka 'iddah yang kamu hitung.*

(*Surah al-Ahzab 33:49*)

Semua ulama tafsir dan fiqh, termasuk juga golongan Zahiri menafsirkan makna sentuh (*tamassu*) di dalam ayat ini adalah bersetubuh.

Perkataan Sayyidatina Maryam r.a. yang dinyatakan oleh al-Qur'an adalah menyokong pendapat ini.

قَالَتْ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ

Terjemahan: *Bagaimana aku memperoleh anak sedangkan aku tidak disentuh oleh manusia?*

(*Surah Ali 'Imran 3:47*)

Dalil yang menunjukkan sentuh atau *massa* dengan makna bersetubuh banyak terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Nas di atas tidak menunjukkan haram dengan hanya semata-mata berjabat tangan yang tidak disertai dengan syahwat dan tidak dikhuatiri membawa kepada

fitnah, khususnya jika keadaan memerlukan, seperti balik dari musafir, sembuh dari penyakit, terselamat daripada malapetaka dan sebagainya, yang menyebabkan kaum kerabat datang untuk memberi tahniah.

Antara dalil yang menyokong pendapat di atas juga ialah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya daripada Anas r.a., katanya:

" ان كانت الوليدة [أى الأمة] من ولائد المدينة لتأخذ بيد رسول الله صلى الله عليه وسلم فما يدع يده من يدها حتى تذهب به حيث شاءت "

Terjemahan: *Seorang hamba perempuan yang dilahirkan di Madinah memegang tangan Rasulullah s.a.w. Maka Baginda tidak melepaskan tangan Baginda daripada tangan wanita itu sehingga waita itu membawa Baginda berjalan mengikut sesuka hatinya.*

Al-Bukhari pula meriwayatkan:

" ان كانت الأمة من اماء المدينة لتأخذ بيد رسول الله صلى الله عليه وسلم، فينطلق به حيث شاءت "

Terjemahan: *Seorang hamba perempuan Madinah memegang tangan Rasulullah s.a.w., dan dia berjalan dengan memegangnya ke mana yang dia suka.*

Hadith ini menunjukkan betapa *tawadu'* dan belas kasihan Rasulullah s.a.w. sekalipun kepada seorang hamba. Baginda yang terkenal amat pemalu dan amat tinggi akhlaknya membiarkan hamba perempuan itu memegang tangan Baginda dan berjalan ke sana ke mari sehingga hamba itu selesai mencapai apa yang dihajatinya.

Al-Hafiz Ibn Hajar dalam syarahnya berkata, "Apa yang dimaksudkan dengan memegang tangan ialah belas kasihan dan menunaikan hajat. Ia juga menunjukkan kepada terlalu *tawadu'* kerana yang disebut ialah perempuan bukan lelaki, dan hamba bukan orang merdeka. Lafaz memegang tangan

menunjukkan kepada sedia memberi pertolongan sekalipun sampai di luar kota Madinah. Hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. itu amat *tawadu'* dan jauh daripada sebarang sifat takabur."[119]

Apa yang disebut oleh Ibn Hajar pada keseluruhannya dapat diterima. Tetapi penukaran maksud memegang tangan daripada maknanya yang asal kepada belas kasihan dan menunaikan hajat tidak dapat diterima, kerana maknanya yang asal dan yang lazim iaitu belas kasihan dan menunaikan hajat, kedua-duanya tercakup di dalam Hadith tersebut. Pada dasarnya, sesebuah perkataan itu hendaklah menurut maknanya yang asal kecuali jika terdapat dalil atau tanda-tanda yang menunjukkan bahawa perkataan itu mempunyai makna lain daripada maknanya yang asal. Di sini tidak terdapat bukti yang menegah kita daripada meletakkan perkataan itu pada maknanya yang asal, bahkan dalam Hadith riwayat Imam Ahmad berbunyi:

" فما ينزع يده من يدها حتى تذهب به حيث شاءت "

Terjemahan: *Maka Baginda tidak melepaskan tangan Baginda daripada tangan wanita itu sehingga wanita itu membawa Baginda berjalan mengikut sesuka hatinya.*

Inilah dalil yang terang bahawa makna asal perkataan itulah yang dimaksudkan oleh Hadith tersebut. Dan tentu-lah tidak tepat kalau ia menyimpang daripada zahir nas itu.

Menutup pintu memahami Hadith dengan *majaz*, dan memberi makna Hadith secara *harfi* semata-mata akan menyebabkan banyak cerdik pandai moden tidak dapat memahami Hadith, bahkan tidak dapat memahami Islam. Malah lebih dari itu akan membuat mereka ragu terhadap kesahihan sesebuah nas sedangkan jika difahami nas tersebut secara *majaz* nescaya akan terisilah kedahagaan mereka serta sesuai dengan pengetahuan mereka dan tidak

---

[119]*Fath al-Bari*, jilid 13.

terkeluar daripada tatabahasa dan prinsip agama.

Musuh-musuh Islam selalu menjadikan makna-makna asal sesebuah nas itu sebagai ejekan dan sindiran mereka terhadap prinsip-prinsip Islam dan ia dikatakan bertentangan dengan sains moden dan pemikiran semasa.

Beberapa tahun yang lalu, seorang pendi'ayah Kristian telah mencela pemikiran Islam. Dia mengatakan bahawa Islam mempercayai kepercayaan-kepercayaan karut pada zaman sains ini dengan berdalilkan Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan lain-lain.

" الحمى من فيح جهنم فأبردوها بالماء "

Terjemahan: *Demam panas itu disebabkan oleh hembusan api neraka Jahanam, maka hendaklah kamu sejukkannya dengan air.*[120]

Menurut pendi'ayah Kristian itu, "Demam panas bukan disebabkan oleh hembusan api neraka Jahanam, tetapi adalah disebabkan oleh hembusan bumi yang mengandungi kekotoran yang kemudian membiakkan kuman-kuman."

Penulis yang bahlul atau pura-pura bahlul itu nampaknya jahil atau pura-pura jahil terhadap maksud Hadith secara *majaz* yang dapat difahami oleh semua orang yang dapat merasai citarasa bahasa Arab. Dalam hal ini orang Arab sering berkata pada hari yang amat panas, "Kepanasan yang dibuka dari neraka Jahanam." Di sini penutur dan pendengar dapat memahami maksud kata-kata ini secara automatik.

Seorang yang diupah untuk memburukkan Islam menulis dan memperolok-olokkan Hadith:

" الحجرالأسود من الجنة "

Terjemahan: *al-Hajar al-Aswad adalah dari syurga.*[121]

---

[120]Hadith ini disepakati daripada Hadith Ibn 'Umar dan 'A'isyah r.a. Lihat: *Sahih al-Jami' al-Saghir*.

[121]Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad daripada Anas, al-Nasa'i daripada Ibn Abbas sebagaimana terdapat di dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir*, Hadith nombor 3174.

begitu juga Hadith:

" العجوة من الجنة "

Terjemahan: *Taman al-'Ajwah adalah dari syurga.*[122]

Mereka terlupa terhadap maksud sebenar Hadith-Hadith di atas seperti juga Hadith,

" اعلموا أن الجنة تحت ظلال السيوف "

Terjemahan: *Ketahuilah bahawa syurga itu di bawah naungan pedang.*[123]

Tidak seorang pun yang memahami bahawa syurga yang disediakan kepada orang-orang yang bertaqwa yang luasnya memenuhi langit dan bumi, pada hakikatnya terletak di bawah naungan pedang. Tetapi apa yang difahami daripada Hadith tersebut ialah *Jihad fi Sabilillah* yang diberi lambang dengan pedang adalah merupakan jalan yang paling hampir ke syurga terutama jika orang yang berjihad itu mati syahid.

Sama seperti itu juga ialah sabda Rasulullah s.a.w. kepada orang yang hendak melaksanakan *bay'ah* kepada Baginda untuk berjihad, sedangkan dia mempunyai ibu yang perlu dijaga. Baginda bersabda kepada orang itu:

" الزمها فان الجنة تحت ا قدامها "

Terjemahan: *Hendaklah engkau sentiasa bersama dengannya kerana syurga itu di bawah tapak kakinya.*[124]

Setiap orang yang berakal tentu faham bahawa syurga itu tidak terletak di bawah tapak kaki ibu. Tetapi apa yang difahami daripada Hadith ini ialah berbakti dan menjaga ibu dengan sebaik-baiknya merupakan jalan lurus ke syurga.

---

[122]*Ibid.*, Hadith nombor 4126.
[123]*Al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*, Hadith nombor 1137.
[124]*op.cit.* Hadith nombor 1249.

Pernah diceritakan, terdapat seorang lelaki soleh terlambat datang untuk bersama kawan-kawannya, lalu mereka bertanya sebab kelambatannya. Orang itu menjawab, "Aku menyediakan diriku untuk masuk syurga kerana dikhabarkan kepadaku bahawa syurga itu di bawah tapak kaki ibu."

Semua kawan lelaki soleh itu faham apa yang dimaksudkan olehnya, iaitu dia berkhidmat dan memberi pertolongan yang sewajarnya kepada ibunya, dengan tujuan mendapat keredaan Allah s.w.t. dan syurga-Nya.

Ustaz Mustafa al-Zarqa' menceritakan kepada saya kisah seorang profesor dalam bidang undang-undang moden di Mesir dan di seluruh dunia Arab, yang membeli kitab *Sahih al-Bukhari*. Setelah dia membukanya dia pun terjumpa Hadith yang berbunyi:

" النيل والفرات وسيحون وجيحون من أنهار الجنة "

Terjemahan: *Sungai Nil, Sungai Furat, Sungai Saihun dan Sungai Jaihun adalah daripada sungai-sungai syurga.*

Apabila pakar undang-undang moden ini mendapati bahawa Hadith itu bertentangan dengan realiti, kerana setiap pelajar tahu bahawa sungai-sungai tersebut adalah berpunca dari bumi, bukan dari syurga, maka dia terus menolak *Sahih al-Bukhari* seluruhnya. Dia tidak mahu membuka lagi lembaran yang berikutnya kerana prasangka buruk telah bersarang di dalam kepalanya.

Kalaulah orang ini mahu bersifat *tawadu'* sedikit saja dan mahu melihat pendapat ulama yang mensyarahkan kumpulan Hadith tersebut atau bertanya kepada alim ulama mengenai maksud Hadith itu nescaya dia akan tahu kebenaran Hadith itu. Tetapi keangkuhan merupakan benteng paling besar yang menutup kebenaran.

Di sini ingin saya kemukakan pendapat salah seorang imam terkenal, iaitu Imam Ibn Hazm tentang tafsiran dan makna Hadith itu. Saya pilih Imam Ibn Hazm kerana beliau merupakan seorang fakih Zahiri yang berpegang kepada nas

secara *harfi* dan berpegang dengan *zahir nas*. Tetapi walau bagaimamapun beliau percaya bahawa bahasa Arab itu mengandungi makna hakikat dan *majaz*.

Marilah kita lihat apa kata Ibn Hazm mengenai Hadith itu dan juga Hadith:

" بين بيتى ومنبرى روضة من رياض الجنة "

Terjemahan: *Di antara rumahku dan mimbarku ada sebuah taman (rawdah) daripada taman-taman syurga.*

Katanya, "Kedua-dua Hadith ini tidaklah sebagaimana anggapan orang-orang jahil yang menyangka bahawa *rawdah* itu sebahagian daripada syurga dan sungai-sungai ini turun dari syurga. Pendapat ini keliru dan dusta!"

Menurut Ibn Hazm lagi, makna *rawdah* itu sebahagian daripada syurga menunjukkan kepada kelebihannya dan sesiapa menunaikan sembahyang di situ dapat membawanya ke syurga. Manakala sungai-sungai tersebut kerana mempunyai keberkatan yang besar maka dikatakan ia berpunca dari syurga.

Begitu juga dikatakan kepada kambing kibas, *"Ini adalah dari binatang syurga."* Begitulah seterusnya mengenai Hadith yang bermaksud, *"Bahawa syurga itu di bawah naungan pedang,"* dan *"Hajar Aswad itu dari syurga."*

Menurut Ibn Hazm lagi, memang jelas bukti daripada al-Qur'an menunjukkan bahawa nas-nas ini bukan menurut secara zahirnya.[125] Inilah pendirian Ibn Hazm yang terkenal dengan sikapnya sebagai *ahl zahir* kerana berpegang kepada nas secara zahir dan secara harfi sampai ke taraf jumud, namun demikian beliau tidak mahu memahami nas-nas tersebut secara zahir dan menganggap orang yang berbuat demikian adalah dari kalangan orang jahil.

---

[125]Ibn Hazm, *al-Muhalla*, jilid 7, hlm. 230 dan 231.

WASPADA TERHADAP KELONGGARAN DALAM TA'WIL MAJAZ

Di sini saya ingin menjelaskan bahawa menta'wil Hadith atau nas dari maknanya yang asal tidak boleh dilakukan oleh seseorang Muslim kecuali ada sebab-sebab tertentu dari pandangan akal dan nas.

Terkadang ada sesebuah Hadith dita'wilkan maknanya, kemudian ternyata kepada pengkaji, bahawa yang sebaik-baiknya tidak perlu menggunakan ta'wil tetapi cukup dengan makna asal Hadith. Sebagai contoh cuba perhatikan Hadith yang berbunyi:

" من قطع سدرة صوب الله رأسه فى النار "

Terjemahan: *Sesiapa yang memotong pokok sadrah (bidara), Allah halakan kepalanya ke neraka.*[126]

Hadith ini diriwayatkan melalui beberapa lafaz. Sesetengah ulama menafsirkan Hadith ini dengan larangan memotong pokok sadrah di Tanah Haram, sedangkan perkataan sadrah di dalam Hadith ini adalah umum yang merangkumi semua pokok sadrah. Namun begitu, apabila mereka mendapati balasan yang disediakan amat dahsyat, maka mereka menafsirkan maksud pokok sadrah di dalam Hadith itu adalah pokok sadrah di Tanah Haram.

Apa yang menarik perhatian saya dalam memahami Hadith ini ialah penekanannya terhadap satu perkara penting yang telah diabaikan oleh orang ramai iaitu kepentingan pokok, khususnya pokok sadrah di negeri Arab. Pokok ini sangat berguna kepada orang ramai. Mereka mendapat manfaat dengan berlindung di bawah naungannya dan manfaat daripada buahnya. Oleh itu, jika pokok sadrah itu dipotong maka hilanglah kebaikan yang banyak bagi manusia. Hadith ini termasuk dalam urusan menjaga kehijauan alam sekitar yang diperjuangkan oleh pencinta-

[126]Abu Dawud, *al-Sunan*, Hadith nombor 5239.

pencinta alam dan telah diadakan beberapa banyak seminar dan perhimpunan agung mengenainya.

Setelah saya rujuk kepada *Sunan Abu Dawud* mengenai Hadith ini, saya dapati Abu Dawud telah ditanya mengenai Hadith ini dan beliau menjawab, "Hadith ini adalah ringkasan yakni sesiapa yang memotong pokok sadrah di kawasan tanah lapang yang dimanfaatkan oleh orang musafir dan binatang, sebagai tempat berteduh, tanpa sebab yang benar, maka Allah akan menghalakan kepala orang yang menebang itu ke neraka."

Alhamdulillah, apa yang saya fahami terhadap Hadith itu adalah sama dengan tafsiran Imam Abu Dawud.

BEBERAPA TA'WILAN YANG TERTOLAK

Antara ta'wilan yang tertolak ialah ta'wilan batiniyyah yang tidak ada dalil sama ada dari ibarat atau dari gaya bahasa sesuatu nas. Misalnya pendapat orang yang berkata bahawa maksud perkataan 'sahur' di dalam Hadith:

" تسحروا فان فى السحور بركة "

Terjemahan: *Hendaklah kamu bersahur kerana sahur itu mempunyai berkat.*[127]

Mereka maksudkan 'sahur' di dalam Hadith ini ialah istighfar.

Memang tidak disangkal bahawa beristighfar pada waktu-waktu sahur amat digalakkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi yang dituntut berdasarkan Hadith ini adalah sahur yang sebenarnya. Lebih-lebih lagi terdapat Hadith lain yang menerangkan maksud Hadith di atas seperti Hadith ini:

" نعم السحور التمر "

Terjemahan: *Sebaik-baik sahur adalah dengan tamar.*[128]

[127]*Al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*, Hadith nombor 665.

[128]Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Hibban dan Abu Nu'aym.

dan

" السحور كله بركة، فلاتدعوه ، ولو أن يجرع أحدكم جرعة من ماء "

Terjemahan: *Sahur itu semuanya berkat. Oleh itu, janganlah kamu meninggalkan sahur sekalipun dengan meminum seteguk air.*[129]

Antara ta'wil yang ditolak juga ialah menta'wilkan Hadith-Hadith yang berkaitan dengan Dajjal yang kita disuruh berlindung kepada Allah mengenai fitnahnya, pada setiap kali sembahyang. Kononnya Hadith-Hadith tersebut mengisyaratkan kepada tamadun Barat sekarang. Tamadun itu adalah tamadun yang buta sebelah seperti Dajjal yang disifatkan buta sebelah mata. Tamadun itu melihat kepada manusia dan kehidupan dengan satu mata kebendaan semata-mata, yang selain itu tidak dilihat; manusia tidak ada roh; alam tanpa Tuhan; tidak ada hari akhirat selepas kehidupan dunia.

Ta'wil di atas adalah bertentangan dengan beberapa Hadith yang menunjukkan bahawa Dajjal itu adalah seorang manusia; pergi dan balik, masuk dan keluar, mengajak manusia, memperdayakan mereka seterusnya mengugut mereka dan lain-lain yang disebut di dalam Hadith Sahih. Hadith mengenainya telah sampai di peringkat mutawatir.

Ta'wil lain yang ditolak juga ialah ta'wil yang dibuat oleh sesetengah penulis moden mengenai Hadith turunnya Nabi Isa a.s. pada akhir zaman. Hadith ini telah sampai di peringkat mutawatir sebagaimana yang telah diterangkan oleh sebahagian besar Huffaz Hadith.[130] Menurut sesetengah penulis moden, Hadith ini adalah sebagai lambang kepada satu zaman yang penuh keamanan dan kesejahteraan. Memang telah masyhur bahawa Nabi Isa a.s. menyeru kepada kesejahteraan dan bertimbang rasa sesama manusia. Mereka lupa bahawa ta'wil mereka ini nyata bertenta-

---

[129]Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*. Menurut al-Mundhiri sanad Hadith ini kuat.

[130]Anwar al-Kashmiri, *al-Tasrih bima Tawatara fi Nuzul al-Masih*.

ngan dengan beberapa Hadith Sahih yang memperkatakan turunnya Nabi Isa a.s. seperti Hadith:

" لينزلن ابن مريم حكما عدلا، فليكسرن الصليب، وليقتلن الخنزير، وليضعن الجزية "

Terjemahan: *Isa ibn Mariam akan turun sebagai hakim yang adil. Dia akan memecahkan salib, membunuh khinzir dan tidak menerima jizyah.*[131]

Nabi Isa a.s. tidak menerima yang lain daripada agama Islam. Hadith ini adalah jelas bertentangan dengan ta'wil yang di atas. Ta'wil itu juga memberi peluang kepada pandangan pendi'ayah Kristian dan orientalis yang mengatakan Islam itu adalah 'agama pedang' dan hanya agama Kristian sahaja agama kesejahteraan.

IBN TAYMIYYAH DAN PENOLAKANNYA TERHADAP MAJAZ

Saya tahu bahawa Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah mengingkari majaz di dalam al-Qur'an, al-Sunnah dan bahasa secara umum. Beliau menguatkan hujahnya dengan beberapa dalil. Saya juga mengetahui sebab beliau berbuat demikian. Beliau mahu menutup pintu kepada penta'wil-penta'wil yang melampau-lampau mengenai sifat Allah s.w.t. Mereka itulah yang dinamakan *al-mu'attilah*. Sifat-sifat Allah s.w.t. menurut mereka adalah *salbi* tidak *ijabi*, *nafi* tidak *ithbat*.

Ibn Taymiyyah hendak menghidupkan apa yang dilakukan oleh ulama Salaf iaitu mengithbatkan kepada Allah s.w.t. apa yang diithbatkan Allah s.w.t. untuk diri-Nya di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dan menafikan kepada-Nya apa yang dinafikan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Tetapi

---

[131]Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurayrah dengan lafaz-lafaz yang hampir sama. Lihat: *Sahih al-Jami' al-Saghir*, Hadith nombor 7077 dan lihat juga, *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*, Hadith nombor 95.

beliau melampaui batas sehingga menafikan *majaz* (kiasan) dalam bahasa secara keseluruhan.

Ibn Taymiyyah adalah ulama yang paling saya sayangi dan yang paling dapat diterima oleh akal saya, tetapi dalam masalah ini saya berlainan pendapat dengan beliau seperti beliau berlainan pendapat dengan ulama sebelumnya. Beliau telah mengajar kita supaya berfikir dan jangan bertaqlid. Kita hendaklah mengikut dalil dengan sebab kebenarannya dan kita tidak mengenal kebenaran itu kerana orang. Saya sayang kepada Ibn Taymiyyah tetapi saya bukan penganut *Taymiyyaisme.*

Kata al-Hafiz al-Dhahabi, "Syaykh Ibn Taymiyyah kami kasihi tetapi kebenaran itu lebih kami kasihi daripadanya."

Ya, saya berserta dengan Ibn Taymiyyah tentang sifat-sifat Allah s.w.t. dan sesuatu yang ada kaitan dengan alam ghaib dan hal-hal akhirat. Yang sebaik-baiknya dalam perkara ini, kita jangan mendalami ta'wilannya kecuali ada dalil, dan kita serahkan mengenainya kepada orang yang mengetahuinya. Kita berkata sebagaimana *al-rasikhun fi 'l-'ilm* berkata:

Terjemahan: *Kami beriman kepadanya (ayat-ayat mutasyabihat), semua itu adalah dari Tuhan kami.*
(*Surah Ali 'Imran 3:7*)

Hal ini akan saya terangkan dalam fasal yang akan datang.

MEMBEZAKAN DI ANTARA YANG GHAIB DENGAN YANG NYATA

Al-Sunnah ada memperkatakan mengenai alam ghaib. Sesetengahnya berkaitan dengan alam yang tidak dapat dilihat dari alam kita ini seperti malaikat yang telah diberi tugas oleh Allah s.w.t. dengan pelbagai tugas. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ

Terjemahan: *Tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu kecuali Dia sendiri.*

(*Surah al-Muddaththir 74:31*)

Begitu juga jin, penghuni bumi yang mukallaf seperti kita, mereka melihat kita tetapi kita tidak dapat melihat mereka. Begitu juga syaitan, tentera iblis yang telah bersumpah di hadapan Allah s.w.t. untuk menyesatkan kita. Allah s.w.t. berfirman:

Terjemahan: *Iblis berkata, "Demi kebesaran-Mu, aku akan menyesatkan mereka semua, kecuali hamba-hamba-Mu yang mukhlas di antara mereka."*

(*Surah Sad 38:82 dan 83*)

Begitu juga dengan *al-'Arasy*, *al-Kursi*, *al-Lawh* dan *al-Qalam.*

Sesetengah perkara ghaib ini berkaitan dengan kehidupan di alam barzakh, kehidupan setelah mati

sebelum dibangkitkan pada hari kiamat, iaitu berkaitan dengan soal kubur, nikmatnya dan azabnya.

Perkara-perkara ghaib ini ada juga yang berkaitan dengan kehidupan di alam akhirat seperti kebangkitan dari kubur, padang mahsyar dan penantian di sana, keadaan pada hari kiamat, *syafa'at* agung, *al-mizan*, *al-hisab*, *al-sirat*, syurga, nikmat-nikmat yang terdapat di dalamnya, darjat-darjat manusia di dalamnya dan neraka serta jenis-jenis azab di dalamnya sama ada *hissi* atau *ma'nawi* dan peringkat-peringkat manusia di dalamnya.

Semua atau sebahagian besar daripada perkara di atas telah dibentangkan oleh al-Qur'an, manakala al-Sunnah hanya menerangkan dan memperincikannya.

Hadith-Hadith yang tidak sahih mengenai perkara ini tidak akan kami bincangkan. Apa yang akan dibincangkan ialah Hadith-Hadith yang thabit daripada Rasulullah s.a.w.

Seorang Muslim yang berilmu wajib menerima Hadith-Hadith yang telah thabit kesahihannya menurut kaedah para ulama dan golongan Salaf yang menjadi ikutan. Tidak boleh ditolak Hadith itu hanya semata-mata kerana ia bertentangan dengan apa yang kita tahu atau jauh dari matlamat kita, selagi ia masih harus berlaku pada akal, sekalipun mustahil pada adat.

Manusia pada zaman ini dengan ilmu yang ada pada mereka, telah dapat mencipta sesuatu yang mustahil pada adat. Jika diceritakan kepada orang-orang dahulu nescaya mereka akan menganggap si pencerita itu gila. Jika ini yang berlaku kepada ilmu manusia, maka betapa dengan kudrat Allah s.w.t. yang tidak dapat dilemahkan oleh sesuatu pun baik yang di langit mahupun yang di bumi.

Para ulama kita telah menegaskan bahawa agama (al-din) membawa sesuatu yang menghairankan akal, tetapi ia tidak membawa sesuatu yang mustahil pada akal. Nas yang sahih tidak akan bertentangan dengan akal yang waras. Jika ia dikatakan bertentangan, ini menunjukkan ada yang tidak betul sama ada nas itu tidak sahih ataupun akal itu tidak waras. Maksudnya, apa yang dikatakan sebagai agama sebenarnya ia bukan agama, apa yang disangka

kebenaran atau akal, pada hakikatnya ia belum merupakan kebenaran atau akal.

Terdapat sesetengah aliran dalam Islam seperti Mu'tazilah menolak Hadith-Hadith yang pada pandangan akal mereka jauh daripada dapat diterima. Sesetengah mereka juga menolak Hadith-Hadith mengenai soalan malaikat terhadap orang mati di dalam kubur dan perkara yang berkisar dengan azab atau nikmat kubur.

Begitu juga pendapat mereka tentang Hadith-Hadith mengenai *al-mizan* dan *al-sirat*, juga Hadith-Hadith tentang orang mukmin melihat Allah s.w.t. di syurga, juga sebahagian Hadith mengenai jin dan hubungan mereka dengan manusia.

Imam al-Syatibi di dalam kitabnya yang bernilai yang diberi nama *al-I'tisam* mengatakan bahawa setengah daripada sifat *ahl al-bid'ah* dan penyeleweng, ialah mereka menolak Hadith-Hadith yang tidak sesuai dengan madhhab dan kehendak mereka, lantas mereka mengatakan Hadith-Hadith tersebut bertentangan dengan akal. Pendapat mereka ini mestilah ditolak. Mereka mengingkari azab kubur, *al-sirat*, *al-mizan*, melihat Allah s.w.t. di akhirat. Mereka juga mengingkari Hadith mengenai lalat yang dinyatakan salah satu kepaknya mengandungi ubat dan sebelah yang lain mengandungi penyakit. Mereka juga mengingkari Hadith yang menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh seorang Sahabatnya memberi minum madu kepada saudaranya yang sakit perut. Mereka juga mengingkari Hadith-Hadith Sahih yang lain yang seumpama ini.

Mereka telah menolak perawi-perawi dari kalangan Sahabat dan Tabi'in r.a. dan perawi-perawi lain yang telah disepakati oleh ulama-ulama tentang keadilan dan ketinggian ilmu mereka. Mereka lakukan ini semua hanya kerana hendak menolak orang-orang yang tidak se madhhab dengan mereka. Mereka sanggup mencela Sahabat, Tabi'in dan ulama-ulama di hadapan khalayak ramai supaya orang ramai enggan berpegang kepada al-Sunnah dan benci kepada ulama-ulama Hadith.

Mereka mengatakan bahawa pengithbatan *al-sirat, al-mizan* dan *al-hawd* adalah suatu pendapat yang tidak logik. Antara mereka ada yang ditanya, "Adakah kafir orang yang berkata dapat melihat Allah di akhirat?" Jawab mereka, "Tidak, kerana orang ini memperkatakan sesuatu yang tidak logik. Orang yang berkata mengenai sesuatu yang tidak logik, tidak menjadi kafir!"

Terdapat satu golongan yang menafikan terus khabar *ahad* dan hanya berpegang kepada sesuatu yang selaras dengan akal mereka bagi memahami al-Qur'an. Mereka sanggup mengharuskan arak dengan berdalilkan firman Allah s.w.t.:

لَيْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جُنَاحٌ فِيمَا طَعِمُوٓا۟

Terjemahan: *Tiada dosa bagi orang-orang yang beriman dan beramal soleh pada apa yang telah mereka makan dahulu... .*

(Surah al-Ma'idah 5:93)

Kepada mereka dan orang seperti mereka, Rasulullah s.a.w. bersabda:

لا ألفين أحدكم متكئا على أريكته يأتيه الأمرمن أمرى مما أمرت به أو نهيت عنه ، فيول : لا أدرى ما وجدنا فى كتاب الله اتبعناه "

Terjemahan: *Aku tidak mahu mendapati seseorang daripada kamu yang duduk berteleku di atas kerusinya, datang kepadanya satu perkara daripadaku sama ada yang aku suruh atau larang, dia berkata, "Aku tidak tahu, apa yang kami dapati daripada Kitab Allah kami ikuti."*[132]

Ini adalah ancaman yang dahsyat tanpa kompromi kepada sesiapa yang menolak al-Sunnah.[133]

---

[132]Abu Dawud, *al-Sunan*, Hadith nombor 4605.

[133]Lihat: al-Syatibi, *al-I'tisam*, jilid 1, hlm. 231 dan 232.

Termasuk dalam golongan mereka juga ialah pendakwa pembaharuan daripada golongan moden yang mempersoalkan Hadith Sahih berikut:

" ان فى الجنة لشجرة يسير الراكب فى ظلها مائة عام لايقطعها "

Terjemahan: *Di dalam syurga terdapat sebatang pohon yang besar, jika seorang penunggang unta berjalan di bawah naungannya selama seratus tahun nescaya dia tidak akan dapat menghabiskannya.*

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Sahl bin Sa'd, Abu Sa'id dan Abu Hurayrah.[134] Hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Anas. Begitu juga pendapat Ibn Kathir ketika menafsirkan firman Allah s.w.t.:

Terjemahan: *Dan naungan yang luas.*

(*Surah al-Waqi'ah 56:30*)

Memang Hadith ini merupakan Hadith yang thabit daripada Rasulullah s.a.w., bahkan ia merupakan Hadith Mutawatir yang tidak dipertikaikan kesahihannya di sisi ulama Hadith.

Zahirnya apa yang dimaksudkan dengan seratus tahun di dalam Hadith di atas adalah tahun-tahun dunia. Hal ini dapat difahami daripada Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id, maksudnya: *"Penunggang unta kurus yang laju."* Allah s.w.t. sahaja yang tahu nisbah masa di dunia dan masa di akhirat. Allah s.w.t. berfirman di dalam al-Qur'an:

Terjemahan: *Satu hari di sisi Tuhanmu seperti seribu tahun dari apa yang kamu kira.*

(*Surah al-Hajj 22:47*)

[134]Lihat: *al-Lu'lu' wa 'l-Marjan*, Hadith nombor 1799, 1800 dan 1801.

Apabila thabit kesahihan sesebuah Hadith maka apa yang dapat kita katakan ialah, "Kami beriman dan kami percaya, kami yakin, negeri akhirat mempunyai ukuran yang berlainan daripada ukuran di dunia." Ibn 'Abbas berkata, "Tidak ada di dalam syurga itu suatu perkara pun dari dunia kecuali nama-nama sahaja."

Sama seperti Hadith di atas ialah Hadith mengenai azab kepada orang kafir di dalam neraka, dari segi membesar giginya, membesar badannya dan menebal kulitnya. Mengenai perkara seperti ini, yang paling selamat ialah kita menerima Hadith-Hadith tersebut dan tidaklah perlu dibincangkan secara detail.

Pendakwah yang berjaya tidak membawa Hadith-Hadith yang seperti ini kecuali jika diperlukan, kerana ia dapat menimbulkan keraguan di kalangan pemikir moden. Apa yang sewajarnya dilakukan oleh seorang Muslim ialah memohon syurga daripada Allah s.w.t. dan melakukan sesuatu yang dapat membawa kepadanya, sama ada dari segi perkataan atau amalan dan berlindung daripada neraka dan sesuatu yang membawa kepadanya sama perkataan atau perbuatan. Dia juga hendaklah mengamalkan amalan ahli syurga dan menjauhkan dirinya daripada melakukan perbuatan ahli neraka.

Sikap yang selamat sebagai seorang mukmin dan tidak bertentangan dengan akal mengenai perkara-perkara *ghaybiyyat* ialah dengan berkata, "Kami beriman dan kami percaya." Dalam perkara-perkara *ta'abbudiyyat* pula kita berkata, "Kami dengar dan kami taat."

Ya, kita beriman dengan nas mengenai perkara-perkara tersebut dan kita tidak menyoal tentang *kayfiyat* dan hakikatnya kerana akal kita dalam banyak hal tidak berupaya mengetahui hakikat perkara-perkara yang ghaib ini. Allah s.w.t. tidak memberikan kita keupayaan untuk mengetahui perkara-perkara ghaib ini kerana manusia yang dijadikan oleh Allah s.w.t. sebagai khalifah di atas muka bumi ini tidak perlu mengetahui hakikat perkara-perkara *ghaybiyyat* tersebut.

Sekiranya aliran-aliran pemikiran seperti Ilmu Kalam Mu'tazilah, berhenti dari usaha untuk mengetahui hakikat perkara-perkara ghaib ini dan cukup dengan menerima nas-nas tersebut, nescaya mereka tidak mengingkari Hadith-Hadith Sahih yang mengithbatkan bahawa orang-orang mukmin akan melihat Allah s.w.t. di akhirat. Mereka akan melihat Allah s.w.t. sebagaimana mereka melihat bulan purnama. Perbandingan di sini adalah dari sudut melihat dengan jelas bukan dari sudut yang dilihat. Di samping itu Allah s.w.t. juga telah berfirman:

Terjemahan: *Muka-muka mereka pada hari itu bercahaya-cahaya memandang kepada Tuhan mereka.*

(*Surah al-Qiyamah 75:22 dan 23*)

Asas kesilapan mereka ialah kerana mereka cuba membandingkan perkara ghaib dengan perkara nyata, dan membandingkan akhirat dengan dunia. Perbandingan ini tidak tepat kerana kedua-dua alam itu mempunyai peraturan-peraturan yang berbeza.

Ahli al-Sunnah telah mengakui bahawa orang mukmin akan melihat Allah s.w.t. di akhirat tetapi cara mereka melihat tidaklah seperti kebiasaan penglihatan mata di dunia bahkan sebagaimana kata Imam Muhammad 'Abduh, "Penglihatan tanpa *kayfiyyat* dan tanpa batas, dilihat oleh mata yang khusus untuk penghuni syurga, atau mata yang telah berubah dari keadaannya di dunia. Kita tidak dapat mengetahui hakikatnya. Walau bagaimanapun kita mesti beriman kepadanya apabila thabit kesahihan Hadith tersebut."[135]

Syaykh Muhammad Rasyid Rida telah menerangkan pendapat gurunya itu mengenai cara melihat Allah s.w.t. di akhirat kelak dengan katanya:

---

[135]Syaykh Muhammad 'Abduh, *Risalah al-Tawhid*, hlm. 187-188.

"Pada hakikatnya mengetahui itu adalah bagi roh. Pancaindera hanya merupakan alat. Pada zaman ini telah diakui oleh ulama di barat dan di timur melalui percubaan, bahawa terdapat manusia yang dapat melihat dan membaca sedangkan matanya tertutup iaitu yang dinamakan pembacaan fikiran. Ia dapat melihat sesetengah perkara dalam tidurnya. Terdapat juga manusia yang dapat melihat sesuatu benda di sebalik batas dan tabir. Terdapat juga beberapa perkara yang terlindung dan jauh daripadanya, seperti seorang yang berada di Kaherah dapat melihat kerabatnya yang berada di Iskandariah sedang keluar dari rumahnya menuju ke satu perhentian keretapi. Sekiranya perkara ini boleh berlaku dalam alam dunia ini maka bolehkah bagi orang yang berakal mengingkari yang lebih menghairankan dari itu yang berlaku di syurga, sedangkan syurga adalah alam ghaib yang berlainan dari segi peraturannya dengan alam dunia ini? Jika hendak dibandingkan alam ghaib dengan alam dunia ini, itu adalah perbandingan yang tidak tepat."[136]

---

[136] *Ibid.*

PENELITIAN KEPADA MAKNA LAFAZ HADITH

Untuk memahami al-Sunnah dengan tepat, mestilah dibuat penelitian terhadap makna lafaz yang terdapat di dalam al-Sunnah, kerana makna sesuatu lafaz itu berbeza di antara satu masa dengan satu masa yang lain. Begitu juga berbeza di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Ini merupakan satu perkara yang sudah termaklum kepada para pelajar bahasa, disebabkan oleh perkembangan bahasa dan lafaz-lafaznya, juga pengaruh masa dan tempat.

Orang ramai telah membuat istilah sesuatu lafaz yang menunjukkan makna-makna yang tertentu. Tidak ada pertelingkahan dalam masalah ini. Apa yang membimbangkan kita ialah membuat penggantian lafaz yang terdapat di dalam al-Sunnah, begitu juga di dalam al-Qur'an, kepada istilah baru. Inilah yang akan merosakkan maksud Hadith.

Imam al-Ghazali telah memberi peringatan kepada kita mengenai sesetengah lafaz yang berbeza maknanya dengan apa yang telah diistilahkan oleh golongan Salaf. Beliau juga menyatakan bahaya perbezaan ini bagi orang yang tidak memahaminya. Beliau telah memperkatakan dalam satu fasal di dalam *Kitab al-'Ilm*, di dalam kitabnya yang masyhur, *Ihya' 'Ulum al-Din*. Dalam fasal itu beliau berkata:

> "Ketahuilah bahawa punca berlaku kesamaran di antara ilmu yang dikeji dengan ilmu yang dipuji ialah mengubah perkataan-perkataan yang dipuji kepada makna yang tidak dikehendaki oleh golongan al-Salaf al-Salih, kemudian menyebarkannya dengan tujuan

buruk. Lafaz-lafaz itu ialah *al-fiqh, al-'ilm, al-tawhid, al-tadhkir* dan *al-hikmah.* Ini merupakan lafaz-lafaz yang tinggi dan terpuji. Orang yang memilikinya mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam agama. Tetapi sekarang ini telah ditukar kepada makna yang keji yang menjadikan tawar hati kerana keburukan orang yang menyandangnya."[137]

Jika lima lafaz di atas yang telah diperhatikan oleh Imam al-Ghazali, berubah dari maknanya yang difahami oleh golongan al-Salaf al-Salih, dalam bidang ilmu, maka dalam hal ini terdapat perubahan yang banyak dalam bidang-bidang lain.

Perubahan ini akan lebih meluas lagi oleh peredaran masa, perubahan tempat dan perkembangan manusia, sehingga terjadilah perbezaan yang besar dari segi maknanya menurut kebiasaan dan istilah mutakhir. Ini akan menimbulkan kesilapan dan salah faham yang tidak disengajakan, dan perubahan serta penyelewengan yang disengajakan.

Para ulama telah memberi peringatan supaya jangan menukarkan makna lafaz-lafaz syar'iyyah mengikut istilah-istilah moden sesuai dengan perubahan masa. Sesiapa yang tidak memperhatikan hal ini akan membuat kesilapan yang besar sebagaimana dapat kita saksikan sekarang. Sebagai contoh ambil saja perkataan *taswir* yang telah dinyatakan di dalam beberapa Hadith Sahih yang telah disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim. Apakah maksud perkataan ini di dalam Hadith yang menjanjikan balasan yang amat dahsyat kepada pelakunya?

Banyak dari kalangan mereka yang berkecimpung dalam pengajian Hadith dan Fiqh memasukkan ke dalam golongan yang akan menerima balasan buruk ini, ialah orang-orang yang dinamakan *al-musawwirun* iaitu orang yang menggunakan alat kamera dan mengambil bentuk yang serupa yang dinamakan gambar (*al-surah*).

---

[137]*Ihya' Ulum al-Din,* jilid 1 hlm. 31 dan 32, Dar al-Ma'arif, Bayrut.

Persoalannya, adakah menamakan tuan punya kamera itu *musawwir* dan perbuatannya itu *taswir* merupakan nama dari segi bahasa? Tiada seorang pun yang akan mengatakan ya. Oleh itu, ini bukan penamaan dari segi bahasa. Orang juga tidak boleh mengatakan penamaan ini penamaan syar'iyyah kerana bentuk yang seperti ini belum ada pada masa larangan itu disyari'atkan. Jadi, adakah logik menamakan sesuatu sedangkan yang dinamakan itu belum berlaku? Maka siapakah yang menamakan tukang gambar itu *musawwir* dan perbuatannya, *taswir*?

Yang tahu jawapannya adalah kita, bapa kita, atau seterusnya datuk kita kerana alat ini muncul pada zaman mereka. Mereka boleh menamakan perbuatan ini dengan *al-'aks* dan perbuatannya dinamakan *al-'akkas* sebagaimana yang dinamakan oleh penduduk Qatar dan Teluk. Mereka pergi ke kedai gambar dan berkata kepada tukang gambar (*al-'akkas*), "Saya mahu anda mengambil gambar saya (*ta'-kisuni*)." dan dia akan bertanya, "Bilakah saya dapat mengambil gambar (*al-'akkus*) saya ini?" Perkataan yang digunakan oleh mereka ini lebih hampir kepada hakikat sebenar bagi pengambilan gambar secara potret. Perkara ini telah dinyatakan oleh mufti Mesir pada zaman itu, Syaykh Muhammad Bakhit al-Muti'i di dalam risalahnya yang berjudul, *al-Jawab al-Kafi fi Ibahah al-Taswir al-Futughrafi.*

Orang Arab pada zaman ini menamakan pengambilan gambar secara potret dengan *taswir*, mereka juga menamakan pengukiran gambar yang berbentuk (patung) sebagai *naht*, yang menurut ulama-ulama Salaf dinamakan *ma lahu zill*, iaitu benda yang mempunyai bayang, inilah yang mereka sepakati haramnya, kecuali patung permainan kanak-kanak.

Adakah dengan sebab penggambaran gambar yang berbentuk dinamakan *naht* bukan *taswir* menjadikannya terlepas daripada Hadith-Hadith yang menjanjikan balasan buruk kepada *taswir* dan *musawwirun*? Jawabnya, sudah tentu tidak, kerana inilah yang lebih tepat dinamakan *taswir* dari segi bahasa dan syara'.

PENUTUP

Pada akhir perbincangan ini, kami tegaskan bahawa *al-Sunnah al-Nabawiyah* yang merupakan sumber yang terpelihara, rujukan kedua selepas al-Qur'an, bagi memberi hidayah kepada orang-orang Islam. Al-Sunnah juga merupakan rujukan dalam bidang tasyri', kehakiman dan fiqh, juga dalam bidang dakwah, pendidikan dan pengajaran. Al-Sunnah perlu diberi perhatian yang sewajarnya sesuai dengan kedudukannya dan kedudukan umat Islam pada permulaan kurun ke-15 dan hampir kepada kurun ke-21 Masihi.

Semua institusi ilmu hendaklah berganding bahu, sehingga dapat melahirkan data hasil yang sedap dimakan, buahnya cukup masak dan pohonnya rendang.

Al-Sunnah memerlukan ensiklopedia mengenai *Rijal al-Hadith* yang memperkatakan semua perawi Hadith, pengenalan terhadap mereka dan sifat mereka, ke*thiqah*an dan keda'ifan mereka, termasuklah juga pemalsu-pemalsu Hadith dan perawi-perawi yang dusta.

Satu ensiklopedia mengenai matan-matan Hadith serta sanad dan segala *turuq*nya, merangkumi setiap apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w., dihimpun daripada semua sumber sama ada daripada kitab-kitab Hadith yang telah dicetak atau daripada manuskrip.

Dan ensiklopedia ini akan membawa kepada satu ensiklopedia lain iaitu pengumpulan Hadith-Hadith Sahih dan Hadith Hasan yang diambil daripada kajian yang luas tersebut dengan menggunakan neraca yang teliti yang telah

dibuat oleh ulama-ulama yang pakar daripada kalangan ulama moden.

Ensiklopedia ini hendaklah diberi bab yang baru dan diberi indeks yang lengkap. Hadith-Hadith yang dikumpulkan merangkumi semua bidang; agama, kemanusiaan, kemasyarakatan dan lain-lain yang terkandung di dalam al-Sunnah dan dapat memberi sumbangan kepada semua pengkaji dalam pelbagai bidang.

Ini semua dapat dilakukan dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah diberi oleh Allah s.w.t. kepada kita dan yang lebih canggih ialah dengan menggunakan komputer. Salah seorang daripada kawan kita menamakannya, *Hafiz Zaman Ini*. Sebenarnya alat ini lebih daripada Hafiz. Jika kita menggunakannya dengan sebaik-baiknya, ia akan memberi khidmat ilmiah yang amat besar yang tidak pernah termimpi oleh orang-orang dahulu.

Kami berharap agar Pusat Penyelidikan al-Sunnah wa 'l-Sirah di Qatar bekerjasama dengan pusat-pusat penyelidikan yang lain yang sepertinya dan berganding bahu menjayakan projek raksasa ini.

Al-Sunnah memerlukan tafsiran moden yang dapat menjelaskan kebenaran, menerangkan yang samar-samar, membetulkan kefahaman dan menolak perkara-perkara yang batil, dengan menggunakan bahasa dan logik moden supaya dapat memberi faedah kepada orang ramai.

Al-Qur'an al-Karim telah diberi khidmat yang sewajarnya oleh ulama-ulama besar kita. Mereka telah menafsirkan ayat-ayatnya dan mencungkil mutiara-mutiara yang terkandung di dalamnya. Mereka dapat mempersembahkan isi kandungannya kepada akal manusia pada zaman moden yang dapat meresap ke dalam akal dan hati mereka melalui pelbagai pintu.

Ini dapat kita lihat pada tafsir-tafsir yang ditulis oleh Muhammad Rasyid Rida, Jamal al-Din al-Qasimi, al-Tahir bin 'Asyur, Abu al-A'la al-Mawdudi, Sayyid Qutb, Mahmud Syaltut dan lain-lain.

Kitab-kitab al-Sunnah, khususnya *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, belum mendapat khidmat besar seperti itu.

Sehingga kini belum ada huraian-huraian yang mantap dibuat terhadap kitab-kitab tersebut yang dapat memadukan di antara ilmu-ilmu tradisional dengan konsep-konsep pembaharuan masa kini.

Usaha-usaha yang amat dihargai telah dilakukan bagi mensyarahkan *al-Sunan al-Arba'ah* oleh ulama-ulama dari India dan Pakistan, tetapi persembahannya masih dipengaruhi oleh cara-cara lama. Ini tidak dapat difahami oleh cendekiawan moden.

Mudah-mudahan Allah s.w.t. akan memberi tawfiq-Nya kepada para da'i dan ulama besar kita, agar mereka dapat mensyarahkan *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* secara ilmiah moden yang kelak dapat memberi khidmat cemerlang kepada pendidikan dan kebudayaan Islam.